


Muhammad Said Ramadhan Al-Buti



Fiqh Sirah Bah 1



Siri Tarbiyyah



Kandungan :

- ❖ Kata Pengantar Dari Penerbit dan Penterjemah
- ❖ Muqaddimah
- ❖ Peranan dan Perlunya Riwayat Hidup Nabi Muhammad Dalam Memahami Islam
- ❖ Sumber-sumber Sejarah Rasulullah
- ❖ Rahsia Pemilihan Semenanjung Arab Sebagai Tapak pancaran Agama Islam
- ❖ Muhammad Sallahu A'laihiwassallam Nabi Yang Terakhir
- ❖ Saki baki Agama Hanif Dalam Jahiliyyah A'rab
- ❖ Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W dan Penyusuanannya
- ❖ Perjalanan Yang Pertama Ke Negeri Syam dan Usaha Mencari Rezeki Halal
- ❖ Perniagaan Dengan Harta Khadijah dan Perkahwinan Baginda
- ❖ Penyertaan Rasulullah Dalam Usahah Membena Semula Al-Ka'bah
- ❖ Berkhulwah di Gua Hira'
- ❖ Penerimaan Wahyu
- ❖ Peringkat-peringkat Dakwah Islamiyyah Semasa
- ❖ Hidup Rasulullah
- ❖ Kata Pengantar dan Penerbit
- ❖ Seruan Secara Sulit
- ❖ Seruan Secara Terang-Terangan
- ❖ Penyeksaan
- ❖ Pernulauan Ekonomi
- ❖ Hijrah Pertama Dalam Islam
- ❖ Utusan Pertama Menemui Rasulullah
- ❖ Tahun Perkabungan
- ❖ Perantäuan Rasulullah Ke'Ta'if
- ❖ Mu'izat Isra' Dan Mi'raj
- ❖ Rasulullah Memperkenalkan Dirinya Kepada Qabilah-qabilah Permulaan Ansar Memeluk Islam
- ❖ Perjanjian Al 'Aqabah Yang Kedua
- ❖ Perbicaraan Umum Tentang Al Jihad Dan Mengapa Disyara'kan
- ❖ Keizinan Rasulullah Kepada Sahabatnya Untuk Berhijrah ke Madinah Hijrah Rasulullah

Kata Pengantar Dari Penerbit

Segala puji-pujian hanya sanya untuk Allah Subhanu Wata'ala, Tuhan pemilik dan pentadbir sekalian 'alam. Ucapan Selawat dan Salam ke atas Imam kepada orang-orang yang ber taqwa, pemimpin kepada para Daie dan barisan Mujahidin iaitu Junjungan Yang Mulia Nabi Muhammad, Ahli-ahli keluarga Baginda seterusnya Jama'ah sahabat dan penolong Baginda seluruhnya — Radiya'Llahu 'anhum Ajma'in.

Saudara-saudari pembaca budiman,

Usaha-usaha untuk mengembalikan semula kefahaman dan kecintaan umat kini terhadap Islam merupakan titik tolak penting ke arah pencapaian cita-cita Islam. Memandangkan usaha-usaha ini merupakan langkah permulaan ke arah matlamat tersebut maka para muharrik di dalam wadah Islam mestilah menyedari bahawa mereka adalah berperanan besar memikul tanggungjawab dalam menentukan aliran perjuangan dan kadar pencapaian cita-cita jama'ah Islamiyyah. Tanggungjawab besar ini tidak mungkin dapat mereka lalui dengan jayanya jika tidak dibekali dengan kefahaman terhadap tasawwur Islam dan tabi'at pergerakan ini yang merupakan satu keperluan asas kepada para da'ie khususnya bagi mereka yang memegang amanah sebagai muharrik.

Satu hakikat yang wajib diakui bahawa matlamat dan cara pergerakan ini bukan milik individu tertentu yang boleh dicerai pisah dan dirombak-ganti mengikut selera. 'Tradisi' pergerakannya sejak awal mulanya telah memaparkan dalil-dalil bahawa gerakan Islam telah mempunyai cara-cara yang tersendiri dan kaedah-kaedah ini telah ditentukan. Dengan yang demikian mereka yang benar-benar ingin mencapai cita-cita kelslaman melalui 'wadah' yang disertainya wajib mengikuti dan memelihara cara-cara (manhaj) ini sebagaimana yang telah dicontohkan oleh peninggalan RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dalam tarbiyyahnya sebagaimana yang dijelmakan di kalangan Assabi qunul-awwalin dan angkatan berikutnya.

Sayangnya perintah wajib dari Allah Subhanahu Wata'ala yang mengutuskan Nabinya SallaLlahu 'alaihi Wasallam yang mulia itu sebagai ikutan yang sebaik-baiknya (Uswah-Hasanah) telah tidak dihayati dan dicontohi dengan benar oleh kebanyakan umat Islam kini. Oleh yang demikian usaha-usaha mendidik dan menggerakkan semula masyarakat Islam melalui pengajaran dan perjalanan hidup RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam perlu diberi nafas baru untuk manfa'at perjuangan hidup umat Islam. Usaha-usaha ini dapat dimulai dengan memperbanyak kan dan memperkembangkan penyebaran risalah Sirah RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam ke dalam masyarakat kaum Muslimin.

Lantaran menyedari betapa pentingnya penyebaran Risalah Islam yang wajib ditimba dan ajaran RasuiuLlah dalam usaha memelihara kemurnian serta keaslian ajaran Islam maka para 'ulama' terdahulu telah tidak teragak-agak untuk tampil ke muka merintis jalan penulisan sirah RasuluLlah SallaLlahu 'alaibi Wasallam yang mulia itu dan hasilnya dapat kita nikmati khazanah-khazanah berharga yang sarat termuat di dalam kitab-kitab mereka.

Sejauh yang dapat dikesan kegiatan penulisan sirah ini telah bermula sejak zaman tabi'in lagi. Di antara mereka dan angkatan terawal ialah Abban Bin 'Uthman Bin 'Affan Radiya Llahu 'anhuma (32 — 105H), 'Urwah Bin Zubair Bin 'Awwam RadiyaLlahu 'anhuma (23 — 93H), Wahb Ibn Al-Munabbih RadiyaLlahu 'anh (wafat 101H) 'AbduLlah Bin Abi Bakar Bin Hamz Al-Ansary Radiya'Llahu 'anh (— 135H), Muhammad Bin Muslim Bin Syihab Al-Zuhri RadiyaLlahu 'anh (50 — 124H). Beliau ini adalah orang yang pertama berusaha membukukan hadith-hadith RasuluLlah di zaman pemerintahan 'Umar Bin 'Abdul 'Aziz RadiyaLlahu 'anh), 'Asim Bin 'Ammar Bin Qatadah Al-Ansary RadiyaLlahu 'anh (wafat

Fiqh Al-Sirah 1

129H), Musa Bin 'Uqbah RahmatuLlahi 'alaihi (wafat 141H) dan Mu'ammarr Bin Rashid RahmatuLlahi 'alaihi (wafat 150H). Sayangnya menurut ahli sejarah hasil penulisan mereka tidak sampai kepada kita.

Angkatan selepas merekalah nampaknya yang lebih kita kenali kerana serpihan basil pena mereka mengalir juga kepada kita. Di antara mereka yang paling masyhur ialah Muhammad Bin Ishaq Bin Yasar RahmatuLlahi 'alaihi (18 — 151H) dengan karyanya Al-Maghazi Wa Al-Siyar (Sirah RasuluLlah) yang di katakan sumber yang paling dapat dipercayai. Sayangnya kitab ini juga telah hilang. Menurut beberapa riwayat menyatakan bahawa sebahagian dan kandungannya dapat diperolehi dan kitab Sirah Ibnu Hisyam RahmatuLlahi 'alaihi di mana pengarangnya Abu Muhammad Bin 'AbdulMalik Bin Ayyub Al Ansary RahmatuLlahi 'alaihi (wafat 213H) dapat menimba sebahagian dan tulisan (Ibnu Ishaq) itu melalui muridnya yang masyhur Ziyad Bin 'AbduLlah Bin Al-Tufail Al-Bakka'i RahmatuLlah 'alaihi. Karya Ibnu Hisyam dikenali dengan nama 'Al Siratun-Nabawiyah'. Kitab-kitab Ibnu Ishaq dan Ibnu Hisyam— 'Sirah RasuluLlah' dan 'Sirah Nabawiyah' ini kemudiannya telah diberi ulasan oleh dua 'ulama' Islam Sepanyol yang terkemuka iaitu Al-Suhaily (508 — 581H) dan Al-Kasyani RahmatuLlahi' alaihim (535 — 604H).

Dapat dikatakan seangkatan dengan Ibnu Hisyam ialah Muhammad Bin Mani' Al-Zuhry (lahir 168 di Baghdad — wafat 230H di Basrah) iaitu murid kepada Muhammad Bin 'Umar Al-Waqidi (wafat 207H). Beliau lebih dikenali sebagai Ibn Sa'd. Beliau menulis kitabnya yang masyhur Tabaqat Al-Kabir dan kitab ini telah ditejemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh S.Moinul Haq (Karachi 1967). Selepas Ibn Sa'd muncul pula Muhammad Bin Jarir Al-Tabary (224 — 310H) dengan kitab Tarikhnya — seorang Faqih dan Imam. Beliau yang terakhir ini banyak sekali menulis tentang sejarah pemeritahan Islam.

Selepas angkatan di atas kita dapat melihat ramai penulis penulis sirah hingga zaman muta'akhir yang mengkhususkan tulisan-tulisan mereka dan berbagai-bagai sudut. Di antaranya ialah Dala'il Al-Nubuwwah oleh Al-Isfahanny, Al-Syama'il Al-Muhammadiyah karangan Al-Tarmizi (209H - 279H) Za dul-Ma'ad oleh Ibnu'l Qayyim Al-Jauzi (751H — 1350M), Al Shifa' oleh Qadi Iyadh dan Al-Mawahib Al-Laduniyyah oleh Al-Qastalany. Kitab 'yang terakhir ini telah diberi komentar yang oleh Al-Zarqahi (wafat 1122H). Dalam zaman moden ini pula kita temui Kitab 'Sirah' Al-Nabawiyah Wa Athar Al-Muhammadiyah karangan Sayyid Ahmad Zaini Dahlan RamatuLlahi 'alaihi — mufti Makkah dan mazhab Syafi'ie RahmatuLlahi 'alaihi, kitab Nurul-Yaqin tulisan Syeikh Muhammad Al-Khudry dan banyak lagi kitab-kitab yang ditulis dalam berbagai bahasa khususn 'Arab,, Urdhu dan Inggeris.

Di dalam bahasa Inggeris pula banyak tulisan-tulisan yang telah mula mengalir masuk ke dalam masyarakat kita. Antaranya ialah Muhammad RasuluLlah karya 'Alama Sayyid Abu'l Hassan 'Ali Al-Nadwi (terjemahan dan bahasa 'Arab, Kitab sudah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu), The Life Of Muhammad (PBUH) karya 'Abdul Hamid Siddique, Muhammad The Benefactor Of Humanity oleh Naem Siddique, Muhammad At Mecca dan Muhammad At-Madina, kedua-duanya oleh Watt (orientalis) Payambar: The Messenger oleh Zainol 'Abeden Rabnima (asal bahasa Parsi), The Life Of Muhammad (Terjemahan Sirah RasuluLlah-Ibnu Ishaq) oleh S. Monirol Haq, Muhammad: Man of Allah oleh Sayyid Hoesin Nasr 1980, dan yang paling baru diterbitkan ialah 'Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam' oleh Martin Ling (Abu Bakar Sirajuddin). Satu lagi tulisan yang tidak disebutkan ialah 'Hayat Muhammad' (Life of Muhammad) tulisan Muhammad Hussam Haekal yang telah dikritik hebat oleh penulis-penulis muta'kbar kerana buku ini dianggap sebagai sebuah tulisan yang ada kecenderungan. untuk menafikan unsur-unsur mu'jizat dalam kehidupan RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam lantaran pengarangnya terpesona dengan pendekatah saintifik barat.

Di dalam bahasa ibunda kita sekalipun tidak banyak hasil penulisan sirah namun terdapat beberapa tulisan yang berharga. Antaranya kitab 'Sejarah Islam' susunan Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman (5 Jilid — Jawi) dan Tarikhul-Islam susunan Ustaz Fadlu'Llah Suhaimi.

Demikianlah daftar ringkas yang dapat kami kemukakan untuk menggambarkan bahawa penulisan sirah sangat mendapat perhatian dan 'ulama'-ulama' kita sejak zaman awal Islam hingga kini.

Sayangnya timbunan khazanah penulisan Sirah yang memuatkan pengajaran dan renungan dan berbagai sudut pandangan oleh 'ulama'-ulama' dan cendikiawan Muslim yang awal mahupun dari golongan muta'akhir itu, masih belum dimanfaatkan sepenuhnya, khususnya oleh masyarakat kita di sini.

Fiqh Al-Sirah 1

Kita hampir dapat menyatakan dengan pasti bahawa bilangan anggota masyarakat kita yang benar-benar meminati pengkajian 'ilmu sirah, memahami dan menimba manfa'at dan padanya terlalu amat kecil khususnya di kalangan cerdik-pandai kita. Jika keadaan sedemikian berlaku di kalangan cerdik-pandai, apa pula yang perlu diharapkan dan orang awam? Suasana ini tidak boleh sama sekali dibiarkan berterusan kerana tanggungjawab memahami dan menghayati Islam melalui perjalanan hidup Rasulullah dalam proses pendidikan adalah tanggungjawab kita umat Islam. Kita dapat memahami bahawa berlakunya keadaan demikian berpunca dari beberapa sebab.

Antaranya:

Pertama: Umat Islam hari ini sudah tidak diajarkan bahawa tuntutan memahami sirah Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam dan menghayati ajaran-ajarannya adalah satu bahagian penting (an integral part) dan ajaran Islam itu sendiri. Akibatnya kita dapat merasai dan melihat fikrah-fikrah yang tidak wajar berkembang, hinggakan dan suasana ini lahirlah bilangan umat Islam yang tidak sedikit menulis dan menilai perjalanan hidup Rasulullah sama seperti mereka menilai tokoh-tokoh sejarah lainnya tanpa melihat soal-soal Nubuwwah dan Mukjizat sebagai yang sewajarnya. Fikiran-fikiran mereka inilah kemudiannya tersebar malah dibantu penyebarannya untuk meracuni fikrah beragama di kalangan umat Islam sendiri.

Dalam hal ini pihak pemerintah adalah bertanggungjawab merancang satu sistem pendidikan memberi ruang yang sempurna bagi pertumbuhan pengajian ilmu sirah jika kita benar benar mengharapkan umat Islam kembali menghayati ajaranNya. Sekalipun di pusat pengajian menengah dan tinggi terdapat mata pelajaran sejarah Islam yang di dalamnya terkandung juga kisah perjalanan hidup Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam namun ia hanya berbentuk pengolahan cerita semata mata sedangkan perkara yang dituntut kita memahaminya adalah pengajaran-pengajaran dan i'tibar dan yang tersurat mahupun yang tersirat demi manfaat umat Islam dalam gerak-usaha membawa ubur Risalah Islam; membina individu, keluarga, masyarakat, pemerintahan, negeri dan wilayah Islam yang memperhitungkan aspek-aspek pendekatan kerja, perkaderan, ketenteraan, kekuasaan, hukum kekuatan dan yang seumpamanya. Perkara-perkara inilah yang perlu ditekankan dalam pengajian 'ilmu sirah.

Kedua: Bahan-bahan bacaan yang khusus menyajikan kisah perjalanan hidup Rasulullah di dalam bahasa Melayu sangatlah sedikit dibandingkan dengan kitab-kitab asal dan bahasa 'Arab, Urdhu dan Farsi (Iran). Sekalipun tidak begitu sukar bagi kita rmendapatkan bahan-bahan dalam bahasa 'Arab namun bahan-bahan tersebut hampir tidak dapat dimanfaatkan kerana masalah bahasa. Hanya sebilangan kecil yang berpendidikan pondok atau berpengajian 'Arab sahaja yang berkemampuan untuk menggunakannya. Namun demikian cuaca da'wah Islamiyyah sejak akhir-akhir ini semakin memberi harapan dan kita wajib menawarkan khidmat dengan segala kadar kemam puan yang terdaya untuk menyuburkannya.

Atas kesedaran di ataslah kami memberanikan diri berusaha menerbitkan buku yang sedang saudara tatapi sekarang sekali pun kami menyedari betapa terbatasnya daya dan kemampuan kami untuknya.

Tulisan Ustaz Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti ini merupakan salah satu bentuk penulisan sirah yang mempunyai cara dan pendekatan yang tersendiri. Berdasarkan kandungannya yang ringkas kita dapat memahami bahawa penulisnya cuba memaparkan pengajaran-pengajaran dan hikmah dan setiap peristiwa yang dibentangkan. Apa yang lebih menarik dan kitab ini, pengarangnya adalah seorang yang terlibat secara langsung dalam gerakan Islam dan dengan demikian pendedahan serta pengajaran yang dibentangkannya lebih mudah difahami oleh para pendokong Harakah Islamiyyah.

Di kalangan tokoh-tokoh Ikhwanu'l-Muslimin pendekatan cara ini semakin mendapat perhatian. Kita dapat mengikuti dan tulisan—tulisan mereka seperti "Al—Sirah Al—Nabawiyah:

Durus Wa'Ibar" karangan Ustaz Mustafa Al-Siba'ei dan "Fiqh Al-Sirah" karangan Syeikh Muhammad Al—Ghazali, yang mempunyai banyak persamaan dengan kitab Fiqh Al-Sirah karangan Al-Buti sekalipun kedua kitab yang terakhir tadi pada bahagian bahagian tertentu di dalamnya disebutkan pengajaran-pengajaran secara langsung perkaitannya dengan gerakan Islam sernasa.

Fiqh Al-Sirah 1

Semoga buku yang kami kemukakan ini dapat mengisi sebahagian dari kekosongan dalam usaha membawa masyarakat memahami peranan Sirah Nabawiyah.

Dalam usaha menerbitkan buku ini kami telah mengalami berbagai kesulitan dan Alhamdulillah dengan menerima berbagai bentuk bantuan dan kerjasama dan sahabat-sahabat yang tidak jemu-jemu menawarkan khidmat mereka, segala masalah tersebut telah dapat diatasi. Dan kalangan mereka yang dimaksudkan orang yang patut kami dahulukan ucapan terima kasih dan penghargaan tidak lain ialah penterjemah buku ini sendiri Ustaz Mohd. Darus Sanawi yang bukan sahaja telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menyemak, menokok tambah atau meminda manuskrip asal malah beliau begitu bersungguh memberi bantuan dan penjelasan bila-bila masa sahaja diperlukan. Saya juga dapat menyelami kesabaran dan keinginan beliau untuk melihat buku ini diterbitkan dalam kadar waktu yang agak segera.

Penghargaan yang sama kami tujukan kepada saudara kami Ismail Hussin yang bertugas sepenuh masa selama beberapa bulan menyemak teks-teks yang telah kami sunting dan memberikan khidmat mengubahsuai layout buku ini. Demikian juga kami terhutang budi kepada saudara Md. Hashim Ahmad dan Saudari Habibah Sha'ari yang begitu tekun menaip semula teks buku ini setelah diperbaiki. Kepada mereka yang telah turut memberi khidmat tetapi tidak disebutkan di dalam kata pengantar ini kami ucapkan Jazaka' Llahu Khairan-Kathira.

Memandangkan buku ini merupakan satu terjemahan, kami mengakui akan kelemahan-kelemahan yang terkandung di dalamnya. Daripada pembaca sekalian diharapkan mereka sudi memaklumkan kelemahan tersebut kepada kami demi kebaikan kita bersama. Semoga 'amal kita mendapat barakah dan keredhaan dan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin... Ya Arhamar rahimin.

Ya 'qub Muhammad Husin DPF, Shah Alam

14hb. Jun 1983.

Kata Pengantar Dari Penterjemah

Memandangkan perlunya pentafsiran riwayat hidup Rasulullah mengikut pandangan Islam untuk hidangan umat Islam di Malaysia ini, saya usahakan mengalih bahasa kitab Fiqh Al Sirah yang dikarang oleh mahaguru Muhammad Sa'id Ramadan Al Buti sekadar yang terdaya.

Sebenarnya usaha saya menterjemahkan buku ini didorong oleh dua faktor penting. Pertama kerana menyedari kurangnya buku-buku ilmiah mengenai Islam di tanah air kita ini samada hasil karangan anak tempatan maupun hasil terjemahan buku-buku luar negeri. Kedua: terdapat sebilangan dari umat Islam telah tidak begitu tepat mentafsirkan riwayat hidup dan peristiwa-peristiwa sejarah Rasulullah. Perkara ini tidaklah dapat dikesan dengan tepat, apakah ini merupakan manifestasi dan indoktrinasi oleh seteru-seteru Islam yang profesional kepada murid-muridnya? Ataupun apakah kekeliruan ini timbul dengan tidak disedari? Semoga hasil terjemahan ini dan yang bakal menyusul pula dengan juzu' yang kedua dapat memenuhi kekosongan yang terdapat di kalangan masyarakat Malaysia ini di samping dapat membetulkan mana-mana tafsiran dan kefahaman yang salah. Oleh kerana kitab ini adalah hasil kuliah kuliah yang pernah diberikan kepada mahasiswa Fakulti Syari'ah di Universiti Dimasyq "Damaskas", Syria, diharap juga agar hasil terjemahan ini sesuai digunakan di pusat-pusat perigajian tinggi nanti dan untuk bacaan umum.

Terjemahan ini sudah tentu mengandungi beberapa kekurangan dan mungkin kesilapan-kesilapan. Oleh yang demikian marilah sama-sama kita mencari jalan mengatasinya demi kebaikan Islam. WaLlahu A'lam.

Mohd Darus Sanawi

Nilam Puri

31hb Ogos 1974

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّؤُوفِ الرَّحِيمِ

Segala pujian bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas penghulu kita Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, ahli keluarga dan sahabat baginda sekalian (RadiyaL lahu’ anhum Ajma’in).

Kajian mengenai Fiqh Al-Sirah Al-Nabawiyyah ini, merupakan satu pentafsiran Sirah Nabi Muhammad SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam yang pernah saya kuliahkan kepada mahasiswa tahun pertama Fakulti Syari’ah Universiti Dimasyq yang sempat saya bahagikan kepada beberapa bahagian sebagaimana yang akan anda ikuti nanti. Oleh kerana dewasa ini saya diberi tugas memberi kuliah kepada mahasiswa tahun dua, maka. Insya ‘Allah saya akan menyambung kerja-kerja ini seandainya saya berpeluang lagi untuk menulis di kesempatan yang lain.

Memandangkan kepada tabi’at dan neraca kajian ini nampaklah caranya itu bergantung kuat mengikut garis-garis Sirah Nabawiyyah ‘Alaihis salam. Apa yang saya pandang sesuai dengan sistem kajian ilmiah ini ialah dengan cara memaparkan kajian sirah dan disertakan dengan peristiwa-peristiwa sejarahnya di suatu bahagian yang berasingan. Selepas itu barulah saya susuli dengan penganalisaan dan pengajaran. Inilah kajian yang dikatakan lebih hampir kepada kajian ilmiah dan cara ini lebih menolong para pengkaji untuk memahami perjalanan sirah dan penganalisaannya secara berasingan.

Di suatu segi yang lain pula saya dapati tidaklah semestinya segala yang terdapat di dalam sirah itu patut dipaparkan kerana kajian ini bukanlah bertujuan menghidangkan sirah itu sendiri malah sebaliknya di mana beberapa peristiwa sejarah ala kadar dipaparkan sebagai bahan kajian dan penganalisaan sahaja dalam usaha untuk sampai kepada pengajaran dan periktibaran yang tersirat di dalamnya.

Oleh yang demikian maka sudah mencukupi buat saya memaparkan sedutan-sedutan atau bahagian yang tertentu dan Sirah Nabawiyyah yang mulia ini, yang memberikan pertanda pertanda syari’at samada yang bersangkutan dengan seruan dakwah Islamiyyah, sifat-sifat penyeruNya ataupun dengan apa sahaja yang berhubung dengan keistimewaan Syari’ah Islamiyyah ini.

Terhadap pandangan-pandangan saya ini barangkali tepat dan sesuai sekali kalaulah saya cuba meringkaskan pendedahan beberapa pemandangan dan peristiwa; memadai dengan memusatkan terhadap noktah-noktah dan isi-isi yang memberi erti dan pertanda sahaja seperti yang dikatakan tadi. Di dalam beberapa hal ini saya berikan ulasan dan komentar, di sampingnya saya harap pihak pembaca sudi kiranya merujuk kepada salah satu sumber dan rujukan “sirah nabawiyyah” demi mendapatkan gambaran keterangan secara yang lebih terperinci.

Pembaca akan tersua semasa menatap buku ini dengan tiga pembahagian seperti di bawah ini:

Bahagian pertama memaparkan pendahuluan (muqaddimah) yang merupakan bab yang semestinya untuk pengkaji Fiqh Al-Sirah iaitu:

1. Peranan kajian Sirah Rasul dalam memahami Islam.
2. Sumber-sumber Sirah Rasul.
3. Rahsia pemilihan Semenanjung Arab sebagai tapak kelahiran Islam.
4. Muhammad (SallaLlahu ‘alaihi Wasallam) Nabi terakhir bagi segala Nabi dan hubungan seruannya dengan seruan seruan langit yang terdahulu.

Fiqh Al-Sirah 1

Selepas muqaddimah ini disusuli dengan bahagian kedua, yang mengandungi kajian penghidupan Nabi SallaLlahu 'alaihi Wasallam mulai dan kelahiran hingga pengutusan baginda.

Bahagian ketiga pula merangkumi kajian dan Fiqh Al Sirah Nabi SallaLlahu 'alaihi Wasallam mulai dan pengutusan hingga penghidupan baginda menetap di Madinah Al Munawwarah.

Mengenai Fiqh Al Sirah Nabi SallaLlahu 'alaihi Wasallam sejak penghidupan di Madinah hingga kewafatan baginda keRahmatuLlah akan kita perkatakan di bahagian yang lain. Insya Allah.

Sama-samalah kita pohonkan taufiq dan Allah Subhanahu Wa ta'ala demi kebaikan agamaNya dan sama-sama kita pohonkan agar Allah memberi keikhlasan ke arah segala apa yang kita usahakan ini. Innahu waliyu kulla taufiq.

Muhammad Sa'id Ramadan Al-Buti.

PERANAN DAN PERLUNYA RIWAYAT HIDUP NABI MUHAMMAD DALAM MEMAHAMI ISLAM

Tujuan mengkaji riwayat hidup RasuluLlah dan penganalisaannya bukanlah semata-mata untuk melihat kejadian-kejadian dan episod-episod yang bersejarah ataupun memaparkan cerita-cerita yang indah sahaja. Oleh yang demikian tidak seharusnya kita rnenganggap kajian sejarah hidup RasuluLlah ini sama dengan membaca dan menala'ah sejarah para pemerintah (khali fah) di zaman purbakala.

Tujuan pokok dan kajian yang dimaksudkan ialah supaya setiap Muslim dapat memahami, menganggap dan menggambarkan bahawa hakikat zahir dan batin (defakto) Islam semuanya teradun di dalam penghidupan RasuluLlah itu sendiri. Gambaran dan anggapan ini akan timbul dan wujud setelah Seseorang Muslim itu dapat memahami dengan benar segala hikmah dan keistimewaan prinsip-prinsip dan dasar-dasar Islam satu persatu terlebih dahulu.

Tegasnya kajian riwayat hidup RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam ini adalah suatu usaha mengumpul hakikat dan intisari dasar-dasar Islam kemudian memadan dan menyesuaikan dengan contoh Islam iaitu Nabi Muhammad SallaLlahu 'alabi Wasallam.

Sekiranya perlu kita bahagikan tujuan-tujuan ini maka bo lehlah dibahagikan seperti berikut:

1. Memahami peribadi Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam menerusi penghidupan dan suasana hidup baginda sendiri. Ini adalah untuk menentukan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam itu bukan sebagai manusia pintar tetapi Ianya adalah pesuruh Allah Subhanahu Wa ta'ala yang menerima Wahyu dan taufiq dariNya.

2. Supaya manusia seluruhnya dapat meniru dan mengikut suatu contoh yang unggul dalam segenap lapangan hidup yang harmoni, dari itu juga dapat dijadikan sebagai dasar dasar hidupnya. Andaikata manusia ingin mencari suatu contoh terbaik bersifat universal, mereka akan dapat Semuanya di dalam kehidupan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam, maka tidák hairanlah mengapa Allah menjadikan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam itu sebagai contoh kepada umat manusia. Untuk demikian maka Allah telahpun menegaskan dalam Kitab SuciNya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (21)

Yang bermaksud;

Sesungguhnya pada (diri) RasuluLlah itu menjadi contoh yang paling baik untuk (menjadi ikutan) kamu

(Al-Ahzab 33 : 21)

3. Semoga kupasan tentang kehidupan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam boleh menolong manusia mema hami dan mengecapi isi kandungan Al-Qur'an lantaran banyaknya ayat-ayat Al-Qur'an

Fiqh Al-Sirah 1

yang dihurai dan ditafsirkan oleh kejadian dan peristiwa-peristiwa sejarah hidup Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam.

4. Agar setiap Muslim dapat mengumpulkan seberapa banyak yang boleh perbendaharaan kebudayaan dan pengetahuan Islam yang sebenar samada pengetahuan bersangkutan dengan ‘aqidah kepercayaan, hukum hakam’ dalam Islam atau tatasusilanya. Lebih tegas lagi penghidupan Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam adalah satu gambaran dengan dimensinya yang jelas bagi prinsip-prinsip dan hukum-hukum Islam.

5. Membolehkan para pendidik penda’wah Islam mencontohi dan mengajar, mengikut sistem pendidikan dan pengajaran yang sihat kerana Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam sendiri adalah sebagai pendidik, penasihat, guru dan pertunjuk yang utama, tidak pernah membuang masa begitu sahaja malah sentiasa mencari dan menyiasat jalan jalan dan sistem—sistem pengajaran yang terbaik semasa baginda (SallaLlahu ‘alaihi Wasallam) berda’wah.

Antara faktor yang menjadikan sejarah Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam ini mampu dan berupaya untuk sampai ke matlamat—matlamat tadi ialah kerana sejarahnya lengkap meliputi segenap bidang kehidupan sama ada segi kemanusiaan mahupun kemasyarakatan yang terdapat di kalangan manusia lain; samada ianya sebagai seorang individu yang bebas dengan faham pembawaannya atau sebagai seorang anggota masyarakat yang cergas dan terpengaruh oleh unsur—unsur yang terdapat di dalam masyarakatnya.

Sejarah Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam mengbidangkan kepada kita sejangka contoh utama bagi seorang pemuda yang waras; peribadinya yang dipercayai orang di kalangan keluarga dan sahabat; seorang manusia yang menyeru umat manusia ke jalan Allah secara lemah—lembut dan bersopan-santun; seorang pejuang yang mengorbankan sepenuh usaha dan tenaga demi menyampaikan seruan Allah; seorang ketua negara yang mendayung bahtera pemerintahan dengan cekap dan pintar; seorang suami yang halus pergaulannya; seorang bapa yang teliti dan bijak menyempurnakan kewajipan terhadap anak dan isteri; seorang ketua turus agung peperangan yang cergas, penuh dengan taktik strategi persediaannya dan seorang Muslim yang waras lagi bijak membahagikan dedikasinya kepada Allah, keluarga dan sahabat handai (RadiyaLlahu‘anhum ajma’in).

Tidak syak lagi bahawa mempelajari sejarah hidup Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam ialah memahami semua sudut kemanusiaan.

SUMBER-SUMBER SEJARAH RASULULLAH

Berhubung dengan sumber-sumber sejarah Rasulullah bolehlah kita bahagikan seperti berikut:

Pertama: *Kitabullah (Al-Qur’an)*

Ianya merupakan sumber utama untuk memahami garis-garis kasar penghidupan Muhammad Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Pendedahan sejarah hidup Rasulullah dalam al—Qur’an melalui salah satu aliran berikut:

- a. Memaparkan beberapa bahagian dari penghidupan baginda, seperti ayat-ayat yang diturunkan mengenai peperangan Badar, Uhud, al Khandaq atau al Ahzab juga seperti kisah perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy.
- b. Mengulas pertempuran-pertempuran dan kejadian-kejadian ini adalah untuk memberi penjelasan selanjutnya kepada apa yang dimusykilkan atau untuk menerangkan beberapa kesamaran tentang pertempuran dan peristiwa-peristiwa atau untuk menarik perhatian umat Islam terhadap sesuatu iktibar. Sebenarnya segala-galanya ini mempunyai makna dan hubungkait yang amat rapat dan mesra dengan sejarah dan riwayat hidup Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Kesemuanya ini menampakkan kepada kita sebahagian besar daripada aspek-aspek penghidupan Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan hal ehwal yang bersangkutan dengannya.

Fiqh Al-Sirah 1

Sebenarnya pendedahan Al-Qur'an Al-Karim tentang segala-galanya ini adalah terlalu ringkas dan padat, meskipun cara dan aliran pendedahan tadi kadang kalanya berlainan di antara satu sama lain namun begitu kesemuanya ini tetap memaparkan cebisan-cebisan dan penerangan secara ringkas terhadap pertempuran dan kejadian yang bersejarah. Memang ini adalah jalan dan aliran Al-Qur'an Al-Karim di dalam menceritakan perihal-perihal para Anbiya' yang terdahulu dan umat manusia di zaman silam.

Kedua: *Kitab Al-Sunnah Al-Nabawiyah (Hadith hadith).*

Hadith-hadith Nabi yang sahih. Hadith yang dimaksudkan di sini ialah isi kandungan Kitab-kitab Hadith yang terkenal dengan kebenarannya dan amanahnya, seperti Kitab Hadith Al Muwatta' oleh Imam Malik, Al Musnad oleh Imam Ahmad dan lain—lainnya.

Sumber yang kedua ini lebih luas dan terperinci dari yang pertama. Sungguhpun begitu mungkin kita tidak dapat memberikan suatu gambaran yang lengkap tentang kehidupan Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam sejak dilahirkan hingga wafatnya kerana beberapa sebab:

a. Oleh kerana Kitab-kitab Hadith ini disusun mengikut maudu' atau tajuk-tajuk fiqh ataupun mengikut unit-unit kajian yang bersangkutan dengan syariat Islam maka hadith hadith yang menceritakan tentang penghidupan Rasulullah berselerak dan berkecamuk dalam maudu'-maudu' fiqh.

b. Oleh kerana para ahli hadith, terutamanya penyusun kitab hadith yang enam tidak memerhatikan soal ini ketika mengumpulkannya untuk disusun mengikut sejarah hidup Rasulullah, apa yang mereka titik beratkan ialah penyusunan mengikut maudu' atau tajuk-tajuk fiqh seperti yang disebut tadi.

Ketiga: *Kitab-kitab Sejarah Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam.*

Perihal riwayat hidup Muhammad Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam di zaman silam adalah melalui dan mulut ke mulut tanpa mendapat perhatian untuk dibukukan, walaupun terdapat sebilangan kecil yang cuba menitikberatkan perhatiannya terhadap kejadian dan peristiwa-peristiwa dalam sejarahnya itu.

Setelah beberapa ketika terdapat beberapa orang cuba mencatat riwayat hidup Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam ala kadar yang sampai ke pengetahuannya antara mereka seperti **Urwah Ibnu Al Zubair** (wafat, 92H), **Abari bin Othman** (wafat, 105H), **Wahb in Manbah** (wafat, 110H), **Syarhabil bin Sa'd** (wafat. 123H) dan **Ibnu Syihab Al Zubri** (wafat, 124H).

Sayangnya apa yang dituliskan oleh mereka ini telah hilang. Hanya tinggal-beberapa bahagian yang tercamuk, setengahnya terdapat dalam kitab Al-Tabani manakala sebahagian yang lain pula tersimpan di bandar Heidelberg di Jerman. Bahagian yang tersimpan di Jerman ini ialah sebahagian dan tulisan **Wahb bin Manbah** (110H).

Kemudian timbul pula satu angkatan penyusun riwayat hidup Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam yang terkemuka antara mereka ialah **Muhammiad bin Isbaq** (wafat, 152H) kemudian lapisan kedua, antara mereka ialah **Al Waqidi** (wafat, 207H) dan **Muhammad bin Sa'ad** (wafat pada tahun 230H) penyusun kitab Al-Tabaqat Al-Kubra.

Ahli sejarah sebulat suara mengatakan bahawa apa yang ditulis oleh **Muhammad bin Ishaq** merupakan satu-satunya maklumat (dokumen) sejarah Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam yang paling benar dan boleh dipegang. Tetapi malangnya kitab beliau yang berjudul **Al Maghazi Wa Al Siyar** telah hilang dan kehilangannya mengakibatkan hilangnya intisari perpustakaan di zaman itu.

Setelah masa beredar setengah abad lamanya barulah timbul seorang jaguh yang lain iaitu **Abu Muhammad Abdul Malek** yang lebih dikenal dengan **Ibnu Hisyam**, beliau telah menghidangkan kepada kita saringan sejarah Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam dengan cara yang menarik sekali.

Sebenarnya apa yang dikarang oleh Ibnu Hisyam itu adalah kandungan "**Al Maghazi Wa Al Siyar**" yang dikarang oleh Ibnu Ishaq dalam bentuk ringkasan.

Ibnu Khillikan telah menegaskan dalam bukunya begini:

"Ibnu Hisyam ini ialah orang yang mengumpulkan Riwayat Rasulullah daripada Kitab "Al Maghazi Wa Al Siyar" yang dikarang oleh Ibnu Ishaq setelah disaring dan dibuat beberapa

Fiqh Al-Sirah 1

pembaharuan, tambahan dan ringkasan. Kemudian hasil itu dikenali dengan nama “Sirah Ibnu Hisyam”.

Akhirnya barulah orang lain cuba mengikuti jejak langkah mereka ini dalam usaha mengarang dan menyusun sejarah hidup Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam, terdapat antara mereka yang cuba membentangkan pelbagai aspek hidup Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam. Sebahagian dan mereka yang lain pula cuba mengkaji sudut-sudut hidup Baginda yang tertentu, seperti Al Asfahani dalam bukunya “Dala’il Al Nu buwwah” dan “Tanda-tanda Kenabian”. Imam Tarmidzi pula dalam kitabnya (Al Asy Syamail) cuba menyingkap aspek yang tertentu dan begitu juga **Ibn Al Qayyim Al Jauziy** dengan bukunya “**Zad Al Ma’ad**”.

RAHSIA PEMILIHAN SEMENANJUNG ‘ARAB SEBAGAI TAPAK PANCARAN AGAMA ISLAM

Sebelum kita memperkatakan sesuatu tentang sejarah hidup Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan Semenanjung ‘Arab di mana baginda hidup dan dipilih sebagai Rasul, ada baiknya kalau kita cuba menyingkap hikmat-hikmat Allah, mengapa terpilihnya Rasulullah dan bumi ini dan bangsa ‘Arab pula sebagai pembawa ubor da’wah Islamiyyah.

Untuk mengetahui segala-segalanya pertama kita mesti mengetahui keistimewaan bangsa ‘Arab dan perangai serta tata penghidupannya sebelum Islam dan keadaan muka bumi (geografi) dan persekitarannya. Kemudian barulah kita membuat perbandingan dengan bangsa-bangsa yang hidup sezaman dengannya seperti Romawi, Greek dan India termasuk adat resam, tatasusila dan keistimewaan tamaddun mereka.

Pertamanya, marilah kita mengkaji secara sepintas lalu bangsa-bangsa yang hidup di sekitar tanah ‘Arab sebelum Islam:

Dunia di kala itu boleh dikatakan telah dikuasai dan dikepalai oleh dua negara yang gagah iaitu Parsi dan Romawi dan disenarai yang kedua pula ialah Greek dan India. Parsi di kala itu merupakan arena pertarungan agama dan falsafah yang beraneka corak. Pembesar dan pemerintah pada keseluruhannya menganut agama Majusi (Zuradisy) yang mana antara ajarannya menggalakkan lelaki berkahwin dengan ibunya, anak perempuannya atau adik dan saudara perempuannya.

Empera Yazdajrid kedua yang memerintah di pertengahan abad kelima Masihi telah berkahwin dengan anak perempuannya. Bukan setakat itu sahaja malah tatasusila dan sopan-santun telahpun terpesong dan garis-garis yang bersifat kemanusiaan.

Mengikut apa yang ditegaskan oleh Al Imam Al Shahrastani dalam kitabnya yang berjudul Al-Milal Wa Al-Nihal, terdapat antara ajaran agama Mazdak yang menyebut bahawa kebebasan kaum wanita tiada hadnya. Begitu juga dengan kebebasan menggunakan harta benda dan seterusnya menjadikan wanita dan harta benda ini kepunyaan dan hak milik bersama, tidak ubah seperti air, api dan rumput di mana semua manusia boleh berkongsi tanpa sekatan.

Seruan ini telah mendapat sambutan yang begitu hangat dan karangan mereka yang memang berhaluan demikian.

Kerajaan Romawi (Rome) pula begitu meluap-luap dengan jiwa dan semangat penjajahan dan bergelut dalam persengketaan agama dengan pihak Kristian negeri Syam (Syria) dan Mesir. Ia bergantung penuh kepada kekuatan angkatan tenteranya dan cita-cita penjajahannya yang berkobar-kobar dalam rangka percubaan memodenisasikan agama Kristian untuk di sesuaikan dengan matlamat mencapai cita-cita dan kemahumannya.

Negara ini juga berada dalam keadaan huru-hara dan kucar-kacir dan negara Parsi, yang hidup dengan segala kemewahan iaitu kemewahan dalam kemerosotan ekonomi dan pemerasan terhadap rakyat jelata. Kenaikan cukai yang begitu melambung tinggi merupakan suatu gejala yang biasa dan telah menjadi satu lumrah.

Fiqh Al-Sirah 1

Greek tua pula tenggelam ke dasar lautan khurafat dan dongeng yang tidak memberi sebarang faedah dan natijah yang berguna sama sekali. Negara India pula di kala itu menurut Professor Abul Hassan Al Nadwi telah menegaskan bahawa ahli sejarah dan pengarang sebulat suara mengatakan yang India dipermulaan abad keenam Masihi telah terlantar ke lembah kemerosotan agama, akhlak dan kemasyarakatan. India bersama jiran tetangga dan saudaranya turut serta mengambil bahagian dalam memerosotkan akhlak dan kemasyarakatan.

Perlu kita ketahui bahawa anasir-anasir yang menyeret bangsa-bangsa ini ke lembah kerosakan dan perpecahan ialah kemajuan dan tamaddun yang berasaskan kepada mata benda (material) semata—mata. Tamaddun ini telah tidak mengambil contoh-contoh ma'nawi dan akhlak yang sempurna sebagai landasan dan asas kemajuan. Tamaddun dan kemajuan kebendaan dengan anika sebab-akibat yang timbul darinya hanyalah tidak lebih dan satu jalan semata-mata iaitu satu jalan yang tidak dapat memberikan apa-apa erti. Lantaran ketandusan fikiran yang waras dan contoh sempurna yang benar-benar dapat dihayati maka tamaddun dan kemajuan yang dicapai itu telah membawa kehidupan manusia mengalir ke tasik kecelakaan dan huru-hara. Sebaliknya jika ahli fikirannya mempunyai akal fikiran yang waras dan pertimbangan yang saksama maka tamaddun dan kemajuan tadi merupakan jalan-jalan yang indah serta mudah pula menuju ke arah kesenangan dalam semua corak dan aspek hidup. Biasanya perkara ini tidak akan lahir kecuali melalui agama dan wahyu Ilahi sahaja.

Semenanjung 'Arab di masa itu merupakan suatu kawasan yang tenang, jauh dan terpencil dan gejala-gejala huru-hara tadi. Bangsanya langsung tidak pernah merasai kemewahan dan kemajuan seperti Parsi; yang boleh membawa mereka ke arah kerosakan dan keruntuhan akhlak dan tidak pula mengagungkan kekuatan tentera yang membolehkan mereka menjajah negara-negara di sekitarnya. Mereka juga tidak menganut falsafah dan ideologi yang beraneka ragam seperti Greek Tua yang menyebabkan mereka menjadi mangsa kepada dongengan dan khurafat.

Tabi'at semulajadi mereka ini tidak ubah seperti suatu "bahan yang mentah" yang belum pernah dilebur di mana-mana dapur dan dicorak di mana-mana acuan seolah-olah terbayang di layar penghidupan mereka seorang manusia semulajadi yang bersih mempunyai kemahuan yang kuat ke arah pembentukan manusia yang terpuji yang mempunyai sifat-sifat amanah, pemurah, suka menolong dan bencikan kezaliman. Apa yang mereka perlu hanyalah pengetahuan yang dapat menyinari jalan-jalan ke arah tersebut kerana mereka ini hidup dalam kejahilan yang gelap memekat. Kebanyakan mereka telah sesat untuk sampai ke arah kemanusiaan yang sebenarnya. Mereka membunuh anak perempuan kerana mahu menjaga maruah, membelanjakan wang yang banyak dengan harapan mahukan kemuliaan dan berperang sama sendiri dengan tujuan memper tahankan kehormatan.

Segala-galanya ini telah diterangkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al—Qur'an:

وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ

Yang bermaksud;

"Dan sesungguhnya kamu sebelum hari ini adalah dari golongan orang-orang yang telah sesat".

(Surah Al-Baqarah Ayat 198)

Penegasan ini lebih merupakan keuzuran dan kemaafan bagi mereka daripada penghinaan ke atas mereka.

Ini adalah memandangkan bangsa-bangsa lain telah menggunakan tamaddun dan kemajuan mereka sebagai alat ke arah kerosakan sedangkan mereka ini sedar malah merancang sedemikian.

Di samping semuanya ini, Semenanjung 'Arab di segi ke kedudukan muka buminya pula terletak di pertengahan bangsa bangsa tersebut (iaitu Parsi dan Rome) yang bergolak di sekelilingnya.

Muhammad Al Mubarak seorang professor Mesir telah mengutarakan pendapat dengan katanya:

"Orang yang memerhati dan memandang kepada bangsa 'Arab akan dapat melihat bagaimanakah bangsa Arab boleh berdiri di masa silam di tengah-tengah dua tamaddun yang melebar di kiri kanan. Di sebelah kirinya tamaddun barat yang keterlaluan telah cuba menciptakan gambaran dan imej manusia dengan alirannya yang kering pucat tak berhias dan

Fiqh Al-Sirah 1

tidak berjejas dengan hakikat keinsanannya. Di sebelah kanannya pula tamaddun kerohanian dan kejiwaan yang melambung ke alam khayalan seperti yang terdapat di India, China dan sebagainya.”

Setelah kita dapat menggambarkan hal keadaan bangsa ‘Arab dan semenanjungnya sebelum Islam juga hal keadaan bangsa-bangsa lain yang mengelilinginya maka mudahlah bagi kita menyingkap di sebaliknya apakah hikmat-hikmat Allah mengutuskan Rasul utusan di Semenanjung ‘Arab itu dan bangsa ‘Arab pula merupakan golongan pertama buat merintis jalan—jalan ke arah penyebaran obor seruan da’wah Islamiyyah yang kini telah dianuti oleh umat manusia di seluruh pelusuk alam.

Bukanlah sepertimana yang disangka oleh setengah-setengah golongan yang mengatakan bahawa pengikut-pengikut agama yang sesat adalah sukar untuk mengubati jiwa mereka dan sukar memberi tunjuk ajar kerana mereka ini ta’sub (fanatik) dan membanggakan keburukan, kehancuran dan kemusnahan yang pada sangkaan mereka semuanya baik. Sedangkan mengubati dan memberi tunjuk ajar kepada mereka yang sedang mencari-cari kebenaran lebih mudah kerana mereka ini sama sekali tidak menafikan kejahilan mereka sendiri dan tidak pula membanggakan atau bermegah-megah dengan basil tamaddun kerana mereka langsung tidak mempunyai tamaddun. Golongan ini paling mudah sekali untuk diperbaiki dan diberi dorongan kepada mereka. Bagi kita bukanlah ini yang dikatakan hikmat Ilahi, kerana penganalisaan yang seumpama ini hanya tepat kepada mereka yang mempunyai daya dan tenaga yang terbatas sahaja, memilih yang senang dan meninggalkan yang susah kerana tidak mahukan penat lelah.

Andaikata Allah mahu menjadikan pancaran da’wah Islamiyyah di mana-mana bahagian di Parsi atau di Rome atau di India bersinar cemerlang maka sudah pasti pula Allah akan menyediakan kemudahan dan cara-cara sehingga berjaya da’wahnya seperti mana yang berlaku di Semenanjung ‘Arab. Soal ini tidak pula menjadi bebanan, kerana Allah Subhanahu Wata’alah Pencipta ‘alam semesta. Namun hikmah Ilahiyyah memilih Semenanjung ‘Arab dan Rasul utusan itu tadi (seorang yang buta huruf tidak boleh membaca dan menulis seperti mana yang diterangkan oleh Allah dalam Kitab SuciNya) agar manusia seluruhnya tidak merasa syak wasangka terhadap keNabian dan keRasulanNya.

Sebagai penutup dan epilog kepada hikmah Allah ialah suasana persekitaran tempat Rasulullah diutuskan di mana di dalamnya wujud suatu *biah* (suasana) buta huruf juga dan jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain yang hidup di sekelilingnya mereka juga belum pernah dimasuki dan diracuni oleh sebarang tamaddun, pemikiran dan kerumitan falsafah yang berserabut.

Di antara hikmat ilahi juga ialah menghindarkan perasaan syak wasangka manusia apakah Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam ini boleh membaca dan mempelajari kitab-kitab lama yang mengandungi sejarah manusia purba dan tamaddun negara tetangga dan menghindarkan juga sangkaan buruk terhadap Muhammad sekiranya dakwah Islamiyyah ini timbul di kalangan umat manusia yang bertamaddun dan mempunyai falsafah seperti Parsi, Greek Tua atau Romawi. Sebabnya ialah sangkaan buruk ini akan memberi suatu gambaran yang buruk iaitu dari siri tarnaddun dan falsafah yang terakhir dalam bentuk tamaddun yang tulen serta kemas dengan perundangan yang lengkap.

Hikmah_hikmah Ilahi ini telahpun diterangkan dengan tegas dan jelasnyanya dalam Al—Qur’an:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ (2)

Yang bermaksud:

“Dialah (Allah) yang telah mengutuskan di kelompok buta huruf seorang utusan daripada kalangan mereka ‘untuk,) menyampaikan kepada mereka ayat dan menjauhkan mereka daripada syirik dan mengajar mereka kitab-kitab dan hikmat, dan sesungguhnya mereka itu dahulunya dalam kesesetan yang amat sangat.”

(Al-Jumu’ah 62: 2)

Fiqh Al-Sirah 1

Sudah kehendak Allah mengutuskan utusanNya yang buta huruf, begitu juga bangsa yang akan timbul Rasul di kalangnya juga satu bangsa yang kebanyakannya buta huruf, agar mukjizat keNabian dan syan'at Islam itu terjulang nampak dan jelas di antara dogma-dogma dan seruan manusia lain yang beraneka corak.

Di sana terdapat hikmat Ilahi yang lain, dan boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Seperti yang diketahui di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah menjadikan Baitul Haram itu tumpuan dan kesejahteraan untuk umat manusia seluruhnya dan merupakan rumah yang pertama untuk manusia beribadat serta mempraktikkan rukun-rukun agama. Sesungguhnya lembah Makkah ini telah berjalan dan melaksanakan seruan bapa para Anbiya' iaitu Sayyidina Ibrahim 'Alaihi sallam. Tepat dan kena pada tempatnya di mana kawasan yang mulia ini menjadi muara seruan agama Islam yang pertama iaitu agama

Nabi Ibrahim dan juga tempat pengutusan Nabi yang terakhir “ خاتم النبيين “ Kenapa tidak? Bukankah Nabi Muhammad ini dari keturunan Nabi Ibrahim 'Alaihi sallam.

2. Di segi kedudukan ilmu alam maka semenanjung 'Arab ini telah dipilih untuk bebanan tanggungjawab da'wah Islamiyyah, kerana situasi dan kedudukannya di tengah tengah berbagai bangsa. Ini menyebabkan penyebaran da'wah Islamiyyah di kalangan bangsa—bangsa dan negara yang di sekelilingnya tersebar dengan mudah. Ini ternyata sekali bila kita mengkaji semula perjalanan da'wah Islamiyyah di zaman permulaannya dan di zaman khulafa al Rashidin. Memang tepat seperti yang ditegaskan tadi.

3. Dan sebagai hikmat Ilahi juga yang menjadikan bahasa 'Arab itu sebagai media da'wah Islamiyyah dan bahasa yang pertama buat menerang dan mentafsirkan percakapan atau kalamullah 'Azza wa jalla untuk disampaikan kepada kita.

Kalau kita perhatikan dengan teliti tentang keistimewaan bahasa-bahasa diikutidengan saW perbandingan dengan bahasa 'Arab maka dengan jelas kita dapati yang bahasa 'Arab mempunyai banyak keistimewaan yang sukar didapati dalam bahasa-bahasa lain. Maka sudah layak baginya untuk menjadi bahasa yang pertama dan utama untuk umat Islam di mana mereka berada.

MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM NABI YANG TERAKHIR

Nabi Muhammad 'Alaihi Wasallam ialah Nabi yang terakhir dan tidak ada Nabi selepasnya. Ini adalah kata sebulat suara umat Islam (ijma'). Di dalam agama pula dikenal dengan suatu perkara yang mesti dipercayai ('Aqidah).

Sepotong Hadith Nabi yang berbunyi:

إِنَّ مَثَلِي وَمَثَلَ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى بَيْتًا
فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ إِلَّا مَوْضِعَ لَبْنَةٍ مِنْ زَاوِيَةِ فَجَعَلَ النَّاسُ
يَطُوفُونَ بِهِ وَيَعْجَبُونَ لَهُ وَيَقُولُونَ هَلْ أُضِعَّتْ هَذِهِ اللَّبْنَةُ
قَالَ فَإِنَّا اللَّبْنَةُ وَأَنَا خَاتَمُ النَّبِيِّينَ

رواه الشيخان

Yang bermaksud:

Aku dan Para Anbiya' sebelumku 'ibarat satu bangunan yang dibina oleh seorang laki-laki. Lalu ia membinanya dengan baik dan dipercantikkannya kecuali pada tempat sekeping batu-bata pada suatu sudut. Maka orang ramai datang mengelilinginya dan kagum melihat dan berkata mengapa

Fiqh Al-Sirah 1

tidak diletakkan seketul batu-bata di tempat yang kosong itu, maka akulah batu-bata itu dan akulah penyudah segala Nabi.

Pertautan dan hubung_kait da'wah Nabi Muhammad 'Alaihi Wasallam dengan da'wah para Anbiya' terdahulu adalah bertujuan memperkuat dan memperkemas atau sebagai kesimpulan dan penutupan, sepertimana yang dapat difahamkan dan Hadith yang tersebut di atas.

Ini tegas sekali bila melihat di mana da'wah para Anbiya' seluruhnya bersendikan dua asas yang penting:

1. 'Aqidah kepercayaan.
2. Perundangan dan akhlaq.

Dan segi 'aqidah kepercayaan langsung tidak berubah sejak Nabi Adam 'Alaihi Sallam hinggalah ke zaman Nabi Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, Nabi yang terakhir, iaitu kepercayaan kepada Allah Yang Esa. Mensucikan Allah dan sifat-sifat kekurangan dan percayakan hari akhirat, hisab amalan manusia, syurga dan neraka. Tiap Nabi menyeru kaumnya kepada kepercayaan tersebut dan tiap Nabi juga menyokong dan menegaskan apa yang dibawa oleh Nabi yang terdahulu darinya. Rangkaian pengutusan para Anbiya' sekeliannya menunjukkan kepada kita yang nabi-nabi semuanya diutus supaya menyeru manusia ke arah keimanan dengan Allah 'Azza wajalla Yang Esa, seperti yang dinyatakan dalam kitabNya:

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ (13)

Yang bermaksud:

“Diturunkan kepada kamu sekalian agama sepertimana yang diutuskan kepada Nuh dan yang diwahyu kepada sepertijuga yang diutuskan kepada Ibrahim, Musa dan Isa agar kamu menegakkan agama dan jangan berpecah-belah kerananya.”

(Asy — Syuura 42: 13)

Malah langsung tidak tergambar kepada kita yang seruan para Anbiya' itu akan berlainan di antara satu dengan yang lain mengenai soal 'aqidah, sebab soal 'aqidah adalah soal berita dan perkhabaran dan tidak akan berlainan perkhabaran dan berita dan seseorang itu sekiranya perkara itu benar. Tidak diterima oleh 'aql manusia bahawa Allah telah mengutus seorang Nabi mengatakan Allah itu tiga-Maha Suci Allah, kemudian diutuskan seorang Nabi lain mengatakan bahawa Allah itu Esa dan kedua-dua perkhabaran itu kemudian dianggap benar belaka. Ini tidak mungkin berlaku.

Ini bersangkutan dengan 'aqidah, bersangkutan dengan tasyri' (perundangan). Perundangan (ahkam) ini pula bertujuan mengatur penghidupan sesebuah masyarakat. Peribadi manusia adalah berbeza kualiti dan kuantitinya sesuai dengan pengutusan seseorang nabi itu, sebab tasyri' itu bukanlah untuk menyampaikan perkhabaran dan berita semata-mata tetapi bertujuan untuk mengadakan dan mewujudkan masyarakat yang sempurna. Sudah barang pasti di mana masa dan keadaan sesuatu kaum itu memberi kesan dan pengaruh-pengaruh terhadap perkembangan perundangan sebab timbulnya undang-undang itu adalah demi muslihat dan kepentingan serta faedah manusia untuk dunia dan akhirat.

Pengutusan nabi-nabi yang terdahulu adalah semata-mata untuk kaum itu sahaja — tidak merupakan pengutusan yang menyeluruh. Justeru itu maka implikasinya terhadap perundangan tasyri' adalah nyata sekali. Umpamanya pengutusan Musa 'Alaihi Sallam kepada Bani Israel adalah untuk bangsa dan zaman itu sahaja. Dikatakan undang-undang yang diturun kan untuk Bani Israel itu sesuai untuknya kerana undang— undang itu nyata keras dan memang sesuai dengan bangsa yang bersifat keras kepala.

Apa yang dibawa oleh Nabi 'Isa pula adalah sederhana Sedikit dan apa yang dibawa oleh Nabi Musa tadi. Perkara ini nyata sekali kalau diperhatikan apa yang ditegaskan oleh Allah dalam kitab A1-Qur'an:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَلِأَحْلَ لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِآيَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا (50)

Yang bermaksud:

“Membenarkan apa yang di hadapanKu laitu Kitab Al Taurah dan menghalalkan separuh dan apa yang diharamkan ke atas kamu dahulu.”

(All Imran 3: 50)

Apa yang dibawa oleh Nabi ‘Isa adalah membenarkan dan menegaskan apa yang dibawa oleh Al-Taurah mengenai soal ‘aqidah dan kepercayaan, dan yang bersangkutan dengan hukum tasyri’ ada sedikit perubahan iaitu kelonggaran dari yang dahulu.

Kesimpulan yang dapat kita ambil dan sini ialah, tiap pengutusan itu mengandungi ‘aqidah dan tasyri’.

Kepercayaan dan ‘aqidah yang dibawa oleh seseorang Nabi itu fungsinya menguat dan menyokong ‘aqidah Anbiya’ yang terdahulu. Sedangkan syari’at pula fungsinya membatalkan dan memansuhkan syari’at para Anbiya’ dahulu dan kadangkalanya menyokong yang lama.

Justeru itu maka tidak ada agama dan ‘aqidah Ilahi berbilang-bilang dan beraneka corak tetapi sebaliknya terdapat berbagai syari’at Ilahi yang kemudian memansuhkan yang dahulu dan yang baharu membatalkan yang lama, hinggalah sampai kepada syari’at yang terakhir disudahi dengan Nabi yang terakhir.

‘Aqidah dan agama yang benar itu satu. Tiap Nabi dan Rasul yang diutuskan mulai dan Adam ‘Alaihi sallam hingga ke Nabi Muhammad semuanya menyeru manusia kepada agama yang satu iaitu agama Islam. Lantaran Islam maka diutuskan Ibrahim, Isma’il dan Ya’qub ‘Alaihi sallam seperti firman Allah:

وَمَنْ يَرْغَبْ عَن مِّلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَن سَفِهَ نَفْسَهُ وَلَقَدِ اصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ (130) إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ (131) وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَا بَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمُ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ (132)

Yang bermaksud:

“Sesiapa yang enggan dengan agama Ibrahim kecuali manusia yang memperbodohkan diri sendiri, Kami telah pilihnya di dunia dan sesungguhnya di akhirat dia adalah dari golongan salih. Ketika Allah menyerunya supaya beriman (menyerah diri kepada Allah) jawabnya; telahpun aku serahkan diriku kepada Allah Tuhan sekalian ‘alarn dan Ibrahim telah berwasiat kepada anak anaknya, demikian pula Ya’qub dengan katanya: Hai anakku, sesungguhnya Allah telah memberi untukmu agama dan jangan sekaji-kali kamu mati kecuali kamu adalah orang Islam.”

(Surah Al-Baqarah 2:130 — 132)

Dengan ‘aqidah inilah juga Allah mengutus Nabi Musa kepada keturunan Israel di mana Allah telah menceritakan tentang ahli sihir Fir’aun yang telah beriman dengan Nabi Musa. Firman Allah yang berbunyi:

قَالُوا إِنَّا إِلَى رَبِّنَا مُنْقَلِبُونَ (125) وَمَا نُنْقِمُ مِنْهَا إِلَّا أَنْ أَمَّا بآيَاتِ رَبِّنَا لَمَّا جَاءَتْنَا رَبَّنَا أَفَرَعْنَا صَبْرًا وَتَوَقَّأ مُسْلِمِينَ (126)

Yang bermaksud:

“Ahli-ahli sihir itu menjawab: sesungguhnya kepada Tuhanlah kami kembali. Dan Kamu tidak membalas dendam dengan menyiksa kami, melainkan kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ayat-ayat itu datang kepada kami. Ya Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami dan wafatkanlah kami, dalam keadaan kami menyerah diri kepadaMu.”

Fiqh Al-Sirah 1

(Surah Al-A'raaf 7:125 — 126)

Dengan 'aqidah ini jugalah Tuhan mengutus 'Isa 'Alaihi sallam, di mana Tuhan telah menceritakan tentang kaumnya yang telah beriman dengan ajaran yang dibawanya. Firman Tuhan yang berbunyi:

فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنْهُمُ الْكُفْرَ قَالَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ آمَنَّا بِاللَّهِ وَآشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ (52)

Yang bermaksud:

“Para hawariyyin (sahabat—sahabat setia) menjawab:Kamilah penolong-penolong (agama) Allah. Kami beriman kepada Allah; dan saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang yang menyerahkan diri.”

(Surah Ali-'Imran 3 : 52)

Mungkin ditimbulkan pertanyaan. Kenapakah mereka yang mengaku sebagai pengikut-pengikut Nabi Musa mempunyai 'aqidah tersendiri tidak kena mengena dengan 'aqidah keesaan yang dibawa oleh para Anbiya'? Dan mengapakah mereka yang mengaku sebagai pengikut Nabi 'Isa menganuti suatu 'aqidah yang tersendiri? Sebagai jawapannya kita sarankan dalil al-Qur'an:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْثًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعَ الْحِسَابِ (19)

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya agama di sisi ALLah hanyalah Islam. Tidak berselisih orang-orang yang diberi Al Kitab kecuali setelah datang pengetahuan kepada mereka, kerana berdengki di antara mereka.”

(Surah Ali—'Imran: Ayat 19)

Dan tegas Tuhan lagi dalam surah Al-Syura yang berbunyi:

شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ (13)

Yang bermaksud:

‘Dia telah mensyari’atkan bagi kamu tentang agama apa yang telah diwasiatkanNya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu.’

(Surah Al-Syura 42:13)

وَمَا تَفَرَّقُوا إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْثًا بَيْنَهُمْ وَلَوْ لَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى لَفُضِّيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ أُورِثُوا الْكِتَابَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ (14)

Yang bermaksud:

“Dan mereka (ahli kitab) tidak berpecah-belah melainkan sesudah datangnya pengetahuan kepada mereka kerana kedengki antara mereka. Kalau tidak kerana suatu ketetapan yang telah ada dan Tuhanmu dahulunya (untuk menanggungkan 'azab) sampai kepada waktu yang ditentukan, pastilah mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang diwariskan kepada mereka Al-Kitab (Taurat dan Injil) sesudah mereka benar-benar berada dalam keraguan yang mengejutkan tentang kitab itu.”

Para Anbiya' diutuskan bersama-sama mereka yang Islam, agama yang diakui oleh Allah. Ahli Kitab mengetahui bahawa agama itu satu dan diutuskan nabi—nabi untuk memberi sokongan kepada nabi-nabi yang terdahulu.

SAKI BAKI AGAMA HANIF DALAM JAHILIYAH ARAB

Ini juga satu muqaddimah penting yang mesti dipelajari sebelum memasuki pembahasan Sirah mengenai kefahaman mengenai pengajaran Sirah itu sendiri, muqaddimah ini membawa kita menoleh kebelakang kepada satu kenyataan yang dulunya sering menjadi pertikaian mengenai agama ini kepada mereka yang melihat dan jauh yang semestinya kabur, lalu mereka tuduh dengan berbagai tuduhan palsu melalui agak dan sangka yang palsu.

Khullasah kepada hakikat ini, ialah bahawa Islam itu tidak lain dan lanjutan kepada agama Hanif yang mudah dan lapang ruangnya, Allah telah mengutuskan bapa juga datuk kepada para nabi, iaitu Ibrahim 'alahi Sallam membawa agama ini, telahpun dijelaskan oleh Allah mengenai ini melalui banyak ayat-ayatnya dalam Al antaranya:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ (78)

(Dan berjihadlah kamu pada [agama] Allah dengan jihad yang sebenarnya, Dia [telah pilih kamu [berjihad], dan Dia tidakjadikan atas kamu sebarang kesukaran dalam agama ini, iaitu agama bapa kamu Ibrahim, dan Dia juga yang menamakan kamu “Muslimin” sejak dahulu dan di [Quran] ini...)

(Surah Al-Hajj: Ayat 78)

قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّبِعُوا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ (95)

(Katakanlah: “Benar [kata] Allah itu” maka ikutlah Millah [agama] Ibrahim yang hanif [yang lurus]; dan bukan lah dia [Ibrahim] itu dan kalangan orang-orang musyrikin.)

(Surah Ali-Imran: Ayat 95)

Memang sudah ada di pengetahuan anda bahawa orang-orang Arab itu adalah anak-cucu Nabi Ismail 'alaibi Sallam, maka semestinya mereka mewarisi agama bersama selok-beloknya, ia itu agama yang telah Allah utuskan datuk mereka membawa Tauhid dan perintah benbadat kepada Allah, tidak mencerobohi batas larangannya, mentaqdis dan menghormati semua yang disuruh menghormatinya, yang utama sekali ialah menghormati dan mentaqdiskan Baitul-Haram, menghormati segala syiarnya, mempertahankannya, melaksanakan perkhidmatan terhadapnya, serta menabir (kelambukannya).

Tetapi dengan berlalunya zaman, kurun demi kurun, mulalah orang Arab itu mencampuradukkan yang batil dengan yang haq, haq yang mereka pusakai dan datuk nenek mereka diadukkan dengan batil yang datang dengan tidak disedari, lalu cacat dan tercelalah seluruh bangsa Arab bila diselubungi kejahilan, hanyut dan sesatlah mereka bersama mereka orang-orang yang terpuakai dan terpedaya oleh kepalsuan, dengan itu menyusup masukilah syirik ke dalam mereka, dan akhirnya menyembah berhala sudah menjadi kebiasaan kepada mereka, keruntuhan akhlaq dan perkara—perkara batil yang mereka tiru juga ikut sama menyusup masuk. Dengan kerana itu maka jauhlah mereka dan suluhan Tauhid dan ciri-ciri agama Hanif, akhirnya setelah jangka masa yang panjang menyeluruhlah jahiliyyah yang ketat, yang

Fiqh Al-Sirah 1

sukar hendak dilekangkan, dan berikut itulah mereka berhadapan dengan kebangkitan Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam.

Orang yang mula pertama memasukkan syirik dan mengajak bangsa ‘Arab menyembah berhala, ialah ‘Amru Bin Luhay Bin Qam’ah; nenek moyang kepada suku Khuza’ah. Ibnu Ishaq meriwayatkan dan Muhammad Bin Ibrahim Bin Al-Harits Al Taimey, bahawa Abu Salih Al-Saman menceritakan kepada nya, bahawa beliau mendengar Abu Hurairah berkata: “Saya dengar RasuluLlah SallaLahu ‘alaihi Wasallam berkata kepada Aktsam Bin Jaun Al—Kuza’i, mathumnya:

“Saya lihat ‘Amru Bin Luhay Bin Qam’ah Bin Khandaf menarik berhala kayunya ke dalam neraka, saya lihat dia itu benar—benar menyerupai engkau”; lalu kata Aktsam:

“Apakah penyerupaan itu membahayakan saya Wahai RasuluLlah?”

“Tidak, kerana engkau adalah orang mukmin dan ‘Amru itu kafir, sesungguhnya dialah orang yang mula mengubah agama Ismail dengan memasang berhala, mencipta Bahira, Saibah, Wasilah dan Hami [tiga yang tersebut itu adalah unta betina yang dihadiahkan kepada berhala, unta-unta itu dihormati, tidak boleh ditunggang, tidak boleh diminum susunya, ia bebas memakan rumput di mana-mana]. (Sirah Ibnu Hisham.)

Ibnu Hisham meriwayatkan bagaimana cara ‘Amru Bin Luhay menerapkan penyembahan berhala ke dalam bangsa ‘Arab; ia mengembara ke negara Syam atas urusan perniagaan, bila ia tiba di Maab dalam daerah Baiqa’ yang ketika itu didiami oleh suku Amaliq — ‘Amaliq ertinya anak cucu ‘Amliq Bin Lawaz Bin Sam Bin Nuh ‘alaihi Sallam — Amnu melihat mereka menyembah berhala, lalu ia bertanya:

“Apa bendanya yang kalian sembah ini?”

“Inilah patung-patung berhala, kami sembahnya meminta hujan maka ia menurunkan hujan, kami minta pertolongan ia memberi pertolongan.”

“Mahukah kalian beri kepada saya salah satu berhala itu, saya akan bawa pulang ke bumi orang-orang ‘Arab untuk mereka sembahnya?”

Lalu diberikan kepada ‘Amru satu berhala yang dinamakan “Hubal”, berhala itu dibawa pulang ke Makkah dan di suruh orang menyembahnya. (Sirah Ibnu Hisham.J. 1.H.77. juga Kitabul-Asnam Ibnul-Kalabi. H. 8-9.)

Begitulah cara berkembangnya penyembahan berhala di tanah ‘Arab, dan tersebarnya syirik dalam bangsa ‘Arab, dengan itu bertukarlah keadaan asal mereka yang dulunya berada di atas ‘Aqidah Tauhid pusaka dan Ibrahim dan Isma’il alaihimas salam kepada kepercayaan syirik, dan akhirnya sampai ke peringkat sesat dan ber’aqidah buruk seperti bangsa bangsa lain yang sesat.

Pendorong utama mereka kepada yang demikian itu semua, ialah ketandusan pengetahuan dan buta huruf yang mereka miliki, dan pengaruh persekitaran mereka dan berbagai qabilah dan berbagai bangsa.

Namun demikian ada juga di kalangan mereka orang orang yang masih kekal berpegang dengan aqidah tauhid, walaupun hanya sedikit tetapi tetap berada di atas manhaj agama hanifnya, tetap mempercayai kebangkitan nabi, tetap mempercayai hidup semula sesudah mati dan tetap yakin bahawa Allah pasti beri ganjaran pahala kepada orang yang taat, balasan siksa kepada orang yang derhaka. Golongan ini memang benci kepada segala apa yang diada-adakan oleh orang orang ‘Arab, seperti penyembahan berhala dan cara pemikiran yang sesat, mereka yang terkenal dengan pegangan ini memang banyak, di antara mereka seperti Qais Bin Saidah Al-Ayadi, Ri’ab Ash-Shamii, dan Buhaira Al-Rahib.

Walaupun begitu keadaannya orang-orang ‘Arab, namun prinsip-prinsip dan syiar-syiarinya sejak Nabi Ibrahim, masih kekal saki bakinya dalam adat dan budaya mereka, walaupun dalam keadaan paling lemah setelah sekian lama merentasi zaman, namun kejahiliyahan mereka masih bersadurkan sedikit sebanyak peninggalan yang berupa syiar dan prinsip agama Hanif, walaupun syiar dan prinsip itu biasanya muncul dalam bentuk rupa yang buruk dan jahat, seperti menghormati Ka’bah, bertawaf, menunaikan haji, umrah, wuquf di ‘Arafah dan sebagainya, adalah berasal dan syariat yang mereka warisi

Fiqh Al-Sirah 1

sejak zaman Nabi Ibrahim ‘alaihissalam, tetapi mereka adukkan dengan beberapa perkara yang bukan asal, seperti Talbiyah mereka di masa melakukan Haji dan Umrah berbunyi:

Mereka tambahkan “إلا شريك هو لك، تملكه وما ملك”

“... melainkan dia yang menjadi sekutu bagi Engkau, Engkau miliki apa yang dia miliki”, mereka tauhidkan Allah kemudian mereka sekutukan dengan berhala-berhala mereka, dan mereka jadikan berhala itu milik Allah, mengikut riwayat Ibnu Hisham.

Ringkasnya: Perkembangan sejarah ‘Arab dan mula hingga akhirnya adalah dalam pangkuan agama Hanif yang lapang dan muda, agama yang diutuskan bapa para Nabi, iaitu Ibrahim ‘alaihissalam. Bangsa ‘Arab ini sudah pernah dilimpahi aqidah tauhid, pernah disulahi cahaya hidayah dan iman, tetapi kemudiannya mereka menjauhi agama yang benar itu sedikit demi sedikit, dengan berlalunya zaman berkurun-kurun lamanya, maka keadaan bertukar, di mana kegelapan syirik dan pemikiran sesat serta kejahilan yang laksana banjir telah menenggelamkan mereka, di samping itu mereka tetap juga mengekalkan saki baki petunjuk yang benar dan prinsip-prinsip yang tulen yang lama tersembunyi dalam perjalanan yang lambat bersama sejarah mereka, semakin lemah bersama zaman, semakin kurang para pendokongnya dan tahun ke tahun.

Tetapi manakala bersinar kembali obor agama Hanif dengan kebangkitan Khatamul-Anbiya’ Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam, tibanya wahyu ilahi ke setiap yang telah menjadi tebal dengan kesesatan dan kegelapan dalam jangka masa yang panjang itu, maka semuanya itu telah dihapuskan oleh wahyu, diteranginya semula tempat itu dengan suluhan iman dan tauhid, dengan prinsip-prinsip keadil dan kebenaran, tibanya wahyu Ilahi kepada saki baki tersebut yang telah begitu lama dilalui oleh kehidupan bangsa ‘Arab, mengubah kehidupan mereka ke tempat pancaran cahaya yang baru, mengembalikan mereka kepada agama yang diutuskan Ibrahim ‘alaihissalam untuknya, ditetapkan kembali syariah-syariah Ilahiyah serta dibaharuinya da’wah untuk itu.

Tidak ragu-ragu bahawa adalah meniadakan perkataan yang tidak dikehendakj kalau kita perkatakan juga perkara—perkara sudah dikenali dan diketahui oleh orang yang telah membaca dan meneliti sejarah, pastinya itu merupakan suatu yang tetap dalam batin orang-orang yang telah mempelajari Islam. Bukanlah kita berhajat hendak menghabiskan banyak masa pada zaman ini dalam menjelaskan apa yang telah jelas, iaitu setelah kita melihat dengan mata kepala kita, bagaimana setengah-setengah manusia dapat ditundukkan i’tiqad mereka semata-mata kerana keinginan dan kegemaran yang ada dalam diri-diri mereka.

Ya, memang ada jenis manusia seperti itu yang hidup di dunia ini, mereka ini tidak pernah ambil kisah bahawa akal mereka telah dibelenggu seketat-ketatnya dengan rantai penghambaan, otak pemikiran mereka dijajah dan diperhambakan!...

Betapa besarnya perbezaan antara bahawa iradah kemahuan anda ada di belakang ‘aqidah anda, dengan adanya ‘aqidah di belakang iradah kemahuan anda, betapa jauhnya beza antara keduanya di segi ketinggian dengan kerendahan, antara kemuliaan dan kehinaan!..

Apa yang kita katakan tadi adalah jelas dengan bukti dan keterangannya, betapa kedapatan manusia-manusia yang berkata: “Bahawa sejak zaman jahiliyyah — di masa hampir dengan kebangkitan Nabi SallaLahu ‘alaihi Wasallam — sudah ada kesedaran untuk kembali kejalan yang betul yang layak diikutinya, lalu pemikiran orang-orang ‘Arab pun mula memberontak terhadap syirik dan penyembahan berhala dan seumpamanya yang berupa dongengan-dongengan jahiliyyah, dan kemuncak kesedaran dan pemberontakan pemikiran itu muncul menjadi kenyataan dengan kebangkitan Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan da’wahnya dalam bentuk dan rupa baru.

Sedangkan konsep da’wah itu:- seperti yang jelas kepada anda Bahawa sejarah perkembangan jahiliyyah adalah semakin meningkat penguasaannya ke atas hak-hak tauhid dan nur bidayah, ini berlaku dalam edaran zaman yang begitu panjang, atau ertinya semakin jauh mereka dan zaman Ibrahim melalui sekian kurun semakin hampir kembali kepada pninsip-pninsip agama Ibrahim dan da’wahnya, hingga sampailah kehampiran itu ke tahap yang terakhir, iaitu saat—saat kebangkitan Muham mad Sailallahu ‘alaihi Wasailam!’

Fiqh Al-Sirah 1

Apakah begitu ukiran sejarah, atau ukiran tepat dan sejarah adalah pada keseluruhannya sebalik itu, kenyataan sejarahnya begitu mudah difaham, semudah menyebut “Alif dan Ba”nya yang begitu jelas difahamkan.

Setiap pengkaji dan penyelidik sejarah yang bebas, tahu bahawa zaman di mana Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, adalah zaman jahiliyyah yang paling jauh dan hidayah atau pertunjuk RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasailam kalau dibandingkan dengan semua zaman, dan saki baki runtunan yang ada pada orang-orang ‘Arab ketika kebangkitan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam itu sebenarnya saki baki pertunjuk dan prinsip agama Hanif, ia dapat dilihat pada imbasan-imbasan dalam upacara penyembahan berhala yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh, juga pada penyerupaan dan persamaan dalam sebahagian upacara yang telah ditetapkan oleh Islam saki baki runtunan itu ketara sekali, kerana sejak sekian kurun tidak sampai sepuluh peratus yang tinggal. Kalau itu dijadikan panduan oleh golongan manusia yang menganggapnya seperti di atas terhadap konsep Nubuwwah atau kebangkitan Nabi itu sepatutnya sudah berada atau sudah dibangkitkan Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam beberapa kurun atau beberapa jenerasi sebelumnya!

Ada pula segolongan manusia lain yang menuduh: bahawa Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tidak berkemampuan lagi untuk bertindak membentaras ke atas perkara-perkara utama yang terkenal di kalangan bangsa ‘Arab, seperti adat, tradisi, dan berbagai kepercayaan ghaib, yang merupakan perkara-perkara yang dihormati dan di agung-agungkan oleh mereka, lalu baginda ikut memperkukuh dan menyempurnakan semua itu dengan menjadikannya sebagai upacara agama, lalu diisytiharkannya sebagai perintah Tuhan kononnya. Dan dengan satu gambaran lain pula, kononnya: Kedatangan Muharmmad SalaLlahu ‘alaihi Wasallam itu hanyalah untuk menambahkan bilangan ‘aqidah atau kepercayaan ghaib pada bangsa ‘Arab, bahawa penjagaan pentadbiran segala-galanya berada di tangan persendirian Tuhan yang Maha kuasa ke atas apa yang dikehendakinya, dengan itu maka berterusanlah bangsa ‘Arab hingga setelah memeluk Islam, mempercayai sihir, jin dan berbagai kepercayaan lain, umpamanya mereka tetap melakukan tawaf atau mengelilingi Ka’bah, menganggap Ka’bah itu suci dan berbagai upacara yang palsu dan sebagainya.,

Yang diperkatakan oleh mereka yang mendakwakan semua yang tersebut itu, hanya berdasarkan atas dua andaian, dua andaian yang sama sekali mereka tidak mahu memikirkan kesalahan andaian itu; andaian pertama: Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam itu bukan seorang Nabi, andaian kedua: Segala saki baki amalan agama di zaman Nabi Ibrahim yang masih ada pada orang-orang ‘Arab seperti yang telah kita bahaskan itu, sebenarnya rekaan dan tiruan yang mereka ada-adakan sendiri dan semasa ke semasa, sebenarnya penghormatan dan taqdis terhadap Ka’bah itu bukanlah sebagai salah satu dan peninggalan dakwah Nabi Ibrahim yang merupakan perintah Tuhan, kewujudan upacara itu merupakan jalinan yang tersusun dan suasana dan kebiasaan orang-orang ‘Arab, ertinya upacara itu merupakan salah satu dan berbagai tradisi orang-orang ‘Arab.

Cara untuk menyelamatkan dua tuduhan palsu itu supaya tidak lemah dan tidak cacat, maka penulis-penulis tuduhan itu sengaja memejamkan mata walau berhadapan dengan berbagai bukti dan keterangan juga kenyataan-kenyataan sejarah yang begitu jelas, atau apa saja keterangan yang menolak tuduhan tuduhan mereka, atau kenyataan-kenyataan yang mendedahkan kepalsuan dakwaan tersebut.

Di samping itu, seperti yang diketahui, bahawa pihak yang membuat kajian mengenai hakikat itu tidak akan sampai ke matlamatnya, kerana sudah pasti dia telah sesat atau tersalah simpang, tetapi digagahinya juga membuat andaian dan tuduhan yang berpunca dan dendam turun temurun. Sungguh ketara bahawa kajian seperti hanya merupakan perkara sia-sia yang melucukan.

Justeru itu, maka tidak ada satu keterangan atau alasan pun yang didapati untuk dijadikan bandingan atau satu-satu kesimpulan melalui dalil—dalil logik, atau melalui peristiwa sejarah dalam menuju kepada sesuatu hakikat. Yang kita mahu ialah hakikat yang sebenarnya, kita juga tidak hendak membohongi diri kita di samping membohongi orang lain dengan cara berpura-pura membuat kajian bebas untuk mendapatkan sokongan orang lain terhadap pemikiran dan pendapat yang tertentu.

Ini tidak lain dan tidak bukan dan semata-mata kerana ta’assub atau fanatik. Maka sudah pasti, walaun dengan apa keadaan sekalipun, kita tidak boleh memejamkan mata atau membutakan hati dan

Fiqh Al-Sirah 1

pemikiran terhadap dalil-dalil kenabian Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam yang begitu banyak, seperti wahyu yang begitu jelas, seperti mukjizat Al—Qur’an dan yang ternyata persamaan antara da’wah Muhammad dengan da’wah para nabi Sebelum baginda, juga sifat dan akhlaq baginda. Kita tidak boleh sama sekali menerima andaian dan tuduhan bahawa Muhammad itu bukan Nabi. Juga tidak boleh kita ketepikan sejarah yang jelas menentukan bahawa pembinaan Ka’bah itu dilakukan oleh Ibrahim ‘alaihissalam dengan perintah dan wahyu dan Allah Subhanahu wa Ta’ala, mengenai rantaian para nabi dalam penyampaian da’wah tauhid kepada Allah, juga beriman kepada perkara—perkara ghaib seperti hari Mahsyar dan balasan baik dan buruk sama ada syurga atau neraka, juga perkara-perkara yang telah diberitahu oleh nas-nas kitab Samawi sebelumnya, dan apa yang diberitahu itu telah diakui benar oleh sejarah, telah menjadi kenyataan dalam beberapa generasi, semuanya itu kita namakan “saki baki warisan zaman Ibrahim” dalam zaman jahiliyyah. Wajarkah kita tolak semuanya itu kerana semata-mata disogokkan kepada kita andaian bahawa semua itu tidak lain hanya merupakan tradisi yang diada-adakan oleh bangsa ‘Arab kemudian datang Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam menyalutkannya dengan salutan agama?

Seharusnya dimaklumkan bahawa orang—orang yang merasa sedap membuat anggapan dan tuduhan seperti itu, tidak dapat mereka kemukakan sebarang bukti atau dalil walau dengan apa bentuknya sekalipun, sama ada di hadapan atau di belakang tuduhan itu, yang mereka kemukakan hanya beberapa ibarat yang meleret-leret dan berulang-ulang.

Mungkin juga anda meminta satu contoh mengenai itu, cubalah baca buku (Bunyatul — Fikrid — Dini) (terjemahan ke bahasa Arab dan bahasa Inggeris), maka anda dapat melihat dengan jelas bagaimana dan apakah peranan ta’assub buta terhadap manusia—manusja berkenaan, perasaan ta’assub yang pelik itu membuat orang yang menganutnya ego hingga tidak mengaku walaupun berhadapan dengan hakikat-hakikat yang seharusnya mereka lunduk menenima. (lihat “Bunyatul — Fikri Ad-Dini” bahasa Arab.H.58.)

Mengikut pandangan Gibb, bahawa pembentukan pemikiran beragama dalam Islam, hanya merupakan beberapa ke percayaan dan pemikiran kepada ghaib di sisi orang-orang ‘Arab, kononnya Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah memerhati dan meneliti budaya dan pemikiran bangsa ‘Arab, lalu diubahnya sekadar yang boleh, yang tidak boleh diubah dijadikan sebahagian dan upacara agama Islam, dan kononnya Muhammad terus menyokongnya dan dipadankan dengan agama. Tetapi Muhammad kononnya terpaksa berhadapan dengan berbagai kesulitan besar yang menghalangi jalannya, Muhammad bukan sekadar hendak membina kehidupan beragama ini untuk bangsa ‘Arab saja, malah untuk semua umat manusia mengikut sistem Al-Qur’an.

Itulah sari pati pemikiran Gibb dalam bukunya itu, kalau anda baca buku yang mengandungi pemikirannya itu dan mula hingga akhirnya, tidak akan kedapatan satu dari pun mengenai apa yang dikatakannya, jika diteliti apa yang dikemukakannya, maka tidak syak lagi bahawa Gibb ini telah meninggalkan pemikirannya di satu tempat yang jauh dari tempat yang ia sendiri duduk menulis mengenai ini, Gibb menggantikan daya pemikirannya yang sihat dengan waham dan khayalan-khayalan segar dan lincah, dia mendapat ilham dan waham dan khayalan, maka ia pun menulis seperti yang dituliskan mengikut kehendak dan hukum waham dan khayalan.

Ketara benar; ketika Gibb duduk membaca tulisan terjemahan muqaddimah bukunya ke bahasa Arab, terbayang di fikirannya bahawa pembacanya akan terpengaruh dan pemikirannya akan menolak dan menghina Islam. Namun deniikian ia mencelah juga mengecualikan diri.....

Dia mengecualikan diri dan mempersendakan Islam dengan mengatakan: “Bahawa beberapa bahagian isi kandungan mengenai ini bukanlah berdasarkan kepada pemikiran dari otak penulisnya, malah berdasarkan kepada dalil-dalil dan keterangan-keterangan yang diberikan oleh segolongan ahli fikir dan cendekiawan muslimin sendiri, banyak juga nama tokoh tokoh ilmunan Islam yang dikaitkan, memadailah seorang saja saya sebutkan sebagai contoh, iaitu Tuan guru Shah Waliyullah Dahiawi.

Gibb telah menyalin sebahagian dan teks Shah Waliyullah Dablawi dari kitabnya “Hujjatullah Al-Balighah” J.1.H. 122. Dia begitu yakin bahawa tidak ada pembaca bukunya akan berusaha untuk merujuk kepada kitab Hujjatullah Al-Balighah itu bagi memerhatikan teks asalnya, maka diubahnya

Fiqh Al-Sirah 1

maksud kandungan asalnya mengikut hawa nafsunya, digugurkan apa yang sepatutnya bagi membolehkan pemesungan dan menjadi songsang daripada maksudnya yang sebenar, dibuatnya dengan begitu teliti dengan harapan agar ia tidak dipersalahkan dalam hal ini.

Teks asal yang telah digugurkan dan dipesungkan itu seperti berikut:

“Sesungguhnya Nabi SallaLahu ‘alaihi Wasallam, dibangkitkan dengan kebangkitan yang mengandungi tujuan satu ke kebangkitan yang lain; yang pertamanya hanyalah kepada Banu Ismail (bangsa Arab).. kebangkitan ini untuk memastikan supaya syari’atnya berteraskan syi’ar—syi’ar dan cara—cara ibadat Banu Ismail itu, juga cara-cara yang boleh difaedahkan yang sedia ada pada mereka, dengan itu syara’ merupakan islah (pembaikan) kepada apa yang sedia ada pada bangsa Arab, syara’ tidak memberati mereka dengan apa yang mereka tidak tahu asal-usulnya).

Sementara teks asal dan kitab “Hujjatul al-Balighah” memberi ibarat seperti berikut:

“Dan ketahuilah sesungguhnya Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dibangkitkan dengan agama Hanaifiyah Ismaili ya (mengikut agama Ibrahim dan Ismail), untuk membetulkan yang pincangnya, untuk menghapuskan pemesungannya, untuk menyinarkan nurnya, dan kerana itulah Allah berfirman: (...agama bapa kamu Ibrahim ...) Bila begitu kedudukannya, semestinya prinsip agama itu terselamat dan sunnahnya (syari’atnya) telah ditetapkan, dengan itu bila Nabi dibangkitkan kepada satu kaum yang masih ada Sunnah Rasyidah (syariat yang betul) pada kaum itu, maka tidak ada makna untuk mengubah dan menukarnya, malah wajib dikekalkan dan dikukuhkannya kerana sunnah itu sesuai dengan jiwa mereka dan lebih kuat untuk dihujahkan kepada mereka. Bani Ismail (bangsa ‘Arab) adalah mewarisi turun temurun manhaj dan bapa mereka Ismail, mereka tetap berada di atas syan’at itu hinggalah ‘Amru Bin Luhay mula memasukkan perkara-perkara palsu mengikut pemikirannya ke dalam syariat itu, maka sesadiah ia dan disesatkannya orang lain, dan bermulalah penyembahan berhala, mengadakan (Saibah), dan (Bakhirah), maka dan situlah mulanya kerosakan agama, bercampur antara yang betul dengan yang salah, mereka ditewaskan oleh kejahilan, syirik dan kufur, lalu Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam pun dibangkitkan untuk membetulkan penyelewengan mereka dan untuk memulihkan kerosakan mereka, maka Nabi SallaLahu ‘alaihi Wasallam memerhati pada syariat mereka, dikekalkan yang tepat dengan manhaj Ismail ‘alaihissalam atau dari syiar Allah, dihapuskan perkara tokoh tambah atau pemesungan, malah dimestikan penghapusan itu.”

Tidak syak lagi bahawa kita tidak hendak membetulkan kerja pengkaji dan pemesungannya seperti ini, membetul dengan meneliti dan menyelidik, kerana sudah jelas pembohongannya, akan sia-sialah jika kita tumpukan tenaga untuk penyelidikan terhadapnya, tetapi tujuan kita hanya supaya para pembaca tahu sejauh manakah mereka yang berkenaan telah di bawa oleh fanatik buta, sama seperti kita mahu supaya orang-orang yang terpengaruh dengan cara penyampaian dan ulasan sarjana-saijana barat, dan sejauh mana peranan pengaruh “*Taqlid A ‘ma*” (Meniru Buta-tuli) yang terkeji itu terhadap sebahagian muslimin ini sendiri!.

Dengan itu barulah dapat dikenali kedudukan sebenar antara Islam dan pemikiran jahiliyyah yang pernah menjadi panduan kepada bangsa Arab sebelum kelahiran Islam, sama seperti dikenali kedudukan sebenar antara zaman jahiliyyah dengan zaman Milah Hanifiyyah yang diutuskan Ibrahim ‘alai hissalam untuknya.

Dan dengan itu jelaslah sudah bahawa kerana itulah Rasul mengekalkan banyak di antara adat dan prinsip yang menjadi panduan dan ikutan kepada bangsa ‘Arab, di samping banyak pula adat dan tradisi mereka dihapuskan semuanya dengan bertindak perang untuk menghapusnya.

Hanya sekadar ini saja kita habiskan muqaddimah yang amat penting ini untuk diketengahkan di permulaan pembelajaran sirah ini untuk mendapatkan sari pati Sirah Nabawiyyah dan untuk mendapatkan kefahamannya secara mendalam bersama tauladan dan pengajarannya.

Seterusnya, anda pembaca akan dapati di sekitar bahasan-bahasan kami berikut ini lebih banyak keterangan yang boleh membantu menguatkan lagi penjelasan—penjelasan yang telah kami berikan, semoga akan bertambah jelas hakikat kedudukan yang sebenarnya.

KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM DAN PENYUSUANNYA

Nasabnya Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallatn, keputeraannya dan penyusuannya.

Adapun nasabnya SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, ialah; Muhammad bin ‘Abdullah bin ‘Abdul Mutalib, ‘Abdul Mutalib dipanggil dengan nama Syaibah Al-Hamd. bin Hashim bin ‘Abdul Manaf, nama ‘Abdul Manaf ialah Al Mughirah bin Khusai, dinamakan Zaidan bin Khilab bin Mur rah bin Ka’ab bin Luai bin Ghalif bin Fihri bin Malik bin Nadri bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Mu’ad bin Adnan.

Setakat itulah sahaja apa yang telah disepakati mengenai Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Adapun yang ke atas dan itu ada bersalahan pendapat, yang payah hendak dipegang. Tetapi tidaldah ada sebarang khilaf atau bersalahan pendapat mengenai Adnan itu adalah di antara anak cucu Nabi Ismail ‘alaihissalam anak kepada Ibrahim ‘alaihissalam dan Allah telah memilihnya dan sebaik—baik khabilah dan suku, tidak pernah diresapkan sesuatu daripada kecemaran jahiliyyah kepada sesuatu dari nasabnya.

Diriwayatkan oleh Muslim dengan sanadnya, Sabda RasuluLlah SallaLlahu ‘alailii Wasallam.

إن الله اصطفى كنانة من ولد إسماعيل واصطفى قريشاً من
كنانة واصطفى هاشماً من قريش واصطفاني من بني هاشم .

“Sesungguhnya Allah telah memilih Kinanah di antara anak-anak Ismail, dan dipilihnya Quraisy dan Kinanah, dan dipilihnya Hashim dan Quraisy dan dipilihnya saya dari Bani Hashim”.

Baginda dilahirkan pada Tahun Gajah, iaitu tahun di mana Abrahah Al Asyram telah melanggar masuk ke kota Makkah dalam rangka percubaannya hendak menawan dan memusnahkan Al-Ka’bah. Namun demikian percubaannya tadi telah menemui kegagalan yang amat pahit di mana Allah Subhanahu Wata’ala telah mengutuskan sekumpulan Burung-burung Ababil mencedera dan memusnahkan angkatannya itu. Kejadian ini telah diterangkan di dalam Al-Qur’an dengan jelas sekali. Mengikut pendapat yang paling hampir dengan kenyataan, baginda telah dilahirkan pada hari Isnin tanggal 12 (dua belas) haribulan Rabi’ul Awal.

Baginda adalah yatim ketika dilahirkan. Ayahandanya wafat ketika baginda baru dua bulan dalam kandungan ibunya. Setelah lahir baginda dipelihara oleh datuknya ‘Abdul Muttalib yang kemudian disusukan kepada seorang perempuan dari puak Sa’d Bakr yang bernama Halimah binti Abi Zuwaib. Ini adalah mengikut adat resam orang—orang ‘Arab di kala itu.

Ahli sirah telah sebulat suara mengatakan bahawa kampung Bani Sa’d ketika itu mengalami kemarau yang teruk. Sesampai sahaja Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam ke rumah Halimah dan menyusu darinya ketika itu juga keadaan pun berubah. Kampung yang dulunya kering tandus mulai menghidu, kambing ternakan yang dahulu kelaparan kini bila kembali dan ladang ternakan kelihatan riang dan uncang—uncang susunya penuh dengan susu.

Fiqh Al-Sirah 1

Mengikuti apa yang diriwayatkan oleh Muslim (salah Seorang Imam Hadith Nabi) bahawa Rasulullah telah dibedah perutnya semasa bersama Bani Sa'd. Ketika itu baginda baru berusia lima tahun. Selepas itu dihantar kembali ke pangkuan ibunya.

Bondanya telah wafat ketika baginda berusia enam tahun. Ini membawa baginda menjadi seorang yatim piatu. Dengan itu maka datuknya pula yang mengambil peranan mendidik Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam tetapi tidak berapa lama datuknya pula berpindah ke alam baqa'. Masa itu baginda berusia lapan tahun dan dipelihara oleh bapa saudaranya pula Abu Talib.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Dengan segala apa yang berlaku di peringkat ini bolehlah kita mengambil beberapa kesimpulan pengajaran dan peng'ik tibarannya:

1. Mengenai nasab keturunan baginda SallaLahu 'alaihi Wasallam seperti yang telah kami jelaskan, kedapatan beberapa dalil yang jelas yang menunjukkan bahawa dalam semua bangsa manusia, bangsa 'Arab yang telah dipilih oleh Allah, dalam semua bangsa 'Arab, qabilah atau suku Quraisy pula dipilihnya, dalilnya itu jelas kedapatan dalam hadith riwayat Muslim seperti yang telah kami sebutkan, malah banyak lagi hadith yang sama maksudnya, antaranya ialah hadith riwayat Tirmizi:

(Bahawa Baginda SallaLahu 'alaihi Wasallam berdiri di atas minbar lantas berkata: "Siapakah saya ini Para sahabat menjawab: "Engkau utusan Allah, selamat atas engkau ". Ujar Baginda lagi: "Saya Muhammad anak Abdullah anak Abdul Muttalib, sesungguhnya Allah telah menjadikan makhluk (manusia), kemudian Ia jadikan mereka dua golongan, maka ia jadikan saya dalam golongan mereka yang paling baik, kemudian Ia jadikan mereka beberapa qabilah, maka Ia jadikan dalam qabilah mereka yang paling baik, kemudian Ia jadikan beberapa rumah (rumah tangga) maka Ia jadikan saya dalam rumah yang paling baik, dan saya adalah orang yang paling baik di antara mereka".) Tirmizi: J. 9. H. 236. Kitabul Muflaqib.

Dan ketahuilah bahawa konsep kasih kepada Rasul SallaLahu 'alaihi Wasallam, ialah kasih kepada kaum yang dalam kalangan mereka lahirnya Rasul SallaLahu 'alaihi Wasallam, juga kasih kepada qabilah yang dalam kalangan mereka diputerakan Baginda. Ini bukan kerana fanatik kepada orang—orang bangsa itu, tetapi adalah kerana semata mata hakikat, kerana pada hakikatnya bangsa 'Arab Quraisy itu telah mendapat kemuliaan dan penghormatan di sebabkan hubungan mereka dengan Rasul SallaLahu 'alaihi Wasallam, dan ini tidak boleh disangkal sama sekali.

Namun demikian, tidakjuga boleh dinafikan bahawa adanya keburukan pada orang-orang 'Arab atau orang Quraisy itu kerana penyimpangan mereka dan jalan Allah Subhanahu Wa Ta'ala atau menyeleweng dan garis-garis panduan yang telah dipilih oleh Allah untuk hamba-hambanya, kerana penyimpangan dan pemelesan dan garis panduan tersebut bererti tersingkir terputus dan hubungan dengan Rasul SallaLahu 'alaihi Wasallam.

2. Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam dilahirkan dengan keadaan yatim piatu. Sesudah itu datuknya pula meninggal. Penistiwa ini menyebabkan Rasulullah hidup di peringkat kecilnya tanpa mendapat kasih sayang dan ibu dan jagaan serta perhatian yang sewajar dari bapa. Kesemuanya ini bukan berlaku secara kebetulan sahaja tetapi segala-galanya ini adalah mengikuti apa yang telah digariskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk masa depan Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam dan ini adalah sebahagian dan hikmat Ilahi, agar tidak sesiapa pun menaruh sangkaan buruk bahawa seruan Nabi Muhammad ini adalah dan ilham dan latihan ibunya semasa menyusu ataupun hasil dan tunjuk ajar dan bapa dan neneknya kerana neneknya 'Abdul Muttalib adalah manusia yang terkemuka di kalangan kaumnya, lebih-lebih lagi soal pembekalan makanan dan minuman untuk jama'ah haji adalah di bawah kelolaan dan tanggungjawabnya.

Sudah menjadi adat dan resam alam, datuk atau bapa akan menurunkan warisan kepada cucu atau anak di bawah jagaan mereka.

Tetapi suratan Ilahi tidak membiarkan kesempatan kepada mereka yang engkar dan bertujuan jahat, kerana Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam telah dibesarkan dan dipe lihara jauh dan jagaan

Fiqh Al-Sirah 1

dan peliharaan ibu bapa. Demikian juga di masa baginda masih bayi. Sebagai satu lagi hikmat Ilahi Baginda telah dikirimkan ke kampung di bawah peliharaan Bani Sa'diah. Selepas datuknya meninggal dunia maka tanggungjawab memelihara terserah kepada bapa saudaranya pula, Abu Talib. (Umur 'Abdul Mutalib pun tidak panjang buat memelihara Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam). Datuknya sempat memikul tanggung jawab itu hanya buat masa tiga tahun sahaja.

Sebagai kesimpulan kepada hikmat Ilahi tadi, disudahi dengan penolakan dan keengganan Abu Talib menerima dan memeluk agama Islam, agar tidak disyaki orang lagi bahawa Abu Talib sedikit sebanyak memainkan peranan penting dalam usaha mengasuh Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam ke arah da'wahnya itu kerana semuanya ini merupakan plot perkembangan yang berjangkit antara satu sama lain yang membawa kedudukan dalam puak kepada kedudukan di dalam kaum dan seterusnya kepada penganjuran yang lebih luas dan pangkat kedudukan yang lebih tinggi.

Beginilah arus hikmat Ilahi yang mahukan Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam hidup dengan keadaan yatim piatu. Hanya arahan dan jagaan Ilahi sahaja dapat menjauhkan tangan-tangan yang cuba memanjanya, menjauh wang, harta kekayaan dan yang cuba memewahkan kehidupannya. Ini berlaku supaya jangan timbul di jiwanya semangat kebendaan atau gilakan pangkat. Oleh itu Segala-galanya tidak mendorong baginda ke arah kepenganjuran, yang mana mungkin mengelirukan di antara KENABIAN dengan KEPENGANJURAN dunia yang akan disangka orang kelak sengaja dibuat-buat yang pertama (keNabian) demi untuk mencapai yang kedua (kepenganjuran).

3. Mengikuti apa yang diceritakan oleh ahli sirah (sejarah hidup Nabi) bahawa rumah dan perkampungan Halimah Al Sa'diyyah telah dilanda kemarau yang dahsyat tetapi kedatangan Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam telah merombak segala-galanya. Tanaman kembali subur menghidu, biri-biri dan unta yang kurus kering dengan hanya kulit yang melekat di tulang-tulang berubah menjadi binatang yang sihat dan gemuk berlemak. Kesemuanya ini menunjukkan kedudukan martabat Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam di sisi ALLah semasa baginda masih bayi lagi. Sebagai contoh penganugerahan Ilahi yang nyata kepada Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam ialah pengurniaan dan limpahan rahmat kepada Halimah Al Sa'diyyah yang telah memelihara baginda. Ini tidaklah menjadi suatu perkara yang pelik dan ganjil. Tidakkah pernah kita meminta supaya Tuhan menurunkan hujan di musim kemarau dengan berkat para salihin dan berkat keluarga Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam agar do'a dan permintaan kita itu dikabulkan Tuhan dan bagaimana pula kalau satu tempat itu Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam sendiri berada di dalamnya, maka perkampungan tadi sudah sewajarnya menerima ganjaran dan rahmat Ilahi yang telah sanggup menerima, memelihara dan menyusu Rasulullah. Kehijauan rumput dan tanah menyubur adalah berkat Baginda Rasulullah yang lebih berkesan daripada hujan.

Kalaulah sebab-musabab itu di tangan Tuhan, maka sudah sewajarnya Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam mendahului segala sebab-musabab dan limpah kurnianya. Lebih jelas lagi Rasulullah ini adalah rahmat Allah untuk manusia sejagat. Tegasnya Allah sendiri telah menyebut di dalam Al-Qur'an:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (107)

Yang bermaksud:

"Dan tidak Kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk 'alam sejagat".

(Surah Al-Anbiya' 21: 107)

4. Peristiwa pembedahan perut Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam semasa Baginda tinggal bersama Halimah Al Sa'diyyah merupakan salah satu tanda keNabian dan tanda pemiihan Tuhan terhadapnya untuk sesuatu yang mulia.

Peristiwa ini telah diperihalkan dengan betul dan benar melalui beberapaorang sahabat. Antaranya Anas bin Malik (RadiyaLlahu'anh) Perihalnya terdapat dalam kitab Hadith Muslim yang bermaksud:

Fiqh Al-Sirah 1

Sesungguhnya Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam telah didatangi Jibril ketika Baginda sedang bermain-main dengan sekumpulan kanak-kanak. Jibril ‘alaihi sallam telah merebahkan dan membelah betul-betul dengan hati dan mengeluarkannya kemudian dikeluarkan seketul darah sambil berkata, inilah sasaran syaitan ke hati engkau. Lepas itu dibasuhnya di dalam tas dan emas dengan air zam-zam barulah dimasukkan semula ke tempat asalnya dan kanak-kanak yang lain berkejaran la menemul ibu penyusunya Halimah melaung laung; Muhammad telah dibunuh dan mereka semua meluru ke arab Nabi Muhammad dan didapati pucat lesu.

Hikmat Ilahi di sini bukanlah membuang buli-buli kejahatan. Allah sahaja yang lebih mengetahui dan tubuh badan Rasulullah kerana kalaulah di sana terdapat buli-buli kejahatan yang merupakan sumber kejahatan maka sudah tentu boleh dirubah manusia jahat menjadi baik dengan cara pembedahan. Tetapi hikmat Ilahi yang jelas di sini ialah mengilkkan dan mengisytiharkan keRasulan baginda dan menjadikannya ma’sum dan mempersiapkan baginda untuk menerima wahyu dan kecil lagi dengan cara yang boleh dilihat dengan mata kasar kerana dengai jalan ini membawa orang percaya dan beriman dengan risalah pengutusannya dengan mudah. Pembedahan tadi adalah pembersihan rohani dengan suatu cara yang boleh dinampakkan oleh pancaindera supaya inmi menjadi canang Ilahi kepada manusia seluruhnya dengan boleh dilihat dan didengar.

Sebab yang membawa kita percayakan peristiwa pembedahan ialah kerana kebenaran dan sahnya cerita ini. Kalaulah perkara ini sudah jelas bak di tengahari maka tidak ada sebab—sebab yang boleh kita larikan dan kebenarannya. Tetapi bagi mereka yang lemah iman kepada Tuhan perkara ini membawa kepada kelemahan iman mereka terhadap keNabian dan keRasulan Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam. Orang yang seperti ini tidak ada bezanya sama ada mereka mengetahui atau tidak akan hikmat-hikmat Ilahi dan sebab-sebabnya.

PERJALANANN YANG PERTAMA KE NEGERI SYAM DAN USAHA Mencari REZEKI HALAL

Dalam usia dua betas tahun bapa saudara Baginda Abu Talib membawa bersama-samanya ke Negen Syam (Syria). Ketika mereka sampai di suatu tempat yang dikenali dengan

“Basra”, mereka telah bertemu dengan seorang paderi yang bernama “Buhaira”, seorang yang bijak mengenai Kitab Injil dan agama Nasrani (Kristian). memerhati Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasailam kemudian bertanya kepada Abi Talib, katanya: “Budak ini anak tuan hambakah? Lantas dijawab oleh Abi Talib; Kenapa tidak! Ya, budak ini anakku. Oleh kerana Abu Talib terlalu kasih dan sayang kepada Rasulullah sejak dahulu lagi maka beliau menyebut-nyebut baginda sebagai anaknya. Kemudian Buhaira menegaskan; “Bapa budak ini tidak mungkin masih hidup.” Abu Talib menjawab; “Sebenarnya budak ini anak saudaraku, bapanya meninggal ketika ia masih dalam perut ibunya”. Paderi tadi menambah; “Memang benar apa yang engkau ceritakan kerana segala—galanya tercatat dalam Injil dan di sini ingin saya memberi nasihat iaitu supaya segeralah engkau membawanya pulang sebab kalaulah ternampak oleh orang-orang Yahudi mereka akan mengancam nyawanya kerana anak saudaramu ini di masa muka nanti akan membawa suatu perkara besar dan agung.” Maka Abu Talib pun segeralah pulang ke Mekah bersama Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam.

(1) Diringkaskan dan Sirah Ibnu Hisham: 1/180, dan diriwayatkan juga oleh Al-Tabari dalam “Tarikh Al-Tabari”: 2/287, juga oleh Al-Baihaqi dalam Al-Sunan, juga oleh Abu Na’im dalam “Al-Hulliyah”. Kedapatan serba sedikit kelainan huraian dalam masing.

Selepas itu Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam mula memasuki gerbang kedewasaan dan keremajaan. Bagmda mula bertungkus-lumus dan menyingsing lengan mencari rezeki halal, seharian menternak kambing. Rasulullah SallaLahi ‘alaihi Wasallam menceritakan: yang bererti

“Dahulu pernah aku menternak kambing penduduk Makkah dengan upahnya beberapa Karat sahaja. “masing riwayat, cuma Tirmizi saja yang menghuraikan riwayat ini secara panjang, mungkin beiau melalui sanad-sanad yang mudah difaham, beliau berkata: bahawa riwayat ini adalah “Hadits Hasan

Fiqh Al-Sirah 1

Gharib” tidak kita ketahuinya melainkan dengan cara ini”. Mengenai riwayat ini kata Abdul Rahman Bin Ghazwan dalam “Al-Mizan”: “*Dalam riwayat ini ada beberapa perkara yang boleh ditolak, Malik telah menolak cerita dan Yunus Bin Ishaq bahawa di masa dalam perjalanan ke Syam bersama Abu Talib, baginda Nabi sudah hampir baligh” Kata Ibnu Saiyidun-Nas pula dalam “Al Matan”:* *ada sesuatu yang boleh di tolak” (Rujuk” ‘Uyunul-Atsar” 1/43.) tetapi yang menjadi ganjil ialah Syekh Nasir al-Din Al-Albarn yang berkata mengenai ini dalam Fiqhus-Sirah karangan Al-Ghazali: bahawa sanad-sanad riwayat ini adalah sahih Riwayat A1-Bukhari.*

Allah telah mengawal dan mengawasi zaman keremajaan RasuluLlah SallaLlahu ‘alathi Wasallam. Oleh itu Baginda tidak pernah menyeleweng seperti pemuda-pemuda lain dan berhubung dengan hal ini Baginda sendiri telah menceritakan kepada kita mathumnya:

“Aku tidak pernah teringat hendak melakukan seperti mana yang dilakukan oleh sebahagian besar orang-orang jahiliyyah, kecuali dua kali tetapi dielak dan dijauhkan oleh Allah Subhanahu wata ‘ala. Lepas itu aku tak ingat lagi hinggalah aku diutuskan. Di suatu ketika aku sedang berternak dengan seorang pemuda lain di mana aku telah meminta beiau agar tolong melihatkan (menjaga) kambing ternakanku sementara aku hendak pergi melihat-lihat di kota Makkah. Pemuda itu sanggup menunaikan harapanku itu dan aku pun keluar sehingga akhirnya sampailah ke rumah pertama di Kota Makkah dan aku mendengar permainan lantas aku pun bertanya apakah bunyi-bunyian itu. Orang memberitahuku bahawa itulah keramaian dan pesta. Aku pun duduk hedak mendengar tetapi Tuhan (Allah) telah menulikan (tidak dapat mendengar) sejurus telingaku menyebabkan aku terlena dan aku terjaga semula bila sinaran cahaya matahari memancar ke mukaku. Aku pulang serta-merta menemui sahabatku tadi. Beiau bertanya bagaimana halnya dengan diriku semalam. Aku pun menceritakan apa yang telah sebenarnya berlaku. Dan di suatu malam yang lain sekali lagi aku meminta supaya membenarkan aku keluar seperti dahulu tetapi sebaik sahaja aku sampai ke Makkah terus berlaku perkara yang sama seperti dahulu ke atas diriku. Lepas itu aku tidak mencuba lagi. Riwayat Ibnul-Atsir, diriwayatkan juga oleh Al-Hakim daripada Au Bin Abu Talib, katanya: Ini “Hadits Sahih” melalui riwayat muslim, juga diriwayatkan oleh Tabram dan cerita ‘Ammar Bin Yasir.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Cerita pertemuan RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dengan Buhaira semasa perjalanannya ke Negeri Syam bersama ayah saudara baginda adalah satu-satunya hadith yang diriwayatkan oleh ramai para ‘ulama’ Al Sirah (sejarah Nabi). Hadith ini membuktikan kepada kita bahawa ahli kitab iaitu orang Yahudi dan Nasrani sudahpun mengetahui tentang pengutusan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam melalui Kitab Taurah dan Injil yang telah menceritakan satu persatu tentang tanda-tanda dan kedatangannya.

Mengikuti apa yang telah diperihalkan oleh ahli sirah, orang-orang Yahudi Madinah pernah menyebut-nyebut tentang kedatangan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam kepada puak ‘Aus dan Khazraj dan bila dilahir sahaja mereka akan mengikuti dan beriman dengannya supaya dapat mereka berperang dan menghancurkan orang-orang ‘Aus dan Khazraj seperti mana termusnahnya kaum ‘Ad dan Iram kerana (pada waktu itu) Yahudi Madinah berselisih faham dan bermusuh-musuhan dengan dua puak ini. Namun demikian setelah datangnya Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, mereka enggan pula beriman dengannya. Kesemua ini diterangkan oleh Allah di dalam al-Quran:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ (89)

Yang bermaksud:

‘Dan setelah datang kepada mereka Al-Qur’an dari Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka, padahal sebelumnya mereka biasa memohon (kedatangan nabi) untuk mendapat kemenangan atas orang-orang kafir. Maka setelah datang kepada mereka orang-orang yang telah mereka ketahui (iaitu Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam) lalu mereka engkar kepadanya. Maka la‘nat Allahlah atas orang-orang yang engkar itu”.

Fiqh Al-Sirah 1

(Surah Al-Baqarah 2: 89)

Al-Qurtubi menceritakan bahawa Sayyidina ‘Umar RadiyaLlahu ‘anhu bertanya kepada ‘Abdullah bin Salam Seorang paderi Yahudi yang telah memeluk Islam semasa diturunkan ayat:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمْ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ (146)

Yang bermaksud:

“Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah Kami beri Al-Kitab (Taurat dan Injil) mengenal Muhammad seperti mereka mengenal anak-anaknya sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian di antara mereka menyembunyikan kebenaran, padahal mereka men getahui.”

(Surah Al-Baqarah 2: 146)

Saiyyidina ‘Umar: “Tidakkah kamu mengetahui Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam itu seperti mana kamu mengetahui anak—anak sendiri? Jawab Abdullah; “Ya memang begitu, malah lebih daripada itu.” Katanya lagi: “Allah telah mengutus pembawa amanahNya dan langit untuk disampaikan kepada pembawa amanahNya di muka bumi ini. Segala sifat-sifat RasuluLlah itu aku mengetahui lebih terperinci sedangkan pengetahuan mengenai diri anak-anakku tidak aku tahu sepenuhnya.” Salman Al-Farisi RadiyaLlahu ‘anhu seorang sahabat yang terkenal telah memeluk Islam kerana beliau mengetahui sifat-sifat dan kedatangan RasuluLlah itu terlebih dahulu kerana semuanya tersirat dalam Injil dan diperkatakan oleh paderi-paderi.

Segala-galanya ini tidaklah menunjukkan kepada kita bahawa kesemua ahli kitab percayakan segala-galanya ini Pada hakikatnya ia adalah sebaliknya sebab kitab-kitab Injil yang mereka baca sekarang sudah tidak ada langsung menyebut tentang Nabi Muhammad dan sifat-sifatnya kerana tokoh, tambah, tukar ganti sering dilakukan ke atas kitab ini oleh pihak paderi dan gereja. Perkara ini telah pun Tuhan (Allah) tegaskan di dalam Al Qur’an Al-Karim yang berbunyi:

وَمِنْهُمْ أُمَّيُونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانِيَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ (78) فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُمُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لَيْسَنَّا بِرَأْيِهِمْ وَمَا كُنْتُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِّمَّا يَكْسِبُونَ (79)

Yang bermaksud:

“Dan di antara mereka ada yang buta huruf tidak mengetahui Al Kitab (Taurat) kecuali kebohongan belaka dan mereka hanya menduga-duga. Kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis Al-Kitab dengan tangan mereka sendiri lalu dikatakannya “Ini adalah dari Allah” (dengan maksud) untuk memperolehi keuntungan yang sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan besarlah bagi mereka kerana apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri, dan kecelakaan besarlah bagi mereka, kerana yang mereka kerjakan.”

(Surah Al-Baqarah 2: 78 — 79)

Berkenaan dengan pekerjaan RasuluLlah menternak kambing untuk mencari rezeki yang halal dan mengenai limpahan kurnia Allah kepada keluarga Halimah Al-Sa’diyyah semasa RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tumpang tinggal bersama—sama mereka telah menampakkan secara jelas kepada kita tentang kerja-kerja dan usaha-usaha yang diredhai dan dipinta oleh Allah dan hamba-hambanya yang salih di dunia ini. Ya memang senang bagi Tuhan memewahkan penghidupan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tanpa mengeluarkan keringat pun dan tidak pula payah berternak kambing.

Suatu hikmat ilahi telah menunjukkan kepada kita bahawa sebaik-baik harta ialah hasil dan perusahaan sendiri demi untuk kebaikan masyarakat dan manusia seluruhnya dan seburuk buruk kesenangan ialah kemewahan yang diperolehi tanpa kesusahan yang langsung tidak memberi sebarang sumbangan kepada masyarakat.

Penda’wah Islamiyyah tidak mencerminkan sesuatu nilai pun sekiranya penghidupan sehanannya bergantung kepada pemberian dan sedekah selepas berda’wah. Sebaik-baik jalan kepada penda’wah ialah

Fiqh Al-Sirah 1

berdikari dan bergantung kepada sumber kewangan dan perusahaan sendiri tanpa menadah tangan meminta dan manusia lain. Ini supaya tidak seorang pun terasa lebih bangga dengan pemberiannya mengakibatkan pemberi itu tidak menghiraukan suruhan dan larangan yang akan dikenakan ke atasnya nanti.

Walaupun segala—galanya ini tidak terlintas di fikiran Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam kerana baginda tidak mengetahui yang Allah Subhanahu Wata’ala memilihnya sebagai utusan dan penda’wah Islamiyyah. Garis-garis kasar penghidupan Rasulullah sebagai seorang Rasul ialah di antara apa yang disalurkan Tuhan ke dalam hikmatNya yang bertujuan supaya latar belakang penghidupan Nabi Muhammad tidak akan memberi kesan buruk atau memberi tindak balas yang negatif kepada pekerjaannya selepas diutus nanti.

Cerita ringkas tentang peliharaan Allah ke atas diri Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dari bala durjana dan dugaan sejak kecil hingga dewasa membuktikan kepada kita dua faktor yang penting:

1. Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tetap seorang manusia biasa mempunyai sifat—sifat dan naluri—naluri terdapat pada manusia—manusia lain. Ianya tetap sebagai Seorang pemuda yang penuh dengan panca anika perasaan; gemarkan kepada kesenangan, hiburan, bersuka ria dan sebagainya.
2. Allah Subhanahu Wata’ala telah memelihara dan mema’sumkannya dan melakukan kekejian dan sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seseorang penda’wah. Andaikata di sana tidak ada pemeliharaan dan pema’suman namun demikian Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tetap tidak akan menjunamkan dirinya ke dalam lubang kekejian kerana suara batin dan laungan hati sanubarinya memberi amaran serta isyarat sebagai seorang yang telah disediakan oleh takdir untuk menyempurnakan akhlak dan budi pekerti serta mendirikan asas syari’at Islamiyyah dan tidak seharusnya melakukan perkara yang tidak senonoh serta keji.

Kedua faktor yang disebutkan tadi menunjukkan kepada kita yang Rasulullah memang mendapat bimbingan ilahi secara terus-menerus sedangkan mereka yang di sekelilingnya tetap dibawa arus biah (keadaan). Tidak hairanlah mengapa Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam boleh melancarkan bahtera remajanya di tengah gelombang jabiliyyah yang panas dan serba bengis itu. Kesemuanya ini memperlihatkan kepada kita tanda keNabian yang disediakan demi untuk memikul bebanan tanggungjawab. KeNabian juga tidak kurang peranan buat membentuk asas pertama ke arah peribadi, kecenderungan jiwa, fikiran dan cara-cara menghadapi hidup.

Memang mudah bagi Tuhan untuk melahirkan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam yang telah dibersihkan dan segala sifat-sifat yang meruntunnya ke arah pemuasan hawa nafsu sehingga tidak terasa langsung olehnya sebarang desakan dan tekanan dan dalam supaya meninggalkan kambing ternakan kepada seorang kawannya agar dapat Baginda pergi ke salah sebuah rumah di Makkah untuk mencari kumpulan yang bersuka ria dan berjaga hingga larut malam. Kalaulah Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dilahirkan sebegini keadaannya maka senanglah Baginda mengalami suatu pertentangan dan kesusutan jiwa. Penyakit seumpama ini contohnya terdapat di setiap bangsa dan masa. Kalau sedemikian ini maka peristiwa ini tidak lain melainkan peliharaan Ilahi yang memelihara dan membimbing kemudi kemahuan jiwanya. Hikmat ilahi mahukan supaya apa yang dikatakan bimbingan Ilahi itu dapat ditunjukkan kepada manusia seluruhnya agar dengannya mudah mereka beriman dan mengenyahkan syak wasangka yang menyelubungi kepala dan hati mereka.

PERNIAGAAN DENGAN HARTA KHADIJAH DAN PERKAH’WINAN BAGINDA

Mengikut apa yang diceritakan oleh Ibnu Athir dan Ibnu Hisyam bahawa Khadijah RadiyaLlahu ‘anha adalah seorang saudagar yang masyhur serta terkenal dengan kemuliaan budi dan kekayaan harta. Sebilangan besar dari orang ‘Arab di masa itu meminjam sebahagian daripada hartanya itu sebagai modal perniagaan mereka.

Fiqh Al-Sirah 1

Bila mana Khadijah mendengar berita perihal peribadi Nabi Muhammad yang mulia dan akhlaq yang terpuji itu ia terus mempelawakan kepada Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam supaya menjalankan usaha perniagaan dengan hartanya dan sanggup memberi keuntungan yang lebih dari yang pernah diberikannya kepada orang lain. Untuk mengiringi baginda dalam usaha perniagaan nanti baginda akan dibantu oleh seorang budak suruhan Khadijah yang bernama “Maisarah”. Tawaran itu telah diterima baik oleh Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dengan penuh kerelaan hati. Baginda terus belayar ke negeri Syam untuk menjalankan urusan perniagaan bersama “Maisarah” budak suruhan Khadijah. Dalam perniagaan ini baginda telah mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Bila baginda kembali bertemu Khadijah dengan keuntungannya tadi, baginda terus menyerahkan kepada Khadijah apa yang perlu dan patut diserahkan dengan penuh amanah. Semasa di negeri Syam “Maisarah” telah melihat dengan mata kepalanya sendiri dan tertawan dengan budi pekerti baginda yang mulia dan segala—galanya ini terus diceritakan kepada Khadijah. Khadijah sungguh tertawan dengan keamanahan dan budi pekertinya yang tinggi dan yang lebih menghairankan lagi ialah kelabaan yang berlebihan yang diperolehinya dengan berkat baginda.

Dengan perantaraan Nafisah binti Manbah, Khadijah telah menawarkan dirinya kepada Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam untuk menjadi teman hidupnya yang halal. Tawarannya tadi telah disambut baik oleh Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan dengan tidak membuang masa, baginda terus menyatakan hasrat hatinya yang mulia itu kepada bapa-bapa saudaranya dan mereka pun terus melamar Khadijah melalui bapa saudaranya ‘Amru bin Asad. Perkahwinan pun dilangsungkan dengan selamatnya. Di kala itu Rasulullah berusia genap dua puluh lima tahun sedang Khadijah telah berusia empat puluh tahun.

PENGAJAR DAN RENUNGAN

Perniagaan Nabi Muhammad dengan harta Khadijah tadi merupakan sambungan dan siri perjuangan untuk menghadapi cabaran hidup yang dulunya dimulakan dengan berternak kambing seperti mana yang telah diterangkan dahulu.

Perkahwinan dengan Khadijah membayangkan kepada kita yang Rasulullah tidak memberatkan soal-soal kepuasan hawa nafsu dan sebagainya seperti pemuda-pemuda yang Seumur dan sebaya dengannya. Kalau tidak sedemikian sudah pasti baginda telah memilih wanita-wanita yang lebih muda daripadanya. Di sini nyatalah kepada kita di mana perkahwinannya semata-mata kerana kejujuran dan kemuliaan budi Khadijah sehingga ianya digelar di masa jahiliyyah dengan “Wanita Suci”.

Perkahwinan ini telah hidup dan membunga sehingga wafatnya Khadijah dalam usia enam puluh lima tahun sedang Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam berusia lima puluh tahun dan tidak terlintas di hati sanubari baginda untuk berkahwin dengan perempuan yang lain sedangkan manusia biasanya dalam usia antara dua puluh hingga lima puluh merupakan musim gelora perasaan mahukan perempuan dan mahukan lebih dan satu untuk melepaskan hawa nafsu kebinatangan. Nabi Muhammad dapat melintasi usia dan musim gelora ini tanpa memikir langsung soal-soal hendak berkahwin lebih, memadailah dengan Khadijah seorang. Kalaulah Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam mahukan lebih dan satu sudah tentu mudah baginya dan tidak pula menyalahi adat resam di masa itu yang mana orang-orang ‘Arab di masa itu berkahwin lebih dan satu atau mencari hamba abdi sebagai gundik simpanan. Di samping itu penlu kita ingat di mana Khadijah adalah janda umurnya melebihi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam hampir dua kali ganda.

Bila kita memperkatakan soal ini barulah dapat kita menyumbat mulut-mulut orang yang mengeluarkan racun-racun berbisa yang mengancam kesucian Islam dan kekuatannya yang terdiri dan golongan misionary orientalis dan kuncu-kuncu mereka yang selalu mencanangkan berita-berita palsu yang tidak berasas. Mereka ini menyangka bila memperkatakan tentang perkahwinan Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dapatlah mereka menggambarkan kepada umum yang Muhammad itu manusia yang tenggelam ke dasar lautan hawa nafsu.

Seperti yang kita ketahui di mana golongan misionary Kristian dan para orientalis adalah seteru yang professional yang paling ketat menentang Islam. Mereka berusaha mencari kesempatan untuk menghala tikaman yang membunuh ke arah Islam demi untuk mencari makan dengannya.

Fiqh Al-Sirah 1

Di sana terdapat talibarut mereka yang menentang Islam secara hobi meniru-niru dan bertaqlid saja. Persetujuan dan penentangan mereka terhadap Islam semata-mata untuk menunjukkan mereka tidak memihak kepada Islam dan adalah sahabat karib kepada penjajahan yang dianjurkan oleh para miSionary dan orientalis. Oleh yang demikian maka karya kajian mereka langsung tidak berbau dengan objektif walaupun mereka mengatakan yang karya mereka adalah kajian objektif.

Tidakkah perkara perkahwinan RasuluLlah ini merupakan suatu tajuk yang paling mudah difaham dan dipegang oleh Muslim yang waras. Ini adalah berlainan sekali dengan apa yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam.

Kesemuanya ini bertujuan hendak menggambarkan RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam sebagai seorang lelaki yang telah tenggelam ke dasar lautan hawa nafsu dan syahwat tetapi tajuk perkahwinannya ini sudah cukup untuk membuktikan kepada kita pendapat yang sebaliknya sebab manusia yang berhawa nafsu tinggi hidup di tengah-tengah arus dan gelombang jahiliyyah dengan usianya yang dua puluh lima tahun itu tidak mungkin mengekalkan dan membiarkan dirinya bersih tanpa dinodai.

Manusia yang bersyahwat tinggi mustahil sanggup hidup dengan seorang janda yang sudah lanjut usianya. Kemudian terus hidup bersama—samanya tanpa memikir dan mengarahkan pandangannya ke arah perawan-perawan yang lain. Malah penghidupan baginda yang sedemikian itu berjalan dan zaman mudanya hingga menjangkau usia tua.

Tentang perkahwinan baginda selepas wafat Khadijah dengan ‘Aisyah RadiyaLlahu ‘anhuma dan dengan yang lain itu sebenarnya setiap perkahwinan ini mengandungi cebisaan hikmat ilahi yang kesemuanya menambahkan isipadu dan peratus keimanan seorang Muslim kerana di dalamnya tersemat penagung dan tingginya akhlaq dan budi pekerti Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam (dan kesemuanya ini akan kita perkatakan di termpat-tempat yang lain).

PENYERTAAN RASULULLAH SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM DALAM USAHA MEMBINA SEMULA AL—KA’BAH

Ka’bah ini telah dibina oleh Sayyidina Ibrahim ‘alaihi salam untuk mengerjakan ‘ibadat kepada Allah Subhanahu Wata’ ala. Pembinaan dapat dilaksanakan selepas mengalami beberapa persengketaan dan permusuhan dengan penyembah penyembah berhala. Pembinaan ini diselenggarakan mengikut wahyu Ilahi seperti yang tersebut dalam Al—Qur’an:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (127)

Yang bermaksud:

“Dan (ingatlah), ketika Ibrahim meninggikan (membina) dasar-dasar Baitullah bersama Ismail (seraya berdo ‘a): “Ya Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha mengetahui.”

(Surah al-Baqarah 2:127)

Setelah beberapa ketika berlalu Ka’bah yang dibina oleh Sayyidina Ibrahim dan anaknya tadi pun mula retak-retak dan pecah. Di antara bencana yang telah melanda dan merubah Ka’bah ialah banjir, beberapa tahun sebelum dibangkitkan RasuluLlah. Kerosakan ini menyebabkan puak-puak Quraisy terpaksa berusaha berdiri semula binaan Ka’bah ini lantaran kehormatan dan kemuliaannya. Justeru Ka’bah ini telahpun di mulia dan dihormati sejak beberapa masa yang lampau yang telah diwarisi dari Ibrahim ‘alaibissalam.

Dalam usaha pembinaan semula ini RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah turut serta memberi sumbangan fikiran dan tenaga. Baginda sendiri telah berusaha mengangkut batu batu dengan tangan baginda sendiri.

Fiqh Al-Sirah 1

Usaha Rasulullah tadi telah memberi kesan begitu mendalam di mana baginda telah dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh puak-puak 'Arab iaitu siapakah yang lebih utama meletak semula Hajarul Aswad ke tempat asalnya. Perbalahan ini dapat diatasi setelah mana semua puak yang berselisih setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam kerana Baginda memang terkenal di kalangan orang-orang 'Arab di masa itu dengan "Al Amin" yang mempunyai amanah dan disukai ramai.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Dan potongan sejarah Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wa sallam ini kita cuba membuat komentar dan ulasan mengenai tiga perkara:

1. Keagungan dan kemuliaan Ka'bah sejak zaman berzaman. Ini dapat dipastikan dan usaha Sayyidina Ibrahim 'alaihissalam yang telah meletakkan batu asas pembinaannya. Kesemuanya ini dilakukan mengikut apa yang telah disuruh dan diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijadikan rumah yang ulung dan pertama untuk menunaikan 'ibadat kepada Allah dan sebagai tempat keamanan dan kesejahteraan umat manusia seluruhnya.

Walaupun Ka'bah itu agung dan mulia di sisi Allah tetapi ini tidak bererti pula bahawa Ka'bah ini boleh memberi sesuatu kesan dan pengaruh terhadap mereka yang melakukan tawaf di sekelilingnya kerana Ka'bah itu adalah batu yang tidak boleh memberi sebarang manfa'at atau mudharat. Allah mengutuskan Ibrahim 'alaihissalam buat merubah berhala, kuil dan candi—candi malah menyapu licin sebarang kesan penyembahan berhala. Ini semata—mata untuk membuktikan hikmat Ilahi bahawa rumah 'ibadat Allah sahaja yang boleh tegak dan kekal sedangkan yang lain yang membawa unsur—unsur mensyirikkan Tuhan sudah tidak harus ujud lagi. Beberapa masa lampau manusia telah menghabiskan masa hidupnya dengan menyembah berhala buatan tangan mereka sendiri maka kini sudah sampai masanya kepalsuan tadi dibentaras dan dihapuskan sama sekali dan muka bumi serta digantikan tempatnya itu dengan satu lambang dan tema baru iaitu menyembah Tuhan yang Maha Esa bilamana manusia masuk ke kawa sannya akan bersua dan berdiri tunduk kepada Maha Pencipta 'alam sejagat.

Sekiranya mereka yang beriman dengan Tuhan yang Esa dan percayakan kepada agama yang diturunkan memerlukan kepada ikatan yang menghubungkan dan mencantumkan mereka yang berselerak tinggal di merata pelusuk dunia maka Ka'bah tadi sudah sewajarnya mengambil tempat atau menjadi daya utama ke arah percantuman ini. Di sini Ka'bah melambangkan syi'ar perpaduan umat Islam dan tempat pancaran sinaran tauhid, Firman Tuhan yang berbunyi:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ
لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ (125)

Yang bermaksud:

“Dan ingatlah ketika kami menjadikan rumah (BaituLlah) itu tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikaniah sebahagian maqam Ibrahim tempat sembahyang.”

(Surah Al-Baqarah 2:125)

Inilah tujuan yang dapat dilihat oleh mereka yang mengerjakan tawaf di Baitul Haram setelah hati nuraninya di pancan dengan perasaan kehambaan kepada Tuhan demi melaksanakan suruhan-suruhan yang di ke atas mereka.

2. Sejauh manakah kebijaksanaan Rasulullah dalam menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah membereskan kes-kes yang timbul dan menghapuskan persengketaan. Selalunya perselisihan yang berlaku di antara dua puak akan berakhir dengan pertumpahan darah. Keupayaan Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam mendamaikan puak-puak yang berselisih faham tadi adalah satu anugerah Ilahi kepada baginda sebagai seorang Nabi. Keupayaan ini bersumber dan keNabian bukan dan kepintaran semulajadi.

Fiqh Al-Sirah 1

Dan sini dapatlah kita faham bahawa faktor utama dalam pembentukan diri Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam ialah keRasulan dan keNabiannya sementara anasir—anasjr yang lain merupakan faktor tambahan sahaja.

3. Ketinggian dan kelebihan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam di kalangan orang-orang Quraisy sehingga mereka pada umumnya mempercayai dengan penuh Segala percakapan serta menyanjung tinggi akhlaq dan pekerti Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam Sehingga Baginda digelar “Al-Amin”.

Kalaulah segala apa yang telah disebutkan tadi masih terdapat manusia-manusia Quraisy dan orang ‘Arab umumnya enggan beriman dengan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam malah menentangnya pula maka ini adalah membuktikan hasad dengki dan kedegilan mereka terhadap apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam malah menentangnya pula maka ini adalah membuktikan hasad dengki dan kedegilan mereka terhadap apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan terhadap kebenaran.

BERKHULWAH DI GUA HIRA’

Bila usia Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam mencapai empat puluh tahun, Baginda begitu gemar mengasingkan diri untuk beribadat dan berkhulwah di Gua Hira’. Selalunya ‘amalan ini memakan masa beberapa hari dan malam dan kadang-kadang melewati satu bulan. Beginilah keadaan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam yang berulang alik di antara rumah baginda dan Gua Hira’ sehinggalah datangnya wahyu yang pertama.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Sesungguhnya kegemaran Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam mengasingkan diri dan beruzlah di Gua Hira’ sebelum pengutusan baginda sebagai seorang Rasul, mengandungi makna yang sangat mendalam dan memberi implikasi yang begitu penting kepada seluruh penghidupan umat Islam dan agama Islam khususnya.

Amalan ini membuktikan bahawa setiap Muslim itu, tidak akan sempurna sifat keislamannya, walaupun ia berkeperibadian atau berakhlaq yang tinggi serta peribadatan yang tidak putus-putus terhadap Allah tanpa ia cuba mengasingkan dirinya untuk menilai dan mencari ketenangan jiwa dan segala sesuatu yang membolehkan ia sampai kepada hakikat keagungan ILAHI.

Semuanya ini merupakan jalan bagi setiap muslim yang mahu menempatkan dirinya sebagai seorang muslim sejati terutamanya kepada mereka yang mahu menjadi penda’wah ke jalan Allah dan pembimbing ke jalan yang benar.

Sebagai hikmat Ilahi di sini tergambar sesungguhnya diri manusia itu senantiasa diselaputi oleh pelbagai penyakit yang tidak akan dapat diubati kecuali dengan jalan mengasingkan diri memperhitungkan dan menghisab diri sendiri di ketika dan di tempat-tempat yang sunyi, jauh dan suasana dunia yang sombong, bongkak, hasad-dengki, bermegah-megah dan sukakan keduniaan.

Segalanya ini merupakan penyakit-penyakit yang mencengkam jiwa manusia dan menguasai hati sanubarinya, yang memainkan peranan yang sangat kotor demi merubah jiwa batin manusia, walaupun amalan saleh dan ‘ibadat yang banyak.

Inilah penyakit dan wabak yang mencengkam manusia tadi dan ia tidak mudah dibasmikan kecuali dengan beruzlah dan mengasingkan diri dengan bertaqarrab dengan Allah Rabbul-Jahil dan masa ke semasa untuk mendapat taufiq hidayah dan inayah Allah. Kemudian mengalihkan pandangan ke arah manusia yang mencari titik- kelemahannya di hadapan Allah Subhanahu Wata’ala pencipta ‘alam sejagat seterusnya bertafakkur dan merenung terhadap bukti kekuasaan Ilahi, Hari Akhirat dan mereka yang menginsafi tentang kewujudan Hari Akhirat, rahmat dan balasannya. Ketika kita bertafakkur dan merenung berulang-kali maka penyakit-penyakit tadi akan sembuh dan hilang sedikit demi sedikit dan

Fiqh Al-Sirah 1

tempatnyanya akan digantikan dengan cahaya dan ketenangan yang abadi. Dengan itu tidak ada sesuatu apa pun lagi yang akan mempengaruhi ke hidupan manusia itu.

Suatu perkara lagi yang perlu disebut yang tidak kurang pentingnya di dalam penghidupan manusia umumnya dan para penda'wah khasnya ialah menanamkan bibit-bibit cintakan Allah Subhanahu Wata'ala di dalam hati sanubari di mana ia merupakan sumber pengorbanan, perjuangan dan asas utama kepada da'wah yang memarak. Perasaan cintakan Allah 'Azzawajalla tidak tercetus melalui kepercayaan kepada yang rasional lantaran perkara yang rasional itu belum pernah lagi memberikan kesan kepada hati dan perasaan. Sebab kalaulah sedemikian maka para orientalis merupakan barisan yang pertama beriman kepada Allah dan RasulNya dan hati nurani adaiyah hati yang begitu cekal mencintai Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasuinya. Dan kita tidak pernah dengar langsung bahawa seseorang 'alim bijak pandai telah mengorbankan jiwanya kerana beriman dengan sesuatu teori—teori matematik yang dicipta manusia atau teori—teori aljibra.

Bahawasanya tidak ada jalan lain untuk cintakan Allah melainkan dengan cara merenung dan bertafakkur dengan segala ni'mat pemberiannya, merenung keagungannya dan kebesarannya. Kemudian membanyakkan bacaan—bacaan zikir dengan perantaraan hati dan lidah. Sungguhnya kesemuanya ini tidak akan dapat dilaksanakan. Melainkan apabila seseorang muslim itu melaksanakan apa yang disebutkan tadi dengan sempurnanya. Dengan melaksanakan amalan yang disebutkan Allah akan memuttikkan bibit-bibit kecintaan yang berkilau terhadap Allah yang membawa ianya memandang kecil segalanya; tidak menghiraukan sebarang godaan; tidak memperdulikan sebarang 'azab sengsara yang mungkin dihadapinya malah ia mampu mengatasi segala-galanya ini dengan mudah dan senang. Inilah senjata yang paling tajam untuk mereka yang akan melaksanakan tugas da'wah dan demikianlah senjata yang telah diperlengkapkan di dalam jiwa Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam untuk baginda melaksanakan da'wahnyanya.

Bahawa sesungguhnya segala perasaan yang berjaring-jaring di dalam hati manusia dan takut, berani, cinta suka—duka dan sebagainya akan menjalankan tugas yang mungkin dapat dilaksanakan oleh daya fikiran biasa manusia. Memang tepat sekali apa yang ditegaskan oleh Imam Al-Sathibi Rahmatullah 'alaihi di dalam kitabnya Al-Mumabikhat yang menerangkan lebih lanjut dan membuat perbandingan di antara dua golongan; satunya muslimin awam di dalam melakukan segala takallif su ruhan Tuhannya kerana kelslamannya dan keduanya golongan muslimin yang tertentu di dalam melakukan takallif suruhan Tuhannya kerana suatu desakan yang lebih dan dengan kefahaman.

Katanya: Golongan yang pertama ini melaksanakan tugasnya kerana kelslaman dan keimanannya tanpa lebih dan itu, tetapi golongan yang kedua, melaksanakan segala tanggungjawabnya dengan suatu tenaga desakan yang berlainan, iaitu desakan takut, harap dan cinta. Ketakutan adalah cemeti kepada gembala, harapan adalah parasakti kepada penganjur, kasih sayang adalah arusan kepada pelayar. Si penakut ketika melakukan pekerjaan yang berat dan susah, tidak menghiraukan kesusahan dan kepayahan dan seterusnya membawa ia bersabar terhadap sebarang dugaan dan pancaroba. Manusia, yang berharap-harap tidak akan menghiraukan susah payah dan harapannya itu membawa ia meneroka segala kepahitan dan menanggung segala kepayahan. Sipencinta pula melipat-gandakan segala usaha dan tenaganya dan mengorbankan segala apa yang terdapat demi untuk sampai kepada orang yang dicintainya.

Membakar segala tenaga itupun masih terfikirkan olehnya, bahawa ia belum lagi menyempurnakanjanji-janjinya dan budinya kepada yang dicintainya.

Orang Islam seluruhnya telah bersependapat mengatakan bahawa menggunakan pelbagai kemudahan demi untuk mencapai dan menyalurkan tujuan ini ke dalam hati adalah suatu yang mesti dan wajib itu dikenal sebagai tasawwufatau dengan kebaikan (al-Ihsan) atau dengan ilmu pekerti (ilmu al-Suluk) sebagaimana yang telah diertikan oleh Ibn Taimiyyah (R.a).

PENERIMAAN WAHYU

Imam Bukhari telah meriwayatkan satu hadits daripada Saidatina 'Aishah RadiyaLlahu 'Anha tentang bagaimana ditemukan wahyu yang pertama:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ:
أَوَّلُ مَا بَدَىءَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ
الْوَحْيِ الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ فِي النَّوْمِ، فَكَانَ لَا يَرَى رُؤْيَا إِلَّا
جَاءَتْ مِثْلَ مَثَلِ فَلَقِ الصُّبْحِ، ثُمَّ حُبِبَ إِلَيْهِ الْخَلَاءُ، وَكَانَ
يَخْلُو بَغَارِ حِرَاءٍ فَيَتَحَنَّنُ فِيهِ، وَهُوَ التَّعَبُّدُ اللَّيَالِي
ذَوَاتِ الْعَدَدِ قَبْلَ أَنْ يَنْزِعَ إِلَى أَهْلِهِ وَيَتَزَوَّدَ لِيَذَلِكَ، ثُمَّ
يَرْجِعُ إِلَى خَدِيجَةَ فَيَتَزَوَّدُ لِمِثْلِهَا حَتَّى جَاءَهُ الْحَقُّ وَهُوَ
فِي غَارِ حِرَاءٍ، فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فَقَالَ إِقْرَأْ فَقَالَ مَا
أَنَا بِقَارِيءٍ، قَالَ فَأَخَذَنِي فَغَطَّنِي حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ،
ثُمَّ أَرْسَلَنِي، فَقَالَ إِقْرَأْ، فَقُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِيءٍ،
فَأَخَذَنِي فَغَطَّنِي الثَّانِيَةَ، حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ، ثُمَّ
أَرْسَلَنِي، فَقَالَ إِقْرَأْ، فَقُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِيءٍ، فَأَخَذَنِي

فَقَطَّنِي الثَّالِثَةَ، ثُمَّ أَرْسَلَنِي، فَقَالَ اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ
الَّذِي خَلَقَ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ، اقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ، فَرَجَعَ بِهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَرْجِفُ فُؤَادَهُ، فَدَخَلَ عَلَى خَدِيجَةَ بِنْتِ خُوَيْلِدٍ
فَقَالَ زَمِّلُونِي زَمِّلُونِي، فَرَمَلُوهُ حَتَّى ذَهَبَ عَنْهُ
الرُّوعُ، فَقَالَ لِحَدِيجَةَ وَأَخْبَرَهَا الْخَبَرَ: لَقَدْ خَشِيتُ عَلَى
نَفْسِي فَقَالَتْ خَدِيجَةُ: كَلَّا، وَاللَّهِ مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ أَبَدًا،
إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ، وَتَحْمِلُ الْكَلَّ، وَتَكْسِبُ
الْمَعْدُومَ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ، وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ،
فَانْطَلَقَتْ بِهِ خَدِيجَةُ حَتَّى أَتَتْ بِهِ وَرَقَةَ بْنَ نَوْفَلٍ
بْنَ أَسَدِ بْنِ عَبْدِ الْعُزَّى ابْنَ عَمِّ خَدِيجَةَ، وَكَانَ امْرَأً
تَنْصَرَفَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، وَكَانَ يَكْتُبُ الْعِبْرَانِيَّ، فَيَكْتُبُ مِنَ
الْإِنجِيلِ بِالْعِبْرَانِيَّةِ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكْتُبَ، وَكَانَ شَيْخًا
كَبِيرًا قَدِيمًا، فَقَالَتْ لَهُ خَدِيجَةُ، يَا ابْنَ عَمِّ اسْمِعْ
مِنْ ابْنِ أَخِيكَ، فَقَالَ لَهُ وَرَقَةُ يَا ابْنَ أَخِي مَاذَا تَرَى؟
فَأَخْبَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَبَرَ مَا رَأَى،
فَقَالَ لَهُ وَرَقَةُ: هَذَا النَّامُوسُ الَّذِي نَزَلَ اللَّهُ عَلَى
مُوسَى، يَا لَيْتَنِي فِيهَا جَذَعًا، لَيْتَنِي أَكُونُ حَيًّا
إِذْ يُخْرِجُكَ قَوْمُكَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: أَوْ يُخْرِجُنِي هُمْ؟ قَالَ نَعَمْ: لَمْ يَأْتِ رَجُلٌ قَطُّ

بِمَثَلِ مَا جِئْتُ بِهِ إِلَّا عُودِي، وَإِنْ يُدْرِكْنِي يَوْمَكَ
أَنْصُرَكَ نَصْرًا مُؤَزَّرًا، ثُمَّ لَمْ يَنْشَبْ وَرَقَةً أَنْ تُؤْفَى وَفَتَرَ
الْوَحْيِ. قَالَ ابْنُ شِهَابٍ: وَأَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ
عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيَّ قَالَ وَهُوَ
يُحَدِّثُ عَنِ فِتْرَةِ الْوَحْيِ فَقَالَ فِي حَدِيثِهِ بَيْنَا أَنَا
أُمِّي إِذْ سَمِعْتُ صَوْتًا مِنَ السَّمَاءِ، فَرَفَعْتُ بَصْرِي
فَإِذَا الْمَلَكُ الَّذِي جَاءَنِي بِحِرَاءٍ جَالِسٌ عَلَيَّ كُرْسِيِّ
بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ فَرُعِبْتُ مِنْهُ فَارْجَعْتُ فَقُلْتُ
زَمُّونِي زَمُّونِي، فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ - يَا أَيُّهَا
الْمُدَّثِّرُ، قُمْ فَأَنْذِرْ وَرَبِّكَ فَكَبِيرٌ، وَثِيَابِكَ فَطَهِّرْ
وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ - فَحَمِيءَ الْوَحْيِ وَتَتَابَعُ.

Daripada 'Aisyah Ummil Mu'minin RadiyaLlahu 'anha dikhabarkan bahawa ia telah berkata;

"Permulaan wahyu yang dimulakan kepada Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam ialah mimpi yang baik lagi benar di dalam tidur, maka tiadalah Junjungan bermimpi satu mimpi melainkan datanglah mimpi itu seperti cahaya subuh. Kemudian disukakan (dikemukakan) kepadanya untuk berkhalwat berasingan diri. Junjungan berkhalwat di Gua Hira' lalu berta hannuth (beribadat) di dalamnya, iaitu beribadat di dalam masa beberapa malam.

Setelah itu baginda SailaLlahu 'alaihi Wasallam kembali kepada ahlinya dan berbekalan untuk menyambung tahannuthnya; kemudian Junjungan kembali lagi kepada Khadijah dan berbekalan sarna seumpama itu juga hingga datanglah

kepadanya kebenaran. Sewaktu Baginda di dalam Gua Hira' maka datang kepadanya Malaikat, lalu ia berkata: Iqra'! (Bacalah). Berkata Junjungan: Ma Ana biqari' (Tiada aku pandai membaca). Bercerita Junjungan:

"Kemudian Jibril mengambil (menarik) akan daku maka dipeluknya kuat-kuat hingga terasa kepadaku kesungguhannya kemudian dilepaskan aku, lalu ia berkata: Iqra'! (Bacalah). Maka Aku berkata: Ma Ana biqari' (Tiada aku pandai membaca), kemudian diambilnya aku lalu dipeluknya ketat-ketat kali yang kedua hingga terasa kepada aku kepayahan kemudian itu dilepaskan aku dan dia berkata: Iqra'! (Bacalah), maka berkata aku: Ma Ana biqari' (Tiada aku pandai membaca), setelah itu mengambil ia akan daku buat kali yang ketiganya lalu dipeluknya sungguh-sungguh hingga terasa aku eratnya kemudian dilepaskannya aku, maka ia berkata:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (1) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (2) اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ (3)

Bacalah dengan nama Tuhan engkau yang menjadikan, yang menjadikan manusia daripada darah, bacalah demi Tuhan engkau yang mulia.

(Surah al—'Alaq 96:1, 2, 3)

Pulanglah Baginda dengan ayat-ayat itu dan hatinya gementar, lalu rnasuklah ia kepada Khadijah binti Khuwaiid seraya berkata: (Selimutkanlah aku! selimutkanlah aku!) maka diselimutkan akan dia hingga hilang daripadanya rasa ketakutan kemudian berkata ia kepada Khadijah setelah rnenceritakan khabar itu: “Sesungguhnya aku takut (ke atas diriku) lalu Khadijah pun berkata kepadanya “Tidak sekali! demi Allah, tiada dihinakan engkau selamanya kerana engkau sebenarnya mempunyai rahim (kasih sayang), dan engkau mernikul bebanan dan engkau berusaha terhadap orang yang tiada (orang susah) dan engkau menjamu tetamu dan engkau menolong atas menolak baja.” Kemudian pergilah Khadijah bersamanya menemui Waraqah bin Naufal Ibnu Asad bin ‘Abdul ‘Uzza iaitu anak bapa saudara Khadijah, Waraqah itu adalah seorang yang beragarna Nasrani di dalam zarnan jahiiyyah dan pandai menulis kitab ‘Ibrani. Maka disalinnya daripada kitab daripada kitab Injil itu dengan bahasa ‘Ibram apa yang dikehendaki Allah bahawa ia menulis dan adalah ia seorang yang telah berusia tua dan buta maka Khadijah pun berkata kepadanya “Ya anak bapa saudara! Cuba dengarkan kepada anak saudara engkau ini”; kemudian bertanya kepadanya Waraqah: “Wahai anak saudara ku! Apakah dia yang engkau lihat itu?” Lalu Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallarn menceritakan apa yang (dialami dan) dilihatnya. Setelah itu Waraqah pun berkata kepadanya “Inilah Jibril yang pernah diturunkan Allah ke atas Nabi Musa. Sekiranya aku rnasih muda remaja dan aku masih pula hidup ketika dikeluarkan (diusir) engkau oleh kaum engkau... “Segera bertanya Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam: (Apakah mereka hendak rnengeluarkan aku?) Jawabnya: (Ya! kerana tidak pernah datang seorang pun yang mernbawa (risalah) Seumpama yang engkau bawa itu melainkan ia akan dimusuhi dan sekiranya aku dapatlah hari engkau itu tentulah aku akan menolong engkau dengan pertolongan yang sungguh sungguh), kemudian tidak berapa lama sesudah itu Waraqah pun meninggal dunia dan wahyu pun berhentilah.

Para ‘ulama’ telah berselisih pendapat tentang masa waktu dibekukan atau diberhentikan sementara waktu. Ada yang mengatakan tiga tahun, ada yang mengatakan kurang dan itu dan yang paling hampir sepertimana yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi iaitu enam bulan.

Berkata Ibnu Syihab: Dan telah dikhabarkan kepada aku oleh Abu Salamah bin ‘Abdul Rahman bahawajibir Ibnu ‘Abdullah Al Ansari telah berkata semasa bercerita tentang terputusnya wahyu: seterusnya junjungan bersabda di dalam percakapannya itu”:

“Sedang aku masih berjalan-jalan, tiba-tiba kedengaran oleh ku suara daripada langit, lalu aku angkatkan pandanganku, sekoyong-koyongnya Malaikat yang datang kepada aku di Gua Hira’ itu sedang duduk di atas kerusi yang terletak di antara langit dan bumi menyebabkan aku pun terperanjat melihatnya lalu aku pun balik, maka aku katakan: (Selimutkanlah aku, selimutkanlah aku!) maka diturunkan Allah ‘Azzawajaila. Erti nya: “Wahai orang yang berselimut! bangunlah, maka berikanlah peringatan, dan Tuhan engkau hendaklah engkau agungkan dan pakaian engkau bersihkanlah dan perbuatan dosa tinggalkanlah.”

(Surah Al-Muddaththir: Ayat 1 — 5)

Dengan itu wahyu pun mula diturunkan dan ia datang secara berturut-turut.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Hadith permulaan penurunan wahyu ini merupakan masa utama yang memberi implikasi terhadap seluruh hakikat dan de facto ‘aqidah dan Syari’ah Islamiyyah, memahami serta mempercayai dengan penuh yakin. Ia merupakan titik permulaan dan pengenalan yang semestinya ke arah mempercayai segala apa yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam seperti perkhabaran ghaib dan suruhan syari’at lantaran hakikat wahyu itu adalah jenis yang tunggal yang memisahkan di antara manusia yang berfikir merangkakan undang undang itu dengan otak pemikiran yang bersifat serba

Fiqh Al-Sirah 1

kemanusiaan dengan manusia yang menyampaikan segala sesuatu yang telah diturunkan oleh Tuhannya tanpa menukar, menokok tambah dan sebagainya.

Oleh yang demikian seteru-seteru Islam yang professional menimbulkan persoalan-persoalan tentang wahyu yang diturunkan dan melipat-gandakan segala tenaga pemikiran mereka demi untuk memutar-belitkan atau mengelirukan Ummat Islam agar syak-wasangka di antara kebenaran, wahyu dan ilham, serta inspirasi biasa kerana mereka meyakini bahawa objek hakikat wahyu itu merupakan sumber kepercayaan dan keyakinan orang Islam terhadap apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan Allah Subhanahu Wata’ala. Kalaulah mereka dapat mempesonakan dan menyuntikkan jarum hasad dengki mereka dengan syak-wasangka kepada hakikat wahyu tadi maka tidak syak lagi mereka dengan mudahnya dapat menjadikan orang Islam itu mengingkari sebahagian daripada kepercayaan dan hukum. Begitu juga mereka dapat memasukan racun-racun yang begitu bisa yang pernah dicanangkan iaitu segala Syari’at prinsip kepercayaan Islam adalah ciptaan dan rekaan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam sendiri.

Untuk mencapai matlamat mereka yang tersebut tadi maka puak penyerang ideologi mi akan berusaha gigih dengan menterjemahkan dan menganalisa wahyu itu mengikut kehendak hati mereka sendiri dan cuba memisahkan atau mendustakan akan hakikat kebenaran wahyu itu. Di antara mereka pula ada yang cuba memberi tafsiran mengikut nilai khayalan dan lamunan mereka masing-masing. Ada juga yang menuduh RasuluLlah itu cuba memerah segala tenaga fikirannya terjalin ke dalam jiwa dan pandangan batinnya suatu anutan dan pegangan yang dipandang logik dalam penyembahan berhala.

Puak yang lain pula menuduh Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah mempelajari Al—Qur’an dan prinsip ajaran Islam daripada paderi Buhaira dan ada pula yang menuduh, RasuluLlah itu seorang yang terganggu urat sarafnya atau telah diserang penyakit jiwa. Andaikata kita memerhatikan kepada tuduhan-tuduhan dan tafsiran-tafsiran yang melulu ini maka ternampaklah kepada kita bahawa manusia tersebut tidak boleh menerima segala—galanya malah segala—galanya itu sebagai helah mereka untuk menjauhkan diri Umat Islam daripada mengakui kebenaran Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam sebagai Nabi. Segala-galanya dapat diperhatikan dengan terang dan jelas segala kebenarannya semasa pendedahan hadith mengenai penurunan wahyu.

— Kenapakah RasuluLlah dapat melihat Jibrail dengan niata kepalanya sendiri? Tidakkah boleh disampaikan wahyu itu di sebalik tabir sahaja?

— Kenapakah Tuhan meresapkan perasaan takut dan kagum di dalam hati RasuluLlah ketika menerima dan membaca wahyu?

— Tidakkah sewajarnya diresapkan perasaan tenang dan tenteram ketika itu kerana ini merupakan tanda sayangnya Tuhan terhadap RasulNya.

— Sehingga baginda tidak gentar dan merasa takut kerana apabila RasuluLlah berasa saksi yang mendatangnya di Gua Hira’ dulu adalah jin dan langsung baginda tidak menyangkakannya sebagai malaikat utusan daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

— Kenapakah wahyu telah terputus penurunannya buar beberapa ketika? Peristiwa ini telah menyebabkan RasuluLlah merana dan keluh kesah yang amat sangat, malah RasuluLlah pergi mendaki ke kemuncak bukit untuk menunjukkan dirinya seperti mana yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari.

Ini adalah beberapa pertanyaan yang biasa sahaja mengenai rupa bentuk wahyu yang pertama kali diturunkan. Bagi orang yang berfikir untuk mendapatkan jawapan ini ia akan bersua dengan beberapa rahsia dan hikmah-hikmah yang terang lagi nyata, iaitu orang—orang yang berfikiran bebas akan bertemu dengan hakikat yang paling nyata tanpa dipersonakan oleh racun dan ganja.

Penyerang-penyerang dan golongan orientalis yang profesional yang mendakyahkan bahawa wahyu ini adalah hasil renungan dan fikiran Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam di cetuskan dan lubuk hatinya sendiri.

Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam diperanjatkan di Gua Hira’ dengan ketibaan Jbrail ‘Alaihissalam dengan mata kepalanya yang telah menyeru kepadanya, “Bacalah oleh mu.” ini ialah supaya ternyata bahawa pintu sinar wahyu itu bukanlah suatu perkara dan dalam jiwa atau jeritan batin,

Fiqh Al-Sirah 1

tetapi yang sebenarnya ialah menerima suatu hakikat dari suara yang tidak ada kena mengena dengan dorongan jiwa dalam. Jibrail 'Alai hissalam telah memeluk baginda seerat—eratnya sebanyak tiga kali dan membebaskan dan pelukan itu sebanyak tiga kali, dan telah menyerui baginda, "Bacalah olehmu" sebanyak tiga kali juga merupakan penegasan dan gambaran hidup tentang wahyu yang datang dari luar bukanlah rekaan khayalan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam.

Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam telah serba ketakutan dengan apa yang telah didengar dan dilihat, dengan serta—merta beliau telah berhenti dan pertapaan di gua itu dan bergegas pulang ke rumah dengan hati yang berdebar-debar, kesemuanya ini supaya ternampak kepada tiap-tiap yang berfikir bahawa Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam tidaklah mengharap-harapkan hendak menjadi pembawa Risalah yang akan disebar ke seluruh alam sejagat. Dan bukan pula wahyu itu untuk memberes atau menyempurnakan apa yang telah dirangka dan difikirkan di otak kepalanya. Tidak! Malah kedatangan wahyu itu kedatangan yang mendadak dengan tidak disangka-sangka mempengaruhi kehidupannya. Perkara ini tidak syak lagi sungguh berbeza dengan mereka-mereka yang telah berlatih merenung dan berfikir dengan jalan renungan hingga terbentuk suatu dogma kepercayaan untuk di seru ke arahnya nanti.

Soal ilham, inspirasi atau jeritan batin jiwa atau renungan ke alam atas tidak akan diserang perasaan takut, kagum dan pucat badan. Tegasnya tidak ada titik pertemuan atau hubungan di antara renungan mencari ilham dan diserempak dengan perasaan takut yang berturut—turut.

Anda sendiri pun lebih mengetahui bahawa perasaan takut, gerun dan menggeletar seluruh anggota badan disertai dengan pucat warna tubuh badan adalah perasaan-perasaan yang tidak boleh dibuat-buat atau dipura-purkan? Kalau hendak diandaikan bahawa Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam telah cuba sedemikian maka ini suatu andaian (hypothesis) yang mustahil di mana perangnya telah begitu berubah corak dan satu keadaan kepada suatu keadaan yang terlalu berbeza dan berlainan sangat selepas pengutusan.

Kegemaran Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam ini dapat diperhatikan dengan lebih jelas bila baginda menyangka yang mendatangnya di gua itu yang memeluk dan menyuruh baginda membaca adalah sejenis jin. Ini dapat dikesan dan apa yang diceritakan kepada Khadijah Radhiyállahu 'anha.

Katanya; "Aku takut ke atas diriku" tegasnya dari jin tetapi Khadijah telah menenangi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan memberi penawaran bahawa ini bukanlah rasukan jin syaitan kerana baginda berakhlak mulia dan berperibadi tinggi.

Memang mudah bagi Allah menenangkan dan mencekalkan jiwa Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam bahawa yang mendatangnya itu tidak lain dan Jibrail salah seorang dan malaikat suruhan Allah yang membawa perkhabaran wahyu dan berita-berita Ilahi tentang pengutusan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam sebagai Rasul untuk manusia sejagat tetapi hikmat Ilahi yang nyata mahu mendedahkan pertentangan dua peribadi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam yang paling nyata perbezaannya; iaitu Muhammad sebagai manusia biasa sebelum pengutusan dan Muhammad sebagai Nabi dan Rasul selepas pengutusan dan untuk menerangkan lebih lanjut lagi bahawa prinsip 'aqidah Islamiyyah atau perundangan Islam belum pernah dicanai di otak kepala RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan belum pernah tergambar di kepalanya mengenai da'wah itu.

Suatu kehendak Ilahi yang telah mengilhamkan Khadijah agar membawa Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam untuk menemui Waraqah bin Naufal dan membentangkan perkara ini kepada beliau. mi merupakan suatu sudut yang lain ke arah memperkuat lagi bahawa apa yang memeranjatkan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam semasa di gua sana tidak lain dan wahyu dan Allah yang pernah disampaikan kepada para Anbiya' lain yang terdahulu dan untuk menyingkap perasaan dan kesangsian yang menakutkan, yang menyelubungi jiwa Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam. (yang kelak akan membawa kepada pentafsiran dan penganalisan)

Mengenai pemberhentian sementara penurunan wahyu, kemudian disambung semula selepas enam bulan atau lebih itu mengandungi mu'jizat Ilahi yang mendalam. Tanya merupakan suatu tempelak kepada penyerang-penyenang 'aqidah (Islam) yang profesional yang telah cuba menganalisis wahyu

Fiqh Al-Sirah 1

yang diterima oleh Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam itu dengan mengatakan ianya silauan ma’rifat diri hasil dan menungan dan renungan yang panjang yang bersumber dan dalam jiwa.

Sebagai rahsia dan hikmat ilahi malaikatJibrail yang ditemui oleh baginda di Gua Hira’ dahulu telah menghilangkan diri buat beberapa ketika. Lantaran itu RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam diselubungi oleh perasaan was-was kemudian bentukar pula menjadi takut dan bimbangkan Tuhan telah melucutkan pemberian dan kumiaan wahyu serta pengutusan kerana suatu kesilapan yang telah dilakukan oleh baginda sehingga terasa oleh baginda bahawa dunia ini sempit baginya. Penasaan dalam dirinya sering membisii kepadanya ketika baginda menerimanya hingga disuatu ketika yang lain baginda telah melihat sekali lagi malaikat Jibrail ini yang bentuk-rupanya telah memenuhi ruangan di antara langit dan bumi serta melaungkan dengan katanya “Hai Muhammad engkaulah utusan kepada manusia”.

Perasaan takut dan gerun sekai lagi menguasai seluruh diri Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Dengan keadaan sedemikian baginda terus kembali ke rumahnya di mana Tuhan telah menurunkan ayat-ayat Al-Qur’an yang lain pula yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ (1) فُمْ فَأَنْذِرْ (2)

Yang bermaksud:

“Wahai orang yang berselimut (Muhammad) bangunlah untuk menyampaikan perkhabaran yang menakutkan.”

(Surah Al-Muddaththjr 74:1 — 2)

Dengan keadaan dan suasana yang dilalui oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasailam itu orang yang berfikir dan berpendapat bahawa wahyu itu sama dengan inspirasi dalam jiwa manusia lain adalah dianggap pendapat yang gila kerana dengan berfikir secara ringkas pun kita mendapati bahawa pancaran inspirasi dan dalam tidak perlu menempuhi segala keadaan dan suasana itu.

Hadith mengenai penurunan wahyu ini merupakan satu—satunya senjata untuk mempertahankan malah untuk merobohkan segala cemuhan dan serangan yang dibuat oleh seteru—seteru Islam terhadap penurunan wahyu dan terhadap keNabian yang dikurniakan kepada Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Dari sini maka dapatlah kita fahami sejauh manakah dan betapa agungnya hikmat ilahi yang terkandung di dalam penerunan wahyu itu tadi. Boleh jadi seteru Islam akan kembali bertanya kalaulah wahyu itu diturunkan kepada Muhammad SallaLLahu ‘alaihi Wasallam dengan perantaraan Jibrail ‘Alaihissalam kenapa pula para-para sahabat yang lain tidak melihat?

Sebagai jawapannya kita boleh mengatakan bahawa tanda wujud dan adanya sesuatu itu tidak semestinya dapat dilihat oleh mata kasar manusia kerana tenaga dan penglihatan manusia itu terbatas. Apakah suatu benda yang telah pergi jauh dan pandangan manusia dan tidak dapat dilihatnya bererti zatnya sudah tidak ada lagi?

Memang mudah bagi Tuhan memberikan sesuatu tenaga penglihatan yang luar biasa kepada seseorang itu hingga dapat melihat segala apa yang tidak terlihat oleh, manusia lain.

Di dalam soal ini Malik bin Nabi menegaskan buta warna itu telah memberi suatu contoh kepada kita untuk menunjukkan bahawa ada di antara beberapa warna yang tidak dapat dilihat oleh mata sipesakit buta warna. Dan di sana terdapat beberapa silauan cahaya infra merah (infra red ray) dan cahaya altera ungu (ultra violet ray) kedua—duanya ini tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia, tetapi kenyataan ilmiah rnenegaskan bahawa bukan semua mata yang tidak dapat melihat malah ada manusia yang matanya kurang atau tenlalu sensitif melihat cahaya itu.

Sebagai kenyataan waqi’i menunjukkan kebenaran wahyu ialah penurunannya yang berturut-turut bukannya suatu petanda penyakit jiwa yang dialami oleh Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam seperti mana yang pernah dianalisa oleh seteru seteru Islam. Di sini kita cuba membuat kesimpulan tentang bukti-buktinya ini:

Fiqh Al-Sirah 1

i. Terdapat perbezaan di antara Al—Qur’an dan Al Hadith al-Sharif. Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah menyuruh dan meminta para sâhabatNya supaya menulis Al-Qur’an selepas diturunkan. Sebaliknya Al-Hadith memadai dengan hafalan mereka, kerana Al-Qur’an merupakan kalam Allah yang diwahyukan dengan makna dan perkataannya sekali, sedangkan Al-Hadith pula maknanya dan Tuhan dan perkataannya dan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Ini dilakukan supaya Nas dan teks Al-Qur’an tidak bercampur aduk dengan nas Al Hadith.

ii. Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tidak menjawab semua pertanyaan yang dikemukakan oleh para sahabatNya dengan serta merta dan mungkin berlalu beberapa ketika yang agak panjang tidak diberi jawapan Se hingga turunnya ayat Al-Qur’an di mana baginda menjemput si penyual tadi, kemudian dibacakan ayat-ayat Al Qur’an yang baru diturunkan. Kadang kala RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam bertindak dengan sendirinya terhadap sesuatu perkara yang tertentu. Kemudian diturunkan ayat yang tertentu menerangkan lagi sesuatu hal yang lain yang lebih wajar dan kadang kala pula mengandungi teguran.

iii. Seperti diketahui RasuluLlah ‘alaihi Wasallam adalah seorang yang buta huruf dan tidak mungkin manusia itu dapat mengetahui peristiwa dan faktor sejarah dengan jalan “meditation (retro-cognition) perantaraan (clairvoyance)” seperti cerita Nabi Yusof ‘Alaihissalam....peristiwa menghanyutkan Nabi Musa ‘Alaihissalam di dalam sungai..., dan cerita mengenai Fir’aun yang kesemuanya itu membuktikan bahawa RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam buta huruf. Lantaran itu Allah Subhanahu Wata’ ala berfirman:

وَمَا كُنْتَ تَتْلُو مِنْ قَبْلِهِ مِنْ كِتَابٍ وَلَا تَحُطُّهُ بِيَمِينِكَ إِذَا لَرَّتَابَ الْمُبْطِلُونَ (48)

Yang bermaksud:

“Dan tidak engkau membaca terdahulu daripadanya sebarang kitab dan tidak pernah pun engkau menulis dengan tangan kanan engkau. Kalau tidak sedemikian sudah tentu memberi syak kepada penentang-penentang”.

(Surah Al-Ankabut 29:48)

Sesungguhnya RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam terkenal di kalangan kaumnya sebagai seorang yang amanâh selama empat puluh tahun. Lebih-lebih lagi dengan diri sendiri baginda lebih teliti sewaktu menerima wahyu dan mengkaji secara mendalam agar tidak langsung berbau syak wasangka.

Yang bermaksud:

فَإِنْ كُنْتَ فِي شَكٍّ مِمَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ فَاسْأَلِ الَّذِينَ يُقْرَأُونَ الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكَ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ (94)

“Maka jika kamu (Muhammad) berada dalam keragu-raguan tentang apa yang kami turunkan kepadamu, maka tanyakanlah kepada orang-orang yang membaca Al-Kitab sebelum kamu. Sesungguhnya telah datang kebenaran kepadamu dan TuhanMu sebab itu janganlah sekali-kali kamu termasuk orang-orang yang ragu ragu.”

(Surah Yunus 10:94)

Seolah-olah ayat ini merupakan jawapan kepada penelitian dan kajian RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam terhadap wahyu dan diriwayatkan bahawa RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah menegaskan selepas penurunan ayat ini dengan katanya, “Aku tidak syak dan waham lagi dan aku tidak akan bertanya-tanya lagi.”

PERINGKAT-PERINGKAT DA’WAH ISLAMIYYAH SEMASA HIDUP RASULULLAH SALLALLAHU ‘ALAIHI WASALLAM

Fiqh Al-Sirah 1

Seruan Islam semasa hidup Rasulullah telah menempuhi empat peringkat yang berlainan iaitu:

Peringkat pertama:

Seruan secara sulit memakan masa selama tiga tahun.

Peringkat kedua:

Seruan secara terang—terangan tanpa kekerasan, berjalan hingga berlakunya Hijrah.

Peringkat ketiga:

Da'wah secara terang-terangan menggunakan senjata untuk mempertahankan diri berjalan hingga pembukaan Makkah mukarramah.

Peringkat keempat:

Da'wah secara terang-terangan dan mengangkat senjata terhadap mereka yang cuba menghalang perjalanan da'wah. Dalam peringkat inilah dipraktikkan syari'at-syari'at Islam dan perintah berjihad pun diturunkan.

SERUAN SECARA SULIT

Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam pun telah memulakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan ke atas baginda iaitu berda'wah secara sulit, menyeru manusia 'Arab supaya menyembah Tuhan yang Maha Esa dan menyingkirkan penyembahan berhala. Ianya dijalankan secara sulit agar kafir Quraisy tidak terperanjat dengan seruannya ini kerana mereka semua terlalu fanatik dengan penyembahan berhala. Sebagai langkah yang pertama diajaknya mereka yang karib dengan baginda sahaja atau mereka yang kenal dan rapat dengan baginda.

Di antara mereka yang muh-mula menyabut seruan baginda ialah Sayyidatina Khadijah RadiyaLahu 'anha, 'Au bin Abi Talib, Zaid bin Harithah (orang suruhan dan anak angkatnya), Abu Bakar bin Quhafah, "Uthman bin 'Allan, Al Zubair bin 'Awwam, 'Abdul Rahman bin 'Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas dan mereka yang lain RadiyaLahu 'anhum.

Semua mereka ini telah bertemu dengan Rasulullah secara sulit. Bila mereka hendak melakukan 'ibadat mereka akan pergi ke lorong-lorong Makkah yang jauh dan pandangan orang orang Quraisy maka di sanalah mereka akan mengerjakan 'iba dat.

Ketika pemeluk agama Islam meningkat tiga puluh orang lelaki dan perempuan maka Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wa sallam pun telah memilih satu tempat yang agak terpencil sedikit iaitu di rumah A1-Arqam bin Abi A1-Arqam dan di rumah itulah Rasulullah menyampaikan segala ta'limat tunjuk ajar dan nasihat. Seruan ini telah berjaya memberi hasil yang memuaskan di mana hampir empat puluh orang telah menyahut seruan Islam. Kebanyakan mereka ini adalah terdiri dan golongan fakir miskin dan hamba sahaya yang tidak ada tempat dalam masyarakat Quraisy.[Untuk keterangan lanjut, rujuk Tahzib Sirah Ibnu Hisyam vol. 1 halaman 75]

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

1. Rahsia berda'wah secara sulit di peringkat permulaan.

RasuluLlah telah menjalankan tugasnya iaitu berda'wah secara rahsia bukanlah kerana takut sesuatu yang akan menimpa ke atas dirinya kerana baginda sedar ketika mana diturunkan ayat:

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ (1) فُمْ فَأَنْذِرْ (2)

Yang bermaksud:

"Hai orang yang berkemul (berselimut), bangunlah, lalu berilah peringatan!". (Surah Al-Muddaththir 74:1 — 2)

Fiqh Al-Sirah 1

Bahawa Tuhan tidak akan membiarkannya keseorangan tanpa pertolongan dan perlindungan dariNya. Sesungguhnya kalaulah Tuhan menurunkan ayat menyuruh baginda mara dengan apa yang telah disuruh sejak mula-mula lagi nescaya Rasulullah tidak akan berlelah sesaat untuk menjalankan da'wah secara terang—terangan tetapi oleh kerana Tuhan telah mengilhamkan kepadanya ilham bagi Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam adalah sejenis daripada wahyu supaya berda'wah di peringkat pertama ini dengan secara sulit dan tidak akan mengajak sesiapaupun kepada seruarnya kecuali setelah memastikan bahawa orang itu benar-benar cenderung dan minat kepadanya. Segala-galanya ini merupakan pengajaran dan pengi'tibaran kepada penda'wah yang terkemudian dan sebagai pertunjuk kepada mereka supaya berjaga-jaga dan berwaspada ketika menjalankan tugas ini serta mengkajinya dengan penuh teliti untuk sampai kepada matlamat dan tujuan da'wah, juga sebagai pengajaran supaya tidak akan menyerah bulat-bulat kepada Allah dan bertawakkal kepadaNya kerana cara ini sedikit sebanyak akan melemahkan dan meracuni asas iman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih—lebih lagi cara ini bertentangan sekali dengan tabi'at seruan Islam.

Dan sini nyatalah kepada kita di mana dalam menjalankan tugas da'wah mengikut polisi dan tektik yang diharuskan ini adalah satu polisi Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam yang sifatnya sebagai ketua dan imam, bukanlah sifatnya sebagai seorang Nabi yang bertugas menyampaikan suruhan dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala semata—mata.

Oleh yang demikian adalah wajar sekali kepada para penda'wah di setiap zaman menjalankan polisi dan tektik yang sesuai secara rahsia atau berterus—terang menggunakan kekuatan atau berlemah-lembut mengikut keadaan dan suasana. Inilah polisi dan kesesuaian (fleksibiliti) yang telah digariskan oleh syari'at iaitu empat garis dan corak dan perjalanan Rasulullah. Tidak boleh berda'wah bersembunyi-bunyian dalam keadaan yang memerlukan terus-terang, tidak boleh bentolak ansur dengan seteru yang dipandang boleh menggunakan kekerasan dan tidak boleh berdiam diri untuk menentang orang kafir bila keadaan dan suasana membenarkan.

Kerana itu juga para jumah fuqaha' dengan ijma' memutuskan; bahawa apabila muslimin berada dalam keadaan lemah kerana bilangan anggotanya masih sedikit, dan berkeyakinan bahawa mereka akan dibunuh tanpa dapat bertindak balas sesuatu terhadap musuh, maka dalam keadaan begitu hendaklah diutamakan muslihah menjaga di kerana tipu muslihah dalam penjuangan merupakan muslihah menjaga kepentingan agama, sama ada yang diijtihad itu tepat atau tidak tepat.

A1-Izz Bin 'Abd alSalam telah menetapkan bahawa mencebur diri ke dalam jihad seperti ini adalah haram, katanya:

“Kalau sudah pasti kehancuran, pasti tidak dapat bertindak balas, pasti kehilangan nyawa muslimin, dan dengan itu pihak kuffar akan merasa senang hati, sebaliknya pihak muslimin akan berdukacita, maka sudah tentu di situ kerosakan semata—mata, ia tidak mengandungi sebarang muslihah atau polisi langsung.”

Saya (penulis) berkata: “Mengutamakan muslihah diri dalam keadaan begitu, hanya pada zahir saja, tetapi pada hakikat dan matlamat jangka panjang ia sebenarnya merupakan muslihah atau polisi agama, di mana muslihah agama diperlukan dalam keadaan seperti itu, supaya nyawa muslimin kekal selamat untuk menghadapi masa depan dengan jihad dalam medan perjuangan yang terbuka di masa akan datang, jika tidak maka kemusnahan mereka dikira sebagai memudharatkan agama Islam itu sendiri, dan ia dikira sebagai membuka jalan di hadapan pihak kafir untuk membolehkan mereka merempuh halangan-halangan yang ada di hadapan mereka.

Ringkasnya: Adalah wajib berdamai atau merahsiakan da'wah, sekiranya da'wah cara terbuka atau berperang, boleh membawa kemudharatan atau kerugian. Tetapi tidak harus pula merahsiakan da'wah jika keadaan membenarkan dan memberi faedah. Tidak harus juga berdamai dengan orang-orang zalim dan orang-orang yang menunggu peluang untuk melakukan kezaliman, kalau sudah berkemampuan dan sudah lengkap kemudahan kekuatan dan pertahanan, di saat itu tidak harus mengundur diri dan berjihad (perang) terhadap kafirin bila sudah cukup segala persiapannya.

2. Barisan pertama yang memeluk agama Islam.

Fiqh Al-Sirah 1

Mengikuti apa yang telah disarankan oleh Sirah Rasulullah bahwa dalam peringkat pertama ini hanya mereka yang lemah dan fakir miskin sahaja yang telah memeluk agama Islam. Dan apakah rahsia maka terjadinya sebegini? Apakah hikmat dan rahsianya sehingga mereka-mereka ini merupakan asas utama dalam penubuhan negara Islam?

Sebagai jawapan maka kita menegaskan, ini adalah hasil daripada proses tabi'at dan 'alam, di mana para Anbiya' di masa yang lampau telah menempuh dugaan dan cubaan seperti yang telah dirasai oleh Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam sendiri. Puak Nabi Nuh telah mengejek-mengejeknya kerana pengikutnya terdiri dan golongan yang lemah seperti yang telah dibentangkan oleh Al-Qur'an:

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا تَرَاكَ إِلَّا بَشَرًا مِثْلَنَا وَمَا تَرَاكَ إِلَّا اتَّبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِادْيِ الرَّأْيِ وَمَا تَرَى لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ (27)

Maksudnya:

“Maka berkatalah pemimpin-pemimpin yang kafir dan kaumnya: “Kami tidak melihat kamu, melainkan (sebagai) seorang manusia (biasa) seperti kami, dan kami tidak melihat orang-orang yang mengikuti kamu, melainkan orang-orang yang hina—dina di antara kami yang lekas percaya saja, dan kami tidak melihat kamu memiliki sesuatu kelebihan apapun atas kami, bahkan kami yakin bahawa kamu adalah orang-orang yang dusta”.

(Surah Hud 11:27)

Begitu juga Fir'aun yang telah memandang sepi terhadap pengikut-pengikut Nabi Musa 'alaihissalam yang lemah sehinggalah Tuhan menegaskan dengan firman yang berbunyi:

وَأَوْرَثْنَا الْقَوْمَ الَّذِينَ كَانُوا يُسْتَضَعُونَ مَشَارِقَ الْأَرْضِ وَمَعَارِبَهَا الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ الْحُسْنَى عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ بِمَا صَبَرُوا وَدَمَرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُ وَمَا كَانُوا يَعْرِشُونَ (137)

Yang bermaksud:

“Dan kami pusakakan kepada kaum yang telah tertindas itu negeri-negeri bahagian timur bumi dan bahagian baratnya yang telah Kami beri berkat padanya”.

(Surah Al-A'raf (7): Ayat 137)

Begitu juga keturunan Thamud yang telah memperolok-olok pengikut Nabi Saleh 'alaihissalam yang hina pada pandangan mereka:

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِنْ قَوْمِهِ لِلَّذِينَ اسْتُضِعُوا لِمَنْ أَمَنَ مِنْهُمْ أَنْ صَالِحًا مُرْسَلٌ مِّنْ رَبِّهِ قَالُوا إِنَّا بِمَا أُرْسِلَ بِهِ مُؤْمِنُونَ (75) قَالَ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا إِنَّا بِالَّذِي آمَنْتُمْ بِهِ كَاْفِرُونَ (76)

Yang bermaksud:

“Sekumpulan d kaum (Thamud) yang sombong telah berkata kepada mereka yang lemah yang telah beriman; “Tahukah kamu bahawa Saleh diutus (menjadi Rasul) oleh Tuhannya? Mereka menjawab: Sesungguhnya kami beriman kepada wahyu yang Saleh diutus untuk menyampaikannya “. Orang-orang yang menyombongkan diri berkata: “Sesungguhnya kami adalah orang yang tidak percaya kepada apa yang kami iman itu.”

(Surah Al-A'raf 7:75 — 76)

Sebagai hikmat Ilahi yang terkandung di dalam hakikat agama ini di mana penganut-penganut terdiri daripada orang-orang yang lemah ialah suatu pengelakan daripada kekuasaan manusia kepada kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan merupakan satu paluan yang hebat terhadap mereka yang mempertuhankan manusia. Rahsia ini memang sesuai dan tepat untuk mereka yang lemah yang diperhambakan dan yang telah dianiyai, seterusnya cabaran dan tamparan yang paling hebat terhadap mereka yang mempertuhankan selain daripada Allah 'Azza Wajalla.

Fiqh Al-Sirah 1

Ikutilah satu dialog di antara Rustam ketua turus tentera Parsi dan Rub'i bin 'Amir seorang askar biasa Islam:

Rustam: Apakah yang mendesak kamu berperang dengan Kami?

Rub'i: Kami datang kemari untuk membebaskan manusia dan penyembahan sesama sendiri kepada penyembahan Allah yang Esa.

Kemudian beliau memandang kepada beberapa barisan di kiri dan kanan Rustam yang tunduk menyembah kepadanya sambil menambah cakapnya:

“Setahu kami kamu semua bijak belaka tetapi di hari ini aku tidak pernah lihat suatu puak pun yang paling bodoh dan kamu. Sesungguhnya kami orang Islam belum pernah lagi memperhambakan sesama sendiri, yang aku sangka kamu ini bertolong-tolongan antara satu sama lain tetapi sebaliknya terdapat penindasan dan perhambaan sesama sendiri.”

Puak yang lemah tadi berpaling ke arah Rub'i sambil berkata:

“Memang benar apa yang engkau ucapkan itu.” Tetapi puak atasan pula bila mendengar ucapan Rub'i tadi suatu puak yang hebat yang telah di hancurkan ke atas kepala mereka lantaran ucapan itu menjunam tepat kepada tindakan mereka. Ucapannya tadi mengandungi satu kuasa sakti yang akan menarik hamba suruhan kita ke arahnya”.

Penegasan ini sama sekali tidak merupakan suatu pendedahan mengenai golongan lemah yang telah memeluk agama Islam dengan tujuan mencari perlindungan. Ini adalah suatu penafsiran yang salab kerana mutu keimanan pembesar Quraisy dan golongan yang lemah adalah sama sebab kesemua mereka ini beriman dengan Muhammad dan segala apa yang dibawanya dengan sepenuh hati. Sebab apa pembesar dan orang atasan Quraisy tidak mahu ikut dan berikan kepimpinan dengan Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam? Ini adalah disebabkan mereka menganggap diri mereka sebagai ketua dan penganjur Quraisy dan tidak mahu tunduk menjadi pengikut-pengikut Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam. Sebagai bukti yang nyata sekali keangkuhan bapa saudara baginda sendiri Abu Talib untuk beriman dengan risalah Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam sedangkan fakir miskin yang lemah tidak ada suatu apa pun yang menghalang mereka daripada beriman, malahan mereka terasa suatu kemegahan pula kerana dapat membebaskan diri daripada kekuasaan manusia. Perasaan yang seumpama ini merupakan pati keimanan dengan Allah Subhanahu Wata'ala yang sering menambah dan memberi suatu tenaga keimanan yang barn di samping memberi kelazatan dan kesegaran

Dan sini nyata sekali betapa kotornya canang yang dipalukan oleh penyerang-penyerang pemikiran di masa ini yang mempropagandakan yang da'wah Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam itu adalah hasil ilham tempatan dan suasana bangsa 'Arab semata—mata serta gerakan revolusi mental bangsa sahaja.

Kalaulah sepertimana yang dida'yahkan oleh musuh musuh Islam itu tadi maka mengapa pula da'wahnya mendapat sambutan yang hangat bukan sahaja daripada bangsa 'Arab malah Suhaib Al-Rumi adalah bangsa Rom, Salman Al-Farisi keturunan Farsi dan Bilal Ibn-Rabah dan Habsyah.

Kita akan bertemu di masa muka dengan suatu kajian mengenai suasana dan bi'ah bangsa yang telah memaksa Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam hijrah keluar dan tempat tumpah darahnya dan menganjurkan pengikut-pengikutnya berpuak-puak melarikan diri. Antaranya keluar berhijrah ke Habsyah kerana bangsa 'Arab di kala itu bencikan da'wah dan seruan Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam yang oleh musuh Islam dicemuh sebagai hasil ilham tempatan itu.

SERUAN SECARA TERANG – TERANGAN

Ibnu Hisham menceritakan; Seruan Islam telah mendapat sambutan yang tidak putus-putus dan orang ramai lelaki mahu pun perempuan sehingga menjadi buah mulut dan perbualan umum di kota Makkah. Kemudian Allah Subhanahu Wata'ala pun meminta NabiNya supaya menjalankan tugas secara terang-

Fiqh Al-Sirah 1

terangan dengan membentangkan perkara ini kepada orang ramai serta menyeru mereka beriman denganNya. Rasulullah telah menjalankan tugas da'wahnya secara sulit lebih kurang tiga tahun sehingga turunnya ayat Qur'an yang berbunyi:

فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ (94)

Yang bermaksud:

“Maka sampaikanlah olehmu secara terang—terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dan orang-orang yang musyrik.”

(Surah Al-Hijr 15:94)

Dan firman Allah lagi yang berbunyi:

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿١١٤﴾ وَأَخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ
مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٥﴾

Yang bermaksud:

“Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat. Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mengikutmu iaitu orang-orang yang beriman.”

Dan firman Allah yang berbunyi:

وَقُلْ إِنِّي أَنَا النَّذِيرُ الْمُبِينُ (89)

(Surah Al-Hijr 15:89)

Yang bermaksud:

فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ (94)

“Dan katakanlah; Sesungguhnya Aku adalah pemberi peringatan yang menjelaskan.”

(Surah Al-Hijr 15:94)

Di ketika itulah Rasulullah SallaLahu'alaihi Wasallam melaksanakan perintah-perintah Tuhannya sebagai mematuhi seruan Allah yang berbunyi:

فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ (94)

RasuluLlah SallaLahu 'alaihi Wasallam telah mengumpul Bani Fihir dan Bani 'Adi di atas bukit Safa. Kesemua mereka turut hadir dalam perjumpaan itu. Bagi mereka yang uzur tidak dapat hadir terpaksa menghantar wakil peribadi. Di situlah Nabi telah bangun lantas berkata: Apakah kamu sekalian akan percaya atau tidak sekiranya aku ceritakan bahawa di sebalik bukit ini ada sekumpulan musuh yang akan menyerang kamu. Jawab mereka: Sudah pasti kami akan percaya kerana kami belum pernah mendengar lagi percakapan dusta darimu. Kemudian Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam menambah: Sesungguhnya aku ini pembawa berita yang menakutkan iaitu di hadapanku ini suatu azab sengsara yang paling hebat. Abu Lahab pun bangun lalu menjawab: “Binasalah engkau hai Muhammad, apakah untuk ini sahaja yang engkau kumpulkan kami?” Selepas itu maka turunlah ayat Al—Qur'an:

Yang bermaksud:

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ (1)

Fiqh Al-Sirah 1

“Binasalah kedua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya dia akan binasa. “

(Surah Al—Lahab 111:1)

[Dipersetujui ramai bahawa ayat ini berhubung dengan peristiwa Abi Lahab tadi.]

Sebagai menyahut kepada firman Tuhan yang berbunyi:

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ (214)

(Surah Asy Syu'ara 26:2 14)

Maka Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam pun mengumpul kaum kerabatnya yang hampir sambil berkata; “wahai Bani Ka’b bin Luai bebaskanlah dirimu daripada api neraka, wahai Bani Murrâh bin Ka’b jauhkanlah dirimu daripada api neraka, wahai Bani Hisyam selamatkanlah dirimu dan api neraka, wahai Bani Abdul Manaf jauhkanlah dirimu dan api neraka, wahai Barn Abdul Mutalib hindarkanlah api neraka dan dirimu, wahai Fatimah bebaskanlah dirimu dan neraka. Sesungguhnya aku tidak upaya hanyalah setakat menghubungkan tali silaturrahim yang abadi di antara kamu sekelian.” Pihak Quraisy telah menunjuk reaksi mereka terhadap seruan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dengan berpaling tadah dan mencemuh seruannya itu dengan alasan mereka tidak sanggup meninggalkan agama yang diwarisi dan datuk nenek mereka yang telah sebati dan menjadi darah daging. Untuk demikian Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah menegaskan yang mereka terpaksa dibebaskan dan direvolusikan mental dan cara pemikiran mereka daripada belenggu taqlid dan turut membabi-butakan ini dan cuba menggunakan akal fikiran dan logik serta menerangkan kepada mereka di mana berhala yang diperbuat daripada batu kemudian disembah itu langsung tidak memberi faedah atau membahayakan mereka.

Penyembahan mereka terhadap berhala-hala tadi semata-mata bergantung kepada perasaan sentimen dan ta’sub yang melulu kepada datuk nenek mereka yang terdahulu. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan apabila dikatakan kepada mereka; Marilah (mengikut kepada apa yang diturunkan Allah dan kepada Rasul. Mereka menjawab: Cukuplah untuk kami apa yang kami dapati bapa-bapa kami mengerjakannya. Apakah mereka akan mengikuti juga nenek moyang mereka walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak pula mendapat petunjuk.”

Bila Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam mengecam berhala dan penyembahannya, memperhinkan cara mereka berfikir dan cara pemikiran datuk moyang mereka lantas kecaman Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tadi di tentang habis-habisan. Kecualilah mereka yang telah memeluk agama Islam dan terkecuali juga bapa saudaranya Abu Talib yang telah mempertahankan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan serangan-serangan orang-orang Quraisy.[Tahzib Sirah Ibn Hisyam Vol. I halaman 68.]

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Dalam perenggan ini dapai kita bahagikan tiga kenyataan petanda seperti berikut:

1. Seruan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam terhadap puak Quraisy terang-terangan telah memeranjatkan bangsa Quraisy dan umat ‘Arab umumnya. Ini dapat dilihat dengan nyata sekali iaitu penentangan Abu Lahab semasa baginda menyeru mereka di Bukit Safa dan penyertaan puak Quraisy seluruhnya dalam usaha menentang baginda.

Segala-galanya ini adalah jawapan yang tajam kepada mereka-mereka yang mengatakan yang agama Islam ini adalah karya ilham tempatan ataupun saranan faham kebangsaan yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam demi untuk mencapai cita-cita bangsa ‘Arab.

Tidak perlu lagi mengkaji dan berpenat lelah mencari jawapan dan alasan yang tegas sebagai jawapan kepada segala tipu-helah yang mengetawakan yang sering disuarakan oleh seteru-seteru Islam dan oleh mereka yang cuba melariskan tipu-helah kotor terhadap Islam tetapi untuk tujuan busuk dan

Fiqh Al-Sirah 1

muslihat mereka maka terpaksa mereka lakukan walaupun segala-galanya ini langsung tidak menjejaskan hakikat dan kebenaran yang begitu nyata sekali.

2. Seharusnya tidak perlu lagi diturunkan suatu ayat yang khusus untuk menyeru dengan terang-terangan akan keluarga Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam malah untuk berda’wah kepada mereka memadai dirangkumkan sekali maksudnya ke dalam sahaja tanpa dikhususkan dengan suatu ayat dan serua yang lain. Maka apakah rahsia yang terkandung di dalam peringkhususan ini?

Sebagai jawapannya maka ini telah memberi suatu gambaran yang terang mengenai peringkat tanggungjawab yang dibebankan ke atas tiap Muslim dan para penda’wah secara khusus.

Peringkat pertama ialah tanggungjawab seseorang terhadap dirinya yang demikian maka masa penurunan wahyu yang pertama merupakan suatu masa yang dilalui oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam yang memberi ketenangan dan keyakinan bahawa ianya Rasul yang benar telah diutuskan oleh Allah dan segala apa yang diwahyukan kepadanya adalah dari Allah Subhanahu Wata’ala. Segala-galanya ini memberi keyakinan yang penuh ke arah mempercayakan apa yang telah diturunkan itu serta menanamkan kepercayaan ke dalam diri sendiri terhadap apa yang diturunkan oleh Allah adalah peringkat pertama dari senarai tanggungjawab.

Peringkat kedua ialah tanggungjawab setiap Muslim terhadap kaum keluarganya kerana tiap Muslim adalah bertanggungjawab menyampaikan seruan da’wah kepada kaum keluarganya. Untuk yang demikianlah maka Tuhan telah meminta RasulNya supaya menyampaikan seruan da’wah ini kepada kaum keluarganya secara khusus. Ini bukanlah suatu tanggungjawab yang khusus kepada Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam malah kepada setiap Muslim.

Peringkat ketiga ialah tanggungjawab ‘alim ‘ulama’ terhadap kawasan daerahnya dan tanggungjawab pemerintah terhadap negara dan rakyat jelatanya. Kedua-dua mereka ini mengambil tempat selepas Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam kerana kedua-duanya adalah warisan yang sebenar dalam Islam seperti mana yang telah ditegaskan oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam:

الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

“Alim ‘ulama’ adalah warisan para Anbiya”.

Pemerintah atau kepala negara adalah Khalifah. Adapun khalifah yang dimaksudkan di sini ialah Khalifah Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam yang bererti “pengganti bagi Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam”.

Mempelajari ilmu pengetahuan dan hukum-hakam Islam adalah suatu yang wajib dilengkapkan oleh tiap pemimpin, penganjur dan pemerintah masyarakat Islam sebab tidak ada perbezaan antara kewajipan Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ini. Perbedaannya sekadar Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam menerima wahyu dan langit sedangkan mereka ini pula menjalankan mengikut apa yang telah diturunkan itu dan dan sunnah Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam sendiri.

Ringkasnya Rasulullah bertanggungjawab terhadap dirinya sebagai seorang mukallaf, bertanggungjawab terhadap keluarganya sebagai kepala keluarga dan bertanggungjawab terhadap manusia umum sebagai seorang Rasul yang diutuskan Allah Subhanahu Wata’ala.

3. Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam telah memperolok-olokkan kaumnya yang telah membelenggukan segala tenaga fikiran kepada adat tradisi datuk nenek moyang mereka iaitu menyembah berhala dan melakukan perkara munkar yang lain tanpa memikirkan apakah berhala itu boleh memberi sesuatu kebaikan atau membahayakan kalau tidak disembahnya. Seterusnya Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam menyeru mereka agar membebaskan diri dan pemikiran perhambaan dan cengkaman tradisi yang lapuk yang sedikit pun tidak berbau dengan logis dan mantiq. Dari sini dapatlah kita simpulkan iaitu agama ini dan segala ahkamnya adalah sejajar suluhan fikiran dan mantiq. Oleh yang demikian maka di antara syarat-syarat yang terpenting untuk menentukan sah iman dengan Allah

Fiqh Al-Sirah 1

Subhanahu Wata'ala ialah keyakinan dan fikiran bebas tanpa bertaut dengan sebarang adat resam atau 'tradisi' yang lain. Penyusun ilmu tauhid menyatakan dalam puisi tauhidnya yang berbunyi:

فكل من قلد في التوحيد إيمانه لم يخجل من ترديد

“Tiap orang yang beriman secara taqlid imannya tidak dapat tidak dikuasai oleh was—was dan syak wasangka”.

Dari sini terang sekali kepada kita bahawa agama Islam menentang habis-habisan taqlid dan meniru buta tuli ataupun dipengaruhi oleh adat lapuk seperti yang ditegaskan tadi kerana prinsip dan ajaran agama Islam semuanya berdasarkan akal fikiran yang sihat dan logik. Sebaliknya Islam melarang mengikut tradisi lapuk yang langsung tidak berbau unsur-unsur fikiran yang bebas dan logik. Perkataan 'Tradisi' (1) mengikut apa yang diertikan oleh ahli sosiologi ialah sekumpulan adat resam yang diwariskan dan datuk nenek yang terdahulu ataupun hasil pergeseran di dalam sesuatu bi'ah suasana dan segala apa yang dilakukan oleh manusia mengikut tatasusila penghidupan dalam masyarakat, seperti upacara—upacara keramaian dan perkabungan ataupun penyedutan secara spontan di kala pergeseran antara satu sama lain. Segala—galanya ini dikenal dengan 'adat tradisi' mengikut istilah bahasa dan ilmu kemasyarakatan.

[‘Tradisi’ — Kalimat tradisi yang digunakan dalam terjemahan ini bukanlah merujuk kepada pengertian yang asal sebagaimana yang biasa digunakan iaitu yang bermaksud satu warisan agama yang bersifat samawi. Sebaliknya penggunaan kalimat ‘tradisi’ dalam tejemahan ini adalah mengikut makna yang biasa digunakan dalam bahasa moden yang membawa maksud warisan lapuk, karut dan kepercayaan yang melulu.]

Sekiranya kita faham segala—galanya ini, justeru itu dapatlah kita pastikan yang Islam itu tidak mungkin diertikan sebagai suatu ‘tradisi’ samada yang bersangkutan—paut dengan ‘aqidah kepercayaan mahupun peraturan-peraturan dan hukum-hakam kerana ‘aqidah berasaskan akal fikiran dan logik sedangkan hukum-hukum pula berasaskan muslihat dan kepentingan dumawi dan ukhrawi. Untuk mencapai dua kepentingan ini akal fikiran dan perhitungan diri sendiri merupakan perantaraan yang penting walaupun pada setengah-setengahnya otak biasa manusia tidak boleh mengetahui sebab-sebab dan hikmatnya.

Di sini nyata sekali kepada kita betapa salahnya mereka yang menganggap ‘ibadat, hukum-hakam syari’at dan susila itu adalah ‘tradisi Islam’, ini adalah satu pengertian yang salah. Menyebarkan anggapan seumpama ini Semata—mata untuk memburukkan agama Islam kerana akan dicap dan dituduh bahawa tatasusila, akhlak yang luhur yang memberikan kesenangan kepada manusia ini bukannya daripada Tuhan Rabbil ‘alamin tetapi hasil ciptaan manusia yang diwariskan daripada manusia yang silam. Hasil daripada anjuran yang salah ini menyebabkan sebilangan besar manusia terasa tidak senang dengan tradisi yang lama ini untuk dipraktikkan di dalam sesuatu masya rakat yang lebih maju dan progressif.

Sebenarnya usaha menyebarkan slogan-slogan yang seumpama ini adalah sebahagian daripada siri penentangan terhadap Islam.

Tujuan utama daripada penyebaran slogan yang salah ini ‘tradisi Islam’ ialah supaya di suatu masa yang akan datang manusia seluruhnya akan terlupa bahawa peraturan dan perundangan Islam itu sebenarnya dan Tuhan sebaliknya apa yang akan terbayang di otak kepala mereka ialah segala—galanya adalah tradisi manusia. Dengan demikian mudahlah bagi seteru—seteru Islam memasukkan segala jarum dan kuman-kuman yang merbahaya demi merobohkan keagungan Islam.

Tidak syak lagi apabila umat Islam terjaga dan sedar dan tidurnya yang nyenyak mereka akan melihat sebahagian besar daripada prinsip-prinsip dan hukum-hakam Islam seperti soal nikah cerai, soal hijab dan kesusilaan Islam telahpun dirombak dan ditukar dengan definasi dan pengertian ‘tradisi’ maka dan sinilah akan timbul segolongan manusia (Islam) menganjur dan menyeru agar membebaskan diri dan apa yang dikatakan ‘tradisi’, terutamanya di zaman ini di mana terdapat suara—suara melaung-laung ke arah pembebasan fikiran dan revolusi mental.

Fiqh Al-Sirah 1

Sebenarnya di dalam Islam tidak ada apa yang dimaksudkan dengan ‘tradisi’ ini.

Sesungguhnya agama Islam ini diturunkan demi untuk membebaskan otak manusia dan cengkaman ‘tradisi’ seperti mana yang dapat kita lihat dalam da’wah Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam di peringkat pertama.

Segala apa yang telah dibawa oleh Islam dan peraturan dan perundangan yang kesemuanya merupakan prinsip prinsip dan usul-usul. Adapun prinsip dan usul adalah berasaskan fikiran yang logik untuk mencapaikan suatu tujuan yang tertentu. Sekiranya prinsip dan rukun-rukun yang diciptakan oleh manusia selalunya mengalami kesalahan kerana ketumpulan otak pencipta dan penggubalnya maka prinsip dan usul Islam langsung tidak berbau dengan kesalahan dan kekurangan sebab prinsip ini adalah daripada Allah pencipta alam sejagat termasuk otak manusia yang serba lemah dan tumpul.

Apa yang dikatakan ‘tradisi’ pula hanyalah sekadar arus kecenderungan manusia yang terbawa-bawa oleh segolongan manusia kerana ingin meniru dan mengikuti manusia lain.

Adapun prinsip dan usul itu ialah landasan di mana keadaan dan perubahan zaman mesti mengikutinya dan bukan sebaliknya.

Apa yang dikatakan ‘tradisi’ itu diibaratkan sebagai tumbuhan-tumbuhan liar yang tumbuh di tengah-tengah pemikiran masyarakat yang merupakan rumput-rumput yang merbahaya yang mesti dicabut dan dikikis sebersihnya dan kepala pemikiran manusia.

PENYIKSAAN

Puak Quraisy begitu melampau dan bersangatan menentang Rasulullah dan sahabat-sahabatnya. Antara apa yang diceritakan oleh ‘Abdullah bin ‘Amru bin Al’As: “Ketika Nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam bersembahyang di Ka’bah, ‘Aqabah bin Abi Muiat datang mencekik baginda dengan bajunya, kemudian Abu Bakar datang memegang kepala bahunya sambil menolaknya dan Rasulullah dan berkata: “Kenapa engkau hendak membunuh manusia yang mengaku dan mengucap “Tuhanku ialah Allah.” Satu lagi apa yang diceritakan oleh ‘Abdullah bin ‘Umar: “Ketika Nabi sedang sujud bersembahyang di tengah tengah puak Quraisy, datanglah ‘Aqabah bin Abi Muiat membawa najis sembelihan melempar ke atas belakang Rasulullah, menyebabkan Rasulullah tidak mengangkat kepalanya dan sujud sehingga datanglah puterinya Fatimah radiyallahu‘anha membuang najis-najis tadi sambil bertanya kepada ‘Ali siapa yang melakukan demikian. Di ketika yang lain pula Baginda terpaksa menanggung berbagai-bagai kejian dan maki-hamun ketika berjalan di tengah-tengah mereka dan diketika melalui di hadapan kelab-kelab mereka.

Sahabat-sahabat Rasulullah ridhwanuLlahi ‘alaihim ajma’in telah mengalami seribu satu penyiksaan, sehingga terdapat di antara mereka mati kerana penyiksaan yang melampaui batasan manakala setengah yang lain pula buta dan cacat anggota dan sebagainya. Penyiksaan yang sedemikian rupa tidak sedikit pun melemahkan semangat keimanan mereka dengan agama Allah. Dalam soal ini kiranya hendak kita memperkatakan secara mendalam mungkin tidak sempat, memadai lah Setakat membawa apa yang telah diceritakan oleh Bukhari dan Khabbab bin Al-’Arat: “Aku datang menemui Rasulullah, baginda sedang meletakkan kepalanya berbaring berbantalkan pakaiannya di bawah lindungan Ka’bah. Di kala itu kami tengah mengalami penyiksaan yang amat sangat, lantas aku berkata kepada Rasulullah: “Wahai Rasulullah kenapa tidak tuan hamba memohon daripada Tuhan untuk sekalian?” Baginda terus bangun dan duduk dengan muka yang merah dan berkata:

“Sesungguhnya mereka yang terdahulu daripada kamu pernah diganyang dengan penyakar-penyakar besi hingga ketulang dan urat sadar, tapi sebiji padi pun mereka tidak berganjak dan ada pula di antara mereka dibelah kepala dengan gergaji namun demikian mereka tetap juga tidak mengubah pendirian mereka, biarlah Tuhan sempurnakan perkara ini (agama Islam) sehingga manusia yang berjalan dan Sari’a’ ke Hadhralmaut tidak akan gentar dan takut sesuatu melainkan Allah.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Fiqh Al-Sirah 1

Apa yang terlintas di otak kepala mereka yang membaca kisah penyiksaan Rasulullah dan sahabatnya yang beranika rupa itu ialah satu pertanyaan: “Kenapakah Nabi dan sahabatnya rela menanggung segala azab sengsara dan penyiksaan sedang mereka ini dalam kebenaran? Kenapa pula Tuhan tidak melindungi mereka? Tidakkah mereka mi askar-askarNya dan Rasulullah pula penda’wah dan pejuang ke jalanNya.”

Untuk jawapannya, sifat pertama bagi manusia sebagai penghuni duma ini ialah “mukallaf” di mana dia mesti melaksanakan segala perintah dan suruhan-suruhan Allah yang berat dan susah. Berda’wah di dalam agama Islam dan berjihad untuk meninggikan kalimat Allah adalah sebahagian daripada kerja kerja mukallaf. Suruhan taklif pula adalah di antara sifat-sifat kehambaan terhadap Allah; tidak bererti kehambaan kita terhadap Tuhan tanpa suruhan dan perintah daripadanya. Kehambaan manusia terhadap Allah faktor yang wajib bagi ketuhanan Allah Subhanahu Wata’ala, dan tidak bererti keimanan seseorang tanpa mengetahui kehambaannya terhadap Allah.

Kehambaan membawa kepada taklif (iaitu tunduk kepada suruhan) sedangkan taklif pula membawa kepada menanggung beban dan melawan hawa nafsu. Untuk yang demikian maka kewajipan setiap hamba Allah di duma ini ialah melaksanakan dua perkara yang terpenting:

Satu: Berpegang dengan pengajaran Islam dan mendirikan masyarakat Islam yang sejati.

Dua: Mengharungi sebarang kepayahan dan menghadapi segala kesusahan serta membelanjakan harta kekayaan untuk mencapai tujuan di atas.

Allah Subhanahu Wata’ala mewajibkan kita mempercayai dan beriman dengan tujuan matlamat dan saranan di samping itu juga dipinta melalui jalan-jalan yang penuh dengan onak-onak dan merbahaya untuk mencapai tujuan dan matlamat tadi.

Kalaulah Tuhan mahu nescaya mudah sahaja bagiNya untuk menegakkan sebuah masyarakat Islam tanpa bersusah payah, tapi keadaan yang seumpama ini tidaklah pula membuktikan perhambaan manusia akan dirinya kepada Allah ‘Azza wajalla dan tidak menunjukkan yang ianya telah bersabung nyawa, mengorbankan harta-bendanya di hari pertama ia beriman dengan Allah dan tidaklah menunjukkan yang ianya telah mengenyepikan segala hawa nafsunya demi untuk memberi dedikasinya yang sepuh kepada Rasulullah. Tanpa ujud segala galanya ini maka tidaklah wujud perbezaan di antara mu’min sejati dengan munafiq dan di antara benar dengan dusta.

Segala kesusahan yang dihadapi oleh pejuang-pejuang dan penda’wah kalimah Allah demi untuk menegak satu masyarakat Islam yang sejati adalah sunnah dan suratan Ilahi sejak dipermulaan sejarah lagi, yang di dalamnya tersemat tiga rahsia dan hikmat:—

Pertama: Sifat kehambaan dan ke’abdian manusia terhadap Allah ‘Azza wajalla, seperti yang ditegaskan oleh Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (56)

Yang bermaksud:

“Dan tidak Aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka men yembahKu.”

(Surah A1—Zariyat 51:56)

Kedua: Sifat taklif tanggungjawab adalah sebahagian dan sifat ke’abdian, setiap lelaki mahupun perempuan yang sudah baligh berakal dan dewasa adalah bertanggungjawab terhadap Allah Subhanahu Wata’ala untuk mempraktikkan syari’at syari’at Islam ke atas dirinya dan melaksanakan peraturan—peraturan Islam di dalam masyarakatnya. Dalam usaha mencapai tujuan ini ia terpaksa mengharungi lautan penderitaan maka dengan ini barulah terlaksana apa yang dikatakan taklif itu

Ketiga: Menampakkan kebenaran mereka yang benar dan kedustaan mereka yang mendusta, kalau dibiarkan manusia mengaku Islam dan cintakan ALLah sekadar di lidahnya sahaja maka tidak wujudlah perbezaan di antara sibenar dengan sipendusta, tetapi kepahitan dan pencarobalah yang membezakan antara yang benar dan yang berdusta. Memang benar apa yang telah ditegaskan oleh Allah di dalam kitab suciNya A1-Qur’an yang berbunyi:—

Fiqh Al-Sirah 1

الم (1) أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ (2) وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ (3)

Yang bermaksud:—

“Aliff Laam Mum. Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (saja) mengatakan “Kami telah beriman”, sedangkan mereka tidak akan diuji lagi? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka. Maka sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta”.

(Surah A1-'Ankabut 29:1 — 3)

TegasNya lagi di dalam surah yang lain:—

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ (142)

Yang bermaksud:—

“Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum bagi Allah orang-orang yang berjihad di antara kamu, dan belum nyata orang-orang yang sabar”.

(Surah Ali-'Imran 3:142)

Sekiranya inilah sistem dan sunnah Allah ke atas hambaNya, hatta ke atas Anbiya'Nya sekali pun, justeru demikian maka tidak ada rombakan dan perubahan keatas sistem dan sunnah Allah itu. Demi itu maka Rasulullah telah menempuh segala penyiksaan. Para Anbiya' dan Rasul-rasul yang terdahulu disiksa dan diduga, begitu juga para sahabat Rasulullah diduga dan disiksa malah di antara mereka ada yang mati dan ada yang cacat. Namun demikian mereka ini begitu mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekarang kita telah mengetahui kesengsaraan setiap Muslim itu dalam usaha menegakkan sesebuah masyarakat Islam. Oleh itu ketahuilah bahawa perkara itu bukanlah pancaroba dan sengsara yang menyekat pejuang-pejuang dan mencapai matlamatnya seperti yang difahami oleh setengah-tengah manusia. Tetapi pancaroba dan sengsara tadi adalah galangan-galangan yang telah sediakan oleh Tuhan untuk mereka-mereka yang ingin berjihad dan ingin membuktikan keimanannya; mereka yang telah ditentang dan terkandas.mati syahid maka merekalah orang-orang yang sebenarnya telah mencapai tujuan membuktikan keimanannya.

Oleh yang demikian maka tidak seharusnya setiap Muslim itu terasa putus asa sekiranya bertemu dengan halangan dan dugaan di dalam perjalanannya untuk mencapai matlamat jihadnya, malah sebaliknya harus setiap Muslim merasa hampa dan putus asa sekiranya perjuangannya tidak menempuh sebarang cabaran dan halangan.

Perhatikanlah ayat ini baik—baik:—

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ وَزُلْزِلُوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ (214)

Yang bermaksud:—

“Apakah kamu menyangka dapat memasuki syurga dan tidak didatangkan (diujikan) kamu sebagaimana (diuji) mereka-mereka yang terdahulu dan kamu, mereka ditempuh kesusahan dan kesulitan, terasa (bumi ini) bergegar sehingga mereka yang beriman bersama sama Rasul berkata: “Bila lagi pertolongan dan Allah? Rasul berkata: Bahawa sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat.”

(Surah A1-Baqarah 2:214)

Fiqh Al-Sirah 1

Kita dapat melihat kenyataan ini dengan jelas sekali melalui peristiwa Khabbab bin Al-'Arat RadhiyaLlahu 'anhu ketika mengadap Rasulullah setelah disiksa di mana anggota badannya hangus-hangus meminta daripada Rasulullah supaya berdo'a dan meminta pertolongan Allah agar mereka berjaya dalam perjuangan' Apa yang telah dijawab oleh Rasulullah (yang bermaksud)

“Kalau engkau terasa pelik dan ganjil tentang azab sengsara yang kamu tempuhi itu ketika kejalan Allah maka percayalah itulah jalanNya. Inilah sistem dan sunnah Allah untuk sekalian hambaNya yang beriman denganNya, percayalah bahawa mereka yang terdahulu pernah dicakar-cakar badan mereka dengan penyakar besi, tetapi keimanan mereka tetap tidak berganjak.”

Memang salah sekali sekiranya engkau menyangka yang azab sengsara itu tanda dan alamat kehampaan, putus asa dan kegagalan tetapi yang sebenarnya itulah kemenangan yang bersalurkan dugaan dan pancaroba. Allah akan menolong agama sehinggalah dapat seseorang itu berjalan dan San'a' ke 'Hadhralmaut tanpa takut sesuatu kecuali Allah sahaja.

Inilah rahsia mengapa Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam pernah menyampaikan berita baik kepada sahabatnya, iaitu Allah membuka negeri Rom dan Farsi untuk mereka. Sungguhpun demikian dua empayar tadi tidak terbuka kecuali setelah wafatnya Rasulullah beberapa ketika. Andaikata Rasulullah itu semulia dan sekasih-kasih makhluk di sisi Allah mengapa pula tidak dibuka dua Empayar tadi semasa hidup baginda, tanpa memberi peluang kepada salah seorang sahabatnya mencatat namanya di dalam sejarah perjuangan lantaran berjaya membuka Farsi dan Rom itu?

Sebenarnya orang Islam seluruhnya di masa itu belum lagi menggadai nyawa mereka sepenuhnya untuk menawan negeri Syam dan 'Iraq dan nilai kemenangan mesti dibayar dengan harga yang setimpal. Persoalan yang sebenar, kemenangan (membuka sesebuah negara itu bukanlah di tangan Rasulullah atau di bawah arahnya atau kerana Tuhan kasih dan sayangkan baginda. Bukan sedemikian, sebaliknya persoalannya ialah setiap Muslim yang mengaku dirinya Muslim beriman dengan Allah dan RasulNya wajiblah membuktikan keimanannya dengan usaha dan tenaga, rela menerima tawaran Tuhan untuk menukar syurga dengan jiwa raga dan harta benda mereka: Firman Allah berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْسِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (111)

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mu'min diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah, lalu membunuh atau terbunuh.”

(Surah A1-Taubah 9:111)

RUNDINGAN DAN TAWARAN

Menurut apa yang diceritakan oleh Ibnu Hisyam daripada Ibnu Ishaq bahawa pada satu masa 'Utbah Bin Rabi'ah salah Seorang pembesar Quraisy yang bijak dan jauh pandangannya telah menawar kepada Quraisy semasa di kelab mereka dengan katanya: “Wahai sekalian umat Quraisy, mahukah kamu sekiranya aku pergi bertemu Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam untuk menawarkan beberapa tawaran semoga beliau menerimanya dan dengan demikian kita tidak lagi terancam dengan seruan agama baru itu.” Mereka sebulat suara bersetuju dengan pendapat 'Utbah tadi, “Memang tepat dan benar sekali pendapat saudara itu dan jalankan segera”, jawab hadirin. Dengan tidak membuang masa 'Utbah pun tibalah di rumah Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam dan disambut baik oleh Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam, 'Utbah pun membuka hasrat hati dan kaumnya: “Wahai anak saudaraku, sebagaimana kita ketahui bersama bahawa engkau adalah sedarah sedaging dengan kami, berasal dan keturunan dan baka yang mulia dan seperti yang diketahui ramai, bahawa engkau telah membawa suatu

Fiqh Al-Sirah 1

ajaran baru, memecahkan kaum puak kita di samping engkau selalu mengolok-olokkan dan memperbodohkan penyembahan berhala. Mahukah sekiranya aku tawarkan beberapa perkara, semoga engkau dapat menerima sebahagian darinya. Maka Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam pun berkata kepadanya; Katakan, ya Abal-Walid, saya cuba mendengarnya.

Maka berkatalah ‘Utbah: “Sekiranya tujuanmu membawa agama baru ini untuk mendapatkan harta kekayaan maka kami akan kumpulkan harta-harta kami untuk kamu sehingga kamu menjadi seorang yang lebih kaya-raya dan kami, sekiranya engkau bermaksud untuk mendapatkan kemuliaan maka kami sekalian bersedia bila—bila masa melantik engkau sebagai ketua kami, sekiranya engkau ingin menjadi raja, yang demikian pun kami bersedia juga untuk mempertabalkan engkau sebagai raja kami dan sekiranya segala tawaran tadi semuanya engkau tolak mentah-mentah maka yang terakhir sekali kami bersedia membelanjakan harta kekayaan kami untuk mencari tabib untuk merawat engkau hingga sembuh.”

Setelah itu Rasulullah menjawab dengan katanya: “Apakah sudah habis segala hasrat yang hendak dicurahkan itu?” Jawab ‘Utbah: “Ya.” Maka sambung Rasulullah, “sekiranya deniikian maka dengarkanlah dariku pula (RasuluLlah membaca beberapa ayat-ayat Al-Qur’an dan Surah Fusilat) :-

حم (1) تَنْزِيلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (2) كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ فَرَأْنَا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ (3) بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ (4) وَقَالُوا قُلُوبُنَا فِي أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ وَفِي آذَانِنَا وَقْرٌ وَمِن بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَأَعْمَلْنَا إِنَّنَا عَامِلُونَ (5) قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ فَاسْتَفِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ (6)

Yang bermaksud:

“Ha Mim. Diturunkan dari Tuhan Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Kitab yang menjelaskan ayat-ayat dalam bahasa ‘Arab, untuk kaum yang mengetahui. Yang membawa berita gembira dan membawa peringatan tetapi kebanyakan mereka berpaling (daripadanya) mereka tidak mahu mendengar. Mereka berkata, “Hati kami berada di dalam tutupan (yang menutup) apa yang kamu seru kamu kepadanya dan telinga kami ada sumbatan dan antara kami dan kamu ada dinding, maka bekerjalah kamu sesungguhnya kami bekerja pula. “Katakanlah: Bahawasanya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawasanya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa, maka tetaplah padajalan yang lurus menuju kepadaNya dan mohonlah apa pun kepadaNya. Dan kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang mempersekutu kanNya”.

(Surah Fusilat 41:1 — 6)

“Utbah pun mengikuti (mendengar) bacaan Rasulullah itu hingga sampai pada ayat:

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنْذَرْتُكُمْ صَاعِقَةً مِّثْلَ صَاعِقَةِ عَادٍ وَتَمُودَ (13)

Yang bermaksud:

“Jika mereka berpaling maka katakanlah, Aku telah memperingatkan kamu dengan petir seperti yangmenimpa kaum ‘Ad dan Thamud.”

(Surah Fusilat 41:13)

‘Utbah pun menutup mulut Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dengan tangannya memohon supaya berhenti bercakap kerana terpaku dengan ayat yang penuh ugutan itu.

‘Utbah pun kembali kepada sahabat-sahabat lalu ia ditanya: “Apakah pengkhabarannya,” jawab ‘Utbah. “Demi Sesungguhnya belum pernah aku dengar lagi barang sesuatu sepertimana aku dengar hari ini, ianya bukan sya’ir, bukan jampi, seloka, sihir dan bukan gurindam biarawan. Wahai kaum Qu raisy sekalian! dengarlah cakapku ini, berilah peluang kepada Muhammad, biarkanlah dengan usahanya itu. Demi Tuhan sesungguhnya apa yang kudengar tadi adalah suatu berita yang teristimewa. Andaikata apa yang digambarkan oleh Muhammad terhempap ke atas kamu maka tidak ada orang lain hanya Muhammad saja yang boleh melepaskan kamu, dan andaikata Muhammad boleh menonjol diri di

Fiqh Al-Sirah 1

kalangan bangsa ‘Arab maka percayalah bahawa kekuasaan kamu dan kemegahannya adalah kemegahan kamu jua.”

Jawab mereka: “Demi sesungguhnya engkau pun juga telah diperdaya oleh Muhammad dengan kelancaran lidahnya.” Jawab ‘Utbah pula: “Apa yang kukatakan tadi adalah pendapatku tentang Muhammad dan pendapat kamu terserahlah kepada kamu sekalian.”

Al-Tabari dan Ibnu Kathir serta periwayat yang lain menceritakan: Beberapa orang musyrikin termasuk di antaranya Al-Walid Bin Al-Mughirah dan Al-’As bin Wail telah datang menemui Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam di rumahnya di mana mereka sekalian telah menawar kepada baginda hendak menyerahkan wang kekayaan mereka kepada Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam sehingga menjadi manusia yang paling kaya di antara yang lain dan menawarkan juga untuk mengahwinkannya gadis jelitawan ‘Arab. Kedua tawaran itu meminta ditukarkan dengan satu syarat sahaja iaitu memberhentikan sikap penentangannya terhadap orang ‘Arab dan penyembahan berhala serta memberhentikan kecamannya terhadap adat tradisi yang mereka warisi dan datuk nenek terdahulu. Bila saja segala tawaran itu ditolak mentah—mentah oleh Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan sebagai usaha diplomatik mereka yang terakhir ialah menawarkan supaya Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam bertolak ansur sehari menyembah berhala dan di hari yang lain pula mereka beramai-ramai menyembah Tuhan Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam tetapi tawaran ini juga telah ditolak oleh Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan sebagai keterangan lanjut di dalam soal ini maka Tuhan menceritakan kepada kita yang bermaksud:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ (1) لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ (2) وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ (3) وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ (4) وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ (5) لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ (6)

“Katakanlah “Hai orang-orang kafir, Aku tidak menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu (pula) tidak pernah menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmulah agamamu dan utukkulah agamaku.”

(Surah al-Kafirun 109:1 — 6)

Pembesar—pembesar Qurai tidak berputus asa dengan usaha mereka. Sekali lagi mereka datang beramai-ramai menemui Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam mengemukakan kepada baginda apa yang pernah ditawarkan oleh ‘Utbah bin Rabi’ah dahulu, menawarkan kepadanya untuk memegang jawatan sebagai penganjur bangsa ‘Arab, kekayaan dan mengemukakan persediaan dan kesanggupan mereka untuk mencari tabib atau dukun sekiranya Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dirasuk oleh jin dan syaitan dengan syarat yang dahulu juga.

Semuanya itu dijawab oleh RasuluLah SallaLahu ‘alaihi Wasallam dengan katanya: *“Sebenarnya aku ini tidak ada kena mengena dengan apa yang kamu suarakan tadi, segala apa yang aku bawa ini bukan dengan bertujuan mencari harta kekayaan dan pangkat dan kekuasaan, tetapi Tuhan telah mengutuskan aku untuk kamu sekalian di samping itu diturunkan Kitab Suc kepada aku dan Tuhan telah menyuruh aku menyampaikan berita yang menakutkan dan mengembirakan, kewajipanku Semata-mata menyampaikan apa yang telah dipertanggungjawabkan ke atasku, sekiranya kamu terima maka itu adalah habuan kamu untuk dunia dan akhirat dan kalaulah kamu tolak, tidak ada lain hanya bersabarlah sahaja sehingga Tuhan menjatuhkan hukumanNya di antara aku dan kamu sekalian.”*

Setelah perbincangan berlarutan dan tawar-menawar pun berlanjutan tetapi Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam tetap dengan pendiriannya dan sebagai kata yang terakhir dan pihak Quraisy: “Apa yang telah sampai kepengetahuan kami tentang seorang yang tinggal di Al-Yamamah bernama “Al-Rahman” dialah yang telah mengajar engkau segala-galanya ini, sesungguhnya kami tidak percaya langsung dengannya, segala-galanya telah kami usahakan setakat daya dan upaya kami dan sebagai kata yang terakhir dan kami untuk kau iaitu kami tidak akan biarkan engkau begitu sahaja, dan pilihlah antara dua; kalau tidak engkau yang membinasakan kami maka kamilah yang akan memusnahkan engkau; itu

Fiqh Al-Sirah 1

sahaja. “Dengan kata-kata itu mereka pun berangkat pulang tanpa sesuatu pun yang tercapai.[Tahzib Sirah Ibnu Hisyam dan Kitab Sirah yang lain.]

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Di dalam kisah yang dibentangkan sebentar tadi dapat dilihat dua pertanda yang nyata, tiap satu pertanda mengandungi butir-butir penting:

Pertanda Pertama: Mempamerkan kepada kita sejauh manakah keaslian da’wah Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan mendedahkan satu perkara tentang tujuan dan norma-norma suci yang dituju ke arahnya oleh Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam berbanding dengan tujuan yang pernah diperlaung-laungkan oleh pendukung dogma-dogma yang lain.

Apakah RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tetap seperti manusia lain yang mengandungi maksud ada udang di sebalik batu? Apakah da’wahnya sekadar menjadi batu loncatan kepada kekuasaan dan kekayaan? Apakah da’wahnya juga bertujuan mencapai taraf ke penganjuran yang lebih tinggi? Apakah da’wahnya suatu manifestasi suara bathinnya yang telah mengalami penyakit dalam?

Segala tekaan dan tuduhan-tuduhan ini hanyalah antara helah-helah yang direka-reka oleh penyerang-penyerang ideologi yang profesional dan seteru-seterunya Islam. Andaikata Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam menjadikan da’wahnya tadi sebagai batu loncatan ke arah kekayaan, kekuasaan dan perkara—perkara lain lagi nescaya sudah lama Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam menjadi presiden atau maharaja bangsa ‘Arab. Tetapi peristiwa-peristiwa yang bersejarah dalam riwayat hidup Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam itu adalah bekalan pelindung (lali) terhadap sebarang ancaman dan seteru-seteru Islam. Peristiwa-peristiwa ini juga merupakan penangkis yang strategik terhadap serangan penyerang-penyerang ideologi yang ganas, menyebabkan mereka lemah untuk mencari sendi-sendi yang lemah dan sendi-sendi kehidupan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam.

Oleh kaum Quraisy telah merangka beberapa ramalan dan kemungkinan cuba melagang beberapa siri percubaan tawar menawar dengan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Sebenarnya mereka telah terasa lebih dahulu yang Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam itu tidak akan meninggalkan da’wahnya dan tidak akan tertipu dengan tawaran kaum Quraisy itu. Kesemuanya ini merupakan hikmat Ilahi yang suci agar sejarah sendiri dapat mencabar sesiapa sahaja yang cuba memasukkan jarum—jarum dan kuman—kuman was—was dan syak wasangka terhadap Islam.

Krimar dan Van Ploten berfikirjuga hendak mencari jalan untuk menusuk tikaman hasad-dengki terhadap keagongan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan Islam tetapi oleh kerana tidak ada satu pun yang membolehkan mereka menyerang Islam, maka dengan pejam—pejam mata dan membabi buta menuduh bahawa Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam semata—mata bertujuan mencari pangkat dan kekayaan walaupun tuduhan dan kecaman mereka terdampar dan tersungkur ke batu kebenaran dan hakikat Islam.

Tidakkah pernah di suatu masa dahulu di mana Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam masih hidup lagi, ‘Utbah bin Rabi’ah datang berjumpa dengan Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan menawar kepada baginda beberapa keistimewaan yang belum pernah ditawarkan kepada sesiapa pun yang terdahulu. Tawaran ini sedikit pun tidak menggerak hati kecilnya supaya menggadai da’wahnya malah selepas itu sanggup pula menahan seksaan kaum Quraisy.

Sekiranya da’wah Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam semata-mata bertujuan mencari pangkat sudah tentu Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam tidak akan men jawab kepada mereka yang menawarkan kekayaan dan habuan habuan dunia itu dengan katanya: *“Kedatanganku ini bukanlah untuk mencari harta benda, kemuliaan dan kekayaan dan. kamu, tetapi Tuhanlah yang telah mengutuskan aku ini untuk kamu disamping itu diturunkannya Al-Qur’an, dan telah di pertanggungjawabkan aku untuk rnenyampaikan benita gembira dan menakutkan. Sekiranya kamu terirna apa yang aku anjurkan ini maka itu adalah nasib dan habuan kamu di dunia dan akhirat dan sekiranya karnu tolak, maka tidak ada jalan lain untuk kau hanyalah bersabar hingga Tuhan rnenjatuh hukum antara aku dan kamu sekalian.”*

Fiqh Al-Sirah 1

Bila memandang keadaan penghidupan Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasalam seharian adalah tepat dan persis dengan percakapannya, kehidupannya seharian adalah praktikal dan teori percakapannya, penolakan Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasalam terhadap tawaran kaum Quraisy bukan setakat bibir dan lidah sahaja tetapi segala—galanya adalah dan hati nuraninya. Makanan dan minuman baginda adalah mudah dan ringkas dengan erti kata yang sebenar. Keadaan penghidupannya tidak lebih dan keadaan simiskin.

‘Aishah pernah meriwayatkan dalam Al-Bukhari katanya: Rasulullah telah wafat dan tidak ada suatu pun yang boleh di makan oleh yang hidup hanya sebahagian roti, aku makan separuh darinya sehingga tertinggal begitu lama.

Dalam satu hadith yang lain pula Anas RadhiyaLlahu ‘anh menceritakan di dalam Al—Bukhari katanya: “Belum pernah Rasulullah memakan di dalam hidangan tamam hinggalah baginda wafat, dan tidak pernah memakan roti yang baik hinggalah baginda wafat.”

Cara Rasulullah hidup mudah dan sederhana, samada pakaian, makanan atau alat kelengkapan rumah baginda. Baginda hanya tidur di atas tikar anyaman sahaja dan belum pernah meletak tubuhnya ke atas hamparan yang lembut-lembut. Pernah di suatu hari isteri-isterinya termasuk ‘Aisyah datang beramai-ramai menemui baginda untuk mengadu hal tentang kemiskinan yang mereka rasai di samping memohon tambahan belanja rumah untuk membeli alat-alat kelengkapan persiapan dan pakaian agar mereka tidak kurang ataupun sekurang-kurangnya sama dengan perempuan sahabat. Rasulullah terpegun dengan penuh kemarahan dan sepatutnya pun tidak dijawabnya. Lepas itu turunlah ayat Qur’an yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأُزْوَاجِكُمْ إِن كُنْتُمْ تُرِيدُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمْتَعْتِكُمْ وَأَسْرَحْتُمْ سَرَاحًا جَمِيلًا (28) وَإِن كُنْتُمْ تُرِيدُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالذَّارَ الْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا (29)

Yang bermaksud:

“Hai Nabi, katakanlah isteri—isterimu “Jika karnu sekalian mengingini penghidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supayaku berikan dan mut’ah (ialah satu pemberian yang diberikan kepada perempuan yang di ceraikan menurut kesanggupan suami — penterjemah)

dan aku ceraikan kamu dengan cara yang baik. Dan jika kamu sekalian menghendaki (keredhaan) Allah dan RasulNya serta (kesenangan) di negeri akhirat, maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi siapa yang berbuat baik di antara kamu pahala yang besar.

(Surah al-Ahzab 33:28 — 29)

RasuluLlah pun membaca dua potongan ayat ini dan memberi peluang untuk mereka pilihan antara hidup dunia yang penuh dengan anika kesenangan dan kemewahan ataupun mengutamakan penghidupan di samping RasuluLlah dengan segala kemudahan, maka dipilihnya penghidupan di samping RasuluLlah (tafsir Ibnu Kathir dan yang lain).

Apakah dengan ini masih terdapat lagi kepala-kepala dan akal-akal yang masih sangsi terhadap keNabiannya. Dengan Segala keterangan tadi masih terdapat orang yang cuba menuduh dan mengatakan bahawa da’wah RasuluLlah itu bertujuan untuk mencari dan mencapai pangkat yang lebih tinggi dan kekayaan serta kesenangan dunia.

Pertanda Kedua: Menggariskan kepada kita titik-titik dan perenggan-perenggan yang telah dipegang oleh RasuluLlah. Apakah boleh engkau mengikut sebarang polisi untuk menjalankan da’wah Islamiyyah. Apakah Tuhan memberi engkau peluang untuk memiih sebarang jalan asalkan boleh sampai ke matlamat suci dengan ertikata tujuan mengharuskan saranan.

Tidak sedemikian... Sebenamya syari’ah Islamiyyah telahpun menyediakan jalan—jalan dan cara—cara seperti mana disediakan tujuan dan matlamat. Engkau tidak boleh mengambil sebarang jalan untuk mencapai matlamat, kecuali jalannya dan mengikut jalan dan liku-liku yang telah digariskan. Segala hikmat dan polisi dalam da’wah Islamiyyah di dalam bentuk dan bingkai yang telah dirumuskan.

Fiqh Al-Sirah 1

Dalilnya baru sebentar kita sajikan. Kemungkinan satu soalan melayang masuk ke dalam kepala kita iaitu tidakkah boleh tercapai tujuan dan matlamat seandainya Rasulullah menerima tawaran puak Quraisy kepada baginda untuk menjadi ketua dan presiden bangsa 'Arab di kala itu, kemudian dan situ baginda menyalur dan memasukkan da'wah Islamiyyah. Lebih-lebih lagi pangkat kerajaan dan keketuaan itu boleh memberi satu tekad kepercayaan kepada jiwa manusia. Perhatikanlah selepas satu perampasan kuasa di mana satu golongan berjaya menyingkir rejim yang lama, penganjur ideologi ini sering mengambil kesempatan semasa kekuasaan di tangannya untuk menyalur-masukkan ideologi dan dogma-dogma mereka.

Tetapi Nabi SallaLahu 'alaihi Wasallam tidak rela melalui jalan yang seumpama itu, malah jalan-jalan itu adalah bertentangan sekali dengan konsep da'wah Islamiyyah.

Sekiranya cara dan jalan ini harus dan boleh untuk mengendalikan polisi yang benar dan suci itu maka tidak ada bedanya di antara benar yang tegas dan kebenarannya dengan pembohongan yang membungkus kepalsuannya. Kalau sedemikian juga maka seringlah penganjur da'wah yang benar dengan buaya-buaya dan hantu raya ideologi.

Kemuliaan dan kebenaran adalah asas utama dan tiang seri kepada saranan, tujuan dan matlamat ugama Islam. Tujuan dan matlamat adalah sepenuhnya diasaskan oleh kebenaran dan kemuliaan, begitu juga saranan dan perjuangan Islam seluruhnya adalah bertulang belakang atau berteraskan kebenaran dan kemuliaan.

Di dalam suasana yang tertentu penganjur da'wah Islamiyyah mesti berkorban, berjihad dan menggadaikan nyawa kerana jalan dan saranan perjuangan mereka tidak boleh dibelok-belokkan mengikut sekehendak hati.

Memang salah sekali sekiranya kita menganggapkan bahawa tujuan utama dan da'wah ialah melicinkan dan memudahkan perjalanan da'wah atau menghindarkan teruk dan penat lelah. Sebenarnya tujuan dan rahsia hikmat dan da'wah ialah mengambil sesingkat jalan untuk sampai kepada pemikiran manusia. Ini bererti sekiranya perjuangan da'wah tadi menempuh halangan dan rintangan maka di kala itu penda'wah mestilah menggunakan kebijaksanaan mereka dalam memperkemaskan diri untuk berjihad, mengorbankan segala harta dan jiwa raga demi da'wah Islamiyyah. Kebijaksanaan ertinya meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya.

Di sinilah perbezaan di antara polisi dan kebijaksanaan dengan putar belit dan perbezaan di antara kebijaksanaan merancang dan menyerah sebelum berjuang.

Di dalam satu peristiwa di mana Rasulullah begitu tertarik hati sekali dengan kesungguhan setengah-setengah puak Quraisy untuk mendapatkan butir-butir dan keterangan lanjut mengenai agama Islam. Baginda Rasul di kala itu dengan penuh minat menghurai dengan panjang lebar tentang agama Islam. Ini membawa baginda tidak menghiraukan kedatangan seorang sahabat yang cacat dan tidak mengambil berat tentang persoalan yang dikemukakan oleh 'Abdullah bin Ummi Maktum, sahabat yang cacat itu dengan alasan hendak dijawabnya di satu masa yang lain.

Peristiwa yang demikian menyebabkan penurunan ayat yang berbunyi:

Yang bermaksud:—

عَبَسَ وَتَوَلَّى (1) أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى (2)

“Dia (Muhammad) bermuka masam dan berpaling kerana telah datang seorang buta kepadanya.”

(Surah 'Abasa: 80:1 — 2)

Polisi Rasulullah yang diambilnya dalam peristiwa ini adalah satu polisi yang salah dan bertentangan dengan polisi da'wah Islamiyyah. Polisi ini ataupun ijtihad ini meskipun dapat menyampaikan ke matlamat yang suci tetapi bertentangan sekali dengan lunas da'wah Islamiyyah. Jalan yang seumpama ini mengandungi unsur-unsur diskriminasi dan melukakan perasaan seorang Muslim

Fiqh Al-Sirah 1

yang lemah. Walaupun polisi dan cara ini pada lahirnya bertujuan menarik orang musyrikin tetapi sebenarnya salah dan tidak dipinta oleh syara' sama sekali.

Penegasannya tidak sesiapa pun boleh mengubah perjalanan dan konsep perjuangan Islam mengikut apa yang dipandang baik, tetapi saranan dan neraca nilai perjuangan Islam mempunyai ruang-batasnya yang tersendiri. Dan tidak boleh dianggap sesuatu polisi yang bijak dengan ertikata yang sebenarnya seandainya polisi tadi tidak diikat kemas—kemas mengikut daerah dan sempadan prinsip dan susila syari'at.

Pertanda Ketiga: Di mana kita dapat mengambil pengajaran iaitu pendirian Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam terhadap permintaan kaum Quraisy sebagai syarat untuk mereka mengikuti baginda dan pendirian baginda telah disokong oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Untuk itu maka Allah telah menurunkan FirmanNya sebagaimana para mufassirin menyebutkan:

وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا (90) أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّنْ نَّخِيلٍ وَعِنَبٍ فَتُفَجَّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا
تَفْجِيرًا (91) أَوْ تُسَوِّطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمَتْ عَلَيْنَا كِسْفًا أَوْ تَأْتِيَ بَالِئِهِ وَالْمَلَائِكَةَ قَبِيلًا (92) أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّنْ زُخْرُفٍ أَوْ
تُرْقَى فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّى تُنَزَّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَقْرُؤُهُ فَلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا (93)

Yang bermaksud:

Dan mereka berkata: “Kami sekali—kali tidak percaya kepadamu hingga kamu memancarkan mata air dan bumi untuk kami, atau kamu mempunyai sebuah kebun kurma dan anggur, lalu kamu alirkan sungai-sungai di celah kebun yang deras alirannya, atau kamu jatuhkan langit berkeping-keping ke atas kami, sebagaimana kamu katakan atau kamu datangkan Allah dan malaikat-malaikat berhadapan muka dengan kami, atau kamu mempunyai sebuah rumah dan emas, atau kamu naik kelangit dan sekali-kali kami tidak mempercayai kenaikanmu itu hingga kamu turunkan atas kami sebuah kitab yang kami baca” Katakanlah: “Maha suci Tuhanku, bukankah aku ini hanya seorang manusia menjadi Rasul?”

(Surah Al—Isra': 17:90 — 93)

Sebab Allah tidak memaqbulkan permintaan mereka ini bukanlah kerana Rasulullah tidak diberi mu'jizat selain dan Al—Qur'an sebagaimana yang disangka oleh setengah-setengah golongan. Sebenarnya Allah Subhanahu Wata'ala mengetahui bahawa mereka menuntut ini kerana kekufuran dan sifat-sifat keras kepala di samping mengejek-ngejek Rasulullah kerana cara dan jenis permintaan mereka menerangkan serta membayangkan maksud mereka. Andainya Allah mengetahui apa yang mereka tuntutan itu benar dan yang mereka niat itu baik serta mereka berusaha memastikan tentang kebenaran Nabi SallaLahu 'alaihi Wasallam nescaya Allah perkenankan permintaan mereka tetapi hal Quraisy dalam perkara ini sama dengan apa yang dinyatakan oleh Allah dalam FirmanNya:

وَلَوْ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَابًا مِّنَ السَّمَاءِ فَظَلُّوا فِيهِ يَعْرُجُونَ (14) لَقَالُوا إِنَّمَا سُكَّرَتْ أَبْصَارُنَا بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ (15)

Yang bermaksud:

“Dan jika seandainya Kami membukakan kepada mereka salah satu dan (pintu-pintu) langit, lalu mereka terus menerus naik ke atasnya, tentulah mereka berkata: “Sesungguhnya pandangan kamilah yang dikaburkan, bahkan kami adalah orang-orang yang kena sihir”.

(Surah al—Hijr: 15:14 — 15)

Sekiranya saudara mengetahui perkara ini barulah saudara meyakini bahawa tidak ada percanggahan di antara perkara ini dengan apa yang telah dikurniakan Allah untuk NabiNya dengan mu'jizat-mu'jizat yang banyak, di mana akan kita huraikan dengan lebih lanjut, Insya'Allah.

PEMULAUAN EKONOMI

Fiqh Al-Sirah 1

Melalui beberapa isnad hadith yang berlainan dan Musa bin 'Uqbah daripada Ibnu Ishaq dan selain daripada mereka berdua menyebutkan bahawa pihak kafir Quraisy telah sebulat pendapat untuk membunuh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Keputusan ini telahpun disampaikan kepada Bani Hashim dan Bani 'Abdul Mutalib tetapi mereka enggan menyerahkan Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam untuk tindakan nekad itu.

Setelah golongan Quraisy tidak berjaya membunuh Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam sebagai langkah yang telah dirancangan sebelumnya mereka bermuafakat pula untuk memulaukan baginda dan sesiapa saja orang Islam yang bersamanya, demikian juga memulau Bani Hashim dan Bani 'Abdul Mutalib yang mempertahankan baginda. Untuk mencapai tujuan itu mereka telah menandatangani satu perjanjian bertulis di mana mereka tidak akan mengahwini, berjual-beli dengan mereka yang diputuskan hubungan itu, menyekat sumber-sumber rezeki yang mengalir kepada kalangan mereka, tidak menerima sebarang perdamaian dan tidak akan berkasihan belas kepada mereka kecuali setelah Bani 'Abdul Mutalib menyerahkan Rasulullah kepada mereka untuk dibunuh. Naskah perjanjian itu digantung di dalam ruang Ka'bah.

Seluruh kafir Quraisy berpegang kepada perjanjian itu untuk selama tiga tahun yang bermula dan bulan Muharram tahun ketujuh hingga tahun kesepuluh selepas kebangkitan baginda sebagai Rasulullah. Ada pendapat yang mengatakan pemulauan itu berjalan selama dua tahun sahaja.

Riwayat Musa Bin 'Uqbah menunjukkan peristiwa itu berlaku sebelum perintah baginda kepada sahabat-sahab berhijrah ke Habsyah malah suruhan baginda untuk berhijrah ke Habsyah ialah semasa pemulauan ini berlaku manakala riwayat Ibn Ishaq pula menunjukkan perjanjian pemulauan ini berlaku selepas perintah berhijrah ke Habsyah dan selepas Islamnya 'Umar bin Ibnu Khattab RadhiyaLlahu 'anh.

Bani Hashim, Bani 'Abdul Mutalib dan orang yang bersama mereka dan orang Islam termasuklah Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam telah dikepung dan dipulau di lorong Syi'ab Bani Al-Mutalib kerana Makkah terdiri dan lorong-lorong, (Syi'ab) yang bercabang-cabang. Bani Hashim dan Bani 'Abdul Mutalib yang Islam dan yang kafir berkumpul di lorong-lorong itu. Orang-orang Islam berkumpul kerana beragama, manakala yang kafir pula kerana semangat hamiyah kecuali Abu Lahab, ('Abdul 'Uzza bin 'Abdul Mutalib) keluar menyertai Quraisy dengan mencabar Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan sahabat—sahabatnya.

RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam bersama—sama orang Islam bertungkus-lumus dan berjuang bersungguh-sungguh dalam masa tiga tahun ini. Dugaan ke atas mereka terlalu berat. Dalam hadith sahih menceritakan bahawa mereka bertungkus-lumus menghadapi suasana ini. Diceritakan bahawa mereka terpaksa makan daun-daun dan pucuk kayu. Al-Suhaili menceritakan kalaulah unta-unta perniagaan tiba di Makkah, datanglah salah seorang sahabat Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam untuk membelikan bahan makanan untuk keluarganya maka di kala itu Abu Lahab pun melaungkan dengan katanya: “Wahai peniaga naikkan harga barang kamu ke atas sahabat—sahabat Muhammad supaya mereka tidak mampu membeli sesuatu pun dan kamu Lantas peniaga—peniaga tadi pun melipatgandakan harga jualan mereka sehingga sahabat Rasulullah terpaksa pulang dengan tangan kosong menemui anak-anak di rumah yang melolong dengan kelaparan.

Sebaik sahaja masuk tiga tahun dan tarikh pengepungan, satu kaum dan Bani Qusai memarah sesama sendiri. Kelompok mereka bersepakat untuk melanggar perjanjian mereka. Di masa yang sama Allah Subhanahu Wata'ala telah mengutuskan anai-anai menggigit serta menggerit naskah perjanjian yang digantung di d ruang Ka'bah menggerit keseluruhan perjanjian. Tidak ada suatu pun yang tertinggal kecuali ayat—ayat yang tersebut perkataan nama Allah 'Azzawajalla sahaja.

Kejadian ini telah diceritakan oleh Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam kepada bapa saudaranya Abu Talib. Setelah ditanya balik oleh Abu Talib, “Apakah Tuhan engkau telah memberitahu kepada engkau.” Jawab Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam “Ya”. Kemudian Abu Talib pun bersama beberapa orang kaumnya pergi menemui Quraisy dengan meminta dan mereka membawa datang naskah perjanjian mereka dulu dengan mengisyaratkan kepada mereka yang ianya seolah-olah tunduk kepada seteru-seteru mereka dahulu dan mereka pun membawa keluar naskah itu dengan keadaannya yang masih berlipat lantas berkatalah Abu Talib “Anak saudaraku telah memberitahu aku dan hingga kini

Fiqh Al-Sirah 1

beliau belum pernah berbohong, di mana Allah Ta'ala telah menghantar anai-anai untuk menggerik naskah perjanjian kamu ini dan memakan setiap nas perjanjian yang zalim dan yang memutuskan hubungan silaturrahim. Sekiranya kata-katanya itu benar, sedarlah kamu dan kembalilah semula dan jalan jahat kamu itu kepada Allah. Kami tidak akan menyerahnya kepada kamu. Biar kami mati kesemuanya tetapi kalau apa yang diceritakannya itu dusta maka kami akan serahkannya kepada kamu dan lakukanlah apa yang kamu suka ke atasnya.” Lalu mereka menjawab: “Ya kami setuju dengan segala apa yang kamu ucapkan itu. Dengan itu mereka pun membuka naskah perjanjian dan didapatinya tepat seperti mana yang diceritakan oleh Al—Sadiq al-Masduq (yang benar lagi membenarkan) SallaLlahu ‘alaihi Wasallam. Tapi mereka menjawab: “Ini adalah sihir anak saudara kamu itu.” Oleh itu mereka makin bertambah sesat dan bertambah bermusuh.

Selepas peristiwa itu lima orang pemuda Quraisy keluar melanggar perjanjian yang telah dipersetujui dahulu dan menamatkan pengepungan pihak Quraisy. Mereka ialah: Hisham Bin ‘Amru Bin Al-Harith, Zuhair bin Umayyah, Al Mut’am Bin ‘Adi, Abu Al-Bakhtari bin Hisham dan Zam’ah bin Al-Aswad.

Orang yang mula-mula bergerak melanggar perjanjian dan berterus—terang mengajak ke arah itu ialah Zuhair Bin Ummayah. Beliaulah yang telah membelah masuk di tengah orang ramai di Makkah sambil melaung; “Wahai penduduk Makkah apakah layak kita memakan makanan dan memakai pakaian sedangkan Bani Hashim dan Bani ‘Abdul Mutalib dimamah kebinasaan; tidak siapa berjual—beli dengan mereka, demi Allah aku tidak duduk sahaja hinggalah aku menentang perjanjian pemuluan yang kejam ini.

Kemudian empat orang yang lain pula bangun menyuarakan nada yang sama di mana Al-Mut’am Bin ‘Adi bangun meluru ke arah naskah perjanjian dan mengoyakkannya. Lepas itu kelima—lima mereka bersama—sama dengan satu jama’ah bergerak menuju ke hadapan Bani Hashim dan Bani ‘Abdul Mutalib dan orang-orang Islam lain yang bersama dengan mereka lalu menyeru agar mereka yang dipulau itu keluar dan rumah mereka (supaya mereka bebas dan pemuluan kaum Quraisy).

PENGAJARAN DAN PENGI’TIBARAN

Inilah operasi pemuluan yang kejam. Cubalah saudara bayangkan kesengsaraan yang dialami oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dan sahabat—sahabatnya selama tiga tahun. Kita telah perhatikan di mana Musyrikin dan keturunan Bani Hashim dan Bani ‘Abdul Mutalib telah turut menanggung akibat buruk bersama—sama orang—orang Islam dan mereka tidak rela meninggalkan Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam keseorangan.

Kita tidak mempunyai cerita yang panjang mengenai golongan musyrikin itu dan sebab pendirian mereka. Apa yang mendorong mereka ialah semangat hamiyyah kekeluargaan dan keturunan di samping keengganan mereka menerima kehinaan sekiranya mereka bertindak meninggalkan dan melepaskan Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam ke tangan Musyrikin Quraisy yang bukan dan keturunan Bani Hashim dan Bani Abdul Mutalib yang akan bertindak membunuh dan membina sakannya tanpa memperdulikan soal ‘aqidah dan agama.

Di sini mereka telah mengutamakan untuk berpegang kepada dua prinsip yang tertanam di dalam jiwa mereka.

Pertama: Kekal dengan syirik dan keangkuhan mereka dan menolak kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam.

Kedua: Tunduk dan patuh kepada semangat hamiyyah kekeluargaan yang mengajak mereka mempertahankan keluarga karib dan kekafiran dan kezaliman pedagang yang merantau tanpa memperdulikan samada tindakan mereka itu berlandaskan kebenaran atau kebathilan, manakala orang-orang Islam pula yang dikepalai oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, kesabaran mereka hanyalah kerana mematuhi suruhan Allah dengan mengutamakan akhirat dan dunia, di mana dunia pada mereka ialah dipangku keredhaan Allah ‘Azzawa jalla. Inilah yang perlu kita bincangkan di sini.

Kemungkinan saudara mendengar suara golongan pendokong kebathilan dan kalangan penyerang ideologi yang profesional menda’wa bahawa semangat asabiyyah (kesukuan) Bani Hashim dan Bani

Fiqh Al-Sirah 1

Abdul Mutalib memainkan peranan di belakang da'wah Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam. Semangat inilah yang mengawal, menjaga dan memagari perjalanan Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam. Dalilnya ialah sikap mereka yang negatif terhadap operasi pemulauan Quraisy ke atas orang—orang Islam.

Kenyataan ini merupakan tuduhan yang tidak berasas. Nampak sangat yang ianya tidak dapat dikaburi dengan tirai logika walau dalam bentuk zahir sekalipun. Ini adalah satu perkara yang sangat bersifat tabi'e di mana semangat jahiliyyah keturunan dan kekeluargaan Bani Hashim dan Bani 'Abdul Mutalib membawa pendokongan mempertahankan jiwa anak saudara mereka ketika adanya tangan ganjil yang mengugut keselamatannya.

Semangat kekeluargaan jahiliyyah yang mendorong mereka ke arah kefanatikan sebegini rupa tidak akan melihat sebarang prinsip dan tidak pula terpengaruh dengan kebenaran atau kebathilan kerana ianya adalah asabiyyah semangat kekeluargaan dan tidak ada yang lain dan itu. Oleh yang demikian memang boleh terdapat pada keluarganya dua sifat yang berlainan dan bertentangan secara zahir sifat takabbur dan angkuh serta ingkar terhadap da'wahnya.

Yang kedua ialah memihak kepada baginda dengan penentangan terhadap kafir Quraisy. Namun demikian apakah faedah yang diperolehi oleh Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam hasil penyertaan mereka bersama-samanya itu. Mereka telah diseksa sebagaimana seksaan yang diterima oleh Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan sahabat-sahabatnya. Pihak Quraisy tetap juga meneruskan rancangan pemulauan mereka terhadap kaum Muslimin dengan ganas dan kejam sebagaimana yang mereka telah putuskan itu tanpa dapat diredakan oleh Bani Hashim dan Bani Abdul Mutalib barang sedikitpun.

Yang penting ialah supaya saudara rmenyedari bahawa perlindungan yang diberi oleh kaum keluarga Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam kepadanya bukanlah perlindungan kepada *risalah* yang dibawanya itu tetapi perlindungan kepada diri Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam yang berdagang keseorangan itu. Sekiranya perlindungan itu dapat dipenuhi oleh kaum Muslimin dengan jalan jihad dan penguasaan ke atas kaum kafir serta dapat menolong sebarang helah jahat dan perseteruan mereka alangkah bahagiannya bagi orang yang terpuji ini dan merupakan sebaik jalan yang sepatut mereka sedari.

Adapun Rasulullah bersama-sama para sahabatnya yang Mu'min pula, apakah sebab yang membawa mereka sanggup berhadapan dengan tekanan yang mencekik ini? Dan apakah matlamat yang mereka harapkan di sebalik kecekalan hati berhadapan dengan kepahitan ini? Dengan apakah untuk dijawab dengan pertanyaan ini? Itulah pandangan mereka yang mentakwilka dan membayangkan bahawa Risalah Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan keimanan para sahabatnya dengan Risalahnya itu adalah pemberontakkan kiri terhadap kanan atau dengan ertikata yang lain tindakan itu merupakan pemberontakkan golongan tertindas terhadap golongan atasan yang mewah.

Cuba saudara gambarkan rangkaian peristiwa yang telah kita bentangkan itu. Rangkaian tekanan dan penyiksaan terhadap penbadi Rasulullah dan kaum Muslimin. Lepas itu cuba saudara menjawabnya berdasarkan kepada rangkaian penyiksaan tadi. Apakah benar da'wah Islamiyyah itu satu pemberontakkan ekonomi yang didesakkan oleh kebuluran dan didorong oleh hasad-dengki terhadap peniaga-peniaga Makkah dan pengusaha-pengusaha ekonomi?

Kaum musyrikin sebelum ini telah pun menawarkan kepada baginda Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam kekuasaan, kekayaan dan kepimpinan dengan syarat baginda melepaskan diri dan da'wah Islamiyyah. Apakah sebabnya baginda Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam tidak menerima tawaran itu? Dan kerana apa pula sahabatnya tidak melawan dan menentang Rasulullah sekiranya matlamat perjuangan mereka hanya sekadar untuk mengisi perut? Di hari Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam bersama para sahabatnya berhijrah ke Madinah mereka telah meninggalkan segala harta; tanah dan milikan mereka yang lain menuju bulat ke Madinah Al—Munawwarah dengan merongkaikan diri mereka dan sebarang tambatan harta yang biasanya tidak boleh dilakukan oleh orang yang tamak.

Mereka memburu keimanan dengan Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak boleh diganti dengan sesuatu yang lain, tanpa menilai sesuatu pun terhadap dunia yang terlepas dan tangan mereka dan

Fiqh Al-Sirah 1

kekuasaan beredar dan mereka. Apakah ini dalil bagi membuktikan gerakan mereka itu satu pemberontakan kiri memperjuangkan sesuap makanan?

Boleh jadi alasan mereka pada sudut pandangan yang mereka buat ini kerana dua perkara berikut:—

Pertama: Golongan sahabat Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam di Makkah terdiri kebanyakan mereka dan golongan kafir miskin, golongan hamba ‘abdi dan golongan tertindas. Ini membuktikan bahawa dengan mengikut Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam mereka boleh menyuarkan penindasan yang berlaku ke atas mereka dan dengan harapan di suatu masa mereka boleh mencapai suatu taraf ekonomi yang lebih baik di bawah lindungan agama baru ini.

Kedua: Golongan para sahabat ini tidak lama kemudian menikmati pintu kekayaan dunia terbuka di hadapan mereka, kesenangan datang menggolek. Ini membuktikan bahawa perencanaan Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam memang bermatlamat pencapaian ini.

Sekiranya saudara mengamati cara penyimpulan alasan yang mereka buat ke atas sudut pandangan mereka dengan dua hakikat di atas dapatlah saudara menyelami betapa jauhnya khayalan yang menguasai ‘akal pemikiran dan cara mereka berfikir.

Adapun kumpulan atau jama’ah pertama dan golongan para sahabat Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam terdiri dan pada lapisan fakir-miskin dan hamba abdi. Memang benar tetapi kebenaran hakiki ini tidak ada kena—mengena atau kaitan dengan khayalan mereka. Sebenarnya suatu syari’at itu bertujuan menegakkan ke’adilan di kalangan semua manusia dan menghancurkan setiap kekuasaan yang zalim, kejam dan sombong. Memang menjadi suatu kenyataan yang boleh diterima bahawa golongan yang zalim, kejam dan sombong akan memerangi mereka kerana golongan ini menelurkan kebencanaan lebih daripada kemanfa’atan. Suatu hakikat yang nyata golongan tertindas dan mustadh’afin mengalukan Rasulullah malah oleh setiap manusia yang tidak ada saham dalam kezaliman—kezaliman, kerana mereka menerima kebaikan lebih daripada kebencanaan atau mereka paling kurangnya tidak ada banyak sangat masalah dengan manusia lain yang boleh menimbulkan kesan buruk terhadap diri mereka.

Kebanyakan orang yang di sekeliling Rasulullah sudah yakin bahawa Rasulullah berada di atas landasan kebenaran dan baginda adalah seorang nabi yang diutus. Jadi bagi golongan pemimpin dan penagih kekuasaan dan kedudukan mendapati tabi’at dan suasana yang semulajadi yang ada pada mereka menghalang mereka dan tunduk dan menerima kebenaran itu malah menolak pencernaan ke dalam diri mereka. Ada pun golongan lain tidak ada suatu alasan pun yang boleh menyekat mereka dan beriman. Sebab itu mereka beriman dan yakin dengannya. Di sini apakah hubungan di antara hakikat ini yang boleh difahami setiap pengkaji dengan apa yang disangka oleh golongan (seteru yang profesional) itu.

Adapun perancangan da’wah Islamiyyah yang telah dilalui oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam adalah bertujuan supaya orang Islam menguasai sumber kekayaan; menawan tempat pemerintahan beraja dan mencabut kekuasaan mereka dengan alasan bahawa orang Islam telah mencapai kesemuanya itu. Demi Allah sebenarnya usaha ini bagaikan usaha mencantumkan timur dan barat di suatu tempat.

Sekiranya kaum Muslimin telah berjaya membuka negeri Rom dan Parsi di dalam tempoh yang singkat, setelah mereka beriman dengan Allah melalui Islam mereka, apakah ini boleh menjadi alasan bahawa mereka memeluk Islam kerana tamak haloba untuk menguasai tempat pemerintahan Rom dan Parsi.

Kalaulah mereka memeluk agama Islam dengan niat untuk mencapai kepuasan hawa nafsu keduniaan dalam apa bentuk sekalipun, maka cita—cita tersebut tidak akan dicapai dan maksud pembukaan negeri-negeri tersebut juga tidak akan terlaksana.

Sekiranya persiapan bala tentera peperangan Al—Qadasiyyah yang dibuat oleh ‘Umar Radiya’Llahu‘anh dan mengucapkan selamat jalan kepada pengerusi agongnya Sa’ad bin Abi Waqqas sebagai satu persiapan yang bertujuan menawan gedung khazanah Kisra, melilih air liurnya mengidam dan terlalu bercita-cita sangat untuk menguasai kesenangan dan kemewahan Kisra itu dan keinginan sangat untuk duduk di atas kerusi ‘arasnya maka sudah pasti Sa’ad tidak akan kembali kecuali dengan

Fiqh Al-Sirah 1

bebanan kekalahan dan kehinaan. Sebaliknya persiapan dan pemergian itu adalah atas dasar keyakinan mereka dengan Allah Subhanahu Wata'ala dalam jihad (mereka) untuk menegakkan agamanya dan Allah membenarkan mereka dengan segala apa yang telah dikurniakan kepada mereka dengan menyerahkan kekuasaan pemerintahan kepada mereka dan memberi kesenangan kepada mereka yang tidak pernah mereka khayalkan.

Sekiranya pengumpulan harta dan kesenangan hidup itu menjadi angan-angan yang membuai perasaan orang Islam dalam peperangan Al-Qadasiyah masakan sanggup Rub'i Bin 'Amir Radiya'Llahu 'anh ketika masuk ke dalam singgahsana Rustam yang terhias dengan permaidani yang gebu, menikam-nikam dengan tombaknya sehingga carik-carik kemudian beliau berkata kepada Rustam: "Sekiranya kamu memeluk agama Islam kami akan tinggalkan kamu, bumi kamu dan harta kamu!...." Apakah ini jawapan yang diberi oleh segolongan yang datang untuk tujuan merampas kekuasaan bumi dan harta orang. Persoalannya tidak lain daripada terlaksananya Qanun Allah yang telah ditentukan.

(5) **وَنُرِيدُ أَنْ نَمُنَّ عَلَى الَّذِينَ اسْتُضِعُوا فِي الْأَرْضِ وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ الْوَارِثِينَ**

Yang bermaksud:

"Dan kami hendak memberi kurnia kepada orang-orang yang tertindas di muka bumi itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (bumi)".

(Surah Al—Qasas: 28:5)

Qanun ini mudah sekali difahami oleh 'aqal iaitu apa jenis 'aqal sekalipun tetapi dengan satu syarat iaitu hendaklah orangnya bebas dan segala macam bentuk 'ubudiyah atau perhambaan kepada mana-mana tujuan dan kehendak.

Allah Subhanahu Wata'ala telah memulia dan mengurniakan mereka dengan segala kemudahan dunia kerana mereka tidak memikirkan dengan segalanya itu tetapi seluruh pemikiran mereka hanyalah bagi mencari keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata.

Sekiranya mereka bertujuan di dalam jihad mereka itu untuk mencari kemewahan dan kemudahan dunia pasti tidak akan mereka sampai dan capai sepertimana apa yang telah mereka capai itu.

HIJRAH PERTAMA DALAM ISLAM

Setelah Rasulullah melihat penyiksaan puak Quraisy terhadapnya dan penderitaan pengikut baginda yang amat sangat dan baginda tidak sanggup lagi untuk melindungi mereka maka baginda sendiri mengemukakan pandangan supaya umat yang kecil bilangannya itu berhijrah ke Habsyah (Ethiopia) kerana rajanya di kala itu tidak kejam. Mereka dianjurkan tinggal di sana buat sementara sehingga Tuhan membuka jalan dan ke lapangan di masa muka. Kaum muslimm pun menerima baik pandangan Rasulullah itu lalu mereka pun berhijrah beramai-ramai untuk melindungi diri di sana. Di antara mereka yang terkemuka yang turut sama ialah: 'Uthman bin 'Affan isterinya Ruqaiyah puteri Rasulullah, Abu Huzair dan isterinya, Al Zubair bin Al-Awwam, Mus'ab bin 'Umair dan 'Abdul Rahman bin 'Auf. Jumlah kesemuanya lebih kurang dalam lapan puluh orang.

Bila puak Quraisy melihat kejadian ini mereka terus mengirinkan perutusan ke hadapan Najasyi maharaja Habsyah yang terdiri daripada 'Abdullah bin Abi Rabi'ah dan Amru bin Al'Ash (mereka belum memeluk agama Islam). Perutusan ini membawa cenderamata yang banyak kepada maharaja sendiri, pengiring dan abli agamanya dengan harapan yang Najasyi akan menghalau semua orang Islam, dari Habsyah dan menyerah kembali mereka kepada seteru Islam iaitu puak Quraisy.

Tujuan mereka membawa hadiah-hadiah dan ganjaran yang banyak itu ialah untuk menawan hati Najasyi dan dengan itu beliau akan menyerah kepada mereka orang-orang Islam. Tetapi Najasyi enggan menyerah sesiapaupun melainkan sesudah bersoal jawab tentang agama baru yang mereka anuti itu. Orang

Fiqh Al-Sirah 1

Islam pun masuk ke hadapan Najasyi di mana dua orang utusan Quraisy berada di samping Najasyi, raja Habsyah. Najasyi pun meminta dan orang Islam supaya menerangkan tentang diri mereka dan agama baru mereka anuti itu.

Ja'far bin Abi Talib pun bangun dan berucap: "Kehadiran maharaja, sebenarnya kami ini di masa—masa dahulu iaitu di zaman jahiliyyah menyembah berhala, memakan bangkai, melakukan kejahatan, berperang, berkelahi, yang kuat menganiaya yang lemah sehinggalah Allah mengutus seorang Rasul dan kalangan kami juga. Beliau itu memang terkenal dengan kejujuran, amanah, suci pekerti dan utusan Allah itu menyeru kami supaya bercakap benar, bersifat dengan sifat yang terpuji, jujur, ikhlas dan beramanah, menyeru kami menyembah Tuhan yang Maha Esa dan meninggalkan penyembahan berhala, berbaik-baik dengan jiran tetangga, meninggalkan kejahatan dan peperangan yang berlarutan serta segala sesuatu yang terkeji, seruannya tadi kami terima dengan baik. Segala yang di bawanya kami percaya sepenuhnya tetapi kaum kami termasuk dua orang utusan ini menyiksa dan menekan kami supaya kami balik semula kepada agama yang lama iaitu menyembah berhala. Setelah kami berasa sesak dan benar—benar di dalam penyiksaan yang tidak dapat kami menanggungnya maka kami keluar dan ke negara tuanlah yang kami pilih. Semoga dapat kami berlindung di sini jauh dan penyiksaan dan kezaliman."

Sekali lagi Najasyi meminta supaya mereka membentangkan antara apa yang dibawa oleh utusan Allah (Nabi Muhammad) tadi daripada Tuhannya. Ja'far bin Abi Talib sekali lagi bangun dan membaca ayat-ayat yang pertama dan surah Mariam.

Setelah Najasyi mendengarnya beliau menangis sehingga airmata mengalir membasahi pipi dan janggutnya dan kemudian beliau berkata: Sesungguhnya apa yang kau baca tadi dengan apa yang dibawa oleh 'Isa 'alaihissalam adalah dan sumber yang sama. "Lepas itu beliau berpaling kepada dua orang utusan Quraisy dan katanya: "Beredarlah kamu dan sini dan sekali-kali aku tidak akan menyerahkan mereka ini".

Sebagai percubaan yang terakhir untuk menggoda Najasyi mereka menegaskan yang orang-orang Islam yang datang ke sini terlalu sangat mengecam 'Isa dan Maryam. Sekali lagi Najasyi menyoal orang Islam tentang pandangan Islam terhadap 'Isa dan Maryam. Buat pertama kalinya Ja'far menjawab dengan katanya: "Tentang 'Isa dan Maryam pada pandangan kami dan orang-orang Islam seluruhnya seperti mana yang dibawa oleh Nabi kami Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasal lam, 'Isa itu adalah seorang hamba Allah setelah dimasukkan roh dan kalimatnya ke dalam jiwa Maryam dara yang suci.

Najasyi pun menunjukkan persetujuan dan sependapat dengan apa yang dikemukakan oleh Ja'far tadi.

Al-Najasyi menyerah kesemua kembali hadiah yang dipersembahkan kepadanya dan dibaliknya ia bertambah mesra dengan orang-orang Islam dan lebih berazam untuk melindungi mereka. Utusan Quraisy itu pulang diburu kegagalan.

Setelah beberapa lama mereka tinggal di Habsyah di bawah lindungan maharajanya maka sampailah berita kepengetahuan mereka yang penduduk Makkah telah memeluk agama Islam, dan dengan penghabaran tersebut tanpa berlengah mereka berundur diri dan Habsyah hendak pulang kepangkuan Makkah tempat tumpah darah mereka. Tetapi alangkah buruk padahnya setelah mereka tahu berita tadi adalah palsu. Sungguhpun yang demikian mereka terpaksa masuk ke Makkah Secara sulit dan bersembunyi-sembunyi agar tidak diketahui oleh pihak Quraisy manakala sebahagian yang lain pula memasuki kota Makkah dengan meminta perlindungan dan beberapa pembesar Quraisy, antara mereka ialah 'Uthman bin Maz'un di bawah perlindungan Al-Walid bin Al-Mughirah dan Abu Salamah di bawah jagaan dan perlindungan Abu Talib. Adapun jumlah yang pulang ke Makkah masa itu tiga puluh tiga orang.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Dan episod hijrah ke Habsyah dapat kita simpulkan tiga petanda yang penting:

1. **Pertama** — Berpegang teguh dengan agama serta menegakkan rukunnya merupakan asas segala kekuatan dan perisai yang wajib untuk mempertahankan hak seseorang. Harta benda negara, kebebasan dan kemuliaan diri yang demikian adalah menjadi kewajipan tiap-tiap penganjur da'wah Islamiyyah dan

Fiqh Al-Sirah 1

para Mujahid hendaknya mengerahkan segala tenaga dan kekuatannya demi mempertahankan kesucian agama ini dan Sebarang penceroohan. Negara juga menjadi tapak untuk menegakkan agama dan harta kekayaan hidup pula sebagai senjata untuk mempertahankan kedaulatan dan kesucian agama. Andaikata keadaan terpaksa menggadaikan segala sesuatu demi kesucian agama maka di masa itu mestilah dilakukan apa saja bagi membolehkannya membela agama.

Tidak ada erti hidup tanpa agama, tidak ada erti hidup sekiranya agama sudah hancur, malah penghidupan tanpa agama lambat laun akan musnah dan binasa. Sekiranya agama dapat mengambil tempatnya dalam tiap hati sanubari manusia, suruhannya dapat dipraktikan di dalam masyarakat, percayalah bahawa segala apa yang dikorbankan demi kesucian agama itu tidak hilang begitu saja malah bangsa itu dianggap segagah-gagah bangsa dara dan kesucian agamanya tidak dicerobohi. Ini adalah undang-undang Tuhan di muka bumi ini sejak dahulu lagi, di mana kekuatan rohani merupakan bekalan pelindung dan 'azimat untuk mengawasi dan mengawal kedaulatan dan keutuhan kebendaan setiap bangsa yang tinggi akhlaq, 'aqidah kepercayaannya yang sihat dan penghidupan kemasyarakatannya yang harmoni, maka suasana kebendaannya juga turut seimbang dan kukuh. Bangsa yang pincang, masyarakat yang akhlaqnya sudah runtuh dan 'aqidah pegangan sudah tidak ada lagi maka percayalah suasana material dan sumber kekayaannya juga akan turut runtuh menjunam ke dasar kehancuran yang menyeluruh.

Kemungkinan engkau akan bertemu dengan satu bangsa di mana pemasyarakatannya sudah pincang dan perjalanan rohaninya sudah tempang tetapi masih lagi tegak dan gagah ekonomi dan materialnya. Sebenarnya bangsa ini dalam perjalanan kejurang kehancuran. Mungkin engkau tidak nampak dan rasa perjalanannya ini kerana umur manusia terlalu singkat, perjalanannya menuju ke jurang kehancuran ini dapat dilihat dan mata sejarah sahaja dan sejarah sahaja yang menjadi saksi.

Kemungkinan juga engkau akan bertemu dengan suatu bangsa yang begitu merosot ekonominya kerana mempertahankan 'aqidah kepercayaannya yang suci dan ingin membina sebuah masyarakat yang adil dan sihat. Percayalah masa kemerosotan ekonomi ini tidak akan berlarutan dan di dalam beberapa masa yang singkat sahaja, bangsa ini akan bangun menyuburkan penganjur ideologinya akan membimbing tangan rakyat jelatanya untuk membangunkan semula kemajuan ekonomi dan tidak berapa lama terlihatlah satu bangsa yang kuat pegangannya dalam 'aqidah dan ekonominya kembali stabil, iaitu satu bangsa yang lemah tetapi kembali kuat dan makmur kerana mempertahankan kedaulatan agamanya.

Kita tidak akan dapat suatu contoh yang sihat tentang 'alam manusia dan penghidupan kecuali di dalam 'aqidah kepercayaan Islam sahaja. Ini ialah kerana Islam agama Allah untuk seluruh hambaNya, begitu juga kita tidak akan dapat suatu sistem masyarakat yang tersusun rapi kecuali Islam saja yang sanggup merangka dan menyusun sistem dan penencanaan masyarakat yang adil. Oleh itu maka antara teras—teras da'wah Islamiyyah ialah mengorbankan harta benda, negara dan penghidupan seluruhnya demi mempertahankan kedaulatan Islam. Pengorbanan demikian akan memberi jaminan kepada keselamatan kekayaan negara dan penghidupan rakyatnya.

Untuk yang demikian maka diadakan dan disyara'kan sistem berhijrah dalam Islam di mana Rasulullah telah menyuruh sahabatnya berhijrah ke luar negeri setelah mereka menerima penghinaan dan penyiksaan yang amat sangat dan puak Quraisy.

Penghijrahan yang berlaku itu bukanlah mengelakkan dan penyiksaan dan sengsara tetapi ianya merupakan penukaran dan suatu sengsara kepada yang lain, dan satu pançaroba kepada pançaroba yang lain sementara menunggu kemenangan yang sejati.

Maka kerana itulah hijrah disyari'atkan, dan Rasul SallaLlahu 'alaihi Wasallam mengarahkan sahabat-sahabatnya berhijrah ke Habsyah, ini merupakan hijrah pertama setelah menghadapi berbagai derita dan pihak musyrikin, hijrah ini bertujuan menjauhi fitnah yang akan menjejaskan agama Islam, Rasul mengarahkan supaya sahabat-sahabatnya berhijrah keluar me ninggalkan negara mereka sendiri.

Kita semua maklum bahawa Makkah di waktu itu bukanlah sebuah negara Islam; hijrah ini ditimbulkan pertanyaan:

Fiqh Al-Sirah 1

“Mengapa para sahabat Nabi meninggalkan negara Islam (Makkah), mereka lari kerana menyelamatkannya ke negara kafir (Habsyah)?” Jawabnya: “Di waktu itu sama ada Makkah atau Habsyah malah mana-mana negara pun adalah sama, iaitu bukan negara Islam, jadinya di mana saja ada kemudahan bagi para sahabat itu untuk menghayati Islam dan berda’wah untuk Islam, maka di situlah sesuai untuk mereka tinggal.

Sementara berhijrah atau meninggalkan negara Islam, hukumnya antara wajib, hams dan haram; wajib berhijrah sekiranya tidak ada kemampuan kepada orang muslim untuk menegakkan syiar dan syariat Islam seperti azan, salat, puasa, haji dan sebagainya, hams jika negara Islam ditimpa bala bencana hingga menyempitkan hidup, maka hams (tidak wajib dan tidak haram) keluar berhijrah ke negara Islam yang lain. Sebaliknya adalah haram berhijrah dan negara Islam jika sekiranya dengan hijrah itu sudah pasti membuat orang yang berhijrah itu lalai dan cuai terhadap walaupun satu di antara ke wajipan-kewajipan Islam yang orang lain tidak mampu melak sanakannya. (Lihat Taf Al-Qurtubi.J.5.H.350, dan Ahkamul Qur’an Ibnul ‘Arabi.J.2.H.887.)

2. **Kedua:** Menunjukkan titik percantuman dan inter grasi di antara dua agama iaitu, agama yang dibawa oleh Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan agama yang dibawa oleh Isa ‘alaihissalam. Najasyi yang menjadi maharaja Habsyah negeri tempat orang-orang Islam berhijrah dan tumpang berlindung adalah pemeluk agama Nasrani yang sejati penuh kepercayaan dan keikhlasan terhadap Nasraninya. Sebagai bukti keikhlasan dan kepercayaan yang penuh beliau tidak akan memihak kepada mana-mana pihak yang bercanggah dengan ‘aqi dah pegangannya yang dibawa oleh Isa ‘alaihissalam.

Kalaulah benar seperti mana yang dihebutkan oleh segolongan manusia yang menda’wa diri mereka adalah pengikut ‘Isa sejati, bahawa ‘Isa itu anak Tuhan SubhanaLlah dan ianya adalah salah satu dari uknum yang tiga, maka sudah tentu maharaja Najasyi juga seperti mereka ini, kerana setahu kita Maharaja Najasyi adalah antara manusia yang paling ikhlas kepada agama Knstian. Kalaulah keadaan begitu maka awal-awal lagi ia akan menghalau orang-orang Islam keluan dari negerinya dan setelah mendengar seorang Islam yang mewaidli pendapat orang Islam seluruhnya mengenai ‘Isa.

Apa yang kita nampak bahawa Najasyi adakalanya begitu secocok dengan pandangan Islam malah ia sendiri menegaskan dengan katanya, “Bahawa apa yang dibawa oleh ‘Isa dan Muhammad itu dari sumber yang sama.” Penegasan ini diucapnya ketika paderi-paderi dan pembesar-pembesar agama Kristian ada di sampingnya.

Kesemua ini membuktikan kepada kita bahawa apa yang dibawa oleh para Anbiya’ seluruhnya adalah ‘Aqidah yang satu, tidak benlainan sebiji padi pun. Pendapat abli kitab yang berbelah bagi tentang Islam itu adalah disebabkan hasad dengki mereka terhadap Islam seperti yang mereka katakan dulu.

3. Bila keadaan memaksa maka diharuskan kepada Islam tumpang bernaung dan berlindung diri samada penaung itu ahli kitab seperti Najasyi maharaja Habsyah. Patut diterangkan akhirnya ia telah memeluk agama Islam.

Semasa kemangkatan maharaja Al Najasyi, Rasulullah telah menyampaikan berita sedih itu kepada sahabat Baginda dan menyembah yang ghaib ke atas rohnya.

—diriwayatkan oleh Muslim—

Perlindungan boleh didapati dan orang-orang kafir sepertimana yang dilakukan oleh setengah-setengah orang Islam ketika mereka pulang dan Habsyah dan Ta’if jika keadaan memaksa.

Perkara ini dibolehkan asalkan ia tidak menjejaskan da’wah Islamiyyah atau tergadai dan terombak hukum-hukum Islam. Kalau tidak dapat dipenuhi syarat—syarat ini tidak dibenarkan orang-orang Islam meminta pertolongan selain dan Islam dan sebagai dalilnya yang nyata ialah ketika Rasulullah dipujuk oleh bapa saudaranya yang dipengaruhi oleh Quraisy supaya menghentikan kegiatan da’wahnya. Di kala itu juga Rasulullah meminta mengundurkan diri dan perlindungan bapa saudara baginda.

UTUSAN PERTAMA MENEMUI RASULULLAH

Fiqh Al-Sirah 1

Dalam keadaan dan suasana yang pahit yang dihadapi oleh Rasulullah dan sahabatnya, satu perutusan dan luar Makkah telah datang menemui Rasulullah dengan tujuan hendak memelajari Islam secara dekat. Perutusan seramai dua belas orang itu adalah pemeluk agama Nasrani negeri Habsyah yang telah mengiringi Ja'far bin Abi Talib kembalinya dan sana. Bila mereka bersemuka dengan Nabi Muhammad 'alaihi Wasallam dan melihat budi pekerti, serta tingkah lakunya di samping mendengar beberapa potong ayat dan Al-Qur'an, dengan tidak berlengah lagi mereka terus memeluk Agama Islam. Bila saja berita ini sampai ke pengetahuan Abu Jahal, ia meluru datang menemui perutusan tadi sambil berkata: "Belum pernah kami lihat perutusan yang didungu seperti kamu ini, kamu dikirim untuk menyasat tentang orang in belum sempat kamu meletak punggung ke lantai sudah beriman dengannya". Serentak mereka menjawab: "Selamatlah kamu, kami tidak mahu mengikut jejak langkah kamu, kami mempunyai pendirian kami sendiri, dan ikutlah apa yang kamu mahu, kami tidak mau melepaskan peluang kebajikan ini".

Untuk ini maka Allah telah menurunkan ayat-ayat perihal mereka yang berbunyi:

قَالَ عَلِمَهَا عِنْدَ رَبِّي فِي كِتَابٍ لَّا يَضِلُّ رَبِّي وَلَا يَنْسَى (52) الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْ نَّبَاتٍ شَتَّى (53) كَلُوا وَارْعَوْا أَنْعَامَكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ (54) مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى (55)

Yang bermaksud:

"Orang-orang yang telah kami datangkan kepada mereka Al-Kitab sebelumnya Al-Qur'an mereka beriman (pula) dengan Al-Qur'an itu. Dan apabila dibacakan (Al-Qur'an itu) kepada mereka, mereka berkata:

"Kami beriman kepadanya, sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah suatu kebenaran (yang datang) dan Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah orang-orang yang membenarkannya). Mereka itu diberi pahala dua kali disebabkan kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan, dan sebahagian dan apa yang telah Kami rezekikan mereka, mereka nafkahkan. Dan apabila mereka mendengar perkataan yang tidak bermanfaat, mereka berpaling daripadanya dan mereka berkata: "Bagi kami amal-amal kami dan bagimu amal—amalmu selamat tinggal buat kamu, kami tidak ingin bergaul dengan orang—orang jahil."

(Surah Thaha 20:52 — 55)

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Ada dua perkara penting yang menarik pandangan kita mengenai perutusan itu:

Pertama: Semasa umat Islam yang sedikit bilangan dan lemah telah mengalami tentangan serta penyiksaan yang pedih dan golongan kafir Quraisy, ada juga perutusan yang ingin menemui Rasulullah dan mempelajari Islam dengan lebih dekat lagi. Segalanya ini memberi erti kepada kita bahawa walaupun para penda'wah umumnya mengalami kepahitan perjuangan dalam da'wah, namun demikian bukanlah berarti mengalami kekalahan yang total, dan tidak seharusnya berputus asa dan lemah semangat, malah pengalaman yang seumpama ini harus dirempuh demi untuk kejayaan yang lebih cemerlang.

Perutusan Habsyah yang semuanya terdiri dan penganut penganut agama Nasrani seramai tiga puluh orang. Setengah pendapat mengatakan empat puluh orang itu telah mengharungi lautan Merah semata-mata hendak menemui Rasulullah untuk memberi ikrar simpati dan ta'at setia, seolah—olah perutusan ini telah membuat suatu permasyhuran dan pengisytiharan antarabangsa yang agama Islam tetap akan berkembang ke merata pelusuk dunia walaupun ditindas dan ditekan.

Sebenarnya ketika Abu Jahal dan kunci—kuncunya mendedahkan hasad dengki dan perut busuk mereka terhadap Islam dengan kecaman mereka ke atas perutusan Habsyah itu. Peristiwa itu tidaklah memberi apa-apa kesan pun terhadap perkembangan Islam. Tidak ada jalan lain untuk mereka kecuali memperhebatkan perseteruan dan penyiksaan mereka ke atas orang-orang Islam untuk membendung perkembangan Islam, ini adalah satu usaha yang sia—sia semata-mata.

Fiqh Al-Sirah 1

Kedua: Apakah baka dan jenis keimanan tiap perutusan? Adakah keimanan mereka dengan Islam benar-benar iman yang memimpin mereka keluar dan kegelapan kufur kepada cahaya?

Sebenarnya keimanan mereka ini adalah rangkaian siri keimanan yang terdahulu dengan sedikit penyesuaian dengan ‘aqidah Islam. Mereka ini ahli Kitab yang percayakan Al-Injil dan ber’amal dengan perintah ajarannya. Mengikuti apa yang telah dipinta oleh Al-Injil ialah supaya mereka beriman dengan Rasul yang akan datang selepas ‘Isa ‘alaihissalam. Di dalam Injil juga telah pun diperkatakan secara jelas tentang sifat—sifat Rasul itu maka yang demikian, keimanan mereka adalah rangkaian keimanan yang lama, sambungan dan ‘Isa ‘alaihissalam kepada Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam.

Boleh kita katakan juga bahawa keimanan mereka ini bukanlah berpindah atau melompat dan satu agama ke satu agama yang lain, kerana sesuatu yang lebih baik di pihak yang kedua. Inilah yang dimaksudkan oleh Al-Qur’an dengan ayatnya:

وَإِذَا يُنطَلِّ عَلَيْهِمْ قَالُوا آمَنَّا بِهِ إِنَّهُ الْحَقُّ مِن رَّبِّنَا إِنَّا كُنَّا مِن قَبْلِهِ مُسْلِمِينَ (53)

Yang bermaksud:

“Dan apabila dibacakan (Al-Qur’an) kepada mereka, mereka berkata: Kami beriman dengannya, sesungguhnya Al-Qur’an itu adalah suatu kebenaran (yang datang) dan Tuhan kami, sesungguhnya kami sebelumnya adalah orang-orang yang membenarkan(Nya).”

(Surah Al-Qashash 28:53)

Ma’nanya kami ini telah pun beriman dan percayakan dengan apa yang dibawa oleh Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam kerana tema da’wah Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam itu adalah persis dengan apa yang tersirat di dalam kitab Injil.

Beginilah keadaannya bagi sesiapa saja yang beriman dan percayakan sepenuhnya dengan apa yang dibawa oleh ‘Isa ‘alaihissalam ataupun dengan apa yang dibawa oleh Musa ‘alaihissalam, beriman sepenuh dengan Al-Injil dan Al-Taurat mem bawa kepada beriman dengan Al-Qur’an dan dengan Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam.

Oleh yang demikian maka Tuhan memerintahkan Rasul Nya supaya menyeru ahli kitab dan meminta dan mereka supaya mengamalkan sepenuh apa yang terdapat di dalam Al-Injil dan Al-Taurat. Sebelumnya mereka telah mengheboh-hebohkan

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَسْتُ عَلَىٰ شَيْءٍ حَتَّىٰ تُتَمِيمُوا التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ

Yang bermaksud:

“Katakanlah: “Hai ahli Kitab, kamu tidak dipandang beragama sedikit pun hingga kamu menegakkan ajaran Taurat dan Injil.”

(Surah Al-Ma’idah 5:68)

Ini adalah penegasan terhadap apa yang kita terangkan ter dahulu, di mana agama yang benar dan sejati adalah satu sejak Adam ‘alaihissalam hinggalah datangnya SallaLahu ‘alaihi wasallam. Sering kita dengar perkataan “Al-Adyan Assama wiyah” atau pun “agama—agama langit”. Sebenarnya ta’rif ini salah.

Perlu disebut di sini iaitu mungkin kita tersasul di antara syari’at dan agama, memang benar di sana banyak Syari’at Ilahi yang telah diturunkan untuk umat-umat yang silam tetapi antaranya ada yang memansuhkan apa lebih terdahulu darinya, tetapi agama Allah adalah satu dan unik tidak berbilang, syani’at adalah diertikan dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan ‘ibarat dan mu’amalat.

TAHUN PERKABUNGAN

Fiqh Al-Sirah 1

Kemangkatan Siti Khadijah isteri Rasulullah dan Abu Talib bapa saudaranya di tahun kesepuluh selepas kebangkitan dan pengutusannya sebagai Rasul, merupakan saat yang pahit ditempo oleh Rasulullah. Ibnu Sa'ad menceritakan:

“Bahawa selepas sebulan lima hari dan kematian Khadijah maka Abu Talib pula turut wafat.”

Khadijah seperti mana yang diterangkan oleh Ibnu Hisyam: Adalah menteri kebenaran dan kepercayaan bagi Islam, di mana Rasulullah mengadu hal perihal dirinya, dan Khadijahlah orang yang menghiburkan dan menghilangkan kedukaan Rasulullah, sedangkan Abu Talib pula adalah pem bantu dan penolongnya membantu untuk menghalang pencerobohan kaumnya.

Ibnu Hisyam menceritakan: “Apabila Abu Talib meninggal dunia maka puak Quraisy memperhebatkan penentangan mereka ke atas Rasulullah dan orang Islam yang lain, lebih dan masa-masa yang lampau, sehingga orang biasa Quraisy pun berani melumur selut ke atas kepala Rasulullah. Apabila Rasulullah sampai di rumahnya dengan keadaan yang sebegini, salah seorang dan puterinya bangun membasuh selut dan badannya sambil menangis kasihkan bapanya, kata Rasulullah: “Tak usahlah menangis hai anakku, sesungguhnya Allah akan menolong bapamu.”

Rasulullah menamakan tahun kematian Khadijah dan Abu Talib dengan tahun penentangan dan penyiksaan kaum Quraisy terhadap Islam dan Muslimin terlalu sangat, lebih dari tahun-tahun yang silam.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Cuba perhatikan apakah rahsia dan hikmat Allah, menghabiskan ajal dan umur Abi Talib di ketika mana umat Islam sangat memerlukan kepada pertolongan (seperti pertolongan Abi Talib) memerlukan kepada kekuatan dan tenaga yang lain bagi pertahankan din. Seperti mana yang kita ketahui bahawa Abu Talib satu-satunya manusia yang cuba membenikan pertolongan rohani dan jasmani, moral dan material di kala Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan Islam memerlukan kepada pertolongan yang seumpama itu. Apakah rahsia dan hikmat Ilahi menghabiskan ajal dan umur Khadijah Radhi yaLlahu’ anha di ketika mana Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam sangat memerlukan kepada manusia yang dapat menghiburkan hati-nya yang serba dukacita dan meringankan bebanan dan tanggungjawab da’wah dengan nasihat dan pe nawar hati yang melegakan.

Di sini ternampak kepada kita beberapa perkara bersangkutan dengan asas ‘aqidah Islamiyyah.

Andaikata Abu Talib itu panjang umur dan kekal di samping Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam memberi saja apa jua pertolongan yang diperlukan oleh Nabi Muhammad Se hingga terdininya negara Islam di Madinah dan Nabi Muhammad pula boleh melepaskan dan menghindarkan dirinya dan bencana penyiksaan Quraisy lantaran perlindungan dan bapa saudaranya, maka apa yang ketara nanti ialah Abu Talib sebagai tokoh utama yang memainkan peranan penting dalam da’wah ini dan dialah yang membimbing da’wah ini dengan menggunakan pengaruh dan kedudukannya di kalangan masyarakat Quraisy walaupun ia tidak beniman dengan nisalah Nabi Muhammad dan tunduk di bawahnya, maka di sinilah nanti orang akan mengambil kesempatan untuk membuat huraian dan penafsiran untuk memperkecil-kecilkan Nabi Muhammad dan perjuangannya di samping melemparkan tuduhan yang Nabi Muhammad memang bernasib baik dan lebih baik dan muslimin lain, biar orang lain disiksa tetapi ianya tetap selamat, biar orang lain dianiyai tetapi ianya tetap terjamin keselamatan. Tidakkah bapa saudaranya berada di sampingnya?

Segala—galanya ini adalah hikmat dan rahsia Ilahi belaka, kematian Abu Talib, isterinya Khadijah binti Khuwailid dan sesiapa saja yang memberi pertolongan kepadanya, semuanya meninggalkan Nabi Muhammad, sebenarnya kematian mereka mereka ini tersemat dua faktor yang terpenting:

Pertama: Peliharaan, jagaan dan kemenangan tidak akan tercapai kecuali dengan pertolongan Allah ‘Azza wajalla sahaja. Allah sahaja yang sanggup memelihara RasulNya dan tentangan kaum Quraisy dan musyrikin umumnya, pendek kata ujud atau tidaknyajagaan dan sokongan dan gangguan, maka da’wahnya tetap mencapai kemenangan dan taufiq.

Kedua: Enti peliharaan dan jagaan di sini bukanlah Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam tidak akan diganggu sedikit pun tetapi apa yang dimaksudkan dengan ayat Qur’an:

وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ

“Dan Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. (ialah Allah akan memelihara kau dan sebarang ancaman bunuh dan dan sebarang perseteruan yang member hentikan sama sekali perjalanan da’wah Islamiyyah)”.

Adapun azab sengsara dan penyeksaan yang ditempuhinya semasa berda’wah adalah menjadi lumrah dan tradisi perjuangan kepada semua Rasul, kesengsaraan ini tidak bertentangan dengan ‘ismah atau peliharaan ilahi yang dijanjikan Allah kepada para anbiya’ dan RasulNya.

Oleh yang demikian maka selepas firmanNya:

فَأَصْدَغَ بِمَا أُؤْمَرُ وَأَعْرَضَ عَنِ الْمُشْرِكِينَ (94) إِنَّا كَفَيْنَاكَ الْمُسْتَهْزِئِينَ (95)

Yang bermaksud:

“Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dan orang-orang yang musyrik. Sesungguhnya kami memelihara kamu daripada (kejahatan) orang-orang yang mernperolok-olokkan (karnu).”

(Surah A1-Hijr 15:94 — 95)

barulah Allah menurunkan ayat yang berbunyi:

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ (97) فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُنْ مِنَ السَّاجِدِينَ (98) وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ (99)

Yang bermaksud:

“Dan kami sungguh-sungguh mengetahui bahawa dadamu menjadi sempit disebabkan apa yang mereka ucapkan. Maka bertasbililah dengan memuji Tuhanmu dan jadilah kamu di antara orang-orang yang bersujud (sembahyang). Dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu yang diyakini (ajal).”

(Surah A1-Hijr 15:97 — 99)

Sebagai hikmat ilahi yang terbesar dan mulia di mana RasuluLlah selalu menemui rintangan dan percubaan di setiap lorong dan jalan da’wahnya. Ini ialah kerana supaya orang Islam seluruhnya mengambil pelajaran dan maha guru mereka Muhammad RasuluLlah di dalam mengalahkan tugas berda’wah.

Andaikata Muhammad SailaLlahu ‘alaihi Wasallam berjaya dengan mudah dalam usaha da’wahnya tanpa diduga dengan sebarang dugaan, nescaya kesemua sahabatnya dan orang Islam seluruhnya akan berleka dan berpoya—poya tanpa usaha langsung dan akan terasa berat untuk menghadapi dan mengharungi lautan da’wah Islamiyyah.

Tetapi segala pancaroba yang menghalang umat Islam dalam usaha berda’wah mi tidak menjadi persoalan, lantaran RasuluLlah sendiri pun telah dihalang dan hampir setiap langkah dan usaha baginda disekat oleh dugaan dan cubaan.

Segala usaha umat Islam untuk berda’wah akan terdempak dengan pancaroba dan pelbagai dugaan tetapi segala-galanya tidak menjadi hal dan tidak akan melemahkan atau melunturkan semangat mereka, tidaklah RasuluLlah manusia kesayangan Allah sendiri pernah dicampak lumpur ke atas kepalanya dan dengan keadaan yang demikian baginda pulang ke rumahnya untuk dibasuh oleh salah seorang puteri baginda.

Fiqh Al-Sirah 1

Seperkara lagi yang bersangkutan dengan peristiwa ini dan sejarah hidup Rasulullah, iaitu mungkin terdapat setengah setengah orang menganggap apa yang dinamakan oleh Rasulullah dengan tahun perkabungan semata-mata kerana kehilangan bapa saudaranya Abu Talib dan isteri Baginda Khadijah binti Khuwailid, dan dan sinilah mereka menganggap patut diadakan perkabungan kerana kematian keluarga mereka berdasar kan kepada apa yang telah berlaku kepada Rasulullah.

Sebenarnya anggapan dan pendapat ini salah. Nabi sendiri pun bukanlah berdukacita sangat-sangat kerana kematian bapa saudara dan isterinya dan tidak pula menamakan tahun tersebut tahun berduka dan perkabungan, lantaran pemergian dua orang yang dikasihinya tetapi perkabungan yang dimaksudkan sebenarnya ialah kerana jalan dan usaha untuk berda'wah hampir semuanya tertutup, sepertimana yang kita ketahui bahawa bapa saudara dan isterinya adalah pembantu yang terkuat di dalam usaha berda'wah dan mengembangkan agama baru. Di tahun itu, selepas kematian dua orang yang dikasihinya tidak siapa pun yang mendengar dan beriman dengannya, malah apa yang ditemuinya semata—mata cemuhan dan tentangan, di langsung tidak berhasil berbanding dengan tahun-tahun yang terdahulu semasa ujudnya Khadijah dan Abu Talib.

Apa yang membawa Rasulullah berdukacita sangat-sangat ialah kerana manusia tidak mahu beriman dengan kebenaran yang dibawanya, kesemua mereka membatu tidak mahu mendengar da'wah dan seruannya. Untuk demikian maka Allah menurunkan ayat-ayat buat mengingat rasulNya yang ianya diutuskan semata-mata untuk menyeru dan menyampaikan suruhanNya sahaja, tidak lebih dan itu, dan tidak perlu berdukacita sangat kerana keengganan kaumnya. Firman Allah:

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُ لَيَحْزَنُكَ الَّذِي يَقُولُونَ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ وَلَكِنَّ الظَّالِمِينَ بآيَاتِ اللَّهِ يَجْحَدُونَ (33) وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ فَصَبَرُوا عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا وَأَوْدُوا حَتَّىٰ أَنهَآهُمْ نَصْرُنَا وَلَا مُبَدِّل لِكَلِمَاتِ اللَّهِ وَلَقَدْ جَاءَكَ مِن نَّبِيِّ الْمُرْسَلِينَ (34) وَإِن كَانَ كَبِيرَ عَلَيْكَ إِعْرَاضُهُمْ فَإِنِ اسْتَطَعْتَ أَن تَبْغِي نَفَقًا فِي الْأَرْضِ أَوْ سُلَّمًا فِي السَّمَآءِ فَتَأْتِيَهُمْ بآيَةٍ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَمَعَهُمْ عَلَى الْهُدَىٰ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْجَاهِلِينَ (35)

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami mengetahui bahawasanya apa yang mereka katakan itu menyedihkan hatimu (janganlah kamu bersedih had) kerana mereka sebenarnya bukan mendustakan kamu, akan tetapi orang-orang yang zalim itu mengingkari ayat-ayat Allah. Dan sesungguhnya telah didustakan (pula) Rasul-rasul sebelum kamu, akan tetapi mereka sabar terhadap pendustaan dan penganiayaannya (yang dilakukan) terhadap mereka, sampai datang pertolongan Kami kepada mereka. Tidak ada seorang pun yang dapat merubah kalimat-kalimat (janji-janji) Allah. Dan sesungguhnya telah datang kepadamu sebahagian dan berita Rasul-rasul itu. Dan berpalingan mereka (dari mu) terasa amat berat bagimu, maka jika kamu dapat membuat lubang d bumi atau tangga ke langit lalu kamu dapat mendatangkanmu kepada mereka (maka buatlah). Kalau Allah mengkehendaki tentu saja Allah menjadikan mereka semua dalam petunjuk, sebab itu janganlah kamu sekali-kali termasuk orang-orang yang jahil.”

(Surah A1-An'am 6:33 — 35)

PERANTAUAN RASULULLAH KE TA'IF

Setelah Rasulullah menerima tentangan dan seksaan yang pahit dan kaum Quraisy maka baginda telah cuba keluar dan Makkah merantau ke Ta'if untuk mencari perlindungan dan sokongan dan suku kaum qabilah Thaqif dan semoga mereka akan menerima baik apa yang telah diturunkan Allah kepadanya.

Ketika Rasulullah sampai di Ta'if baginda telah mengemukakan hasratnya kepada beberapa orang yang mula-mula 'ditemuinya. Mereka itu terdiri dan ketua-ketua puak Thaqif tapi rnalangnya sebaik sahaja Rasulullah menyeru mereka, seruannya ditolak mentah—mentah bahkan mereka bertindak penuh kekerasan dan makian yang bertalu-talu. Dengan itu Rasulullah bangun mengundur din dan Ta'if dan meminta supaya mereka merahsiakan perkara ini dan Quraisy tetapi harapan baginda itu tidak

Fiqh Al-Sirah 1

diindahkan. Tidak memadai setakat itu malah ada di antara mereka hamba abdi, khadam dan anak nakal barn Tha'qif melontar baginda dengan anak-anak batu hingga luka-luka kedua belah kaki baginda yang mulia itu. Zaid bin Al-Harithah yang mengiringi baginda ke sana cuba melindungi Rasulullah dari serangan dan lontaran anak-anak nakal itu hingga luka beberapa tempat di kepalanya [Tabaqat Al-Kabir ooleh Ibn Sa'id]. Dengan keadaan sedemikian akhinya baginda sampai ke sebuah dusun yang dimiliki oleh Atabah bin Rabi'ah di mana anak-anak tadi sudah tidak mengikuti baginda lagi. Di dusun itu Rasulullah berhenti di bawah pokok anggur di mana dua orang anak lelaki Rabi'ah melihat baginda. Di situlah Rasulullah menengadahkan berdoa:

اللَّهُمَّ إِلَيْكَ أَشْكُو ضَعْفَ قُوَّتِي وَقِلَّةَ حِيلَتِي
وَهَوَانِي عَلَى النَّاسِ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، أَنْتَ رَبُّ
الْمُسْتَضْعَفِينَ وَأَنْتَ رَبِّي اللَّهُمَّ إِلَى مَنْ تَكَلَّمْتُ؟ إِلَى
بُعْدٍ يَتَجَهَّمُنِي أَمْ إِلَى عَدُوِّ مَلَكَتُهُ أَمْرِي؟ إِنْ لَمْ يَكُنْ
بِكَ غَضَبٌ عَلَيَّ فَلَا أَبَالِي غَيْرَانَ عَافَيْتَكَ أَوْ سَعُ لِي،
أَعُوذُ بِنُورِ وَجْهِكَ الَّذِي أَشْرَقَتْ بِهِ الظُّلُمَاتُ وَصَلَحَ
عَلَيْهِ أَمْرُ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ: أَنْ يَنْزِلَ بِي سَخَطُكَ أَوْ يَحِلَّ
عَلَيَّ غَضَبُكَ، لَكَ الْعُتْبَى حَتَّى تَرْضَى وَلَا حَوْلَ وَلَا
قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

“Wahai Tuhanku Dikau sahajalah tempatku mengadu kelemahan tenagaku dan kurang bicaraku, kehinaanku di mata ramai, wahai Tuhan yang maha pengasih Dikaulah Tuhan mereka-mereka yang lemah, Dikaulah Tuhanku kepada siapakah Dikau akan serah daku ini? Kepada mereka yang jauh yang bencikan daku atau kepada seteru yang Kau berikan kuasa ke atasku? Andai kata tidak ada sebarang kemurkaanmu ke atasku maka tidak akan kupedulikan, tetapi kemaafan dan kurniaan Kau lebih luas untukku. Aku berselindung dengan cahaya zatMu yang menyinari segala kegelapan dan yang memberi manfa'at dunia dan akhirat (aku berselindung denganNya) dan kemarahanNya ke atasku dan kemurkaanMu, Dikau sahaja yang menegur sepuasnya. Dan tidak ada helah bicara dan tenaga hanyalah dengan Dikau sahaja.”

Seketika Rasulullah dalam keadaan begini dua anak lelaki Rabi'ah yang telah nampak Rasulullah terasa kasihan juga terhadap Rasulullah lalu mereka menyuruh budak suruhan mereka yang bernama “Edas” membawa buah anggur yang diisi di dalam pinggan kepada Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam. Semasa Rasulullah hendak memakan buah-buah anggur tadi didahulukan dengan sebutan “Bismillah” kemudian baru dimakannya buah anggur itu. Dengan penuh kehairanan “Edas” menyoal Rasulullah:

“Sebutan yang tuan hamba ucapkan sebentar tadi belum pernah hamba dengarnya dan penduduk di sini.” Kemudian Rasulullah menyoal balik.

“Kamu ini berasal dan mana?” Jawab Edas.

Fiqh Al-Sirah 1

“Sebenarnya saya ini beragama Nasrani dan berasal dari sebuah kampung di Al Musil iaitu Ninawa.”
[Tahzib Sirah Ibnu Hisyam] Rasulullah pula:

“Jadi kamu ini sekampunlah dengan seorang manusia yang saleh itu iaitu Yunus bin Matta?”

“Bagaimana tuan hamba boleh kenal Yunus bin Matta itu? tanya Edas pula dan dijawab oleh Rasulullah.

“Ianya saudaraku, kerana ianya Nabi dan aku pun Nabi juga.... dengan tidak membuang masa Edas pun menerpa ke arah Rasulullah dan memeluk Rasulullah seeratnya [Tabaqat Al-Kabir oleh Ibn Sa’d] lantas mencup kepala, kedua kaki dan tangan Rasulullah.

Ibnu Ishaq telah menceritakan: Setelah itu Rasulullah Salallahu ‘alaihi Wasallam beredar dan Ta’if pulang semula ke Makkah sehingga apabila Baginda tiba di suatu dusun tamar baginda beristirahat dan bangun di tengah malam melakukan salat malam kemudian beberapa orang dan kalangan mereka seperti yang disebutkan oleh Allah Tabaraka Wa Ta’ala melintasi kawasan itu dan mereka mendengar segala bacaan Rasulullah. Setelah tamat Baginda membaca maka mereka pun beredar dan situ menemui kaum mereka dengan menyampaikan berita berupa peringatan yang menakutkan lantas dengan itu kaum mereka pun beriman dengan apa yang mereka dengar dan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi Wasallam.

Sebenarnya Allah telah memperihalkan cerita mereka dengan kataNya:

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنصِتُوا فَلَمَّا قُضِيَ وَلَّوْا إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ (29)
قَالُوا يَا قَوْمَنَا إِنَّا سَمِعْنَا كِتَابًا أُنزِلَ مِن بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ (30) يَا قَوْمَنَا
أَجِيبُوا دَاعِيَ اللَّهِ وَآمِنُوا بِهِ يَغْفِرَ لَكُمْ مِّنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُمْ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ (31)

Yang bermaksud:

“Dan ingatlah ketika Kami hadapkan serombongan jin kepadamu yang mendengarkan Al-Qur’an, maka tatkala mereka rnenghadiri bacaan (nya) lalu mereka ber kata: “Diamlah kamu (untuk rnendengarkannya).” Ketika pembacaan telah selesai mereka kembali kepada kaumnya (untuk) memberi peringatan. Mereka berkata: “Hal kaum kami sesungguhnya karni telah mendengarkan kitab (Al-Qur’an) yang diturunkan sesudah Musa yang membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya lagi rnemirmpin kepada kebenaran dan kepada jalan yang lurus. Hai kaurrn kami, terirrnalah (seruan) orang yang men yeru kepada Allah dan berirrn kepadaNya, nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosa kamu dan melepaskan kamu dan ‘azab yang pedih.”

(Surah Al-Ahqaf 46:29 — 31)

Allah berfirman lagi:

قُلْ أَوْحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا (1)

Yang bermaksud:

“Katakanlah (hai Muhammad): “Telah diwahyukan kepadaku bahawasanya: telah mendengarkan sekumpulan jin (akan Al-Qur’an), lalu rnereka berkata: Sesungguhnya kami telah rnendengar Al-Qur’an yang menakjubkan.”

(Surah Al-Jin 72 : 1)

Semasa Rasulullah bergerak hendak pulang ke Mekah Zaid bin Al Harithah yang telah mengiringi Baginda sejak ke Ta’if bertanya kepada Rasulullah. Katanya:

“Bagaimana hendak pulang ke Makkah pula wahai Rasulullah!

Tidakkah mereka telah pulau dan halau tuan hamba?”

Maka jawab Rasulullah:

“Wahai Zaid! Dengarlah! sebenarnya Allah jua yang akan memberi ruang dan kelapangan dan Allah jua yang akan menolong dan membantu agamaNya.”

Fiqh Al-Sirah 1

Bila sampai di perbatasan Mekah Rasulullah mengirim seorang utusan dan puak Khuza'ah ke hadapan Mat'am bin 'Adi memberitahu yang Baginda masuk ke Makkah di bawah perlindungan dan jagaannya. Harapan dan hasrat Rasulullah diterima baik oleh Mat'am dan dengan itu Rasulullah pun masuklah ke kota Makkah.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Sekiranya kita perhatikan dengan teliti tentang episod perantauan Rasulullah ke Ta'ifini, penderitaan dan 'azab sengsara yang ditemuinya di sana kemudian kembalinya ke Makkah pula maka dapatlah kita simpulkan beberapa faktor penting:

(1) Segala pancaroba yang merintang jalan perjuangan Rasulullah khususnya dugaan semasa ke Ta'if merupakan sebahagian dan dugaan perjuangan tabligh dan da'wah.

Kedatangan dan kebangkitan Rasulullah bukan sahaja menyampaikan 'aqidah kepercayaan yang benar kepada dunia dan 'alam sejagat dan soal 'ibadat, akhlak susila, dan mu'amalat nialah antara tugasnya juga ialah menyampaikan kepada kaum inuslimin bahawa mereka mesti bersabar ketika menjalankan tugas—tugas dan menerangkan kepada umat Islam secara praktikal tentang sabar yang sangat-sangat dituntut oleh Allah Sub hanahu Wata'ala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (200)

Yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap sedia (di— perbatasan negerimu.)”.

(Surah Ali-Imran: 3:200)

Dan bertawakallah kepada Allah supaya kamu berjaya. Rasulullah telah mengajar kita secara praktikal cara—cara menunaikan ibadat, sabdanya:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Yang bermaksud:

“Sembahyanglah sepertimana kamu lihat aku sembah yang. Dan sabdanya lagi.”

Dan sabdanya lagi:

خذوا مني مناسككم

Yang bermaksud:

“Ambillah dariku ibadat-ibadat kamu.”

Apa yang boleh disaringkan di sini, bahawa segala warna penderutaan dan 'azab sengsara yang dialami oleh Rasulullah seolah-olah hendak berpesan kepada penda'wah selepasnya:

“Bersabarlah seperti mana kamu lihat aku sabar.” Antara apa yang hendak dinyatakan kepada umat Islam bahawa sabar dan menghadapi aneka rupa cabaran dan rintangan adalah antara prinsip-prinsip agama Islam yang dibawa oleh Muhammad Sal laLlahu 'alaihi Wassalam.

Bolehjadi ada orang ketika mengikuti peristiwa perantauan Rasulullah ke Ta'if mengatakan bahawa Muhammad Sal laLlahu 'alaihi Wassalam telah menemui jalan buntu, kehabisan ikhtiar dan terasa sempit dada dan oleh yang demikian Rasulullah tidak ada jalan lain hanya menadah tangan berdo'a kepada Allah sebaik sahaja baginda sampai ke dusun dua orang anak Rabi'ah itu. Sebenarnya Rasulullah telah menyambut cabaran dan dugaan tadi dengan penuh ketabahan hati, ketenangan dan

Fiqh Al-Sirah 1

kerelaan malah segala pancaroba tadi dihadapinya dengan ke sabaran dan penuh perhitungan. Kalau tidak demikian awal awal lagi Rasulullah sudah menuntut bela dan membalas dendam di hari pembukaan kota Makkah terhadap mereka mereka yang telah mengganas, melanyak dan menyeksa baginda dahulu. Sebaliknya, sedikit pun tidak terlintas di hati baginda hendak berbuat demikian; tegasnya apa yang telah di ceritakan oleh Bukhan dan Muslim dan ‘Aisyah RadhiyaLlahu ‘anha; suatu ketika pernah ‘Aisyah bertanya Rasulullah;

“Wahai Rasulullah! Pernahkah tuan hamba merasa lebih pahit dan séngsara dan han Uhud?” jawab Baginda: “Bahkan, yaitu menghadapi bangsa kau (‘Arab) dan yang paling dahsyat sekali ialah ketika aku memperkenalkan diriku dan berda’wah di kalangan puak Ibnu Yalil bin ‘Abdi Kalal di mana tawaran dan da’wahku tadi tidak diterima langsung dan aku terus beredar dan situ dengan perasaan tak karuan. Bila sampai ke suatu tempat bemama Qiran Tha’alib barn aku sedar, aku meng angkat kepala melihat ke atas, tiba-tiba sekumpulan awan meneduhi daku dan aku nampak Jibril ‘alaihissalam memanggil aku katanya: “Sesungguhnya Allah ‘Azzawajalla telah mendengar setiap perkataan bangsa kau dan tindakan mereka terhadap kau dan Allah telah mengutuskan Malaikat segala gunung untuk kau.”

“Suruh sekehendakmu.” kata Rasulullah lagi:

“Malaikat segala gunung tadi memanggil dan memberi salam kepadaku dan katanya”:

“Wahai Muhammad sesungguhnya Allah telah mendengar perihal kaum bangsamu dan tindak balas mereka terhadap seruan kau. Aku ini malaikat segala gunung diutuskan oleh Tuhanmu dan perintahkanlah apa saja aku ini, untuk apa yang engkau mahu. Kalau mahu aku boleh hempap ke atas mereka bukit A1-Akhsyabin.” Jawab Rasulullah: “Tapi apa yang aku mahu biar Tuhan melahirkan dan sulbi mereka suatu golongan yang menyembahNya tanpa mensyirikkanNya. Itu saja yang ku mahu.”

Ini menunjukkan yang Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi wasallam mengajar sahabat-sahabat dan umatnya yang terkemudian agar bersabar dan tahan menentang cabaran dan dugaan, malah mengajar kita cara—cara bersabar demi menjalankan tanggungjawab ke jalan Allah ‘Azza wajalla.

Mungkin pula ada orang yang berkata:

“Tidakkah Rasulullah sering menadah tangan ke langit mengadu perihal dirinya dan kaum bangsanya? Tidakkah ini merupakan keluhan menunjukkan yang Rasulullah itu bosan dan terasa sempit dada lantaran usahanya tidak memberi hasil, selain dan ‘azab sengsara yang kian hari kian bertambah?”

Sebenarnya keluhan dan mengangkat tangan ke langit mengadu hal kepada Allah adalah satu-satunya ‘ibadat dan sembahyang, mengadu hal kepada Allah ketika kesempitan adalah menta’ati dan bertaqarrab kepada Allah. Tidak ada pertentangan di antara bersabar dalam kesusahan dengan mengadu hal kepada Allah, malah ini adalah salah satu jalan yang terpuji yang diajar kepada kita oleh Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam sendiri.

Perlu kita ingat bahawa manusia itu setinggi mana dan semulia mana pun darjah dan pangkatnya, ianya tetap beredar di dalam ruangan dan lingkaran bingkai-bingkai kemanusiaan dan keinsanannya sahaja; manusia seluruhnya dijadikan penuh dengan perasaan sensitif, perasaan bahagia, senang dengan ni’inat dan perasaan sedih atau duka bilamana disengat kesengsaraan. Manusia akan terasa tenang dan puas hati dengan yang pertama dan gundah gulana dengan yang kedua.

Faktur ini membuktikan kepada kita sejelasnya bahawa Rasulullah walau pun ianya Nabi dan utusan Allah tetap juga ditimpa bahaya dan kesusahan di dalam usaha menjalankan tugas-tugas Allah. Setinggi mana martabatnya ianya tetap beredar dan berkisar di dalam bidang fitrah kemanusiaannya juga tetap akan perik dengan kesengsaraan dan akan lapang serta tenang dengan kesenangan ni’ mat.

Tetapi Baginda rela mengharungi lautan kesengsaraan dan kepahitan demi mencari keredhaan Allah, tidak syak lagi ini adalah antara jalan-jalan untuk mendapat pahala dan ganjaran dan Allah Subhanahu Wata’ala. Di sinilah nyatanya al-taklif atau sifat tunduk dan menjunjung penntah-perintah Allah kepada manusia.

(2) Bila kita perhatikan dengan teliti setiap peristiwa sejarah hidup Rasulullah bersama—sama kaum bangsanya, kita akan temui pada tiap ‘azab sengsara yang ditempuh oleh Muhammad SallaLlahu ‘aaihi

Fiqh Al-Sirah 1

Wasallam diiringi dengan penawar yang melegakan. Ini adalah pemberian dan ganjaran Ilahi kerana sanggup bersusah payah dahulu, iringan penawar tadi ialah untuk menentang hati yang telah begitu banyak menempuh dan merempuh kesengsaraan agar jangan dipecah-pecah atau dihancurkan-hancurkan oleh perasaan putus asa dan kekecewaan.

Di dalam peristiwa perantauan baginda ke Ta'if membayangkan betapa pahit dan sengsarnya perasaan jiwa ketika dihina dan diejek-ejek oleh kanak-kanak nakal itu. Tetapi sebagainya ganjaran dan Allah Subhinahu Wata'ala kepada RasulNya buat penawar terhadap ejek-ejekan itu kedapatan seorang Wasrani (Kristian) 'Edas ketika datang mempersembahkan sepinggan buah anggur memeluk dan mengucup kepala dan tangan hingga ke kaki baginda sebaik saja Rasulullah menceritakan tentang keNabiannya kepada 'Edas.

Seorang pengarang iaitu Mustafa Sadik Al-Rafi'ei RahimahuLlah telah melukiskan kisah mi kepada kita, katanya: Betapa 'ajaibnya simbolik-simbolik Ilahi di dalam cerita ini, seolah-olah kebaikan, kemuliaan dan penghormatan telah datang melutut meminta ma'af terhadap kejahatan dan kenakalan yang telah berlaku dan kucupan mesra selepas kata-kata cemuhan yang kesat.

Sebenarnya dua orang anak lelaki Rabi'ah itu adalah seteru ketat kepada Islam, merekalah yang telah datang menemui Abu Talib bapa saudara Rasulullah meminta supaya melarang Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam itu kepada mereka untuk dibereskan. Tiba-tiba naluri dan perasaan mengganas dan liar itu bertukar corak kepada unsur-unsur kemanusiaan, di mana unsur-unsur serupa ini adalah konsep dan asas utama kepada ugama ini kerana masa depan untuk beragama adalah bergantung kepada fikiran dan bukannya kepada sentimen dan perasaan yang melulu.

Sebagai simbul juga; agama Kristian telah memeluk againa Islam serta memberi tunduk ta'zim, lantaran agama yang benar tetap dan yang benar, tidak ubah seperti hubungan dua saudara. Kalaulah hubungan atau pertalian dua saudara itu ialah darah maka hubungan agama dengan agama ialah fikiran yang searus.

Sekali lagi taqdir Ilahi melukiskan satu simbolik yang lain. Setangkai buah anggur yang mains dan melegakan tadi ialah tangkai dan cambangan agama Islam yang teragung kuat dengan ikatan kasih mesra, tiap sebiji buah anggur adalah sebuah pemerintahan. [Wahyul-Qalam: J.2.H.30]

(3) Tindakan yang diambil oleh Zaid bin Al Harithah mendedahkan dirinya tegasnya memperbentengkan dirinya kepada serangan anak-anak nakal agar anak-anak batu yang diontar kepada Rasulullah tidak merbahayakan Rasulullah sehingga terluka kulit kepalanya di beberapa tempat. Tindakan ini adalah sebaik contoh yang mesti dicontohi dan dilakukan oleh setiap Muslim demi menjaga keselamatan diri penda'wah agung, walaupun tindakan ini memerbahayakan dirinya sendiri.

Beginilah keadaan tiap sahabat RadhiyaLlahu 'anhum di zaman Rasulullah demi menjaga keselamatan Baginda.

Oleh kerana Rasulullah tidak hidup bersama kita di hari ini maka tidak tergambar pula yang kita akan dapat melakukan dan bertindak seperti mana yang dilakukan oleh para sahabat yang terdahulu dan ulung itu; tetapi ini tidak menunjukkan yang kita tidak boleh melakukan sejajar dengan apa yang dilakukan oleh para sáhabat itu, iaitu jangan kita cuba melarikan diri dan pancaroba 'azab sengsara dalam usaha da'wah Islamiyyah. Kita mesti turut bersama menanggung sebarang bebanan dan kesusahan yang pernah dipikul oleh junjungan Muhammad Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

Mesti diingat, bahawa mendukung da'wah Islamiyyah adalah kemestian dan kewajipan yang wajib diujudkan di setiap masa demi mengganti dan mengambil tempat pimpinan Nabi Muhammad 'Alaihi Wasallam. Setiap Muslim wajib mempunyai dan mempersiapkan angkatan tentera yang ikhlas dan sanggup mengorbankan harta benda dan jiwa raga seperti mana yang pernah dilakukan oleh Muslimin yang bersama Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam ketika itu.

(4) Mengikut riwayat dan Ibnu Ishaq; mengenai Sekumpulan jin yang mendengar dan mematuhi apa yang mereka dengar dan Nabi s.a.w. di waktu baginda bersembahyang di hujung malam di kampung Nakblah; riwayat ini merupakan satu dalil wujudnya jin, dan makhluk jin adalah mukallaf, malah makhiuq jin ada yang beriman kepada Allah dan Rasul Nya, ada pula yang kafir. Dalil-dalil ini sudah

Fiqh Al-Sirah 1

diakui kepastiannya kerana ada ceritanya dalam Quran dalam surah Al-Jin dan surah Al-Ahqaf, antaranya:

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنصَبُوا لِمَا فُضِيَ وَلَوْ إِلَىٰ قَوْمِهِمْ مُنْذِرِينَ (29)
قَالُوا يَا قَوْمَنَا إِنَّا سَمِعْنَا كِتَابًا أُنزِلَ مِن بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ (30) يَا قَوْمَنَا
أُحْبِبُوا دَاعِيَ اللَّهِ وَأَمِنُوا بِهِ يَعْفِرْ لَكُمْ مِّنْ ذُنُوبِكُمْ وَيَجْرِمَكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ (31)

“(Dan [ingatlah] tatkala Kami hadapkan kepadamu sekumpulan jin yang mendengarkan Qur’an; maka ketika mereka menghadhirinya, mereka berkata: “Diam lah;” dan bila seksai, mereka pergi kepada kaum mereka memberi amaran [balasan azab kepada orang tidak beriman]. Mereka berkata: “Wahai kaum kami! sesungguhnya kami telah dengar sebuah kitab yang diturunkan sesudah Musa, yang mengakui yang di hadapannya [yang sebelumnya], yang memimpin kepada kebenaran dan kepada jalan yang lurus. Wahai kaum kami! terimalah penda’wah Allah itu, dan berimanlah dengannya, Allah akan ampunkan dosa-dosa kamu, dan Allah lepaskan kamu dan azab yang pedih.)”

(Surah Al-Ahqaf Ayat 29-31)

Peristiwa ini, seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Ishaq dan ditulis oleh Ibnu Hisham dalam “Sirah”nya, disebutkan juga oleh Bukhari, Muslim dan Tirmizi dengan mathum yang sama, walaupun berlainan huraian.

Lafaz hadits yang diriwayatkan oleh Bukhan dengan sanadnya dan Ibnu Abbas adalah seperti berikut:

Mathumnya: “Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam sengaja pergi ke pasar ‘Ukkaz bersama beberapa orang sahabatnya

Sesungguhnya para syaitan telah dihalang untuk sampai dan melihat berita di langit, mereka dihalang dengan lontaran bintang, lalu pulanglah mereka dan kata mereka: “Tidak dihalang kita pergi mendapatkan berita di langit kecuali ada sesuatu yang telah berlaku, pergilah kamu periksa di timur dan di barat bumi dan lihatlah apa yang berlaku,” lalu mereka pun pergilah ke timur dan ke barat bumi untuk melihat apakah yang berlaku hingga terhalang mereka untuk mendapatkan berita di langit, lalu pergilah mereka yang menghala ke arah Tihamah kepada Rasul SallaLlahu ‘alaihi Wasallam di Nakhlah, baginda sengaja keluar ke pasar ‘Ukkaz dan bersalat fajar dengan sahabat-sahabat nya. Manakala kedengaran bacaan Al-Qur’an mereka tumpu kan mendengarnya, lalu kata mereka: “Inilah yang menghalang kamu dan mendapatkan berita langit.” Lalu mereka pun pulang kepada kaum mereka dan berkata: “Wahai kaum kami! sesungguhnya kami telah mendengar Qur’an yang ajaib, ia menunjuk kepada jalan yang betul, maka kami pun beriman dengannya dan tidak kami sekutukan sesuatu dengan Tuhan kami.” Kemudian Allah turunkan kepada NabiNya ayat:

فَلْ أَوْحِي إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا (1)

(Katakanlah: “Diwahyukan kepadaku, bahawa golongan jin mendengar [teliti akan Quran], lalu mereka berkata: “Sesungguhnya kami telah mendengar Quran yang ajaib.) Al-Jin .1. Yang diwahyukan itu ialah mengenai jin.” Al Bukhari.J.6.H.73.

Lafaz dan riwayat Muslim dan Tirmizi juga sama seperti lafaz Bukhari, cuma sedikit tambahan, iaitu: “... tidak dibacakan oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam kepada jin itu dan baginda tidak nampak mereka, bagmda berangkat bersama kumpulan ...” Hadith.

Kata pengarang “Al-Fath”: “Berkemungkinan Bukhan sengaja menggugurkan lafaz: “tidak dibacakan oleh Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam kepada jin “ itu kerana Ibnu Mas’ud menyatakan pastinya bahawa Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam membaca Qur’an kepada jin, kerana ia mendahului penafian Ibnu Abbas. Muslim juga menunjukkan mathum yang sama, di mana beliau mengemukakan hadith Ibnu Mas’ud selepas hadith Ibnu Abbas, Sabda Rasulullah, mathumnya:

Fiqh Al-Sirah 1

“Datang kepada penda’wah jin, saya pun berangkat pergi bersamanya, maka saya pun membaca Qur’an kepadanya.” Maka dengan dua hadith tersebut boleh dibuat kesimpulan, bahawa peristiwa itu berlaku lebih dan sekali.” Fathul-Bari.J.8.H.473.

Kemudian pastinya hadith yang diriwayatkan oleh Muslim dan Bukhari itu, berlainan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Ishaq dari dua sudut:

Pertama: Riwayat Ibnu Ishaq tidak menyebut Nabi bersalat dengan sahabat—sahabatnya, ini difahamkan bahawa bersalat sendirian, sedangkan riwayat lain menyebutkan Nabi ber salat bersama sahabat—sahabatnya.

Kedua: Riwayat Ibnu Ishaq tidak dikaitkan dengan sembahyang fajar, sedangkan dalam riwayat-riwayat lain menyatakan Nabi bersalat fajar.

Jadinya, maka riwayat Ibnu Ishaq tidak perlu dipertikaikan lagi, tetapi riwayat-riwayat lain boleh dipertikaikan dari dua sudut:

Pertama: Bahawa Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam di waktu pergi ke Taif kemudian pulang, tidak ada siapa bersama nya kecuali Zaid bin Haritsah seperti yang di ketahui maka bagaimana pula baginda bersalat bersama satu kumpulan sahabatnya?

Kedua: Bahawa lima waktu salat belum disyaratkan sebelum Isra’ dan Mi’raj, sedangkan Isra’ dan Mi’raj berlaku selepas pemergian baginda ke Taif mengikut keterangan yang sahih, maka bagaimana pula baginda bersalat fajar [ubuh].

Jawab kepada yang pertama ialah: Berkemungkinan Nabi SallaLlahu ‘alaihi Wasallam bertemu dengan beberapa orang sahabatnya di waktu tibanya di Nakhlah di waktu fajar, lalu baginda pun bersalat di situ.

Jawab kepada yang kedua pula: Bahawa Jin mendengar Qur’an disebut berulang-kali dalam hadith riwayat Ibnu Abbas dan Ibnu Mas’ud, kedua hadith itu adalah sabih, juga peristiwa Isra’ dan Mi’raj berlaku selepas pemergian Nabi ke Taif memang diakui oleh Jumhur (majority) ‘ulama’ yang mengkaji sirah, namun ada juga yang mengatakan Isra’ dan Mi’raj berlaku sebelum hijrah ke Taif, ia tidak boleh ditolak terus.[Lihat ‘Uyun al-Asir Ibnu Sayyid al-Nas 1/118 dan Fath al-bari 8/473.]

Yang penting untuk kita mengetahuinya sesudah ini, ialah bahawa setiap orang muslim hendaklah beriman kepada kewujudan jin, beriman bahawa jin itu adalah makhluk hidup dan bertanggungjawab untuk beribadat kepada Allah, sama seperti kita manusia, walaupun daya pancaindera kita manusia tidak dapat sampai ke makhluk jin itu, adalah kerana Allah Ta’ala memang berkuasa menjadikan kewujudan jin tidak mampu di lihat oleh daya penglihatan yang ada pada mata kita manusia, kita tahu bahawa mata kita ini hanya dapat melihat beberapa bahagian wujud-wujud yang tertentu saja di alam mi dengan kadar dan syarat yang tertentu.

Tidak sepatutnya orang berakal boleh terjerumus ke dalam kebodohan dan kelalaian yang begitu ketara sekali, iaitu dengan sikapnya yang tidak mahu mempercayai sesuatu yang tidak secukup dengan sains, maka ia berbangga dengan mengata kan ia tidak percaya kepada wujudnya jin, kerana semata-mata ia tidak melihat dan tidak bersentuh dengan jin.

Kalau pegangan sepele:ti mi ada pada golongan terpelajar, maka mudah sekali mereka menafikan dan menidakkan banyak benar yang wujud yang telah diyakini wujudnya, semata-mata kerana tidak melihatnya, pada hal qa’edah ilmiyyah yang masyhur mengatakan: “Bahawa yang tidak dapat ditemui tidak semestinya tidak wujud.” Ertinya, kerana anda tidak dapat melihat sesuatu yang anda cari atau yang anda kaji tidaklah semestinya ia tidak wujud.

(5) Apakah kesannya kepada Nabi Muhammad dengan segala apa yang telah dilihat dan di’alaininya ketika perantauan Baginda di Ta’if? Dan apakah implikasinya pula dengan segala apa yang di’alaminya itu di dalam jiwa Baginda?

Untuk jawapan selanjutnya ikutilah apa yang telah diterangkan oleh RasuluLlah kepada Zaid sebagai menjawab pertanyaan beliau tentang apakah Baginda akan pulang pula sedangkan kaumNya telah pun menghalau Baginda keluar dan Makkah, dengan tenang baginda menjawab: “Wahai Zaid, www.dakwah.info

Fiqh Al-Sirah 1

sesungguhnya Allah akan memberi kelapangan dan jalan keluar dan apa yang engkau sebutkan itu dan sesungguhnya Tuhan jua yang akan tolong agamaNya dan mengangkat NabiNya.”

Dan sini dapatlah kita perhatikan bahawa segala apa dilihat dan di'alaminya oleh Rasulullah di Ta'ifsana di samping segala macam kekejaman dan penyeksaan di Makkah, sedikit pun tidak memberi kesan terhadap kepercayaan dan keimanan dengan Allah Subhanahu Wata'ala atau melemahkan tenaga ke'azamannya yang positif di dalam jiwa Baginda.

Sebenarnya ini bukanlah ketabahan manusia biasa yang mempunyai kekuatan bertahan yang lebih yang enggan tunduk di bawah paksaan dan tekanan tetapi inilah yang dikatakan tekad keNabian yang telah menguasai hati dan jiwa Rasulullah dengan menyeluruh. Baginda sedar bahawa segala usaha dan tindakannya itu semata-mata untuk melaksanakan dan menjalankan perintah Allah dan merempuh atau mengharungi jalan-jalan yang disuruh oleh Allah. Oleh yang demikian tidak syak lagi Tuhan itu tetap akan menayakan perintahNya dan tiap suatu itu adalah di dalam perhitungan dan QadarNya.

Sebagai pengajaran dan apa yang diperkatakan tadi ialah supaya kita tidak gentar dan berundur bila berhadapan dengan ranjau di sepanjang jalan da'wah Islamiyyah. Kejadian ini juga memberi pengajaran kepada kita bahawa perasaan bosan dan lemah semangat tidak akan dapat menjalar masuk ke dalam jiwa kita selagi kita mengikut suluhan cahaya keimanan dan Allah dan taufiqNya. Sesiapa yang membekalkan tenaganya dan Allah Subhanahu Wata'ala maka sudah pasti ia akan mengenal erti kekecewaan dan kemalasan, selagi sesuatu itu menjadi penintahNya maka selama itulah Ianya akan memben pertolongan.

Kemalasan, kehampaan dan kekecewaan yang menghalang jalan dan perjuangan sesuatu ideologi yang lain ialah jalan dan ideologi yang tidak disuruh oleh Allah. Di dalam hal yang seumpama ini, yang digunakan hanyalah kebolehan, keupayaan dan tenaga yang tersendini. Apa yang kita fahami tenaga manusia itu adalah terbatas. Dan sinilah selalunya, segala tenaga usaha dan semangat berapi—api tadi terancam dan akan berubah menjadi putus asa serta kecewa seandainya pejuangan itu memakan masa yang panjang dan mengalami pancaroba yang banyak, kerana keupayaan manusia adalah sangat terbatas dan terhad.

MU'JIZAT ISRA' DAN MI'RAJ

Dimaksudkan dengan Al-Isra' di sini ialah perjalanan yang mulia lagi bersejarah dan Masjid Al-Haram di Makkah ke Masjid Al-Aqsa di Al-Quds di Palastin, adapun Mi'raj pula ialah peristiwa naik kelapangan langit tertinggi di mana Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam telah bertemu dengan Allah Rabbul Jalil, kesemuanya ini berlaku dalam semalam sahaja.

Pendapat sejarah telah berbelah bagi tentang masa berlakunya mu'jizat Isra' dan Mi'raj. Ada yang mengatakan berlakunya dalam tahun kesepuluh selepas kebangkitan dan pengutusan baginda. Pendapat Ibnu Sa'd yang telah diganiskan di dalam kitabnya "AT-TABAQAT AL-KUBRA" mencatatkan bahawa mu'jizat ini berlaku sebelum lapan belas bulan hijrah Rasulullah.

Terdapat satu persoalan yang lain pula telah ditimbulkan iaitu apakah perjalanan Rasulullah ini dengan ruhanya sahaja ataupun ruh dan jasad sekali. Pendapat ramai orang Islam ialah nih disertai dengan jasad sekali dan di sinilah baru ternampaknya mu'jizat pengembaraan baginda yang mulia yang telah dikurniakan kepada junjungan kita Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam.

Tentang kisah pengembaraan ini telah dibidangkan oleh Imam Bukhani dan Muslim dengan selengkapnya. Di malam yang bersejarah ini Rasulullah telah menunggang "Buraq" sejenis binatang besar sedikit dan keldai dan kecil sedikit dan baghal. Binatang ini melangkah kakinya sejauh mata memandang. Setelah baginda sampai dan masuk ke dalam Masjid Al-Aqsa serta menunaikan sembahyang dua raka'at, Jibril membawa baginda dua biji gelas, satu berisi arak dan yang satu lagi berisi susu. Rasulullah memilih susu, lalu Jibril pun berkata:

Fiqh Al-Sirah 1

“Engkau telah memilih yang fitrah dan semulajadi” Setelah itu barulah Rasulullah naik ke langit pertama, ke dua, ke tiga dan seterusnya dibawa ke “Sidratul Muntaha” dan di situlah Allah menyampaikan kepada baginda segala apa yang telah disampaikan. Antaranya Allah menyampaikan kewajiban sembah yang lima waktu sehari semalam ke atas tiap—tiap Muslim lelaki dan perempuan yang mana pada mulanya diwajibkan lima puluh raka’at sehari semalam.

Pada keesokan pagi baginda menceritakan segala-galanya dan apa yang ternampak oleh mata kepalanya kepada umum. Cerita dan Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam menyebabkan orang Musyrikin semuanya bergelak ketawa dan membawa berita yang pelik dan mengetawakan ini, kepada yang lain untuk diketawakan. Di samping itu terdapat di antara mereka yang mencabar Rasulullah dengan meminta supaya menceritakan dan mernbuat satu gambaran tentang “Baitul Muqaddis” yang telah dilihat oleh Rasulullah kalaulah betul baginda telah pergi dan sembahyang di dalamnya. Sebenarnya untuk membuat gambaran atau laporan memang sukar kerana di masa itu tidak terlintas di ruangan kepala dan ingatan baginda SallaLlahu ‘alaihi Wasallam untuk meneliti sehalusnya berapa tiang, berapa pintu dan sebagainya. Walaupun begitu Allah Subhanahu Wa ta’ala telah menampakkan di mata kasar Rasulullah gambar dan pemandangan Baitul Muqaddis secara terperinci dengan tiga dimensinya. Ini membawa Rasulullah dapat menjawab pertanyaan yang dihadapkan kepada baginda dan dengan ini juga baginda dapat menjawab cabaran mereka tadi dengan menjawab selengkapnya segala pertanyaan mereka. Al—Bukhari dan Muslim meriwayatkan hadith Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, katanya: “Puak Quraisy telah mendusta segala cakapku, kemudian akupun bangun ke anjung (Saidina Ismail). Lepas itu Allah pun menampakkan kepadaku “Baitul Muqaddis”, membolehkan aku menceritakan segala—galanya tentang tempat-tempat dan tanda-tanda keistimewaan pemandangan Baitul Muqaddis yang dipaparkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Beberapa orang Musyrikin yang telah mendengar cerita Isra’ dan Mi’raj itu berkejar menemui Sayyidina Abu Bakar dan menceritakan perihal Nabi Muhammad yang dikatakan telah pergi ke Baitul Muqaddis dan naik ke langit dengan harapan Sayyidina Abu Bakar terperanjat dan kebingungan tetapi dengan tenang Sayyidina Abu Bakar menjawab; “Sekiranya itu yang diceritakan oleh baginda maka semuanya adalah benar belaka. Sebenarnya aku telah mempercayai Nabi Muhammad tentang perkara—perkara lain yang lebih dari itu”.

Pada subuh pagi hari Isra’ itu jibnil telah datang dan mengajar Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam cara-cara, rukun-rukun dan segala sesuatu mengenai fardhu sembahyang dan waktu-waktunya. Adapun Rasulullah sebelum diturunkan sembahyang itu padanya, baginda sembahyang dua raka’at pagi dan dua raka’at petang. Segala—galanya adalah mengikut sepertimana yang dilakukan oleh Sayyidina Ibrahim ‘alaihissalam.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Sepatah kata mengenai Rasulullah dan mu’jizat:— Setengah-setengah pengkaji sejarah Rasulullah begitu gemar memperbesar-besarkan sangat tentang penghidupan Nabi Muhammad sebagai manusia biasa. Ini mereka lakukan ketika mengulas dengan panjang lebar bahawa kehidupan seharian bagmda sebagai tidak berpaut dan bertaut dengan perkara—perkara luar biasa iaitu mu’jizat. Mereka mengatakan bahawa baginda pernah menegaskan bahawa ia tidak ada kena-mengena dengan mu’jizat. Pengulasan mereka itu bersandarkan kepada sepotong ayat Al-Qur’an yang berbunyi:

قُلْ إِنَّمَا الْآيَاتُ عِنْدَ اللَّهِ

Surah Al-An’am 6: 109

“Katakanlah (hai Muhammad) sesungguhnya perkara perkara mu’jizat itu berada di sisi Allah”.

Gambaran ini menyebabkan sipembaca sejarah Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaibi Wassalam akan mendapat gambaran di kepalanya bahawa penghidupan seharian Nabi Muhammad itu memang jauh dan tidak berbau langsung dengan perkara perkara yang selalunya dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata’ala kepada para anbiya’Nya yang terdahulu untuk menyokong dan memperkuat risalah dan penguutusan mereka.

Fiqh Al-Sirah 1

Bila kita perhatikan dan mengkaji dengan teliti tentang pendapat dan teori ini nescaya ternampak tembelangnya kerana pendapat ini adalah dianjurkan dan didokong oleh para orientalis seperti Gustav Lobon, Ojst Kont, Hume, Gold Zihar dan lain-lain lagi. Timbulnya pendapat dan teori ini adalah disebabkan oleh ketiadaan iman dan kepercayaan mereka terhadap pencipta mu'jizat tadi iaitu Allah Subhanahu Wata'ala kerana apabila keimanan dengan Allah tidak menetap di sanubari seseorang itu maka persoalan dan perkara yang lain menjadi gampang belaka dan di kala ini tidak perlu lagi kepada mu'jizat mu'jizat itu.

Malangnya pendapat ini telah disambut baik oleh setengah-setengah orang Islam dan memang malang nasib dunia Islam di mana kalangan orang Islam sendiri telah berusaha dan bertungkus-lumus untuk menyebarkan hasil pemikiran asing ini. Usaha penyebaran yang merosakkan ini dilakukan tidak lain kerana mereka tertawan dan tertipu dengan keindahan putar-belit barat, terpesona dengan godaan kemajuan sains dan teknologi barat. Antara mereka yang terpengaruh dengan keindahan pesona kemajuan dan teknologi barat itu ialah Syaikh Muhammad 'Abduh, Muhammad Farid Wjidi, dan Hussain Haikal.

Dan bila penyerang ideologi dan seteru Islam yang profesional mendapati ada juga orang Islam yang cuba melariskan pendapat-pendapat barat ini maka semakin bertambah luas lagi jalan dan peluang baru kepada penyerang ideologi ini untuk memasukkan dengan lebih banyak lagi racun-racun berbisa ke dalam masyarakat ummat Islam dan tidak perlu lagi taktik yang tradisional untuk melancar serangan terang-terangan terhadap 'aqidah Islam dan menanam fahaman athies di otak kepala orang-orang Islam.

Yang demikian mereka cuba memberi gambaran dan sifat-sifat yang tertentu kepada Rasulullah seperti keharuan, kepintaran, kepenganjuran dan bermacam-macam lagi di dalam bentuk-bentuk yang menarik sekali dan di masa yang sama mereka cuba membuat sesuatu gambaran penghidupan Rasulullah yang terpisah dan mu'jizat dan luar biasa yang bukan bukan yang tidak boleh sampai oleh akal manusia yang singkat.

Tujuan mereka berbuat demikian ialah supaya lama-kelamaan akan tercipta suatu gambaran dan nama baru mengenai diri Rasulullah di kalangan umat Islam. Boleh jadi mereka menamakan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wassalam yang pintar atau Muhammad pemimpin atau Muhammad Perwira atau apa sahaja yang boleh melenyapkan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wassalam sebagai Nabi dan Rasul di mana segala sifat dan faktor keNabian, wahyu dan sebagainya dan perkara—perkara ghaib malah apa sahaja yang boleh menukarkan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wassalam dan alam keNabian dan keRasulan kepada metologi dan cerita-cenita dongeng kerana keNabian berasaskan wahyu dan mu'jizat sedangkan manusia dari dongeng metologi tidak sedemikian.

Akhirnya segala-galanya ini membawa kepada suatu tanggapan dan kepercayaan bahawa sebab ramainya bilangan pengikut Nabi Muhammad tidak lain tidak bukan adalah kerana kepintaran dan kecerdikannya. Cubalah perhatikan semuanya nampak dengan jelas dan nyata tentang maksud mereka menamakan penganut agama Islam dengan Nabi Muhammad di tempat 'muslimin dan Muslim'.

Tetapi apakah tujuan sebenarnya di sebalik gambaran dan lukisan tentang hakikat Muhammad SallaLahu 'alaihi Wassalam yang sebenarnya itu? Sekiranya ingin kita menyingkap dan mendedah di bawah cahaya logik dan kajian objektif maka ternyata kepada kita:—

i) Sekiranya kita kembali meneliti sekali lagi tentang zahiriyah dan gejala wahyu itu dan telah pun kita memperkatakan selengkapnya bahawa ia menjadi unsur utama dalam penghidupan seharian Muhammad SallaLahu 'alaihi Wassalam maka ternyata kepada kita bahawa sifat—sifat yang lain tanpa ragu-ragu lagi. KeNabian adalah satu hakikat yang tidak dapat disukat atau dipertimbangkan mengikut perasaan biasa manusia. Demikian juga mu'jizat, yang merupakan anugerah istimewa dan unggul kepada peribadi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam yang tidak boleh dilucutkan atau dibenteras 'mu'jizat' dan perkara—perkara luar biasa ini kecuali setelah berjaya melucutkan sama sekali sifat keNabian darinya atau akibat akhirnya ialah mengingkarkan agama itu sendiri.

Meskipun tujuan maklumat ini tidak dinyatakan sejelasnya oleh pengkaji-pengkaji dan kalangan orientalis umum dengan hanya menyebut kepintaran Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam, kecerdikan, keberanian, kebijaksanaannya bermain politik dan sebagainya sudah cukup untuk

Fiqh Al-Sirah 1

membayangkan dan menyatakan tujuan dan matlamat mereka itu kerana tujuan dan maksud biasanya datang selepas pembayang.

Oleh kerana setengah-setengah mereka ini tidak sabar dan sanggup menahan lebih jauh lagi maka tidak ada jalan lain melainkan meluahkan isi hati mereka dengan menyatakan secara terang—terangan bahawa mempercayai agama itu sama dengan mempercayai perkara mu'jizat yang mustahil.[Dr. Shibli Shamil mengatakan mi dalam muqaddimah terjemahan ke bahasa Arab sebuah buku ulasan mengenai teori Evolusi Darwin.]

Bukankah engkau lebih mengetahui bahawa tidak ada erti untuk memperkatakan sesuatu tentang keengkarannya atau k imanannya mereka terhadap mu'jizat itu, sekiranya sejak awal—awal lagi mereka telah mengingkar agama itu sendiri.

ii) Andaikata kita meneliti tentang sirah kehidupan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam kita dapati begitu banyak sekali Allah Subhanahu Wata'ala menunjukkanmu ke atas Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam. Semuanya tidak dapat kita tolak kerana sirahnya adalah mengikut sandaran hadith yang benar dan riwayatnya bertaut pula, yang membawa kita percaya sepenuhnya malah mencapai peringkat kita meyakinkannya.

Antaranya peristiwa mengeluarkan air dari antara jari—jarinya yang mulia. Peristiwa ini diceritakan oleh Imam Bukhari di dalam kitab hadithnya di bawah tajuk 'Air Sembahyang', Imam Muslim pula mencatatkannya di dalam bab sifat, atau tingkah laku, Imam Malik meriwayatkannya di dalam kitabnya Al-Muwatta' di bawah judul 'Kebersihan' dan para imam hadith terkemuka yang lain mengikut aliran masing-masing. Al-Zarqani sendiri yang mengambil dari Al Qurtubi menceritakan dengan katanya: 'Sesungguhnya pengaliran air antara jari—jari Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam disebut beberapa kali di dalam beberapa tempat kejadian yang bersejarah, sirahnya mengikut berbagai aliran yang kesemuanya membawa kepada pengetahuan yang benar dan sahih terhadap peristiwa mi.

Dan di antara yang lain pula ialah hadith pembelahan bulan di zaman RasuluLlah iaitu ketika itu puak musyrikin meminta baginda melakukan sedemikian. Al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam kitab hadithnya di dalam fasal 'Ahadithul Anbiya' dan Muslim di dalam fasal 'Sifatul Qiyamah' begitu juga para 'ulama' hadith yang lain. Ibnu Kathir berkata: '... tentang ini banyak hadith mutawattir dengan sandaran yang benar dan boleh dipercayai telah memperkatakan seluruh 'ulama' sepakat memperkatakan tentang peristiwa yang bersejarah ini berlakunya di zaman RasuluLlah, di mana ianya merupakan antara mu'jizat-mu'jizat yang teragung.

Yang peliknya mereka tidak berhenti-henti memperhebohkan dengan mencanangkan sifat-sifat kepintaran Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam di samping melucutkan dan mengeneipkan segala sesuatu yang berupa mu'jizat dan sesuatu yang luar biasa dan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam dan ketika yang sama mereka sengaja melupakan segala hadith yang benar dan bertaut (mutawattir), langsung tidak memberi sebarang perhatian. Positif pun tidak, negatif pun tidak juga. Seolah-olah kitab-kitab hadith tidakpun mengandungi perkara ini sedangkan apa yang dikemukakan lebih daripada sepuluh aliran dan cara saranan.

Sebabnya mereka membisu ialah untuk mengelak diri supaya tidak terjerumus kepada masalah yang rumit di mana mereka terpaksa menghadapnya ketika bersekemuka dengan hadith-hadith tadi kerana hadith—hadith ini amat terang bercanggah dengan prinsip-prinsip yang berputar ligat di otak kepala mereka. ['Antara mereka ialah pengarang Hayat Muhammad SaLlaLlahu 'alaihi Wasallam yang begitu terang sekali hendak melepaskan dari ikatan hadith supaya teorinya begitu romantik dan tidak ditempelak oleh hadith itu. Beliau ialah Hussain Haekal.]

iii) Perkataan mu'jizat ini bila diperhatikan dengan teliti maka didapati ia tidak mempunyai satu definisi yang tersendiri dan apa yang telah diertikan semata—mata makna dan pengertian yang nisbi atau relatif. Mengikut apa yang telah dita'rifkan, perkataan mu'jizat ini bermakna perkara-perkara yang luar biasa dan perkara ini pula sering bertukar dan berubah mengikut peredaran masa, kadang-kadang berubah ertinya dan satu kebudayaan ke satu kebudayaan dan kebolehan sesuatu umat. Biasa berlaku di suatu

Fiqh Al-Sirah 1

masa yang lalu mu'jizat dan luar biasa bagi puak yang perimitif yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan.

Tapi yang sebenarnya mengikut orang yang berfikiran waras bahawa 'biasa dan luar biasa' itu kesemuanya asal mu'jizat dan luar biasa berlaku.

Cakrawala mu'jizat, peredaran planet mu'jizat, 'akal fikiran manusia mu'jizat, kuasa tarikan bumi mu'jizat, perjalanan darah mu'jizat, jiwa dan roh manusia mu'jizat sehingga manusia sendiri pun mu'jizat juga. Memang tepat sekali apa yang disifatkan oleh ahli flkir Peranchis Chateaubriand katanya: "Manusia ini ialah penghidupan metafizika"

Malangnya manusia ini selalu terlupa nilai mu'jizat pada keseluruhannya kerana setiap waktu berkisar dan bermain dengannya, entah kerana mereka tidak tahu atau kerana bongkak, dikira mu'jizat itu hanya pada perkara yang memeranjatkan sahaja.

Manusia sering membuat ukuran untuk mempercayai atau tidaknya terhadap sesuatu perkara itu berdasarkan biasa atau luar biasanya sesuatu perkara. Inilah kejahilan manusia yang paling aneh meskipun ianya telah maju di bidang kemajuan dan pengetahuan.

Sekiranya manusia itu merenung dan memerhatikan dengan penuh ketelitian ke arah 'alam akan terhidanglah kepadanya suatu ciptaan yang semuanya serba mu'jizat belaka dan akan tersinar di otak kepalanya bahawa Tuhan yang mencipta alam ini tidak mengalami kesulitan dan kesukaran baginya untuk menokok-tambah sebarang mu'jizat yang lain pula ke atas 'alam ini ataupun menukar-ganti setengah-setengah sistem yang biasa dikendalikan kepada suatu cara yang lain pula. Seorang orientalis Inggeris "William Jones" pernah menyuarakan hasil renungan beliau terhadap 'alam ini dengan katanya:

"Tidak sukar bagi tenaga yang telah mencipta 'alam ini untuk menambah atau membuang sebahagian darinya. Memang senang untuk mengatakan bahawa perkara ini tidak tergambar di kepala manusia. Yang sebenarnya orang yang mengatakan demikian tidak tergambar di kepalanya gambaran sebenar tentang kewujudan 'alam ini".

Ertinya kalaulah 'alam ini tidak ada kemudian diceritakan kepada orang yang engkar dan tidak percayakan perkara-perkara mu'jizat dan luar biasa bahawa dunia ini akan ada, dengan serta merta dia akan menjawab bahawa perkara ini tidak mungkin berlaku dan tidak terlintas di kepalanya kerana keengarannya terhadap mu'jizat.

Inilah apa yang harus difahami oleh setiap Muslim tentang RasuluLlah dan segala yang telah dikurniakan Tuhan kepada baginda dan mu'jizat yang luar biasa.

(2) Rahsia berlakunya Isra' dan Mi'raj dalam keadaan RasuluLlah sedang mengalami cubaan:— Begitu pahit dan maung sekali segala pancaroba yang dirasai oleh RasuluLlah dan pihak Quraisy dan yang paling dahsyat sekali dialami oleh RasuluLlah ialah penghinaan di Thaif seperti yang telah kita perkatakan dahulu. Di dalam do'a restu baginda ke hadrat Ilahi ketika baginda berehat dan penat lelah di pokok-pokok di dusun anak-anak Rabi'ah nampak sekali kelemahan dan keperluan manusia kepada pertolongan Ilahi dan inilah pengakuan kehambaan manusia kepada Tuhan Rabbul 'Alamin; Di dalamnya juga menampakkan pengaduan RasuluLlah kepada Allah Subhanahu Wata'ala di samping merestui pertolongan dan kurniaannya, juga terbayang kegelisahan apakah ini suatu kemurkaan dari Allah kerana sesuatu perintah yang telah terlanggar. Oleh yang demikian di antara do'a restu baginda "sekiranya ini tidak mendapat murka maka tidaklah hamba hiraukan".

Selepas itu disusuli pula dengan peristiwa Isra' — Mi'raj di mana peristiwa ini adalah kurniaan Allah kepada Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam demi untuk memperkuatkan dan memperbaharui keazaman dan menerangkan bahawa segala pancaroba yang dihadapi oleh RasuluLlah bukanlah suatu angkara murka dari Allah dan dasar Ilahi dengan manusia tercinta dan demikian juga sunnah dan dasar da'wah Islamiyyah di setiap waktu dan ketika.

(3) Perjalanan Isra' RasuluLlah ke Baitul Muqaddis dan keberangkatan kelapisan langit ketujuh merupakan satu peristiwa yang besar ertinya. Antaranya mempertandakan bahawa Baitul Muqaddis bukanlah satu tempat biasa malahan ianya tempat qudus dan suci di sisi Allah dan mempertandakan bahawa di sana tersemat satu pertalian yang erat di antara kebangkitan 'Isa bin Maryam 'alaihissalam

Fiqh Al-Sirah 1

dengan risalah Rasulullah, tegasnya wujudnya suatu pertalian dan hubungan yang rapat dan erat di antara para Anbiya' seluruhnya di dalam siri pengutusan mereka ke'alam ini.

Peristiwa ini juga memberi suatu suluhan isyarat bahawa setiap masa harus berwaspada dan menjaga keselamatan dan kehormatan tanah suci ini serta menjaganya dari sebarang rupa pencerobohan dari luar dan dalam. Inilah hikmat Ilahi yang seolah-olah telah memberi amaran agar setiap Muslim tidak akan membelakangkan masalah Baitul Muqaddis yang telah dinodai oleh tangan-tangan Zionis dan meminta dari setiap Muslim supaya membersihkan tanah ini dan noda kecemaran yang telah melandanya.

Siapakah yang mengetahui bahawa peristiwa Isra' yang teragung inilah mendorongkan Salahuddin Al-Ayubi Rahimahullah bangun serentak menyeru kaum Muslimin menentang dan menghalau musuh salibi durjana dan berambus pulang ke Eropah semula dengan diselubungi oleh mendung kegagalan yang sial.

(4) Susu ialah yang menjadi pilihan Rasulullah ketika Jibril membawa datang satu piala yang berisi susu dan yang satu lagi berisi arak; ianya sebagai simbolik kepada Islam, agama fitrah dan semulajadi. Jelasnya 'aqidah dan hukum-hakam agama mi sesuai dan seiring dengan kehendak semulajadi manusia seluruhnya, tanpa ada suatu apapun di dalam Islam bercanggah dengan sifat—sifat semulajadi manusia. Andaikata 'alam ini dan tabi'at semulajadi diibaratkan dengan suatu badan dengan dimensinya maka Islam pula ialah baju yang terpotong mengikut ukuran yang benar—benar menepati ukuran badan tadi.

Inilah sebabnya mengapa Islam tersiar dengan meluasnya ke merata tempat dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Walau setinggi mana manusia mencapai tamaddun dan kemajuan kebendaan namun ia tetap mahu menjawab laungan perasaan dalaman yang bersifat semulajadi dan untuk demikian sanggup membebaskan dirinya dari belenggu rekaan yang kosot-moyot yang tidak berpijak dan berpandukan neraca semulajadi. Hanya Islam sahaja satu agama dan sistem yang unik yang boleh memberi keselesaan yang mendalam kepada neraca semula jadi manusia.

(5) Perjalanan Isra' dan Mi'raj berlaku dengan roh dan jasad sekali, jiwa dan badan Rasulullah sekali.

Sebilangan terbesar umat Islam di zaman lampau dan sekarang bersependapat mengatakan demikian. Imam Al Nawawi di dalam mengulas kitab Muslim menyatakan:

“Pendapat yang sebenarnya seperti yang dipegang dan diperkatakan oleh sebahagian besar (majoriti) orang awam dan para fuqaha' Islam yang terdahulu dan yang terakhir bahawa Isra' Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam berlaku sekali lagi dengan jasad baginda. Kesan peninggalan sejarah juga membuktikan sedemikian dan tidak dapat dan tidak mungkin kenyataan. Athar ini ditolak dan ditukar dengan yang lama dan tidak boleh diengkar melainkan kalau dapat dibawa suatu penafsiran yang lain”. [Al-Nawawi Al-Sahih Muslim & Fathul Bari Al-Sahih Al-Bukhari]

Imam Ibnu Hajar di dalam kitab pengulasan hadith Bukhari menyatakan bahawa Isra' dan Mi'raj itu berlaku kedua-duanya di dalam waktu satu malam, ketika Rasulullah masih sedar dan jaga dengan kedua-dua jasad dan rohnya sekali. Inilah pendapat majoriti 'ulama' hadith dan fuqaha' Islam dan 'ulama' tauhid. Berita peristiwa ini turut berpindah dari seorang ke seorang dan tidak seharusnya menarik diri dari mempercayai cerita ini kerana tidak ada suatu sebab pun yang membolehkan akal fikiran menolaknya.

Di antara bukti-bukti yang menolak keraguan apakah Rasulullah berangkat dengan jasad dan rohnya ialah kehairanan kaum Quraisy, kerana perkhawaran itu terlalu ganjil bagi mereka. Oleh yang demikian mereka dengan serta merta mendustakan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam. Kalaulah peristiwa ini setakat melibatkan roh sahaja maka tidak menjadi sebarang kegemparan di kalangan kaum Quraisy kerana pemandangan dan gambaran yang dilihat dalam tidur itu tidak ada sekatan dan batasan had. Kalau demikian maka perkara ini sama saja bagi orang Muslim dan kafir. Kalau peristiwa ini berlaku dengan roh sahaja mengapa puak Quraisy begitu bersungguh-sungguh untuk mengambil tahu dengan tepat tentang sifat-sifat Baitul Muqaddis, pintu, tiang dan sebagainya. Semuanya ini bertujuan untuk menekan dan mencabar Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam.

Fiqh Al-Sirah 1

Bagaimana boleh berlakunya peristiwa ini dan apakah boleh tergambar di otak kepala manusia? Segala-galanya berlaku sepertimana mu'jizat-mu'jizat yang lain boleh terjadi. Bukankah telah kita katakan bahawa 'alam ini semuanya mu'jizat dan luar biasa belaka. Kalau semua ini dapat diterima oleh akal fikiran mengapa pula yang ini tidak dapat diterima dengan mudah juga.

(6) Berwaspada dan berhati-hati dalam mencari cerita Isra' Mi'raj, agar jangan terperangkap oleh sebuah kitab yang bernama: "Mi'raj Ibni 'Abbas" kitab ini penuh bersirat dengan hadith-hadith yang palsu yang tidak ada asal dan sanadnya, memang pengarangnya yang bertujuan buruk ini cuba meletakkan pembohongan-pembohongan itu kepada Ibnu Abbas r.a., sedangkan Ibnu 'Abbas bersih dari demikian seperti yang diketahui oleh orang-orang yang berakal, Ibnu Abbas sebenarnya tidak pernah mengarang sebarang kitab mengenai Mi'raj Rasul, sebenarnya kitab ini disusun dan muncul di zaman akhiran pemerintahan Umawiyah.

Bila kitab ini ditemui oleh penda'wah-penda'wah jahat, mereka dapati banyak pembohongan yang dikaitkan kepada Rasulullah SallaLahu 'alaihi Wasallam yang boleh menggoncangkan iman banyak manusia, mereka pun memperkenalkan kitab ini, mereka tonjol-tonjolkan kitab ini, (Salah seorang dan mereka yang menulis pujian dan mengagung-agungkan kitab ini, ialah Doctor Louis Audh. Kenalkah anda siapa itu Louis Audh ??) di samping mereka tahu sebelum semua orang tahu bahawa kitab ini didustakan atas nama Ibnu Abbas, hadith-hadith yang terdapat dalamnya semua palsu dan salah, tetapi terbalik songsang begitu cepat sekali yang dusta menjadi benar pada mereka, ini adalah kerana bertujuan mengelirukan pemikiran orang-orang muslimin dan dengan tujuan membuat kesamaran terhadap agama Islam.

RASULULLAH MEMPERKENALKAN DIRINYA KEPADA QABILAH-QABILAH DAN PERMULAAN ANSAR MEMELUK ISLAM.

Di dalam musim haji ini, Rasulullah cuba memperkenalkan dirinya kepada qabilah-qabilah yang membanjiri Kota Makkah (Baitullah) dengan mengemukakan agama baru. Baginda membaca beberapa ayat Al-Quran dan menyeru mereka supaya beriman dengan Tuhan yang satu, tetapi tidak seorang pun yang menyahut seruanNya.

Ahli sejarah Ibnu Sa'd di dalam kitabnya menyebut begini:

"RasuluLlah mengikuti musim haji setiap tahun. Baginda bertemu dengan pengambil-pengambil haji di rumah-rumah mereka samada di Ukkaz, Mijannah mahupun di Zil Majaz, meminta mereka memberi sokongan dan perlindungan kepadaNya supaya dapat baginda menjalankan tugas dari Tuhan dan ganjarannya ialah syurga dan Tuhan. Malangnya tidak ada seorangpun yang menerima permintaan baginda. Baginda berseru: "Wahai sekalian manusia, berimanlah dan katakanlah sesungguhnya tidak ada Tuhan hanya Allah, dengan ini nescaya kamu berjaya dan dengannya nescaya kamu akan menguasai bangsa 'Arab dan bangsa asing pun akan tunduk kepadamu, sekiranya kamu beriman maka kamulah raja di dalam syurga". Di masa itu juga Abu Lahab mengekori dan belakang membuat seruan balas yang menyonsang dengan katanya: "Janganlah kamu ikutnya kerana ia sudah mendurhaka dan seorang pendusta". Oleh itu maka mereka menjawab seruan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam dengan sektor-sektor jawapan di samping menyakitinya.

Di dalam tahun kesebelas selepas pengutusanNya seperti biasa Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam memperkenalkan dirinya kepada qabilah-qabilah luar. Ketika berada di suatu tempat bernama "Al-'Aqabah" (letaknya di antara Makkah dan Mina. Di situlah dilakukan lontaran Jamrah Al 'Aqabah), Baginda telah sempat bertemu dengan beberapa orang dari puak Al Khazraj. Tanya baginda: "Siapakah kamu sekalian?" Jawab mereka: "Kami dari puak Al Khazraj."

Tanya baginda: "Jiran orang-orang Yahudi?" Jawab mereka: "Ya."

Kata baginda: "Relakah duduk sebentar untuk ku bercakap sepatah dua." Maka Baginda pun tidak membuang masa menyeru mereka ke jalan Allah dan menyeru kepada agama Islam, di sampingnya Rasulullah pun membaca beberapa potong ayat Al Qur'an.

Fiqh Al-Sirah 1

Penghidupan mereka bersama-sama orang Yahudi telah merintis jalan ke arah penerimaan Islam sebagai agama pegangan mereka. Seperti yang diketahui bahawa orang Yahudi ialah ahli-kitab dan ahli ilmu pengetahuan. Bilamana berlaku persengketaan di antara qabilah khazraj atau puak lain dengan Yahudi maka orang-orang Yahudi mengugut dengan kata mereka: “Sudah tiba masanya seorang Rasul akan diutus, di kala itu kami akan mengikut ajarannya dan bersama-sama akan kami hapus kamu sekalian sepertimana terhapus dan fananya bangsa ‘Ad dan Iram’

Bilamana Rasulullah memperkenalkan dirinya yang disusul dengan seruannya agar mereka menganut agama Islam membawa mereka teringat kembali akan ugutan Yahudi itu.

Kata mereka: “Kamu ingat tidak, inilah Nabi yang disebut oleh orang Yahudi dahulu, jangan beri peluang kepada Yahudi mendahului kamu”. Maka sekalian mereka pun menyahut seruan Rasulullah. Sambung mereka:

“Kami telah tinggalkan kaum bangsa kami di Madinah sana di dalam persengketaan yang amat sangat. Moga—moga dengan berkat tuan akan bertaut kembali kiambang yang bercerai. Sepulangan kami nanti akan kami kemukakan agama ini kepada mereka. Andaikata Tuhan menyatukan kembali kami ini maka tuan hambalah manusia teragung di kalangan kami.”

Merekapun bersurai dan sebelumnya mereka telah berjanji untuk berjumpa kembali di tahun akan datang.

PERJANJIAN AL-'AQABAH YANG PERTAMA

Islam pun mula berkembang di Madinah di tahun tersebut. Seperti yang dijanjikan, sekumpulan orang Ansar pun tiba seramai dua belas orang lelaki bertemu di Al-'Aqabah. Pertemuan ini dikenal dengan Al Aqabah Al Ula atau “Aqabah Pertama”. Perjanjian pun dimetrikkan seperti perjanjian wanita juga (di mana artikel perjanjian kaum wanita adalah tidak mengenai soal peperangan dan jihad). Di antara mereka itu ialah: As'ad bin Zurarah, Rafia' bin Malik, 'Ubadah bin Al-Samit dan Abu Al Haitham bin Al Tihan.

'Ubadah bin Al-Samit menceritakan peristiwa ini: “Rasulullah telah menyeru kami yang seramai dua belas orang ini dengan katanya: “Marilah bersama berjanji dengan hamba dan jangan sekali-kali mensyirikkan dan menyengutukan Allah. Jangan mencuri. Jangan berzina. Jangan membunuh anak-anak kamu dan janganlah kamu mendurhaka perintah ku ini kerana hendak melakukan ‘kejahatan. Barangsiapa menunaikan segala janji-janji tadi maka terimalah ganjaran istimewa dan Tuhan dan barangsiapa melanggar garis-garis tadi kemudian dibalas di dunia ini maka itu adalah dendanya, dan barangsiapa melanggar perjanjian tadi Tuhan melindunginya maka itu terserahlah kepada Allah, kalau kehendak Tuhan hendak membalas atas pelanggaran itu maka itulah balasannya dan kalau kehendak Tuhan mengampuninya kamu itu terserahlah kepada Allah jua”. Ubadah bin Al Samit menyambung lagi dengan katanya:

“Kami sekalian pun mengiya dan berikrar akan demikian (patuh)”.

Ketika mereka hendak beredar dari situ Rasulullah mengiriskan bersama—sama mereka Mus'ab bin Umair untuk mengajar mereka membaca Qur'an dan mengajar segala sesuatu mengenai Islam dan untuk memamatkan mereka soal—soal agama. Beliau ini dikenal dengan “Muqri' al Madinah” pembaca al-Madinah.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Tidakkah kita perhatikan suasana yang dihadapi oleh Rasulullah selama ini yang sudah berubah, kesabaran telah membuahkan sesuatu, usaha-usaha telah mula mengeluarkan hasil, da'wah yang diusahakan oleh Rasulullah kini mula menghijau dengan ranting-ranting dahan dan batang-batang yang subur akan mengeluarkan hasil dan perolehan yang lumayan.

Ya! Sebelum kita memperkatakan dengan lebih jauh lagi tentang hasil—hasil dan masa depan yang gemilang ini, marilah kita bersama-sama sekali lagi merenung akan kesabaran yang paling pahit dirasai oleh penghulu agung kita semasa menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan.

Di sini kita perhatikan Nabi Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam sewaktu menjalankan usaha da'wahnya, bukan setakat menyeru kaum puaknya sahaja dan qabilah Quraisy yang menentang

Fiqh Al-Sirah 1

perjuangan baginda tetapi seruan da'wahnya menyeluruh kepada semua qabilah-qabilah yang mengunjungi Kota Makkah dan penjuru-penjuru yang berasingan untuk mengerjakan haji. Baginda memperkenalkan dirinya sebagai petunjuk di mana baginda menyeru mereka kepada agama dan 'aqidah tauhid, berulang alik ke sana ke mari, tetapi tidak ada siapa pun yang menyahut seruannya itu Imam Ahmad, Hakim dan para ahli hadith yang lain meriwayatkan hadith sahih:

“Bahawa Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam telah memperkenalkan dirinya kepada pengunjung-pengunjung Makkah di musim-musim haji dengan katanya siapakah di antara kamu yang sanggup membawa aku untuk bertemu dengan kabilahnya, di sini puak Quraisy telah melarang aku dan menyampaikan firman dan seruan Tuhanku.”

Dalam masa sebelas tahun demi sesungguhnya Rasulullah telah mengalami hidup dan perjuangannya yang gigih tidak tahu letih dan penat lelah, di masa itu juga puak Quraisy begitu liar matanya untuk memerhati gerak geri Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dan mencari peluang untuk membunuh baginda. Berbagai corak dan cara penyiksaan yang dahsyat telah dihempap ke atas Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dengan tujuan hendak melemahkan semangat perjuangan baginda.

Dalam masa sebelas tahun Rasulullah merantau dan berdagang di tengah-tengah kaum bangsanya sendiri. Merantau di segenap puak dan bangsa yang melingkunginya, meskipun demikian sekali-kali tidak akan melemahkan semangat perjuangan baginda dan sedikitpun tidak merunsingkan kepalanya atau terlupa kepada TuhanNya.

Sebelas tahun dalam perjuangan tidak putus-putus dan kesabaran menuju ke jalan Allah merupakan harga yang setimpal ke arah penyibaratan dan perkembangan raksasa ke timur dan barat. Satu demi satu empayar dan dinasti tewas dan gugur di hadapannya. Rom dan Parsi tersungkur menarik nafas terakhir di bawah landasan dan badai arus perkembangan Islam yang agong.

Demikian nilai yang setimpal kepada perjuangan yang gigih, alangkah mudah dan gampang sekali bagi Tuhan menegakkan sesebuah masyarakat Islam yang kukuh, tetapi bukan itu sunnah dan polisi Tuhan dengan hambaNya. Biarlah berlaku penyembahan mereka kepada Tuhan mengikut selesa dan pilihan masing-masing setelah berlaku dan terciptanya kehambaan mereka tanpa pilihan.

Tidak akan terlaksana penyembahan yang sebenar tanpa pengorbanan tenaga yang ikhlas, tidak akan nampak yang jati dari yang palsu tanpa dugaan dan tidak akan timbul yang benar dan yang munafiq tanpa sengsara dan percubaan. Memang tidak adil dan saksama untuk mendapat habuan tanpa membelanjakan tenaga dan usaha masing-masing.

Untuk ini semua maka Tuhan telah mewajibkan manusia dua perkara:

1. Menegakkan syari'at Islam dan masyarakatnya.
2. Perjalanan ke matlamat tersebut adalah melalui liku liku jalan yang penuh dengan onak dan dugaan.

Kalaulah demikian rupanya marilah kita perhatikan sehalusnya tentang hasil yang mula nampak selepas sebelas tahun dalam perjuangan berda'wah dan apakah sifat atau tabi'at dan cara perkembangannya:—

(Pertama) Kejayaan yang diidamkan itu bukanlah dan pihak Quraisy tapi dan kelompok yang jauh terpencil dan Makkah dan Quraisy, walaupun pergeseran dan permasyarakatan dahulu lebih rapat dengan Quraisy. Apakah sebabnya hingga berlakunya sebegini rupa?

Sepertimana yang kita tegaskan di pendahuluan kitab ini bahawa sudah menjadi hikmat Ilahi agar pengkaji dan penatap sejarah perjalanan da'wah Islamiyyah tidak merasa ragu—ragu dan syak wasangka terhadap sifat dan sumbernya (yakni kebenaran). Dengan itu maka mudahlah orang beriman dengannya, dan tidak akan berlaku kesusulan atau kekeiruan dengan da'wah-da'wah lain. Untuk demikian juga maka Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam diutuskan dalam keadaan buta huruf, untuk demikian juga maka seruan dan da'wah Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam timbul di tengah-tengah kalangan bangsa yang buta kemajuan tak pernah merasa atau melihat dan mengambil kemajuan dan luar, untuk demikian juga maka Nabi Muhammad SallaLahu ‘alaihi Wasallam dijadikan contoh unggul untuk budi pekerti,

Fiqh Al-Sirah 1

amanah dan peribadi suci dan untuk demikian juga maka pengikut-pengikutnya yang pertama bukan dan anak biah suasananya atau kaum bangsanya, supaya jangan disangka orang yang seruan Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam mi adalah seruan kebangsaan dan kelompoknya semata—mata.

Sebenarnya inilah hikmat Ilahi yang telah memainkan peranan dan segenap segi, buat menjaga seruan ini dan sebarang ancaman dan ugutan luar yang ingin menusuk dengan tikaman beracun.

Perkara ini pun telah dibentang oleh penyelidik luar dalam sebuah kitab berjudul “Dunia Islam di hari ini”.

“Sesungguhnya pihak orientalis begitu gigih membuat kritik—kritik terhadap sirah Rasulullah mengikut sistem kajian Eropah, mereka bertungkus lumus selama tiga suku abad me nyelidik dan mengkaji mengikut prasangka mereka demi untuk meroboh sama sekali pendapat yang telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh ‘ulama’ Islam mengenai sejarah Nabi mereka. Sepatutnya usaha mereka yang begitu mendalam sudah lama telah meroboh benteng pendapat orang Islam itu, dan apakah memang dapat mereka berbuat demikian? Sebagai jawapannya:

Dengan terang-terang, sedikitpun mereka tidak boleh berbuat apa-apa, malah kalau kita perhatikan dengan teliti mengenai pendapat baru yang baru diproseskan oleh para onentalis. Perancis, Inggeris, Jerman, Belgium dan Belanda tidak ada suatu apa pun, tidak lebih dan temukut bercampur hampa, tidak memberi sebarang faedah, yang engkau dapati hanya tiap seorang dan mereka cuba menegaskan apa yang telah dinafikan oleh yang lain.” (perhatikan kitab. ‘Hadzir al’alam al-Islami, Jiid pertama muka surat 33)

(Kedua) Ketika kita memerhati dengan teliti ternyata dengan jelas bahawa segala apa yang telah kita paparkan tentang permulaan Islam untuk orang-orang Ansar di mana Tuhan telah menyediakan suasana dan penghidupan di Madinah untuk menenima da’wah Islamiyyah, sebenarnya memang sudah terdapat keselesaan dan persediaan jiwa untuk menerima Islam. Apakah tanda—tanda persediaan jiwa itu?

Antaranya, Kota Madinah merupakan bandar kosmopolitan, terdapat bangsa Yahudi mendatang di tengah-tengah rakyat bumiputera bangsa ‘Arab yang musyrik, bangsa ‘Arab ini pula terbahagi kepada dua kelompok yang terbesar iaitu Al ‘Aus dan AJ—Khazraj.

Puak Yahudi yang mendatang pula terdiri dan tiga qabilah: Bani Quraidzah, Bani Al Nadzir dan Bani Qainuqa’.

Bangsa Yahudi di Madinah ini telah begitu lama menghasut dan menyalakan api perpecahan dan ini memang tabi’at semulajadi mereka di antara dua puak bumiputra (bangsa ‘Arab) ini. Peperangan sering berlaku di antara dua puak ini. Pengarang kitab: “Mukhtasar Sirah Al—Rasul SallaLlahu ‘alaihi Wasallam”, Muhammad bin Abdul Wahhab menegaskan dengan katanya: Peperangan pernah berlarutan memakan masa seratus dua puluh lima tahun.

Di dalam masa peperangan yang memanjang ini puak ‘Aus telah mengikat janji dengan Bani Quraidzah dan puak Khazraj pula mengikat janji dengan Bani Al-Nadzir dan Bani Qairiuqa’. Pertempuran yang terakhir berlaku di antara dua puak ini ialah pertempuran “Bu’uth” di mana sebilangan besar pembesar-pembesar dan pemimpin mereka terkorban, pertempuran ini berlaku beberapa tahun sebelum hijrah Al-Rasul ke Madinah.

Di dalam keadaan begitu andaikata berlaku peperangan di antara bangsa ‘Arab dan orang-orang Yahudi maka orang Yahudi sering mengugut mereka dengan kata mereka:

“Bahawa seorang Rasul akan diutuskan Allah ke dunia ini dan masanya pun telahpun hampir tiba, dan kami (orang-orang Yahudi) akan turut menjadi pengikutnya nanti, di masa itulah kami akan hancurkan bangsa ‘Arab dengan pertolongan Nabi tadi bak terhancurkan keturunan ‘Ad dan Tram”.

Ini adalah suasana yang telah menggerak penduduk Madinah tertunggu-tunggu dengan kedatangan seorang Nabi dan kelahiran suatu agama baru. Dengan penuh harapan mereka menanti-nanti suatu hari kelompok bangsa ‘Arab kembali bersatu padu, bak pepatah bidok lalu kiambang bertaut.

Mengikut apa yang ditegaskan oleh Ibnu Qayyim dalam kitabnya “Zadul Ma’ad” sememangnya inilah apa yang disediakan Allah untuk utusanNya sebagai persediaan untuk berhijrah ke Madinah dan

Fiqh Al-Sirah 1

hikmat Ilahi agar di sanalah menjadi tapak utama ke arab pelancaran dan perkembangan Islam ke merata tempat di dunia ini.

(Ketiga) Di dalam perjanjian Al-'Aqabah yang pertama telah dapat diIslamkan beberapa orang kenamaan Madinah, seperti yang kita perihalkan, dan sejauh manakah pengislaman mereka ini dan apakah tanggungjawab mereka yang telah dipertanggungjawabkan terhadap Islam?

Seperti yang kita perhatikan bahawa Islam mereka ini bukan sekadar mengucapkan dua kalimah syahadah sahaja. Sebaliknya keIslaman mereka ini adalah dengan suatu pegangan dan keyakinan yang teguh, mendalam serta menyeluruh. Di samping mengucap dua kalimah syahadah mereka susuli pula dengan perjanjian dan dimetrikkan bersama dengan Rasulullah agar segala tingkah-laku mereka, dan penghidupan seharian mereka mengikut Islam. Ada baiknya kita menyebut kembali prinsip-prinsip utama dan piagam perjanjian mereka: kepercayaan kepada Tuhan yang Esa tanpa menyengutuiNya, tidak mencuri tidak akan berzina, tidak membunuh anak sendiri, tidak melakukan kejahatan dan tidak melanggar perintah Rasulullah dengan tujuan hendak melakukan kejahatan.

Inilah keistimewaan masyarakat Islam yang terpenting di mana diutusny Rasulullah untuk menegakkannya. Bukanlah tugas Rasulullah setakat mengajar manusia mengucap dua kalimah syahadah kemudian tinggal mereka untuk mengucap-ngucapkannya sedangkan mereka tetap juga dengan kerja-kerja yang sesat dan perbuatan yang tidak senonoh lagi munkar. Sememangnya setiap yang mempraktikkan dua kalimah syahadah, menghalalkan yang halal, mengharamkan yang haram dan yang melaksanakan segala suruhan maka ianya dianggap Muslim. Mempercayai keEsaan Tuhan dan keRasulan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam merupakan kunci dan langkah pertama ke arah pembentukan masyarakat Islam, melaksanakan sistem dan prinsip-prinsip Islam dan beriman dengan kekuasaan Tuhan dalam semua aspek. Dengan lain perkataan dapatlah dikatakan bahawa di mana sahaja terdapat keimanan kepada Allah dan keRasulan Muhammad SallaLahu 'alaihi Wasallam, maka keimanan itu akan diikuti pula dengan kepercayaan dan keimanan kepada kekuasaan Allah disertai dengan perasaan mematuhi segala syari'at dan dasarnya.

Yang ganjil sekali kita dapati masih terdapat beberapa kerat manusia yang begitu terpengaruh dan dipengaruhi oleh undang-undang ciptaan manusia, dan mereka ini tidak pula mahu berterus-terus menolak Islam ke tepi. Manusia-manusia ini berusaha hendak melakukan tolak-ansur kehendak manusia yang bebas dengan syari'at Ilahi.

Usaha mereka ini ketara sekali dalam tindakan mereka membahagikan aspek hidup, sebahagian untuk mereka dan sebahagian yang lain untuk Islam. Kata mereka; masjid dan segala sesuatu yang bersangkutan dengan penyembahan adalah untuk Islam. Itu pun kadang-kadang mereka memainkan tipu helah supaya sesuai dengan kehendak mereka manakala sistem perundangan, peradaban dan lain-lainnya adalah untuk mereka. Ini pun juga digubah, ditokok atau dibuang agar sesuai dengan kehendak mereka juga.

Andaikata Rasul-rasul diutuskan kepada segolongan pendurhaka yang mengingkari keRasulan Nabi dan mereka ketahui jalan penyelesaian kepada masalah mereka adalah dengan cara bertolak ansur dengan Islam, maka sudah tentu mereka tidak akan teragak-agak untuk memeluk Islam dan tunduk di bawah Nya. Seandainya tindakan mereka itu tidak memaksa mereka menarik diri dan takhta pemerintahan yang sedia ada atau keta'atan mereka di bawah Islam itu tidak menjejaskan undang undang atau peraturan ciptaan mereka. Apakah ruginya bagi mereka sekadar menyebut beberapa perkataan dan beberapa kerja 'ibadat untuk dilihat orang? Tetapi sebaliknya mereka sedar bahawa agama ini akan mewajibkan mereka pertama-tamanya supaya tunduk dan patuh kepada suatu peraturan dan perintah lain, iaitu Islam, secara menyeluruh di mana hukum syari'at dan perintah telah mensyaratkan untuk tunduk hanya kepada Allah sahaja. Inilah sebabnya mereka mengganggu dan menentang RasuluLah dan berat bagi mereka untuk memeluk Islam sebagai menyambut baik seruan Allah itu.

Untuk menerang hakikat ini di samping memberi ingat tentang fahaman yang menuduh Islam itu hanya sekadar dua kalimah syahadah dan sembahyang sahaja, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang bermaksud:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا نُزِّلَ إِلَيْكَ وَمَا نُزِّلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَاكَمُوا إِلَى الطَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوا أَنْ
يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا (60)

“Tidakkah kamu meihat orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman kepada apa yang diturunkan kepada kamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu. Mereka hendak berhakim kepada taghut, pada hal mereka telah diperintah mengingkari taghut itu. Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka (dengan) sesatan yang sejauh-jauhnya “.

(Surah Al-Nisa’ 4:60)

Kembali membincangkan tajuk perjanjian Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam dengan orang-orang Madinah (orang Ansar di Al-’Aqabah Al-Ula) di mana artikel perjanjian tersebut langsung tidak menyentuh tentang perjuangan ‘Jihad’ maka ini adalah disebabkan perintah tersebut belum lagi diwajibkan di kala itu. Oleh kerana tidak wujud dan tidak disebut perjuangan jihad’ di dalam perjanjian dengan orang dua belas ini maka ahli sirah menamakan perjanjian ini sebertuk dan serupa dengan “perjanjian wanita”.

(Keempat) Tidak syak lagi bahawa Rasulullah yang memikul tanggungjawab berda’wah untuk agama Allah. Bagidalah utusan untuk segenap golongan manusia, maka semestinyalah akan disampaikannya da’wah Allah itu.

Timbul satu pertanyaan, apakah hubungan da’wah ini dengan mereka yang memeluk agama Islam ini pula?

Satu jawapan sudah pun tersedia untuk pertanyaan demikian, iaitu dalam rangka pengutusan dan pengiriman Mus’ab Umair oleh Rasulullah bersama-sama dua belas orang ke Madinah, untuk mengajar orang-orang di sana mengenai Al Qur’an dan hukum—hakam agama. Dalam tugasnya ini ada kalanya beliau pernah diserang oleh orang musyrik, mengangkat tombak mengancam jiwanya, tetapi tidak ada apa yang dilakukan oleh Mus’ab untuk mempertahankan dirinya kecuali dengan membaca beberapa potong ayat Al Qur’an serta menyebut beberapa hukum-hukum Islam. Dengan lemah seteru yang menyinga itu meletakkan senjatanya dan terus mengikuti kuliah Islam yang diberikan oleh Mus’ab itu. Dengan itu agama Islam pun mula berkembang dengan pesatnya di Madinah di mana agama Islam menjadi buah mulut dan maudhu’ (tajuk) perbincangan hangat kepada setiap lapisan masyarakat.

Tahukah saudara siapakah Mus’ab bin Umair itu?

Ia adalah satu-satunya putera ‘Arab yang hidup dengan serba kemewahan, dengan pakaian yang serba mahal. Tapi bila saja beliau menganut agama Islam maka segala—galanya ditolak ke tepi. Dengan penuh semangat kelslaman beliau turut serta di barisan hadapan di belakang Rasulullah berda’wah dan menyeru manusia ke jalan yang sebenar. Dengan relahati pula beliau menerima siksaan kaum Quraisy dan beginilah keadaannya yang penuh dedikasi berkorban untuk Islam hingga ke titisan dan nafasnya yang terakhir. Di dalam peperangan Uhud ditaqdirkan beliau telah gugur syahid. Dengan pakaian yang sehelai ditubuh sahaja, baju labuhnya tidak mencukupi untuk menutup ‘aurat jenazahnya sehingga kalau ditutup di bahagian kepalanya maka kakinya akan terjantai keluar dan kalau ditarik ke kakinya maka kepalanya pula akan terdedah. Akhirnya mereka menceritakan kepada Rasulullah. Rasulullah menangis, teringat kembali betapa beliau sanggup menolak kemewahan duniawi semasa mudanya dahulu. Rasulullah pun bersabda: “Litupilah bahagian kepalanya dengan baju labuhnya itu dan tutuplah dua kakinya dengan daun izkhur”.

Kewajipan berda’wah bukan tanggungjawab para Rasul dan Anbiya’ sahaja atau pun para khalifah dan ‘ulama’ sahaja, tetapi da’wah Islamiyyah adalah sebahagian dari Islam itu sendiri; tidak dapat tidak setiap muslim berkewajipan menanggung kewajipan ini biar apa jawatan dan urusan yang diselenggarakan kerana hakikat defakto Islam ialah:

“YANG MENYERU KE ARAH KEMUNGKARAN DAN MELARANG DARI KEMUNGKARAN”.

Bukankah anda lebih mengetahui yang mana perjuangan jihad adalah fardhu dan kewajipan yang mesti dibeban oleh setiap muslim.

Fiqh Al-Sirah 1

Dan sini dapatlah difaham bahawa perkataan atau istilah ‘ahli agama’ yang terkenal di kalangan masyarakat Islam untuk suatu gotongan tertentu itu adalah suatu pengertian yang salah kerana setiap yang menganut agama Islam telah berjanji dengan Allah dan RasulNya untuk berjuang dan berjihad demi agama Islam, lelaki maupun perempuan ‘alim mahupun jahil tidak kira apa pangkat dan bidang-kerja ikhtisasnya’

Orang Islam kesemuanya adalah ahli agama belaka dan Tuhan menawar ‘syurga’ kepada mereka yang sanggup menegakkan agama Allah dengan menggadaikan jiwa raga mereka dan harta kekayaan.

Memang menjadi pengetahuan umum bahawa bidang kerja ikhtisas para ‘ulama’ mengenai masalah—masalah agama dan mengkaji hukum-hakam Islam yang tersirat di dalam nusus atau teks Al-Qur’an dan hadith itu tidak ada kena mengena dengan perkara yang disebut di atas tadi.

PERJANJIAN AL ‘AQABAH YANG KEDUA

Musim Haji di tahun selepasnya, Mus’ab bin Umair pun pulang ke Mekkah bersama-samanya sebilangan besar orang Islam Madinah, curi keluar bersama—sama keluarga mereka yang musyrikin.

Mengikuti apa yang diceritakan oleh Muhammad bin Ishak yang diriwayatkan dari Ka’ab bin Malik, katanya, “Kami telah berjanji dengan Rasulullah untuk bertemu di Al ‘Aqabah pada Hari Tasyrik. Selepas selesai kami mengerjakan haji dan tepat pada malam yang telah kami berjanji itu, kami pun tidur bersama-sama keluarga dan barang-barang kami. Bila sampai sepertiga malam kami pun keluar dari kediaman menuju ke tempat yang dijanjikan untuk menemui Rasulullah SallaLahu ‘alaihi Wasallam. Kami keluar perlahan—lahan bersembunyi seperti burung qata sehingga kami bertemu kesemua berjumlah tujuh puluh tiga orang lelaki dan dua orang perempuan keluarga kami iaitu Nasibah binti Ka’ab dan Asma’ binti ‘Amru bin ‘Adiy’.

“Di lorong itu kami menunggu ketibaan Rasulullah, akhirnya Baginda pun tiba dengan diiringi oleh bapa saudaranya Al ‘Abbas bin ‘Abdul Muttalib. Sidang ramai pun berkata: “Ambillah dari kami apa saja yang engkau mahu untuk tuan hamba dan Tuhan.” Kemudian Rasulullah pun berucap di samping membaca beberapa ayat Al—Qur’an sambil menyeru ke jalan Allah dan mempelawa mereka kepada agama Islam. Di akhirnya RasuluLlah menyuarakan hasrat baginda, katanya: “Saya berjanji dengan kamu supaya sanggup mempertahankan diriku seperti mana kamu mempertahankan anak isteri kamu.”

Al Barra’ bin Ma’rur memegang tangan RasuluLlah dan berikrar: “Ya, demi Allah yang mengutus engkau dengan kebenaran sebagai Nabi, kami berjanji dan berikrar akan membela diri engkau sepertimana kami mempertahankan diri sendiri, berjanjilah dan percayalah kami wahai RasuluLlah, demi Tuhan, kami kesemua adalah juara peperangan dan persenjataan belaka, keistimewaan ini kami warisi sejak turun temurun dari datuk nenek kami yang ulung.”

Semasa Al Barra’ sedang membuat ucapan dan penegasannya itu, Abu Al-Haitham bin Al-Tihan menyampuk, kata beliau, “Wahai RasuluLlah, sesungguhnya antara kami dan orang Yahudi termetri satu perikatan dan akan kami putus perikatan tadi, andaikata Tuhan telah menolong tuan hamba mendapat kemenangan yang membolehkan tuan hamba beredar pulang ke pangkuan keluarga dan kaum puak sendiri, apakah rela tuan hamba berbuat demikian meninggal kami?”

RasuluLlah senyum lantas berkata: “Tidakkah kita ini sudah sedarah sedaging, kalau runtuh sama-sama runtuh, aku ini kamu dan kamu itu aku, akanku perangi sesiapa yang memerangi kamu dan berdamai dengan sesiapa yang kamu damaikan.”

RasuluLlah meminta dengan katanya: “Pilihlah dua belas orang di antara kamu sebagai pengawas ‘Al Naqib’ untuk kaum puaknya.” Mereka pun pilihlah dua belas orang pengawas; sembilan dari puak Al-Khazraj dan tiga dari ‘Aus. Sejurus selepas pemiihan, RasuluLlah pun beramanah dan berpesan kepada pengawas yang dipilihnya itu: “Kamulah bertanggungjawab mengawas kaum puak kamu sebagaimana pengikut ‘Isa ‘Alaihissalam, dan aku ini pengawas kaumku.”

Fiqh Al-Sirah 1

Al-Barra' bin Ma'rur adalah orang pertama berjabat tangan dengan Rasulullah tanda bersetuju, lepas itu barulah peserta yang lain turut berjabat.

Setelah kesemua mereka membuat perjanjian Rasulullah pun berkata: “Dan sekarang ini bolehlah kamu bersurai balik ke tempat masing-masing”. Al ‘Abbas bin ‘Ubadah bin Naflah berkata: “Demi Allah yang mengutus engkau dengan sebenarnya, sekiranya tuan hamba setuju besok akan saya selesai keluarga saya dengan pedang-pedang kami.” Jawab Rasulullah: “Kita tidak disuruh bertindak demikian, dan bersurailah ke tempat masing-masing.

Kami pun pulang ke tempat tidur masing-masing, di mana kami tidur sampai ke pagi hari. Bila pagi menyusur tiba, sebilangan puak Quraisy datang ke tempat kami, mereka melaung: “Wahai sekalian kaum Khazraj, sesungguhnya suatu berita hangat telah sampai ke pengetahuan kami, di mana kamu merancang hendak membawa keluar saudara kami itu (Muhammad) dari sini, dan kami telah dengar juga kamu telah berjanji dengannya untuk memerangi kami, demi Tuhan sesungguhnya peperangan yang paling benci bagi kami ialah peperangan dengan kamu sekalian.”

Keluarga kami yang musyrik dan kafir bangun menyumpah-nyumpah kata mereka: “Sedikit pun kami tak tahu ...” Perkara ini memang benar tetapi mereka tidak tahu, kemudian Ka’ab bin Malik menyambung ceritanya: “Setengah-setengah dari kami memerhati satu sama lain.”

Setelah semua orang pulang dari ‘Mina’ maka puak musyrikin pun membuat siasatan lanjut mengenai berita yang dihebohkan oleh Quraisy itu, di mana mereka dapati berita itu memang benar seperti yang diheboh-hebohkan. Mereka pun keluar mencari kami, antaranya mereka berjumpa Sa’ad bin ‘Ubadah di suatu tempat berhampiran dengan Makkah bernama ‘Azakhur’ dan Munzir bin Amru kedua—dua mereka ini pengawas tetapi mereka tidak sempat menangkapnya. Ada pun Sa’ad bin ‘Ubadah mereka telah mengikat kedua-dua tangan ke lehernya kemudian diseret dengan binatang tunggangannya hingga sampai ke bandar Makkah. Di sana mereka menyebat dan merabut-rabut rambutnya yang panjang.

Sa’ad sendiri telah menceritakannya: “Allah sahaja yang mengetahui ketika aku di dalam tangan mereka, maka semasa aku diseret tiba—tiba seorang di antara mereka datang sambil berkata: “Apa cerita awak ini tidak adakah salah seorang dari Quraisy yang telah kamu meminta perlindungan?” Jawab Sa’ad: “Oh Ya! Sebenarnya aku di sini di bawah perlindungan dan perjanjian Jabir bin Mut’am dan Al Harith bin Umayyah, seperti perlindunganku kepada mereka bila mereka berada dalam negeriku” kata orang itu: Kalau begitu laung dan pekikkan nama mereka. Akupun melaungkan nama mereka. Akhirnya mereka pun sampai di mana mereka membebaskan aku dari tangan dan keganasan mereka.”

Ibnu Hisyam seorang penulis sejarah Rasulullah mencatat begini: “Dimetrikkan perjanjian peperangan (Bai’atul Harb atau Bai’atul ‘Aqabah Kedua) tepat pada ketika Tuhan memberi arahan kepada RasulNya supaya berperang. Perjanjian itu mengandungi beberapa syarat selain daripada syarat-syarat perjanjian Al ‘Aqabah yang pertama dulu. Perjanjian yang pertama itu juga dikenal dengan ‘perjanjian wanita’ di mana Rasulullah belum lagi diarah supaya berperang. Selepas Rasulullah diarah dan diizinkan oleh Allah supaya berjihad dan berperang maka Rasulullah dan umat Islam pun berikrar di perjanjian Al ‘Aqabah yang kedua ini untuk berjuang ke titisan darah yang terakhir. Tuhan pula telah berjanji kepada mereka yang benar-benar ikhlas dan menepati akan ikrar itu syurga nirwanalah sebagai balasan.”

‘Ubadah bin Al-Samit menceritakan: “Kami telah berikrar di dalam Al Bai’atul ‘Aqabah yang kedua atau Bai’ah Al Harb akan taat setia di masa kesusahan mahupun di masa senang, di masa genting mahupun di masa tenang berjanji tidak akan berpecah, berjanji akan bercakap benar di mana-mana saja berada dan berjanji tidak akan takut sesuatu kerana Allah.”

أَذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتِلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ (39) الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِن دِيَارِهِمْ بَغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدَمَتِ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ (40)

Firman Allah: -

Fiqh Al-Sirah 1

Yang bermaksud:

“Telah diizinkan (berperang) kepada mereka yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa menolong mereka itu (iaitu) mereka yang telah diusir dan kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, hanya mereka berkata: Tuhan kami hanyalah Allah. Sekira Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja rumah rumah ibadat Yahudi dan Masjid—masjid yang di dalamnya banyak disebut nama Allah dan sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agamaNya) bahawasanya Allah sungguh Maha Kuat, Maha Perkasa”

(Surah Al-Hajj: Ayat 39 — 40)

Inilah ayat Al Qur’an yang julung-julung diturunkan mengenai peperangan di mana dibenar dan diizinkan kepada Rasulullah berperang dan berjihad (Lihat Tabaqat Ibnu Sa’d dan Tahzib Sirah Ibnu Hisyam) yang bererti:

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Perjanjian ini adalah seperti dengan perjanjian yang pertama dulu kerana kedua-duanya merupakan pengisytiharan iqrar keta’atan dalam Islam di hadapan Rasulullah, mengangkat sumpah ta’at setia dan ikhlas demi agama Allah dan berikrar untuk menjunjung segala perintah Rasulullah.

Kalau macam mana pun perlu kita perhatikan dua titik perbezaan yang penting terdapat di antara dua perjanjian ini yang patut kita perhati dan teliti:

(Pertama): Bilangan peserta di dalam perjanjian pertama seramai dua belas orang lelaki dan di dalam perjanjian kedua telah meningkat kepada tujuh puluh lebih termasuk dua peserta wanita.

Mereka yang dua belas orang iaitu peserta perjanjian pertama telah pun pulang ke Madinah bersama—sama mereka Mus’ab bin ‘Umair bukan semata-mata pulang untuk mengasing diri dari masyarakat atau tinggal berdiam diri di rumah masing masing tetapi sebagai tanggungjawab, mereka telah berusaha untuk mengembangkan agama Islam di kalangan masyarakat masing-masing, lelaki dan perempuan. Mereka memperdengarkan potongan-potongan ayat Al-Qur’an, menerangkan selengkapnya hukum-hakam dan peraturannya. Atas daya usahalah maka Islam telah berkembang dengan pesat di Kota Madinah di tahun itu juga. Pendek kata tidak ada sebuah rumah pun yang tidak dibenderangkan dengan cahaya Islam. Tajuk perbincangan harian mereka ialah Islam serta keistimewaan hukum—hakamnya.

Inilah kewajipan dan tanggungjawab tiap muslim di kala dan di mana juga mereka berada.

(Kedua): Artikel—artikel perjanjian pertama tidak menyebut sama sekali soal jihad dan perjuangan. Sebaliknya di dalam perjanjian kedua dengan terus terang menyuarakan supaya jihad, perjuangan dan mempertahankan keselamatan Rasulullah itu menjadi tanggungjawab tiap muslim dengan apa jalan sekalipun.

Berlakunya perbezaan ini disebabkan para peserta perjanjian pulang ke Madinah setelah mengaku akan bertemu dengan Rasulullah di tempat itu juga di musim hadapan, dengan niat akan membawa bersama mereka bilangan lebih ramai penganut-penganut Islam di samping memperbaharui sumpah setia mereka. Jika demikian maka tidak perlu lagi diadakan ikrar jibad dan perjuangan kerana kebetulan pula pada waktu itu perintah Allah belum lagi diterimanya, tambahan pula para peserta semua akan bertemu kembali di musim hadapan.

Dengan itu dikatakan bahawa perjanjian ini hanya buat sementara sah lantaran artikel_artikelnya yang tidak meliputi, malahan serupa dengan perjanjian wanita yang dimetrika selepasnya.

Perjanjian kedua pula merupakan faktor asas kepada peristiwa hijrah Rasulullah ke Madinah dan oleh yang demikian ianya begitu lengkap dan merangkumi segala pninsip yang bakal dilaksanakan selepas hijrah nanti. Antara yang terpenting ialah jihad dan mempertahankan Da’wah islamiyyah dengan tenaga dan kekuatan, walau pun suruhan ini tidak diperintahkan oleh Tuhan di Makkah tetapi Allah telah mengilhamkan kepada RasulNya yang suruhan itu akan diwajibkan di masa hadapan nanti.

Fiqh Al-Sirah 1

Dari sini dapatlah kita fahamkan bahawa perintah berjihad dan berperang di dalam Islam tidak diwajibkan kecuali setelah berlakunya hijrah ke Madinah, mengikut pendapat yang benar. Bukanlah sepertimana yang boleh difahamkan dari Ibnu Hisyam, yang rnengatakan bahawa berjihad telahpun diwajibkan sebelum hijrah iaitu ketika dimetrikkan pejanjian Al ‘Aqabah yang kedua. Sebenarnya tidak disebut langsung di dalam artikel perjanjian ‘Aqabah yang kedua itu apa-apa perintah atau suruhan berjihad, kerana Nabi sendiri ketika mengikat perjanjian dengan penduduk Madinah itu meminta supaya berjihad hanya bila mana beliau hijrah ke sana nanti. Buktinya, Rasulullah telah tidak setuju dengan apa yang diutarakan oleh Al-‘Abbas bin ‘Ubadah selepas perjanjian yang katanya: “Demi Tuhan yang telah mengutus engkau dengan benar, andai tuan hamba benar maka akan kami buat perhitungan dengan keluarga kami dengan mata pedang pada besok hari.” Jawab Rasulullah: “Kita belum lagi diarah berbuat demikian, pulanglah ke tempat masing-masing.”

Mengikut pendapat yang dipersetujui bahawa ayat Al Qur’an yang pertama yang diturunkan berhubung denganjihad ialah ayat:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ (39)

Yang bermaksud

“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya. Dan Allah adalah Maha Kuasa menolong mereka itu.”

(Surah Al-Hajj 22 : 39)

Mengikut apa yang diceritakan oleh Al Tarmizi, Al Nasa’i dan yang lain yang diambil dan Ibnu ‘Abbas, katanya: “Semasa Rasulullah dihalau dari Makkah, Abu Bakar dengan kesal berkata: “Mereka telah menghalau Nabi sendiri, sesungguhnya kita ini berserahlah kepada Allah dan sesungguhnya kepada Nya jua kita akan kembali, sudah tiba masanya yang mereka akan musnah”. Ibnu ‘Abbas menambah kata: “Di kala itulah Tuhan menurunkan ayat Al Qur’an ini. Aku sedar akan berlaku peperangan” tambah Abu Bakar RadhiyaLlahu ‘anh.

Adapun sebab dan kenapa maka terlewat suruhan berjuang dan berjihad dengan tenaga kekerasan hingga saat ini, ini adalah kerana beberapa hikmat:—

1. Memang tepat dan kena pada tempatnya memperkenalkan Islam itu kepada ramai kemudian baru diarahkan kepada perjuangan dan peperangan. Berda’wah memberi penerangan selengkapnya, menyingkap segala tabir yang membawa kepada kesamaran diikuti dengan pendedahan hakikat Islam yang sebenar. Tidak syak lagi beginilah tenaga, cara dan peningkatan perjuangan.

Sebab itulah maka tanggungjawab melaksanakannya adalah menjadi kewajipan bersama, di mana tiap muslim disuruh menyumbang tenaga bakti.

2. Sebagai rahmat Ilahi juga ke atas hambaNya. Ia (Allah) tidak mewajibkan perang dan jihad itu sebelum umat Islam mempunyai tempat tinggal sendiri. Telah wujud sebuah Negara Islam, yang merupakan benteng kubu pertahanan mempertahankan dan melindungi diri di kala perlu, di sini maka Madinah Al Munawwarahlah Negara Islam yang pertama di ‘alam ini.

PERBICARAAN UMUM TENTANG AL JIHAD DAN MENGAPA DISYARA’KAN

Oleh kerana kajian ini telah mendesak kita ke arah pembicaraan tentang Al Jihad dan perjuangan maka sewajarliah kita perkatakan demi untuk mendapat suatu kesimpulan dan pendapat yang sihat mengenai Al Jihad dan sebab diwajibkan serta peringkat-peringkatnya.

Tajuk perbincangan ini menjadi sasaran penyerang ideologi yang profesional, yang berusaha sedaya upaya mencampur-adukkan kebenaran dengan kepalsuan, hak dengan bathil. Mereka menyingsing lengan mencari lubang-lubang kelemahan dan mahligai keagungan Islam yang suci itu, tujuan mereka ialah menyebarkan syak wasangka dan kesangsian terhadap Islam.

Fiqh Al-Sirah 1

Tidak usah engkau hairankan tentang tujuan kegigihan mereka, di mana mereka berusaha mengumpulkan riak tenaga demi untuk mengeliru tentang kebenaran suruhan Al Jihad. Sekiranya kita tahu bahawa jihad dan perjuangan merupakan satu rukun dan tenaga Islam yang paling ampuh dan strategi mengikut kaca mata umat Islam mereka juga sedar sekiranya rukun atau tenaga ini terus dibiarkan hidup berkobar di dada tiap Muslim maka ianya merupakan bahan pemanas dan penggerak penghidupan umat Islam di setiap zaman. Ianya merupakan satu tenaga dan kuasa raksasa yang tidak boleh disekat atau dibendung, suatu tenaga yang menggugut kepentingan emperialis. Oleh yang demikian usaha untuk menyekat sebarang arus kemaraan Islam haruslah dimulakan dengan menyekat arus ini dahulu.

Di dalam sepeatah dua kata di sini, ingin saya menerangkan; pertama — makna atau erti Al Jihad perjuangan, tujuannya dalam Islam, peringkat-peringkat yang dilaluinya dan peringkat yang terakhir; yang kedua kita cuba menerangkan fahaman atau definasi yang salah yang telah meresap masuk dan pemalsuan peranannya yang sengaja dicuba dan tidak langsung berkaitan dengan hakikatnya.

Pengertian Jihad

Definasi jihad yang sebenarnya ialah mengorbankan segala tenaga dan usaha ke jalan mempertinggikan kalimah Allah dan mendirikan satu masyarakat Islam. Adapun tujuannya pula ialah mendirikan sebuah masyarakat Islam dan mewujudkan sebuah negara Islam yang sihat.

Peringkat atau tahap perjuangan yang telah dilalui mereka setakat yang kita tahu sebagai langkah yang pertama di permulaan Islam hanyalah berdakwah secara rahsia dan sanggup menghadapi dugaan dan pancaroba. Selepas itu baru diizinkan perjuangan dan peperangan setakat untuk mempertahankan diri. Peringkat ini bermula bersama-sama bermulanya hijrah atau perpindahan ke Madinah.

Kemudian barulah diizinkan supaya mengangkat senjata ke muka penghalang dan petualang yang cuba menyekat dan mengganggu pembinaan masyarakat Islam, tidak ada kompromi atau pemilihan untuk atheis, penyembah berhala dan musyrikin (selain dari Islam) kerana tidak wujud titik persefahaman dengan mereka untuk hidup bersama di dalam masyarakat Islam yang sihat. Mengenai ahli-kitab pula mereka ini bolehlah tunduk dan patuh kepada masyarakat Islam dan tinggal bersama di dalam negara Islam tetapi mereka mesti membayar kepada negara, cukai jaminan al-jizyah di mana orang Islam membayar zakat.

Di peringkat terakhir, perintah berjihad pun diwajibkan di dalam Islam, yang merupakan tanggungjawab dan kewajiban ke atas tiap muslim di setiap masa sekiranya mereka mempunyai kekuatan kebendaan yang cukup; sebagai penegasan daripada Allah yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُمْ مِنَ الْكُفَّارِ وَلِيَجِدُوا فِيكُمْ غِلْظَةً وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ (123)

Yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, perangilah orang-orang kafir yang di sekitar kamu itu, hendaklah mereka menemui kekerasan daripada kamu dan ketahuilah bahawasanya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.”

(Surah Al-Taubah : 9: 123)

Dan sabda Rasulullah:

امرت ان اقاتل الناس حتى يشهدان لا اله الا الله
ويؤمنوا بي وبما جئت به. فان فعلوا ذلك عصموا مني دماءهم
واموالهم الا بالحق وحسابهم على الله.

Yang bermaksud:

Fiqh Al-Sirah 1

“Aku diperintahkan supaya memerangi manusia (kafir) sehingga mereka mengucap dan mengaku tidak ada Tuhan melainkan Allah, maka siapa yang mengucap La Ilaha Illallah maka selamatlah harta dan jiwanya”

(Hadis dipersetujui ramai)

Di sini fahamlah kita bahawa tidak ada erti dikategorikan Al Jihad itu kepada defensif atau ofensif, lantaran perintah dan suruhan Al Jihad itu bukan untuk defensif semata-mata untuk mempertahankan sahaja atau agresif semata—mata yang menyerang sahaja, tetapi isipadu suruhan tersebut ialah mendirikan masyarakat Islam disertakan dengan segala peraturan dan konsep-konsep Islam, tidak perlu dan tidak bererti disebut yang ini defensif dan yang itu ofensif.

Tentang peperangan membela diri, harta, kehormatan, tanah dan jiwa pula adalah sejenis peperangan yang tidak kena mengena dengan Al Jihad yang diertikan di dalam fiqh Islam itu. Peperangan ini dikenal sebagai ‘pertarungan’. Para fuqaha’ sendiri telah mengemukakan soal pertarungan membela diri dalam satu fasal yang berasingan di dalam kitab feqah.

Demikianlah ringkasan erti Al Jihad dan tujuannya di dalam syari’at Islam.

Tentang kesilapan, kekeliruan dan anasir-anasir yang boleh merosakkan ini sengaja diseludup masuk ke dalam pengertian Al Jihad. Kesemuanya ini boleh disimpulkan ke dalam dua teori yang direka-rekanya, yang begitu kontra di antara satu sama lain tetapi pada hakikatnya adalah untuk mencapai tujuan yang satu, iaitu menghapus dan membasmi ‘suruhan Al Jihad’.

Pendapat atau teori yang pertama melaungkan yang Islam telah berkembang dengan mata pedang Nabi Muhammad SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam dan para sahabatnya RadhiyaLlahu’anhum Ajma’in telah membuat tekanan dan paksaan, pembukaan negeri-negeri baru adalah dengan kekerasan, paksaan dan kezaliman dan bukanlah secara diplomatis.

Pendapat yang kedua pula mencanangkan bahawa Islam ini ialah satu-satunya agama muhibbah, bertolak ansur dan tidak menyuruh berjihad, kalau terdapat pun alakadar menentang serangan luar sahaja, penganutnya tidak akan berperang kecuali kalau terpaksa sangat iaitu kalau diserang dahulu.

Meskipun dua pendapat yang dilaungkan ini ternampak begitu kontra antara satu sama lain, namun begitu, hakikat sebenar, ialah kedua-duanya menyampaikan kepada tujuan yang sama. Untuk penjelasan selanjutnya sila perhatikan:

Pertama mereka mencanangkan dakwaan yang Islam itu satu agama savage, bengis, keras dan hasad. Akhirnya dakwaan mereka ini mendapat tentangan dan reaksi yang hebat dan keras dan umat Islam yang memprotes dakwaan ini.

Di dalam usaha mencari bukti dan jawapan terhadap dakwaan palsu tadi tiba-tiba segolongan pengelir cuba mengabui mata umum, muncul ke hadapan secara olok-olok mempertahankan Islam dan hasil kajian ilmiyyah dan research mereka yang kononnya objektif. Mereka cuba membela dan menarik balik tuduhan yang melulu ini, kata mereka: “Islam bukanlah seperti yang disuarakan oleh mereka yang ianya berkembang dengan mata pedang dan kekerasan, tetapi sebaliknya agama Islam ialah suatu agama muhibbah, cintakan keamanan, bertolak ansur dan tidak disuruh berperang kecuali sekadar menahan pencerobohan dari luar saja, langsung tidak berjihad selagi masih terdapat jalan-jalan perdamaian.

Penganut-penganut Islam yang cetek iman dan dangkal fahaman kelislamannya, dengan serta merta tepuk memberi sokongan hangat kepada laungan tadi, selepas mereka terluap luap marah dengan tuduhan yang pertama. Bukan setakat itu saja malah laungan ini telah disambut dan dicanangkan pula oleh mereka, disokong dengan alasan-alasan yang menguatkan pendapat itu “... agama Islam: agama lemah lembut, bertolak ansur, muhibbah tidak berjuang kecuali kalau terpaksa iaitu kalau diserang dan dicerobohi kehormatannya atau diganggu tidurnya.”

Mereka ini tidak dapat memahami tujuan maksud yang tersirat di sebalik ucapan pujian oleh golongan yang ingin memukul Islam. Justeru inilah titik pertemuan di antara dua teori dan pendapat yang pada lahirnya dulu bercanggah dan bertentangan antara satu sama lain tetapi pada hakikatnya mereka adalah satu.

Fiqh Al-Sirah 1

Tujuan mereka menghulurkan berbagai pendapat dan jalan yang sudah dikaji ini ialah supaya pada hujungnya mereka berhasil membenters idea Al jihad dan fikiran umat Islam serta memupuskan roh kemaraan dan cita-cita perjuangan dan dada kaum Muslimin.

Di sini kita cuba memperturunkan bukti-bukti mengenai perkara tersebut dan seorang saudara kita Professor Dok Wahbi Al-Zihaili yang telah disajikan di dalam bukunya “Kesan-kesan peperangan di dalam feqah Islam” yang dipetik dari seorang orientalis Inggeris ‘Anderson’ yang berbunyi:

“Ada orang-orang Barat terutamanya Inggeris takut akan Al Jihad ini timbul dan hidup di kalangan umat Islam, yang akan membawa mereka bersatu menghadapi musuh dan seteru-seteru mereka. Oleh yang demikian mereka berusaha menabur kan pendapat pemansuhan ‘Aljihad’. Memang tepat sekali apa yang telah disifatkan Allah tentang mereka yang tak beriman ini:

وَيَقُولُ الَّذِينَ آمَنُوا لَوْلَا نُزِّلَتْ سُورَةٌ فَإِذَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ مُحْكَمَةٌ وَذِكْرٌ فِيهَا الْقِتَالِ رَأَيْتَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ يَنْظُرُونَ
إِلَيْكَ نَظَرَ الْمَغْشِيِّ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ فَأُولَى لَهُمْ (20)

Yang bermaksud:

“Maka apabila diturunkan suatu surah yang jelas maksudnya dan disebutkan di dalamnya (perintah) perang, kamu lihat orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya memandang kamu seperti pandangan orang pengsan kerana takut mati.”

(Surah Muhammad 47: 20)

Saya telah bertemu dengan orientalis Inggeris, Anderson sendiri pada petang hari Jumaat 1960 tanggal 3 haribulan Jun. Saya terus bertanya pendapat beliau mengenai maudhuk ini beliau menjawab yang berupa nasihat katanya: Al Jihad hari ini tidak wajib lagi kerana mengikut kaedah yang berbunyi:

“HUKUM AKAN BERUBAH KERANA BERUBAHNYA MASA”

“Aljihad ini mengikut pendapatnya sudah tidak sesuai lagi dengan kedudukan dunia antarabangsa hari ini kerana umat Islam sendiri terikat dengan pertubuhan-pertubuhan dunia dan perjanjian antarabangsa, dan oleh kerana Al Jihad itu merupakan suatu jalan menekan manusia supaya memeluk agama Islam lebih-lebih lagi kebebasan dan taraf pemikiran sudah meningkat menyebabkan ia tidak dapat menerima pendapat atau ideologi secara paksaan” (Dipetik dan Kitab Aharu’l Fi’l Fiqh Al—Islami).

Berbalik kepada tajuk asal, mengenai perjanjian Al ‘Aqabah yang kedua: memang ada sesuatu yang dikehendaki Allah hingga berita perjanjian ini sampai ke pengetahuan musyrikin Makkah. Begitu juga tentang persetujuan yang dicapai antara Nabi Muhammad dan penduduk Madinah.

Mungkin sebagai hikmat Ilahi, ialah menyediakan alasan atau sebab-musabab untuk berhijrah, kita dapati berita ini suatu paluan hebat dan kesan yang begitu mendalam yang dapat dilihat dan usaha-usaha kafir Quraisy mengganggu dan akhirnya merancang untuk membunuh Baginda.

Walau bagaimanapun perjanjian Al ‘Aqabah yang kedua ini merupakan pendahuluan kepada perpindahan dan hijrah ‘alaihissalatu wasallam ke Madinah Al Munawwarah.

KEIZINAN RASULULLAH KEPADA SAHABATNYA UNTUK BERHIJRAH KE MADINAH

Ibnu Sa’d di dalam kitabnya ‘Al-Tabaqat Al Kubra’ menceritakan apa yang telah diriwayatkan oleh ‘Aisyah RadhiyaL lahu ‘anha: “Setelah bilangan pengikut-pengikut Rasulullah meningkat tujuh puluh orang, baginda terasa tenang dan lega hati, yang dijadikan Tuhan sebagai benteng kepadanya. Mereka ini adalah satu kaum yang berkeahlian di dalam peperangan, persenjataan dan pertolongan. Di samping tekanan dan penyiksaan makin menjadi-jadi ke atas orang Islam kerana orang’ Musyrikin tahu tentang perhubungan mereka dengan puak Khazraj, mereka melipat-gandakan penyiksaan ke atas sahabat nya, siksaan lebih kejam dari yang dahulu, pernah maki hamun, celaan dan berbagai tindakan yang tidak boleh dihitng lagi. Akhirnya mereka pun mengadu hal nasib dan perasaan yang mereka tanggung kepada Rasulullah sambil meminta izin untuk berhijrah, jawab Rasulullah: “Sesungguhnya aku telah pun diberitahu akan tempat perpindahan (hijrah) kamu, iaitu ‘Yathrib’. Siapa sahaja yang ingin berpindah bolehlah berpindah ke sana.”

Fiqh Al-Sirah 1

Kemudiannya mereka pun bersiap-siap dan mengemaskan barang—barang masing-masing serta tolong menolong sesama sendiri, akhirnya mereka pun perlahan—lahan keluar secara sembunyi-sembunyi. Orang yang pertama keluar ialah Abu Salamah bin ‘Abdil Asad, diikuti oleh ‘Amir bin Rabi’ah dan isterinya, Laila binti Abi Hasymah. Inilah kumpulan yang pertama tiba di Madinah. Lepas itu berturut—turutlah para sahabat sekalian sampai di Madinah, kesemua mereka ini tumpang tinggal bersama—sama sahabat—sahabat dan golongan Al—Ansar. Pihak Ansar telah memberikan segala bentuk pertolongan, kemudahan, dan layanan yang baik kepada saudara-saudara mereka dan golongan Muhajirin.

Para sahabat Rasulullah sekalian berhijrah bersembunyi sembunyian kecuali ‘Umar bin Al-Khattab Radhiyallahu ‘anhu seorang yang keluar secara terang-terangan. Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib Radhiyallahu ‘anhu menceritakan tentang Sayyidina ‘Umar ketika hendak keluar hijrah; beliau membawa pedang, panah dan anak-anak panah dan tongkatnya, berjalan menuju ke Ka’bah di mana puak Quraisy berada di tengah-tengah halamannya. Dengan megah dan berani beliau mengelilingi Baitul Haram tujuh kali dan bersembahyang, di maqam Ibrahim sesudah itu beliau berdiri sambil melaung: “Durjanalah sekalian muka. Inilah muka-muka yang akan dikalahkan Tuhan nanti. Sesiapa yang ingin ibunya keseorangan, atau hendak meyatamkan anaknya atau hendak menjandakan isterinya silalah bertemu dengan aku di belakang lereng bukit itu.”

“Tidak ada sesiapa pun yang berani bertemu hanya orang-orang yang lemah dan tua-tua sahaja yang telah dibentahu dan berjanji dengan beliau, Sayyidina ‘Umar pun pergi sekehendaknya tanpa diganggu,” tambah Sayyidina ‘Ali.

Kemudian orang Islam yang lain pun ikut berhijrah ke Madinah, yang tinggal di Makkah hanyalah Rasulullah, Abu Bakar dan Sayyidina ‘Ali atau mereka-mereka yang diseksa dalam kurungan atau yang sakit yang tidak berdaya untuk keluar.

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Dugaan yang dihadapi oleh kaum Muslimin iaitu para sahabat Rasulullah di Makkah ialah penyiksaan, hamun dan cela yang dilemparkan oleh kaum Musyrikin. Dan bila mereka diberi keizinan berhijrah maka satu dugaan yang lain pula melanda mereka iaitu dugaan meninggalkan tanah air, harta benda, rumah tangga dan alat-alat kelengkapan masing-masing.

Sesungguhnya mereka ini benar-benar jujur kepada agama dan setia kepada Tuhan mereka di hadapan dugaan pertama dan kedua yang disebut tadi. Mereka ini menghadapi dugaan dan pancaroba dengan penuh kesabaran yang waja dan tekad keazaman yang penuh. Sehingga apabila Rasulullah memberi isyarat keizinan untuk berhijrah ke Madinah barulah mereka bergerak ke sana membelakangkan dan meninggalkan tanah tumpah darah, juga harta kekayaan mereka. Itupun mereka terpaksa keluar secara sulit dan bersembunyian. Cara ini tidak boleh dilakukan kecuali setelah meninggalkan segala peralatan dan barang-barang kemas. Mereka tinggalkan segala-galanya ini semata-mata untuk menyelamatkan agama. Di Madinah sana sudah ada orang yang akan mengganti segala apa yang ditinggalkan di Makkah. Golongan Ansar menunggu-nunggu ketibaan mereka, untuk memberi segala pertolongan dan segala kemudahan bagi memulakan penghidupan baru di Madinah.

Inilah sebuah contoh unggul Muslim sejati yang begitu jujur terhadap agamanya. Bagi mereka tanah tumpah darah dan harta kekayaan tidak mempunyai apa—apa erti asalkan dapat menyelamatkan agama yang dianutinya.

Inilah perihal keimanan, sikap dan kesetiaan para sahabat Rasulullah dan Makkah.

Adapun cerita orang-orang Madinah lain pula, mereka dengan penuh ikhlas telah menyambut kedatangan Muhajirin Makkah ke rumah masing-masing, memberi layanan dan pertolongan yang sewajibnya. Pendek kata merekalah manusia pertama yang telah memberi tauladan dan contoh yang unggul ke arah persaudaraan ukhuwwah Islamiyyah yang menyeluruh dan saling cinta mencintai kerana Allah ‘Azza wajjallah semata—mata.

Bukankah engkau lebih mengetahui yang Allah menjadikan persaudaraan dalam Islam itu lebih kuat dan erat daripada ikatan keturunan darah. Oleh yang demikianlah maka perwarisan harta benda di permulaan Islam dahulu berasaskan pertalian agama dan persaudaraan atau berhijrah kerananya. sekalian

Fiqh Al-Sirah 1

sampai di Madinah, kesemua mereka ini tumpang tinggal bersama—sama sahabat—sahabat dan golongan Al—Ansar. Pihak Ansar telah memberikan segala bentuk pertolongan, kemudahan, dan layanan yang baik kepada saudara-saudara mereka dan golongan Muhajirin.

Kanun perwarisan harta ini tidak diubah kepada sistem ikatan keturunan darah kecuali setelah mana agama Islam lengkap iaitu semasa di Madinah dan umat Islam pun mempunyai negaranya sendiri yang kuat dan teguh.

Firman Tuhan:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آوَا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِّنْ وَلَايَتِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَاقٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (72)

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya mereka-mereka yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan nyawanya pada jalan Allah dan mereka-mereka yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin) mereka itu satu sama lain lindung-melindungi. Dan terhadap mereka-mereka yang beriman tetapi belum berhijrah maka tidak ada kewajiban sedikit pun atas kamu melindungi mereka, sebelum mereka berhijrah.”

(Surah Al-Anfal: 8 : 72)

Dan perintah berhijrah ini bolehlah kita memetik dua hukum:

(Pertama): Wajib berpindah dan berhijrah dari negara kafir ke negara Islam. Al-Qurtubi telah meriwayatkan dan Ibnu Al ‘Arabi katanya: “Berhijrah di zaman Rasulullah adalah wajib dan fardhu — ianya tetap akan kekal ‘wajib’ hingga ke hari Kiamat — yang putus atau dimansuhkan kerana pembukaan Makkah, itu semata—mata untuk Nabi sahaja. Kalau seseorang itu tinggal menetap di negara kafir maka dianggap durhaka — Tafsir Al- Qurtubi.

Begitu juga tempat-tempat lain dianggap sama ta’rifnya dengan negara kafir, andaikata orang Islam tidak dapat mempraktikkan suruhan agamanya seperti sembahyang, puasa, sembahyang berjama’ah, mengazan dan sebagainya demi suruhan yang lain.

Dalil yang menunjukkan sedemikian ialah firman Tuhan yang berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّاهُمُ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةً فَتُهَاجِرُوا فِيهَا فَأُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا (97) إِلَّا الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانَ لَا يَسْتَطِيعُونَ حِيلَةً وَلَا يَهْتَدُونَ سَبِيلًا (98)

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya mereka-mereka yang diwafatkan Malaikat dalam keadaan menganiaya diri sendiri, (kepada mereka) Malaikat bertanya: “Dalam keadaan bagaimana kamu ini?” Mereka menjawab: “Adalah kami orang-orang yang tertindas di negeri Makkah.” Para Malaikat berkata: “Bukankah bumi Allah itu luas, sehingga kamu dapat berhijrah di bumi itu?” Mereka itu tempatnya ialah Jahannam dan Jahannam itu seburuk-buruk tempat kembali. Kecuali mereka yang tertindas lelaki atau wanita atau kanak—kanak yang tidak mampu, berdaya upaya dan tidak rnengetahui jalan (untuk hijrah)”.

(Surah Al-Nisa’ 4 : 97 — 98)

(Kedua): Selagi terdaya maka wajibliah umat Islam memberikan pertolongan sesama Islam walaupun berlainan tempat tinggal dan negara. Para ‘ulama dan a’immah (Imam) Islam seluruhnya sepakat menegaskan, sekiranya berlaku masalah untuk membebaskan tawanan atau memberi pertolongan kepada yang lemah yang teraniaya daripada orang-orang Islam tetapi masalah ini telah diabaikan dan ditinggalkan begitu sahaja maka sekalian Muslimin telah melakukan angkara murka dan dosa besar.

Fiqh Al-Sirah 1

Abu Bakar bin Al—'Arabi berkata: Sekiranya ada di antara kaum Muslimin ditawan atau pun lemah maka wajib dihulurkan tangan pertolongan untuk membebaskan mereka, wajib dikorbankan habis—habisan, kita mesti tampil keluar menyatukan suara dan mengembelingkan tenaga sekiranya bilangan cukup atau pun membelanjakan harta kekayaan demi membebaskan mereka, biar jangan tertinggal sesen pun di dalam kocek.

Seperti yang dikatakan bahawa kaum Muslimin wajib tolong menolong antara satu sama lain demi kepentingan bersama, dan sebaliknya tidak harus bertolongan atau bermuhibbah dengan bukan Islam. Ini ialah apa yang ditegaskan oleh Allah dAlam kitabNya:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِئْتَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ (73)

Yang bermaksud:

“Sekali lagi Ibnu Al-'Arabi menegaskan: Allah memutus dan melarang persaudaraan antara kafir dengan Mu'min, sebagai gantinya ialah persaudaraan sesama Islam dan pihak kafir pula bersaudara sesama mereka, tolong-menolong demi kepentingan agama dan kepercayaan mereka sendiri.”

(Surah Al-Anfal 8: 73)

Tidak syak lagi di dalam usaha melaksanakan ajaran Ilahi, ukhuwwah dan bantu-membantu merupakan asas pertolongan dan kemenangan umat Islam setiap masa, sebaliknya kecuaiian pada menjalankan perintah Allah, inilah punca kemerosotan umat Islam dan perpecahannya yang boleh dikoyak-koyakkan oleh seterunya (musuh Islam) di mana-mana sahaja.

Adapun orang-orang yang kafir sebahagian mereka menjadi pelindung bagi sebahagian yang lain. Jika kamu (orang Muslimin) tidak melaksanakan apa yang tidak diperintahkan Allah itu nescaya akan terjadi kekacauan di muka bumi dan kerosakan yang besar.

HIJRAH RASULULLAH (SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM)

Mengikut apa yang terdapat di dalam kumpulan hadith sahih yang diriwayatkan oleh 'ulama' Sirah Rasulullah, Abu Bakar RadiyaLlahu 'anh telah datang menemui Rasulullah meminta izin hendak berhijrah, setelah mana beliau dapati ramai orang Muslimin telah berturut-turut hijrah ke Madinah, jawab Rasulullah: “Bersabarlah dahulu, sebenarnya aku menanti-nanti hingga datang keizinan dari Allah dahulu.” Tanya Abu Bakar “Apakah memang begitu yang tuan hamba nanti-nantikan?” “Ya, memang begitu,” jawab Rasulullah. Dengan itu Abu Bakar pun berhenti menyoal Rasulullah, dan beliau faham yang beliau kawan menemani Rasulullah nanti, dan untuk tujuan itu beliau menyediakan dua kenderaan, memberi makanan dan minuman yang secukupnya dalam masa empat bulan. (Lihat Hadith Bukhari juzu'4 muka surat 355).

Pihak Quraisy begitu berhati-hati dan mengikuti perkembangan-perkembangan yang terakhir ini, lebih-lebih lagi setelah mereka dapat pengikut-pengikut Rasulullah makin bertambah ramai. Paling menarik sekali ialah pengikut-pengikut itu bukan dan Quraisy dan bukan pula anak tempatan. Perkembangan ini menyebabkan mereka lebih berhati-hati serta timbul persoalan apakah Rasulullah akan keluar dari Makkah, kemudian membuat persiapan di sana untuk membuat pukulan yang hebat ke atas mereka di waktu yang munasabah.

Pihak Quraisy telah bertemu dan bermesyuarat di kelab mereka (iaitu di rumah Ubai bin Kilab), dan sebarang ketetapan yang disepakati akan dilaksanakan. Mereka membincangkan apakah langkah-langkah yang patut diambil terhadap Rasulullah. Pendapat dari kalangan terbanyak dari mereka bersetuju memilih dari setiap puak seorang pemuda yang tahan lasak bagi mewakili puaknya. Kemudian tiap seorang dari mereka diberi sebilah pedang yang tajam, lalu kesemuanya akan pergi ke rumah Rasulullah untuk membunuh baginda dengan satu tetakan, dengan harapan bahawa tindakan demikian menyebabkan

Fiqh Al-Sirah 1

keturunan ‘Abdul Manaf tidak sanggup menuntut bela kepada semua puak yang terlibat itu. Untuk tujuan itu mereka pun menetapkan suatu ketika yang tertentu tetap Jibrail ‘Alaihis salam telah mendahului mereka, menemui Rasulullah menceritakan pakatan jahat itu, sambil menyuruh Rasulullah berangkat untuk berhijrah dan melarang baginda tidur di tempatnya pada malam tersebut.

Di dalam Sahih Al Bukhari, Saiyidatina ‘Aisyah menceritakan: “Pada suatu masa ketika kami berada di rumah Abu Bakar di mana udara siang begitu membakar, tiba-tiba ada orang melaung Abu Bakar, katanya: “Hai, tengok itu Rasulullah dengan pakaian menyamar diri, selalunya baginda tidak pernah datang di waktu-waktu ini.” Abu Bakar berkata: “Demi Tuhan, kedatangan Rasulullah di waktu ini, adalah untuk sesuatu yang penting.” ‘Aisyah menambah kata lagi: “Bila sampai di hadapan rumah, baginda meminta izin, Abu Bakar pun mempersilakan Rasulullah masuk di mana baginda turut masuk ke dalam yang kemudian Rasulullah berkata: “Mari kita bercakap di luar,” jawab Abu Bakar, “Mereka di dalam ini semua keluarga Rasulullah belaka,” kemudian barulah Rasulullah menceritakan. Katanya, “Sekarang ini aku telah pun diizinkan untuk keluar berhijrah” “Bolehkah tuan hamba turut menemani tuan hamba,” tanya Abu Bakar, jawab Rasulullah, “Ya memang” Pinta Abu Bakar “Ambillah wahai Rasulullah salah seekor dari dua ini.” Kata Rasulullah “Dengan harga.”

Cerita ‘Aisyah lagi: “Kami pun sediakan segala persiapan secepat mungkin, begitu juga bekalan yang telah dimasukkan ke dalam luan (uncang). Di mana Asma’ binti Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anhuma telah mengoyak kainnya untuk mengikat mulut luan tadi, akhirnya dikenal dengan “Zatun Nitaqain” pemilik kain pinggang.

Lepas itu Rasulullah berkejar menemui Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib Radiyallahu ‘anhu, menyuruhnya tunggu di Makkah buat beberapa ketika selepas baginda berangkat hijrah, agar baginda dapat memulangkan kembali barang-barang dan amanah yang diamanahkan kepada baginda dahulu, kerana penduduk Makkah biasanya, kalau ada sesuatu yang hendak diamanahkan maka Rasulullah menjadi tempat demikian, kerana mereka tahu benar tentang kejujuran baginda dan beramanat.

Abu Bakar pula menyuruh anaknya ‘Abdullah mengintip apakah yang diperkatakan tentang mereka berdua oleh Quraisy di siang hari dan melapurkan segala-galanya itu kepada beliau di waktu senja. Begitu juga beliau telah menyuruh orang suruhannya ‘Amir bin Fuhairah membawa kambing ternakan ke tempat ternakan, dan bila petang di bawa berhampiran ke pintu gua untuk mereka mengambil susu, dan puterinya Asma’ dipinta supaya membawa makanan untuk mereka berdua kesana pada tiap petang.

Bila malam pun tiba maka berhimpunlah pemuda tahan lasak Quraisy melingkungi rumah Rasulullah untuk membuat perkiraan terakhir. Di dalam masa itu Rasulullah keluar dari rumahnya sambil memukau mereka semua hingga terlena. Sebelumnya baginda meminta Saiyyidina ‘Ali supaya tidur di tempat baginda dan baginda menenangkan Saiyyidina ‘Ali dengan mengatakan bahawa tidak ada suatu kecelakaan pun akan datang kepadanya.

Rasulullah SallaLlahu ‘alaihi Wasailam dan sahabatnya yang akrab itu Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anh bekejar ke gua “Thur” untuk melindungi diri buat beberapa hari. Mengikut pendapat yang terkuat bahawa peristiwa ini berlaku pada 2hb. Rabi’ul Awwal bersamaan 20hb. September 631 T.M. tiga belas tahun, selepas pengutusan baginda sebagai Rasul. Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anh mendahului Rasulullah ke gua Thur, meraba-raba dan merasa—rasa kalau—kalau ada binatang buas atau ular yang merbahaya, asalkan Rasulullah selamat. Mereka berada di dalam gua itu selama tiga hari. ‘Abdullah putera Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anhuma turut tidur bersama mereka, tetapi bila hampir siang dia beredar dari situ, pulang ke Makkah seolah-olah di kota Makkah, tugasnya membawa lapuran dan berita-berita dari Makkah dan Amir bin Fuhairah orang suruhan Abu Bakar membawa kambing ternakan melalui jalan-jalan yang dilalui ‘Abdullah supaya kumpulan kambing itu menghapuskan kesan tapak kaki ‘Abdullah ke pintu gua itu.

Pihak Musyrikin pula telah menyusun beberapa kumpulan untuk mencari Rasulullah setelah mereka mengetahui bahawa Rasulullah telah melarikan diri. Masing-masing mengesan jalan-jalan ke arah Madinah dan di mana sahaja yang mereka rasa ada Rasulullah bersembunyi. Akhirnya mereka sampai ke Gua Thur, di mana Rasulullah dan Abu Bakar mendengar dengan jelas langkah tapak kaki mereka, Abu

Fiqh Al-Sirah 1

Bakar merasa takut dan cemas sambil berkata: “Kalau mereka perhatikan dari bawah sudah pasti akan nampak kita berdua. Untuk menenangkan perasaan Abu Bakar, Rasulullah telah menjawab:

“Wahai Abu Bakar, apa katamu bahawa di samping yang berdua itu ada yang ketiga iaitu Allah! (Hadith ini dipersetujui ramai).

Allah telah memukau dan membuta seujur mata sekalian kaum musyrikin supaya tidak teringat mengalih pandangan ke gua itu dan tidak terlintas di kepala mereka persoalan mungkinkah wujud manusia bersembunyi di dalam gua itu.

Setelah tidak siapa lagi mencari mereka, barulah mereka keluar dengan dipandu oleh ‘Abdullah bin ‘Uraiqat seorang musyrikin yang telah diupah untuk menunjuk jalan rahsia dan tersembunyi dari mata ramai menuju ke Madinah setelah mereka memastikan yang Abdullah ini boleh dipercayai. Mereka pun menunggang kenderaan masing-masing melalui jalan tepi pantai mengikut panduan ‘Abdullah tadi.

Pihak Musyrikin telah mengumumkan satu tawaran bahawa siapa-siapa saja yang dapat menangkap Rasulullah dan Abu Bakar mereka akan menerima ganjaran (diah) untuk kedua—duanya.

Di suatu hari seorang lelaki telah datang menemui sekumpulan Bani Sudlij di suatu majlis perhimpunan dan di antara mereka “Suraqah bin Ja’syam” sambil melaung; “Aku telah melihat kenderaan di tepi pantai dan aku percaya mereka itu adalah Muhammad dan sahabatnya.” Di masa itu Suraqah percaya bahawa kenderaan itu ialah Muhammad dan sahabatnya tetapi dengan tujuan hendak melemahkan semangat orang lain kerana ia sendiri hendak memburu Muhammad dan sahabatnya agar ia mendapat ganjaran yang ditawarkan itu maka ia bertanya, “Betulkah yang awak lihat itu pulan sipulan; kalau begitu cepatlah beritahu pada orang-orang kita untuk mengesan mereka.” Lepas sebentar ia pun bangun dari situ dan terus memacu kudanya mengikut jejak Rasulullah dari belakang dengan tujuan hendak menangkap baginda dan sahabatnya; tetapi kudanya telah tersungkur, kemudian bangun sekali lagi memburu Rasulullah sehingga sampai dekat sekali dengan Rasulullah dan terdengar olehnya apa yang dibaca itu, di mana baginda tidak menoleh ke belakang sekali pun, tetapi Abu Bakar sebentar sebentar menoleh ke belakang. Sekali lagi kuda yang dipacu oleh Suraqah terbenam kedua kakinya ke dalam pasir sampai ke lutut dan setelah disebatnya kuat-kuat bangunlah sekali lagi kuda itu tetapi belum sempat terkeluar semua kakinya, Suraqah ternampak kepulan debu berterbangan di langit dari belakang mereka berdua seperti asap yang tebal. Dengan itu barulah ia tahu, itulah benteng keselamatan Rasulullah, maka perasaan takut mula terasa, lantas ia melaung dari belakang meminta pertolongan dan perlindungan.

Rasulullah dan sahabatnya yang lain pun berhenti dengan demikian barulah Suraqah dapat menghampiri mereka. Dengan segera ia meminta ma’af dan ampun diikuti dengan tawaran untuk memberi bekalannya kepada mereka. Jawab mereka berdua, “Kami tidak perlu itu, hanya satu sahaja, rahsiakan perjalanan kami.” Jawab Suraqah; “maka sangguplah aku untuk itu.”

Dengan itu Suraqah pun pulang ke Makkah sambil berusaha mengelirukan pandangan ramai mengenai Rasulullah dan sahabatnya. Demikianlah ceritanya. Di sebelah paginya ia begitu gigih berusaha memburu dan ingin membunuh Rasulullah, setelah petang ia pulang dengan hasrat ingin melindungi dan menyelamatkan baginda dan sahabatnya.

Ketibaan Rasulullah telah disambut baik dan meriah sekali. Buat sementara waktu baginda telah singgah di rumah Kaithum Bin Hudm di mana Sayyidina ‘Ali telah sempat bertemu dengannya setelah beres menyelenggarakan segala amanah yang diperamanahkan kepada kepada Rasulullah di suatu masa dahulu. Di Quba’ ini Rasulullah telah mengasaskan sebuah masjid, masjid inilah yang pertama dibina di bumi ‘Arab. Tuhan telah menggambarkan di dalam Al-Qur’an: MaksudNya;

“Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar taqwa (masjid Quba’) sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya.”

Rasulullah menyambung semula perjalanannya ke Madinah. Mengikut keterangan yang disebutkan oleh Al Mas’udi di dalam kitabnya Muruzu al-Zahab katanya: “Rasulullah mula menjejak tanah Madinah pada dua belas haribulan Rabi’ul Awwal. Sekeliam orang Ansar mengerumuni baginda memegang-megang tali kenderaan baginda, di mana tiap orang mempelawa dan mempersilakan Rasulullah ke rumah masing-masing, tetapi Rasulullah menjawab kepada mereka, “Biarkan saja binatang

Fiqh Al-Sirah 1

ini, dia mengikut perintah.” Binatang kenderaan Rasulullah tadi berjalan terus di jalan-jalan dan lorong-lorong Madinah hinggalah sampai ke suatu tapak pengering buah tamar yang dimiliki oleh dua orang anak yatim Barn Al-Najjar berhadapan dengan rumah Abu Ayyub Al Ansari. Rasulullah pun berkata: “Insya Allah di sinilah saya akan singgah.” Dengati serta-merta Abu Ayyub pun menjemput dan memper silakan Rasulullah ke rumahnya. Ibnu Hisham menceritakan; “Sekumpulan kaum wanita (orang suruhan) Bani Al-Najjar telah keluar beramai-ramai menyambut ketibaan Rasulullah dengan nyanyian nasyid. Rasulullah bertanya kepada mereka; “Apakah kamu kasihkan daku?” Jawab mereka, “Ya. Sambung Rasulullah; “Hanya Allah yang mengetahui hati sanubariku, yang aku kasihkan kamu sekalian.”

PERSPEKTIF MENGENAI PERSINGGAHAN RASULULLAH DI RUMAH ABU AYYUB

Abu Bakar bin Abi Syaibah dan Ibnu Hisyam telah menceritakan apa yang telah diperihalkan oleh Abu Ayyub tentang hari-hari Rasulullah bersamanya; “Ketika Rasulullah menumpang bersama kami baginda telah memilih tingkat bawah, aku dan isteriku di tingkat atas. Sebelum itu aku telah meminta kepada Rasulullah; “Wahai Nabi Allah demi sesungguhnya kami merasa berat hendak tinggal di tingkat atas dan tuan hamba di sebelah bawah. Marilah kita tukar biarlah tuan hamba di atas dan hamba sekeluarga menetap di sebelah bawah.” Jawab Rasulullah; “Wahai Abu Ayyub, adalah lebih selesa bagi kami dan bagi orang yang menolong kami seandainya kami tinggal di tingkat bawah.”

Beliau menceritakan lagi; “Begitulah halnya kami anak beranak di atas dan Rasulullah sekeluarga di tingkat bawah. Entah macam mana di suatu hari, buyung air terpecah, dengan segera aku dan isteriku bangun mengambil sehelai kain kebetulan tidak ada yang lain lagi, untuk mengesat air yang tercurah ke lantai itu, kalau—kalau ada air yang mengalir ke bawah ke atas Rasulullah di tingkat bawah nanti, sesudah itu aku turun dan meminta juga supaya Rasulullah berpindah ke atas sehingga baginda pindah ke atas.

Katanya lagi; “Biasanya kami memasak makanan malam kemudian menghantarnya kepada Rasulullah, bila baginda menghantar balik setelah memakan sebahagian, kamipun menjemput makan makanan bekas dan kesan tangan baginda untuk mendapat berkat. Di suatu malam seperti biasa kami berikan kepada Rasulullah makanan malam antaranya ada yang tersaji dengan bawang dan bawang putih, Rasulullah memulangkan balik makanan itu dan kami tidak nampak kesan tangan baginda, dengan segera aku datang menemui baginda: “Wahai Rasulullah, demi sesungguhnya makanan yang tuan hamba pulangkan itu hamba lihat tidak ada tanda kesan tangan tuan hamba, sebenarnya begini tiap kali tuan memulangkan kembali makanan yang tidak habis itu, kami menjemput bekas-bekas jari tuan hamba, demi mengharapkan berkat semata—mata. Jawab Rasulullah, “Kerana aku dapati makanan itu berbau daun sebab aku ini selalu berkhawat dan bermunajah, tapi buat kamu semua makanlah tidak mengapa.” Jawab Abu Ayyub; “Kami pun makanlah makanan itu. Selepas itu kami tidak sajikan lagi bawang dan bawang putih ke dalam makanan untuk baginda.”

PENGAJARAN DAN RENUNGAN

Di muka-muka yang lepas telah kita bicarakan tentang erti hijrah dalam Islam, iaitu di dalam mauduk hijrah dan perpindahan orang Islam ke Habsyah. Ringkasnya lebih kurang begim: Tuhan telah meletakkan kesucian agama dan ‘aqidah itu lebih dari yang lain. Tidak ada erti bagi tanah, negara, harta kekayaan dan pangkat kebesaran sekiranya ‘aqidah dan syi’ar agama terancam, musnah dan disusui. Oleh yang demikian maka Allah mewajibkan ke atas setiap hambanya agar mengorbankan segala-galanya sekiranya keadaan memaksa demi kepentingan ‘aqidah dan Islam.

Telah kita tegaskan di sini juga, sesungguhnya memang menjadi sunnah Allah di bumi ini telah menjadikan kekuatan rohani yang ternukil di dalam ‘aqidah kepercayaan yang sihat dan agama yang benar itu sebagai pengawal kepada kekuatan maddi dan material. Suatu umat yang begitu tebal dan kaya dengan akhlak susilanya yang sihat, begitu teguh berpegang dengan ajaran agama di kala itu juga kekuatan materialnya. seperti negara, hartabenda dan pangkat akan kekal lebih utuh dan kukuh. Andaikata ia papa dan miskin dan segi akhlaq, tidak senonoh dalam kepercayaan ‘aqidahnya, maka kekuatan materialnya juga turut lemah dan tergugat. Telah kita tugaskan bahawa sejarahlah yang menjadi saksi utama tentang kebenaran perkara ini.

Fiqh Al-Sirah 1

Untuk demikian maka Allah ‘Azza wajallah telah mewajibkan dasar mengorbankan harta dan negara demi kepentingan ‘aqidah dan agama sekiranya keadaan memaksa. Dengan berbuat demikian akan terjamin keselamatan harta benda, negara dan jiwa, walaupun pada mulanya nampak merugikan segala-galanya.

Perpindahan Rasulullah sudah cukup untuk memberi satu bukti yang nyata tentang apa yang ditegaskan di atas. Secara kasar, tindakan meninggalkan negara itu bererti menghilangkan atau melenyapkannya. Pada hakikatnya, itulah sebenarnya bentuk pengorbanan dan pemeliharaan yang sejati. Boleh jadi pembelaan dan pengorbanan itu nampak seolah—olah peninggalan dan pembelakangan. Baginda telah pulang setelah berada di dalam buangan (hijrah) beberapa tahun ke bumi pertiwinya yang penduduknya pemah menghalau baginda dengan penuh kemegahan dan kekuatan tanpa diganggu oleh sesiapaupun. Sedangkan dahulunya semua orang menanti-nanti sahaja peluang baik untuk memusnahkan diri baginda. Tercapai segala-gala ini adalah hasil dan tertegaknya agama dan keagungannya.

Berbalik kita kepada cerita yang telah kita lukiskan tadi, kemudian cuba perhatikan dengan penuh hemat agar dapat kita ambil beberapa petanda penting untuk panduan kepada setiap Muslim:

(1) Yang paling nyata sekali dan kesan perpindahan baginda ‘Alaihis salatu Wasallam, ialah tentang tawaran dan pelawaan kepada Abu Bakar untuk menyertai bersama-sama baginda sebagai teman di dalam perjalanan yang mulia itu.

Para ‘ulama’ seluruhnya telah mengambil kesimpulan tentang betapa kasih dan sayangnya Rasulullah terhadap Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anhu. Beliau adalah sahabat yang paling akrab sekali. Oleh yang demikian maka beliau lebih utama memegang tampuk pemerintahan dan jawatan khalifah selepas baginda SallaLlahu ‘alaihi Wasallam wafat. Untuk menguatkan lagi hujah ini masih terdapat beberapa peristiwa lain yang antaranya ialah pemilihan yang dibuat oleh Rasulullah terhadap Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anhu buat menggantikan baginda menjadi imam sembahyang bersama orang ramai semasa baginda sakit. Di sana beliau enggan menyuruh orang lain. Begitu juga hadith yang bermaksud:—“Kalaulah hendakku jadikan teman kesayangan maka Abu Bakarlah teman kesayanganku”.

Dari mula lagi kita dapat melihat atau perhatikan di samping keistimewaan-keistimewaan yang mulia, yang telah dianugerahkan kepadanya oleh Allah Subhanahu Wata’ala, beliau juga contoh tauladan seorang sahabat setia dan jujur malah mengorbankan segala-gala apa yang termiik olehnya jiwa, raga dan seluruhnya demi perjuangan Rasulullah. Bukankah sudah kita perhatikan di mana beliau enggan melepaskan Rasulullah masuk dahulu ke dalam gua, sebaliknya beliau sendiri mendahuluinya bagi memastikan apakah terdapat binatang buas, ular yang bisa atau bahaya yang lain yang akan mengancam keselamatan Rasulullah. Biarlah beliau yang musnah asalkan Rasulullah selamat. Kita perhatikan lagi di mana beliau telah mengatur serta mengerahkan tenaga putera-puteri beliau, orang suruhan dan gembala kambingnya demi menggabungkan tenaga bakti dan pengorbanan untuk dicurahkan demi kepentingan Rasulullah dan melicinkan perjalanan yang mulia lagi jauh itu.

Demi sesungguhnya itulah kewajiban yang mesti ditauladani oleh setiap Muslim yang telah beriman dengan Allah dan RasulNya. Sebagai sokongan kepada tindakan Abu Bakar ini, Rasulullah telah bersabda yang bermaksud: “Tak beriman seseorang itu kecuali setelah aku ini (Rasulullah) lebih kasih kepadanya dan anak, ibu-bapanya dan manusia seluruhnya”. (Hadith yang dipersetujui ramai).

(2) Mungkin terlintas di sanubari kita untuk membuat perbandingan di antara hijrah ‘Umar bin Al Khattab RadiyaLlahu ‘anh dengan hijrah Rasulullah di mana akan timbul pertanyaan; “Kenapa Saiyyidina ‘Umar berhijrah secara terang terangan malah mencabar puak Quraisy dan Musyrikin pula tanpa takut dan gentar sesuatu pun, sedangkan Rasulullah pula keluar bersembunyian serta berjaga-jaga. Apakah Saiyyidina ‘Umar lebih berani dan lebih gagah dari Rasulullah?”

Sebagai jawapan, tindakan ‘Umar bin Al-Khattab dan orang Islam yang lain selain dari Rasulullah adalah tindakan perseorangan semata-mata, tidak boleh dijadikan hujah dan dalil dalam syari’ah tiap seorang bebas untuk memilih cara dan jalan untuk ia bertindak keselesaan jiwanya seimbang dengan keberanian dan keimanannya dengan Allah Subhanahu Wata’ala.

Fiqh Al-Sirah 1

Apa yang dilakukan oleh Rasulullah adalah suruhan dan perintah. Segala tindakan baginda berhubung dengan agama adalah syari'ah. Oleh yang demikian maka Sunnah dan Hadith Rasulullah iaitu cabangan dan ucapan, tindakan, perangai dan persetujuannya menjadi sumber kedua dalam syari'ah Islam. Andaikata Rasulullah telah bertindak seperti mana yang telah dilakukan oleh Sayyidina 'Uman, maka manusia melihat dan mengira inilah cara yang diwajibkan, tidak harus berjaga-jaga, berwaspada dan bersembunyi di kala bahaya; sedangkan Allah 'Azza Wajalla, telah menegakkan syari'atNya di dunia ini mengikut musababnya. Sebenarnya segala-galanya itu adalah Allah yang menyebabkan demikian.

Untuk demikian itulah maka Rasulullah telah menggunakan sebab-sebab dan cara—cara yang nyata, yang terdaya difikirkan oleh akal fikiran manusia di waktu-waktu seumpama ini agar tidak tertinggal suatu jalan pun tanpa dipergunakan, 'Ali bin Abi Talib RadiyaLlahu 'anh tinggal di tempat tidur serta menyelimut dengan kain selimut. Baginda juga mengambil salah satu orang Musyrikin setelah dipastikan kejujurannya untuk menunjukkan jalan-jalan yang tidak disangka oleh pihak seteru. Kemudian baginda tinggal bersembunyi di dalam gua selama tiga hari dan seterusnya. Segala apa sahaja yang dapat dipergunakan untuk keselamatannya yang terfikir oleh 'akal manusia, telah dipergunakan dengan tujuan menerangkan kepada manusia umum bahawa untuk beriman kepada Allah 'Azza Wajalla, tidak salah atau bertentangan untuk mengambil kesempatannya menggunakan alasan dan sebab-sebab yang wajar, yang memang merupakan iradat Tuhan menjadikan sebab—sebab dan upaya ikhtiar itu untuk manusia.

Berteduh dan berselindung di dalam gua bukanlah membuktikan yang baginda takut atau pengecut takut jatuh ke tangan Musyrikin sebelum sampai ke Madinah. Sebagai buktinya, bila saja helah-helah pengeliruan yang boleh dipergunakan sudah tidak ada lagi (iaitu dikatakan sebab—sebabnya tadi) dan orang—orang musyrikin merayau—rayau di keliling gua. Sekiranya mereka perhatikan dari bawah akan ternampaklah mereka berdua yang tersembunyi itu, di kala itu Abu Bakar terasa takut dan curiga maka di masa itu Rasulullah menegaskan pada Abu Bakar untuk menenangkan hati beliau dengan katanya: "Apakah perasaan tuan hamba bahawa Allah berada di samping kita berdua." Kalaulah benar-benar Rasulullah bergantung sepenuhnya kepada helah semata-mata sudah pasti akan terasa takut bilamana helah dan cara pengeliruan tadi sudah tiada lagi."

Dan sini dapatlah kita simpulkan bahawa menggunakan helah-helah dan kewaspadaan tadi adalah salah satu tugas yang disuruh oleh agama. Setelah helah-helah tadi sudah tidak ada atau tidak guna lagi maka hati dan jiwa kembali menyerah kepada Allah 'Azza Wajalla dengan penuh harapan dengan pembelaan dan taufiqnya. Segala peristiwa ini adalah untuk seluruh kaum Muslimin mengambil pengajaran bahawa untuk menggantungkan harapan di dalam segala urusan tidak harus diharap dan diarahkan kecuali kepada Allah 'Azza Wajalla sahaja dan perlu diingat bahawa tindakan ini tidak bertentangan dengan usaha menggunakan sebab musabab, usaha ikhtiar atau helah daya manusia yang dijadikan Allah di seluruh 'alam.

Di antara bukti yang nyata tentang apa yang kita katakan tadi ialah perasaan Rasulullah ketika Suraqah pemburu yang cuba membunuh baginda sudah begitu hampir maka di masa itu baginda akan terasa gentar dan takut kerana baginda semata—mata bergantung kepada helah semata-mata saja. Tetapi apa yang kita lihat Rasulullah tidak menoleh langsung ke belakang untuk melihat apakah pemburu itu sudah hampir atau masih jauh lagi. Apa yang dilakukan oleh Rasulullah di masa itu ialah membaca, berzikir dan memohon restu dan Tuhannya kerana baginda yakin, Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memerintahkannya berhijrah maka Allah jua yang melindunginya dari manusia durjana dan kejahatan mereka.

(3) Kelewatan Saiyyidina 'Ali di Makkah ialah untuk membereskan segala amanah yang telah diamanahkan orang-orang Makkah kepada baginda di masa sebelumnya. Ini menunjukkan suatu petanda yang terang tentang pertentangan yang ganjil di kalangan kaum musyrikin, dalam masa mereka menuduh Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam ini sebagai seorang penipu, pendusta, tukang tenung dan sebagainya. Mereka tidak berjumpa dengan seorang yang lebih amanah dan jujur dan Nabi Muhammad, harta dan barang—barang yang hendak ditinggalkan mereka amanahkan kepada Rasulullah...Inilah yang menunjukkan kekufuran ketidakpercayaan mereka dengan Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam bukanlah kerana sangsi dan syak wasangka mereka terhadap Muhammad SallaLlahu 'alaihi Wasallam,

Fiqh Al-Sirah 1

tetapi kerana bongkak serta takabbur dengan apa yang dibawa oleh Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam, juga kerana takut-takut akan hilang kuasa dan tangan mereka.

(4) Dapat kita perhatikan juga kesungguhan ‘Abdullah bin Abu Bakar RadiyaLlahu ‘anhuma melakukan segala apa yang diperlukan oleh Rasulullah. Antaranya berulang-alik antara Makkah dan gua tempat persembunyian, mengintip rahsia dari kalangan kaum musyrikin Makkah dan membawa kepengetahuan Rasulullah dan bapanya. Begitu juga kakaknya Asma’ RadiyaLlahu ‘anhuma yang bertungkus lumus menyediakan makanan dan kenderaan serta keperluannya. Semuanya ini memberikan kita suatu gambaran yang wajib dibeban oleh setiap Muslim lelaki maupun perempuan ke jalan Allah demi untuk melaksanakan seluruh prinsip Islam dan menegakkan sebuah masyarakat Islam sejati. Tidak memadai setakat untuk diri sendiri atau setakat beribadat sahaja. Malah mestilah dicurahkan segala daya dan tenaga yang terdapat dengan penuh kesungguhan ke arah kepentingan Islam. Itulah kelebihan dan keistimewaan setiap pemuda demi Islam dan Muslimin di setiap masa.

Demikianlah kalau kita perhatikan mereka yang bersama sebilangan besar adalah terdiri dari kasteria yang belum melewati batas usia keremajaan. Mereka ini tidak akan membuang masa dengan percuma tanpa suatu malah mereka menggunakan segala tenaga, daya dan usaha yang terdaya demi menegakkan Islam dan mendirikan masyarakatnya.

(5) Tentang apa yang terjadi ke atas Suraqah dan kudanya ketika memburu Rasulullah tidak harus dilihat begitu sahaja tanpa mengambil suatu pengajaran bahawa itulah mukjizat luar biasa kepada Rasulullah. Perkara ini dipersetujui oleh semua imam hadith tentang kebenaran dan sahihnya. Di antara mereka ialah Al-Bukhari dan Muslim. Mu’jizat ini adalah salah satu di antara kejadian mu’jizat yang pernah kita perkatakan dahulu.

(6) Di antara peristiwa mu’jizat yang telah temampak ialah ketika Rasulullah hendak keluar dari rumahnya yang telah dilindungi oleh Musyrikin yang bertujuan jahat, iaitu membunuh paduka Rasulullah tetapi gerombolan dan pemuda yang tahan lasak yang berniat jahat itu telah terlena sejourus yang kemudian disusuli dengan tempelak yang lain iaitu menabur tanah ke atas kepala mereka semasa Rasulullah keluar berlalu dan rumahnya itu sambil baginda membaca sepotong ayat Al Qur’an yang bermaksud: “Dan Kami adakan di hadapan mereka dinding dan Kami tutup (mata) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat.”

Peristiwa mu’jizat ini dianggap sebagai pengisytiharan Allah Ta’ala kepada seluruh kaum Musyrikin untuk setiap masa dan di mana mereka berada, bahawa segala macam penyiksaan dan gangguan yang sengaja dilakukan ke atas baginda kerana agama yang dibawanya itu, tidaklah bererti yang Allah Subhanahu Wata’ala telah membelakangkan atau meninggalkan baginda seseorang tanpa pertolongan. Bagi pihak Musyrikin dan kunci-kucunya mereka tidak harus bergelak ketawa dengan penyiksaan dan penganiayaan mereka itu kerana pertolongan Allah terlalu hampir dan pasti. Kemudahan Ilahi untuk memberi kejayaan itu akan terlaksana bila—bila masa sahaja.

(7) Sambutan yang meriah yang ditunjukkan oleh pihak Madinah mempamirkan kepada kita suatu gambaran betapa cintanya mereka kepada Rasulullah dan betapa geloranya perasaan kasih dan cinta orang Ansar penduduk Madinah lelaki mahu pun perempuan, tua mahupun muda, dewasa dan kanak-kanak terhadap Rasulullah; betapa hebat perasaan sayang mereka sehingga setiap hari mereka keluar beramai-ramai menanti-nanti ketibaan Rasulullah, dengan tidak menghiraukan panas bahang matahari yang membakar. Bila matahari membenamkan diri di ufuk barat dan siang menghilang diri baru mereka menyusur pulang dengan membawa harapan untuk bertemu baginda di esok hari. Setibanya Rasulullah dengan kuda baginda yang mula melangkah masuk ke pangkuan bumi Yathrib (Al-Madinah) maka hati-hati yang begitu lama diayak oleh gelombang perasaan dengan suara seirama dan senada mengumandangkan lagu-lagu dan qasidah menggambarkan keriangannya mereka dengan ketibaan Rasulullah, perasaan dan kejujuran mereka dibalas dengan perasaan dan kejujuran yang sama. Nabi Muhammad SallaLlahu ‘alaihi Wasallam dengan senyum bertanya kepada wanita-wanita Barn Al-Najar yang mengalunkan nasyid dan lagu-lagu menyambut kedatangan baginda: “Apakah kamu kasihkan daku? Demi Tuhan sesungguhnya hatiku kasihkan kamu sekalian.”

Fiqh Al-Sirah 1

Segala-galanya ini membuktikan kepada kita bahawa kasih Rasululiah bukanlah semata-mata mengikutinya, tetapi perasaan cinta itu ialah asas dan motif ke arab mengikut dan menta'ati segala suruhan yang lain. Andaikata tanpa perasaan cinta yang berakar-umbi dari dasar hati maka, tidak akan timbul keinginan untuk menjalankan suruhan yang lain.

Alangkah sesatnya segolongan yang menganggap apa yang dikatakan cintakan Rasulullah itu semata-mata mengikut dan berpandu dengan ajaran atau 'amalan baginda sahaja dengan tidak disertai suatu perasaan pun. Mereka sudah terlupa bahawa mengikut dan menta'ati yang sebenarnya tidak akan wujud tanpa didorong oleh suatu perasaan atau didesak oleh tekanan hati sanubari, tidak akan wujud keinginan untuk mengikut dan mematuhi suruhan tanpa cinta yang menggoncang seluruh perasaan. Oleh yang demikian maka Rasulullah telah memperkenalkan kepada kita sukatan atau ukuran keimanan dengan Allah itu ialah kasih dan cintanya itu mengatasi segala cinta, mengatasi cinta terhadap anak, ibubapa dan manusia lain. ini menunjukkan yang perasaan cintakan Rasulullah itu setaraf dan sejenis dengan perasaan cinta kepada anak atau ibubapa. Tegasnya dua perasaan cinta ini mengalir dari perasaan yang sama. Sekiranya tidak demikian maka tidak sahlah penegasan dan perbandingan di antara keduanya.

(8) Satu lagi gambaran yang kita dapat perhatikan ialah mengenai persinggahan Rasulullah di rumah Abu Ayyub Al Ansari. Peristiwa ini merupakan satu simbul lagi yang mendedahkan kepada kita betapa kasih dan cintanya para sahabat Rasulullah kepada baginda.

Apa yang perlu kita titik-beratkan di sini ialah Abu Ayyub dan isterinya yang telah mengambil berkat jari Rasulullah yang terdapat di makanan yang dikembalikan oleh Rasulullah kepada mereka. Kesimpulannya ialah mengambil berkat bekas-bekas Rasulullah itu adalah antara ajaran yang disuruh oleh syara' dan Islam.

Al Bukhari dan Muslim banyak sekali meriwayatkan kisah-kisah sahabat Rasulullah yang mengambil berkat dengan bekas-bekas yang telah digunakan oleh baginda untuk berubat, mendapat jagaan dan taufik dan sebagainya.

Antara kisah yang diriwayatkan oleh Al Bukhari di dalam bab pakaian di bawah tajuk "perihal uban", di mana Ummu Salamah isteri Rasulullah telah menyimpan beberapa helai rambut baginda di dalam botol atau sebagainya, sekiranya salah seorang kena sakit mata atau sakit, mereka akan dikirimkan sebekas air kepada Ummu Salamah yang kemudian beliau memasukkan helaian rambut tadi ke dalam air yang dikirim, kemudian mereka meminum air itu dengan harapan akan sembuh dan berkat.

Muslim pula telah membawa suatu riwayat di dalam satu bab di bawah judul "Keharuman peluh Rasulullah" selalunya baginda menziarahi rumah Ummu Salim dan sering berbaring serta tidur. Pada suatu hari Rasulullah masuk tidur ke tempat tidurnya, selepas itu Ummu Salim pun pulang, didapati badan Rasulullah berpeluh, lantas beliau mengambil sekeping kulit membiarkan peluh baginda meleleh ke atasnya, dan mengambil sesuatu dan peti simpanannya untuk mengesat peluh yang mengalir itu yang kemudian diperah masuk ke dalam botol. Bila Rasulullah tersedar dan tidur, baginda bertanya: "Apa yang kamu buat ini wahai Ibnu Salim? Jawabnya "Wahai Rasulullah aku mengharap untuk mendapat berkat untuk anak cucu kami". Jawab Rasulullah, "benar apa yang kamu lakukan."

Begitu juga perihal-perihal yang terdapat dalam kedua dua kitab hadith mengenai para sahabat yang sering mengambil baki air wudhu' (air sembahyang) baginda yang tidak habis untuk mendapat berkat. Begitu juga bekas-bekas lain seperti pakaian dan cawan minuman baginda.

Sekiranya inilah keadaan mereka yang selalu mengambil berkat dan merestui sesuatu dengan kesan—kesan dan bekas benda dan objek maddiyah maka bagaimana pula dengan mereka yang mengambil berkat dan restu dan martabah atau kedudukan baginda di sisi Allah? Dan bagaimana pula berkatnya jika baginda itu rahmat untuk sekalian 'alam?

Saya rasa memadai setakat ini untuk mengulas perihal peristiwa perpindahan (hijrah) Rasulullah di mana kita akan memperkatakan selepas ini perihal usaha-usaha mulia yang dilaksanakan oleh paduka Rasul demi masyarakat baru di Madinah Munawwarah.